

PATANI
DALAM
MTAMADUN**U**
MELAYU

PATANI DALAM TAMADUN MELAYU

MOHD. ZAMBERI A. MALEK

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1994

KK 306-6844 5101

Cetakan Pertama 1994
© Mohd. Zamberi A. Malek 1994

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Zamberi A. Malek

Patani dalam tamadun Melayu / Mohd. Zamberi A. Malek.

Bibliografi: hlm. 281-292

ISBN 983-62-4121-3

1. Malays - Thailand - Patani. 2. Patani (Kingdom) - History. 3. Patani (Kingdom) - Civilization.
4. Patani (Kingdom) - Social life and customs. I. Judul.
959.512

Diatur Huruf oleh Maamal Grafik

Muka Taip Teks: Korinna

Saiz Taip Teks: 11/13 poin

M

959.3

MZA

M 751825

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

RM16.00

25 JAN 1995
Perpustakaan Negara
Malaysia

*"Sarkau muda datang dari Makkah
Sekarang boleh Tuan Syeikh Aidrusi
Sebawa turun ke negeri Fathoni
Fakirul ala binnurul Qadri
Lahul Arsyi Alahaisallam."*

Syair karangan Tuan Syed Ahmad al-Idrus tentang keturunannya yang merupakan nenek moyang saya sendiri. Semoga Allah S.W.T. memelihara keluarga saya, baik yang masih hidup atau yang sudah meninggal dunia, di Malaysia, Patani, Makkah atau di mana sahaja.

*Noriah
Mohd. Fadzili
Noor Yuhaniz ...*

KANDUNGAN

<i>Pendahuluan</i>	ix
1. Kerajaan Melayu-Islam Patani	1
2. Patani Sebagai Lambang Kegemilangan Melayu	12
3. Hubungan Patani dengan Melayu Semenanjung dan Inggeris	56
4. Patani Sebagai Pusat Pengajian Islam Nusantara	91
5. Patani Sebagai Pusat Kebudayaan Melayu Semenanjung	129
6. Adat dan Kepercayaan Dalam Tamadun Melayu Patani	189
7. Melayu Patani dan Tamadun Masa Kini	235
<i>Bibliografi</i>	281
<i>Indeks</i>	293

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

1945-1946

PENDAHULUAN

PATANI sekali-sekala muncul dalam catatan ilmiah mahupun perbincangan yang berteraskan kajian sesuatu aspek kebudayaan, keislaman, warisan sejarah dan peradaban bangsa Melayu khususnya di Malaysia. Perka-taan Patani pula dirujuk pada keturunan suku bangsa dan bahasa. Nama tempatnya itu akan hilang dan muncul kembali memberi implikasi dalam pengkajian sar-jana Barat dan tempatan. Mereka menyorot ciri-ciri tamadun dan kebudayaan mengikut sudut antropologi budaya, sosial dan cabangnya sesuai dengan pemilihan kelompok penduduk di situ yang terbukti jalinan masa lampainya mencetuskan suatu peradaban yang tinggi. Tamadun dan kebudayaan Melayu Patani lebih berpe-ribadi dan keunggulan peribadinya itu tidak pula digugat oleh budaya Barat pada abad kebelakangan ini kerana Patani satu-satunya negeri Melayu yang tidak dijajah oleh Inggeris. Hingga ke hari ini nilai kehidupan masya-rakat peribumi Patani tetap kukuh dalam pembudayaan Melayu yang berlandaskan unsur pemikiran tamadun Islam.

Pengaruh tamadun awal pada zaman prasejarah, animisme, Hindu dan Buddha terlalu penting dan me-ninggalkan kesan dalam resam kehidupan masyarakat Melayu di Patani. Kesucian Islam dan kesedaran ter-hadapnya telah memusnahkan ciri kepercayaan itu

untuk menerima hakikat sebenarnya tentang kehidupan di dunia dan akhirat. Islam mengajak penganutnya mengharungi segala kegetiran dalam kehidupan yang lebih sempurna agar wujud suatu tamadun dalam sifat tabii manusia dalam mencapai peradabannya. Namun kesan yang mendalam ditinggalkan oleh amalan masa lalu menelurkan suatu kepercayaan yang saling memerlukan antara Melayu dengan Islam.

Buku ini dapat memberi gambaran sepintas lalu tahap pencapaian peradaban Melayu dan Islam menerusi rangkaian sejarah tamadun negeri Melayu Patani serta serba sedikit suasana politiknya masa kini akibat keserakahan tamadun itu sendiri. Diharapkan pada masa-masa akan datang tampil sarjana yang dapat memberi tumpuan pengkajian yang khusus terhadap kelompok keturunan Melayu di Patani. Secara tidak langsung kelahiran buku ini dapat memaparkan kejayaan yang pernah ditempuhi oleh keturunan Melayu Patani dalam sejarah kegemilangannya. Semoga tahap pencapaian itu dapat dibanggakan oleh generasi masa kini sebagai sumber untuk membina suatu kehidupan yang cemerlang.

Kepada keturunan Melayu Patani yang berada di serata Semenanjung khususnya tatapilah kegemilangan itu dan kepada peribumi Patani di wilayah-wilayah Islam selatan Thai, kenangilah kemegahan masa silam yang begitu gagah tamadunnya agar dapat menahan arus deras yang mencengkam dan melanda lantas mengharunginya. Kepada pembaca umum yang selama ini tidak mengetahui keturunan bangsa Melayu di seberang sempadan utara ciptaan penjajah, pecahkanlah kebuntuan itu untuk melihat sendiri bagaimana tamadun dan kebudayaan Melayu sejagat semakin tertekan. Untuk itu tegas S.M. Naguib Al-Attas, jangan hendaknya kita sanggup mengabaikan peradaban bangsa sendiri, mengeji yang lampau sebab terlihat buruk pada pandangan sekarang. Pandangan yang tidak mengenal kebenaran sejarah adalah pandangan yang singkat.

PENDAHULUAN

Akhir kata, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan-Nya dan di sebalik pelbagai kelemahan dan kekurangan saya dapat menyelesaikan penulisan buku ini. Sesungguhnya Allah itu Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

MOHD. ZAMBERI A. MALEK

KERAJAAN MELAYU-ISLAM PATANI

SEJARAH awal Patani jelas digalurkan hubungannya dengan kerajaan Melayu tua Langkasuka. Tome Pires yang menulis pada tahun 1512 M. di Melaka, menegaskan kewujudannya mungkin di sekitar tahun 1390-an. Ini berdasarkan nama Patani muncul sebagai armada laut bertindak menyerang Parameswara di Temasik kerana membunuh Tamagi, anakanda Puteri Patani dengan seorang raja Siam. Rajanya yang pertama beragama Islam, Sultan Ismail Syah¹ (1500-30 M.), adalah pengasas Kerajaan Melayu-Islam Patani. Sejak kemunculan awal negeri Patani dan sepanjang sejarahnya hinggalah sekarang ini, ia tidak sunyi dipenuhi kisah perjuangan dalam siri peperangan menentang Siam, musuh tradisi bangsa Melayu.

Sebagai sebuah negeri Melayu-Islam yang terletak berhampiran dengan negeri-negeri Melayu Ligor, Cahaya, Terang, Berdelung, dan Singgora yang telah di-

1 Sejarah Melayu menyebutnya sebagai Sultan Ahmad Syah, sementara Ibrahim Shukri pula menyebutnya sebagai Sultan Muhammad Syah. Lihat, Shellabear, W.G. 1967. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 327. Lihat juga Ibrahim Shukri 1958. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Pasir Putih, Kelantan. Terjemahannya, Bailey, C. dan Miksic, J.N. *History of the Malay Kingdom of Patani*. Southeast Asia Series No. 68. Athens: Ohio University Center for International Studies.

jajah oleh Siam, maka Patani tidak akan terlepas menerima tekanan dan pengaruh politik penjajahan Siam ini. Sumber Siam sendiri mendakwa bahawa Patani dan Kedah berada di bawah pengaruh Siam sejak zaman Sukhothai lagi. Tekanan ini sebenarnya berikutan adanya potensi sosioekonomi dan politik negeri-negeri Melayu Semenanjung yang sememangnya dikehendaki oleh Siam kerana kepentingan politiknya. Kerajaan Siam Ayuthia menerusi kuasanya di Ligor cuba mempengaruhi serta mengawal negeri-negeri Melayu Semenanjung, termasuk Patani sejak abad ke-16 lagi. Sungguhpun begitu Patani nampaknya sentiasa berusaha untuk membebaskan diri daripada ikatan tradisi yang mencengkam ini. Sikap ini bertambah jelas untuk menentang Siam yang diperhebatkan lagi oleh perbezaan agama, bahasa, adat resam, dan kebudayaan masing-masing. Tatkala Siam menghadapi kelemahan daripada ancaman musuhnya, Burma dan Annam, Patani lantas mengambil peluang mengubah dasar luarnya untuk membebaskan diri. Sultan Mudzaffar Syah (1530-64) yang memerintah Patani ketika itu cuba sebanyak dua kali untuk menakluk kota Ayuthia pada tahun 1563 tetapi menemui kegagalan.

Negara Melayu Islam ini walau bagaimanapun mencapai zaman kegemilangannya sewaktu pemerintahan raja-raja perempuan pada 1584-1624.² Patani ketika itu telah muncul sebagai pusat perniagaan terpenting di rantau ini dan menjadi pusat pertumbuhan kebudayaan Melayu yang unggul di Semenanjung, khususnya. Kedudukan geografi dan peranan pelabuhannya yang amat strategik itu menyebabkan ia menjadi tumpuan para pedagang Timur dan Barat. Tidak kurang pentingnya ialah faktor kestabilan politik dan pentadbiran dalam

2 Teeuw, A. dan Wyatt, D.K. 1970. *Hikayat Patani and The Story of Patani*. 2 Jil. Koninklijk Instituut Voo-Tal, Land-en Volkenkunde, 5 The Hague: Martinus Nijhoff, hlm. 13.

negeri pimpinan raja-raja perempuan di samping hasil mahsyulnya. Ini menjadikan kemajuan Patani dalam bidang perniagaan telah mendapat perhatian para pelawat asing termasuk Peter W. Floris, pengembara Inggeris yang pernah tinggal di Patani hampir setahun (1612–13). Beliau mencatatkan bahawa *Patani was trading with virtually the whole of Southeast Asia*.³ Begitu juga Alexander Hamilton yang mengunjungi Patani selepas itu menyatakan hal yang sama. Menurutnya *Patani was formerly the greatest port for trade in all those seas ...* L. Blusse, sarjana Belanda, telah mengesahkan kebenaran dakwaan kedua-dua pengembara Inggeris dan mendapati, *Patani was a gateway to Eastern Asia*.⁴

Kekuatan serta kemantapan ekonomi juga kestabilan politik telah menjadikan Patani ketika itu sebuah negara yang terkuat dan disegani oleh negara-negara jiran, termasuk Siam. Pengaruh politiknya tersebar luas ke selatan menguasai beberapa buah negeri di pantai timur termasuk Kelantan, Terengganu, Pahang, malah Johor-Riau. Kekuatan ini terbukti apabila Raja Ungu 1624–35 mengamalkan polisi luar anti-Siam bahkan telah memutuskan hubungan diplomatik Patani-Ayuthia. Gelaran kebesaran Siam *Phrao-Chao* yang diberi kepadanya juga ditolak. Raja perempuan Patani ini yang paling berani mengutuk raja Siam sebagai penjahat, pembunuh dan pengkhianat malah tidak berhak memakai mahkota kebesaran Siam kerana membunuh rajanya yang sebenar. Akibatnya seramai 60 000 orang tentera Siam gabungan Ayuthia, Ligor, Patalung, Tenassarim, dan Singgora dengan bantuan beberapa armada Belanda dan 40 buah kapal perang menyerang

3 Moreland, H., Floris, Peter, 1934. *His Voyage to the East Indies in the Globe*, 1611–15. Hakluyt Society Series II, Jil. 74, London.

4 Blusse, L., Inpo 1979. "Chinese Merchants in Patani, A Study of Early Dutch-Chinese Relation", dalam *IAHA 7th Conference Proceedings*, Bangkok, Thailand, hlm. 2

Patani. Orang Melayu Patani, dengan bantuan dari Pahang, Johor, serta Portugis dari Melaka telah berjaya mematahkan serangan ganas Siam yang meletus pada 11 Mei 1634. Kekalahan ini merupakan suatu tamparan, mewujudkan satu dendam tradisi yang berlarutan.

Walau bagaimanapun keagungan dan kekuatan orang Patani ini tidaklah berkekalan. Zaman akhir pemerintah Raja Kuning (1635–86) telah mula menampakkan kelemahan dan kemerosotan. Keadaan ini jelas apabila Raja Kuning iaitu raja perempuan terakhir daripada keturunan yang mengasaskan Kerajaan Melayu-Islam Patani, mengubah dasar dan cuba berbaik-baik dengan pihak Siam, dan akhirnya bersetuju menghantar bunga emas dan perak ke istana Ayuthia dan menerima kembali gelaran kebesaran Siam *Phrao-Chao*.

Ketiadaan pengganti yang terdekat menyebabkan keadaan politik Patani menjadi kucar-kacir semasa perlantikan raja Patani keturunan Kelantan. Raja Bahar dilantik menjadi raja Patani oleh ayahandanya Raja Sakti I Kelantan yang mendirikan negara Patani Besar, dari Patalung, Singgora, Patani, Kelantan, dan Terengganu.⁵ *Hikayat Patani* menceritakan:

*Pada zaman Marhum Kelantan (Raja Mas Kelantan) berke-
rajaan itulah segala orang besar-besar yang banyak berebut
menjadi bendahara. ...*⁶

Para pembesar negeri yang bergelar Datuk turut terlibat dalam kancah perebutan kuasa sehingga raja Patani dianggap sebagai boneka sahaja. Perebutan kuasa dan keadaan dalam negeri yang tidak stabil ini telah memberi peluang kepada kuasa luar untuk campur tangan. Peristiwa paling malang ialah pembunuhan Raja

5 Abdullah Mohammad (Nakula) 1981. *Keturunan Raja-raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah*. Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium, Negeri Kelantan, hlm. 22.

6 Teeuw, A. dan Wyatt, D.K. *op. cit.*, hlm. 72.

Patani Along Yunus pada tahun 1729,⁷ seorang raja yang berkebolehan memerintah serta begitu mengambil berat tentang agama Islam dan menjadikan Patani sebagai tumpuan para ulama. Pembunuhan ini juga telah mencetuskan perang saudara di Patani.

*Maka negeri Patani pun sangatlah huru-haranya dan segala rakyat pun banyak kesakitan dan adat tertib pun sudah tiada. ...*⁸

Kekacauan politik itu secara tidak langsung telah menjejaskan kemajuan ekonomi, saudagar-saudagar asing tidak lagi berminat untuk berniaga di Patani. Mereka mula memindahkan perniagaan ke tempat lain yang lebih selamat.

Pada ketika ini meletus pula siri peperangan Siam dengan musuh utamanya Burma. Selepas Phraya Taksin berjaya mengalahkan tentera Burma di Ayuthia pada tahun 1776, pihak Siam telah menumpukan sasarannya pada negeri-negeri utara Semenanjung seperti Kedah dan Patani yang didakwa berada di bawah naungannya dan kini cuba membebaskan diri. Walau bagaimanapun setelah Phraya Taksin digulingkan oleh Phraya Chakri, yang kemudian memakai gelaran Raja Rama I (1782–1809), maka Sultan Muhamad yang memerintah Patani enggan tunduk pada pertuanan Kerajaan Siam yang baru dan beribu kota Bangkok.⁹ Keengganan ini telah menggalakkan Raja Siam Rama I menghantar adindanya Raja Muda Putera Surasi menyerang Patani pada tahun 1785. Dalam keadaan yang serba kekurangan itu Patani

7 Abdullah Mohamad (Nakula) memberi tarikh pembunuhan ini tahun 1749, juga serba sedikit keterangan tentang pembunuhan yang dilakukan oleh Datuk Pujud Long Nuh, *op. cit.*, hlm. 26.

8 Teeuw, A. dan Wyatt, D.K. *op. cit.*

9 Wenk, K. 1968. *The Restoration of Thailand Under Rama I, 1783–1809*. Association for Asian Studies, Monographs and Papers No. 24, University of Arizona Press, hlm. 101.

tetap bersungguh-sungguh cuba mempertahankan diri selama beberapa bulan. Kekuatan pertahanannya musnah apabila seorang rakyat Patani keturunan Siam membocorkan rahsia pertahanan kepada pihak Siam.¹⁰ Akibatnya pada November 1786, Patani tewas di tangan keganasan tentera Siam yang menghukum rakyat jelata.

Berikutan kejatuhan Patani, Tengku Lamiddin telah dilantik oleh Siam menjadi raja Patani tetapi tidak lama. Tengku Lamiddin diberitakan cuba bersatu dengan Raja Annam Ong Chieng Su, lalu memberontak menyerang orang Siam di Tiba, Cenak dan terus menyerang Singgora, Patalung hingga Ligor. Kegagahan baginda berperang selama tiga tahun ini telah mencemaskan pihak Siam. Semangat perjuangannya telah dibantu oleh Syeikh Ahmad Kamal dari Makkah berpangkalan di Kedah yang turut direstui oleh Sultan Abdullah Kedah. Walau bagaimanapun Raja Patani Tengku Lamiddin gagal, kemudian pihak Siam atas cadangan Ligor telah melantik pula Datuk Pangkalan menjadi raja Patani. Pada tahun 1808 Datuk Pangkalan bangun memberontak tetapi dapat dipatahkan oleh bantuan Siam Singgora, Ligor, dan Bangkok.

Untuk melemahkan kekuatan orang Melayu Patani yang sering memberontak, pada tahun 1817 Kerajaan Melayu-Islam Patani telah dipecahkan menjadi tujuh buah negeri kecil,¹¹ Patani, Jalur, Nong Cik, Teluban,

10 Ibrahim Shukri, *op. cit.*, hlm. 91.

11 Tidak dapat dipastikan tarikh sebenar pemecahan Tujuh Buah Negeri Patani. Putera Damrung menyatakan berlaku tahun 1792, tetapi tarikh ini agak tidak tepat kerana Khuru Sapha 1963. *The Annals of Patani*. Bangkok, hlm. 9-15 mencatatkan sewaktu Thiang Chong menjadi Gabenor Songkhla (1812-17) bahawa Nong Chik, Reman, dan Legeh dipisahkan pada tahun 1809 tetapi dalam dokumen tahun 1813 sudah menyebut pertikaian antara Jering dengan Teluban. Jadi sekurang-kurangnya lima buah negeri telah dipecahkan pada sekitar tahun 1808-09 sehingga tahun 1813. Lihat nota kaki Skinner, C. 1983. 'Malay Mission to Bangkok During the Reign of Rama II. *JMBRAS*, Jil. 56, bgh. II, hlm. 135-40. Walau bagaimanapun nama Reman dan Legeh sudah pun

Jering, Reman, dan Legeh. Tiba dan Cenak ditadbirkan di bawah Singgora. Tindakan ini diambil kerana pihak Siam menyedari bahawa sungguhpun ia dapat menumpaskan pemberontakan orang Melayu Patani, namun terpaksa juga berhempas pulas menumpaskannya. Tanpa bantuan daripada mana-mana pihak di bawah naungannya tidak mungkin Siam dapat mematahkan pemberontakan Melayu Patani. Di negeri-negeri kecil ini kecuali Jering, pihak berkuasa Siam telah melantik raja-raja Melayu tempatan memerintahkannya tetapi tidak mempunyai sembarang kuasa kerana diawasi oleh Gabenor Jering.

Pada tahun 1832, negeri Kedah telah bangun menentang kuasa Siam. Pihak berkuasa Siam tidak berdaya menghalang Kedah lalu meminta bantuan daripada negeri-negeri Patani. Apabila angkatan negeri-negeri Patani tiba di Bukit Anak Gajah, orang Melayu Patani telah belot lalu bersama-sama dengan orang Kedah berjuang menentang Siam hingga Singgora. Pakatan sulit ini sebenarnya dibuat oleh Sultan Ahmad Tajuddin Kedah dengan raja-raja Melayu di tujuh buah negeri Patani. Oleh sebab Raja Patani Tuan Sulung dan Raja Jalur Tuan Kundur adalah saudara Sultan Mahmud I Kelantan maka angkatan bantuan dari Kelantan pimpinan Bendahara Kelantan Tengku Long Jenal, Raja Muda Kelantan Tengku Long Ismail berserta anakandanya Tengku Muhamad atau Tuan Besar dihantar ke Patani. Sultan Terengganu, Sultan Mansur Syah II, bondanya berasal dari Patani. Oleh itu baginda menghantar bantuan ketenteraan termasuk Panglima Tengku Idris, Panglima Gulam, Panglima Wan Kamal, dan Panglima Ismail ke Patani. Maka meletuslah pertempuran yang hebat antara orang Melayu Patani-Kedah-Kelantan-Terengganu.

muncul sejak tahun 1755 lagi, lihat Abdullah Mohamad (Nakula), *op. cit.*, hlm. 27-8.

Ternyata pihak Siam yang terpaksa berundur dan melaporkan hal kegagahan orang Melayu. Itulah peperangan paling dahsyat pada abad ini antara orang Melayu di utara Semenanjung. Pada 30 Mac 1832 tibalah sebanyak 30 000 orang tentera bantuan dari Bangkok atas titah Raja Siam Rama III menghadapi orang Melayu itu. Walau bagaimanapun akhirnya orang Kedah, Kelantan, dan Terengganu lari pulang ke negeri masing-masing setelah bergempur. Maka tinggallah Patani menjadi sasaran keganasan tentera Siam.

Beberapa ketika keadaan kacau-bilau di Patani menjadi reda. Pada tahun 1842, Tengku Muhamad atau Tuan Besar berserta para pengikutnya dari Kelantan telah dilantik oleh Siam menjadi raja Patani. Perlantikan ini sebenarnya ada hubungan dengan pertikaian yang berlaku di kalangan kerabat diraja Kelantan. Dengan itu juga, pihak berkuasa Kerajaan Siam dengan mengubah dasar pentadbirannya terhadap negeri-negeri Melayu Patani, Kedah, Kelantan, dan Terengganu yang menjadi naungannya. Pentadbiran Bangkok juga mula memberi kuasa penuh kepada raja-raja Melayu tempatan untuk menguruskan pentadbiran dalam negeri tanpa campur tangan pegawai-pegawai tadbir Siam. Raja-raja Melayu hanya dikehendaki menghantar ufti bunga emas dan perak setiap tiga tahun sekali dengan ikrar tidak akan menderhaka di samping membekalkan senjata, tenaga manusia, dan bahan keperluan jika Kerajaan Siam menghadapi peperangan.¹² Berikutan perubahan dasar itu maka keamanan wujud di negeri-negeri Melayu yang berkenaan buat beberapa dekad.


Pada awal tahun 1890-an Kerajaan Siam dalam usaha mengukuhkan cengkamannya ke atas Patani, telah merancang untuk menghapuskan raja-raja Melayu

12 Haemindra, N. 1976. "The Problems of the Thai-Muslims in Four Southern Provinces of Thailand". *Journal of Southeast Asian Studies*. Jil. 6, hlm. 200.

Kesultanan Patani yang wujud turun-temurun selama ini. Rancangan Siam itu telah mencetuskan pertikaian yang sengit antara orang Melayu Patani di bawah lindungan raja-raja mereka hingga melibatkan kuasa Inggeris di Tanah Melayu. Tengku Abdul Kadir Kamaruddin merupakan raja Patani yang terakhir membantah rancangan Siam ini. Menurut baginda, "... *the Siamese had no right whatsoever to interfere in any way in my state*". Baginda meminta jasa baik Frank Swettenham, Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, dan juga Kerajaan Great Britain supaya campur tangan untuk menyelamatkan rakyat dan negeri Patani. Malangnya segala usaha baginda ini gagal. Sungguhpun Swettenham bersimpati tetapi Kerajaan Great Britain mengutamakan hubungan diplomatik dengan Bangkok daripada melibatkan diri dalam masalah Patani. Tengku Abdul Kadir, raja Patani, dan beberapa orang raja Melayu yang lain telah diberkas dan dipenjarakan serta diturunkan dari takhta masing-masing atas tuduhan menderhaka.¹³ Justeru itu tanpa sembarang sokongan dan bantuan daripada mana-mana pihak lain yang berkuasa dan berdaya membantu, raja Patani gagal menyelamatkan negerinya daripada cengkaman Siam.

Setelah penahanan dan pemansuhan Kesultanan Melayu Patani pada tahun 1902 maka usaha dipergiatkan untuk menggaris satu garisan sempadan memisahkan negeri-negeri Tanah Melayu di bawah pengaruh Inggeris dengan negeri-negeri di bawah pengaruh Siam. Gabenor Swettenham sendiri mempunyai rancangan untuk meluaskan pengaruh Inggeris ke negeri-negeri

13 Untuk melihat fakta dokumen kejatuhan Patani menjadi sebahagian daripada Thailand sila lihat, Koch M.L. 1977. "Patani and the Development of a Thai State", *JMBRAS* 1981/82. Jil. 50, bgh. II hlm. 69-88; dan lihat juga Nik Anuar Nik Mahmud 1981/82. "Sistem Thesaphiban dan Kesannya ke atas Kedaulatan dan Kewibawaan Raja-raja Melayu Patani", *JEBAT* Bil. II, hlm. 17-47.



Peta 1 Lokasi Penempatan Awal Lembah Patani
Sumber: J. Welch dan Judith R. McNeill

Jadual 1 Data penduduk mengikut keturunan di bahagian utara Semenanjung Melayu 1902¹⁵

Negeri/ Wilayah	Melayu	Siam	Cina	Jumlah
Ligor	32 580	130 034	32 439	195 053
Singgora	15 662	78 307	31 323	125 292
Patalung	5 563	45 635	3 563	54 761
Patani	138 466	39 563	19 780	197 809

Melayu utara hingga Segenting Kra, tetapi rancangan ini belum sempat terlaksana. Oleh sebab itulah beliau tidak bersetuju perjanjian sempadan ini ditandatangani. Namun akhirnya "Perjanjian Sempadan" ditandatangani pada 10 Mac 1909 sekaligus menjadikan Patani, satu-satunya negeri Melayu, sebahagian daripada negeri Siam. Suatu perkara yang menarik menurut Nelson Annandale, pakar antropologi Universiti Edinburgh yang sedang membuat kajian tentang orang Melayu di negeri-negeri yang terlibat, ialah bahawa lebih banyak orang Melayu akan berada di bawah pengaruh Siam daripada negeri-negeri yang jatuh ke tangan Inggeris di seluruh Semenanjung.¹⁴ Dengan itu juga orang Melayu yang mendiami Patani, Setul, Singgora, Patalung, Ligor, dan sepanjang bahagian utara Semenanjung Melayu semakin tersisih daripada perkembangan politik, tamadun, peradaban, dan kebudayaan dunia Melayu sendiri di rantau ini.

¹⁴ Annandale, N. 1903. *Fasciculi Malayenses*, hlm. xxi.

¹⁵ *Ibid.*, hlm. xxii.

2

PATANI SEBAGAI LAMBANG KEGEMILANGAN MELAYU

Keagungan Kuasa Melayu di Utara Semenanjung

KERAJAAN-KERAJAAN Melayu seperti Tambralingga atau Ligor, Cahaya atau Caiya, Terang atau Trang, Gerahi atau Gerbi, Mandelang atau Berdelung ataupun Patalung, Langkasuka, dan Singgora atau Songkhla yang berada di bahagian utara Semenanjung Melayu telah dijatuhkan oleh kuasa Siam, walaupun antaranya wujud sejak beberapa abad yang silam. Kekalahan bangsa Melayu ini disebabkan beberapa faktor, antaranya kelemahan politik Melayu itu sendiri yang berpecah-belah kepada fahaman kenegerian masing-masing sedangkan mereka berhadapan dengan satu kuasa yang mantap yang sedang mencapai kejayaan demi kejayaan. Akibat perpecahan itu wujud ketidakseragaman pentadbiran di samping merosotnya keyakinan terhadap unsur-unsur kepercayaan dan fahaman ideologi yang melemahkan lagi kuasa Melayu di utara Semenanjung.

Penyebaran agama Islam jelas memperkukuh identiti Melayu hingga mencapai tahap keagungan yang gemilang dan dibanggakan oleh bangsa Melayu, apabila orang Melayu memeluk Islam. Pada sekitar abad ke-16, catatan para pelawat asing Timur dan Barat memaparkan cerita tentang negeri-negeri kepunyaan bangsa Melayu. Menurut ini didasarkan pada kebanyakan pen-

duduk yang ditemui yang terdiri daripada orang Melayu yang mengamalkan ajaran Islam dan melarang pengikutnya memakan daging babi. Tambahan pula orang Melayu sudah beberapa abad dirujuk sebagai orang Islam.¹ Sehubungan dengan ini negeri Berdelung atau Patalung pernah diperintah oleh seorang raja Melayu-Islam iaitu Sultan Sulaiman. Apabila mangkat makam baginda diberi penghormatan oleh penduduk di situ. Begitu juga dengan Singgora yang penduduknya berketurunan Melayu dan pemerintahan beraja Melayu Singgora yang wujud pada abad ke-16 dan ke-17 pernah dikuasai oleh Kesultanan Nik Badrulsallam. Di Ligor pula Sultan Muhammad Tahir dikatakan pernah menguasai Kesultanan Melayu-Islam.

Kewujudan pemerintahan dan Kerajaan Melayu-Islam Patalung dan Singgora telah dipersetujui oleh D.K. Wyatt, tegasnya terutama sewaktu menjelang kejatuhan Ayuthia pada tahun 1767. Apabila tentera Siam menyerang dan menjajah negeri-negeri Melayu ini, masyarakat Islam berada dalam keadaan kucar-kacir. Di Singgora raja Melayu yang terakhir meninggalkan tiga orang puteranya. Salah seorang daripadanya ialah keturunan Mustafa yang telah membela nasib orang Melayu-Islam Singgora hingga ada yang berpindah ke Caiya dan Patani.²

Kebangkitan Patani sebagai sebuah negara Melayu teragung pula jelas berlaku berikutan penerimaan Islam. Setelah Raja Patani Paya Tu Antara menganut agama Islam, maka lahirlah Kerajaan Islam Patani Darul Salam. Kedatangan Islam juga telah membawa banyak perubahan besar pada akidah pemikiran, kebudayaan, bahasa, pendidikan dan sosiopolitik pemerintahan masyarakat Melayu. Snouck Hurgronje mengemukakan

1 Cushman, J.W. dan Milner, A.C. 1979. "Eighteenth and Nineteenth Century Chinese Accounts of the Malay Peninsula", *JMBRAS*.

2 Hussain Abu 1988. "Chaiya Ibu Kota Seriwijaya Semenanjung", *Utusan Malaysia*. 13 Mei 1988.

pendapatnya bahawa pengaruh Parsi dan India benar-benar nyata dalam pertumbuhan dan perkembangan Islam di negeri-negeri Melayu di samping pengaruh Arab. Begitu juga dalam pembentukan negara yang dibahagikan kepada negara atau *Dar* kepada *Darul Islam* iaitu Kerajaan Islam, *Darul Kuffar* iaitu jajahan Islam dan *Darub Harb* iaitu negara kafir dalam proses menjadi negara Islam. Negeri Patani Darul Salam yang kemudian dikenali sebagai Patani *Darul Maarif*,³ dikatakan sebuah Kerajaan Islam dengan konsep dewaraja warisan Hindu-Buddha yang menjadi asas dan ciri pemerintahan.

Abad ke-16 menunjukkan Patani sebagai sebuah empayar teragung di alam Melayu. Ia bukan sahaja menjadi tumpuan rantau setempat, tetapi juga didatangi oleh pedagang dari Barat dan Timur. Kemakmuran ini menunjukkan bahawa Kerajaan Patani telah mencapai taraf ekonomi yang teguh. Kejayaan ini dicapai hasil kebijaksanaan raja-raja Melayu Patani. Mereka lambang kejayaan sistem pemerintahan tradisi bangsa Melayu. Daripada hasil kemakmuran inilah berkembang pula ciri budaya unggul di Patani seperti kegiatan keilmuan, bahasa dan yang sebagainya. Sejak itu Patani terus berkembang menjadi sebuah negara yang maju dan menjadi tumpuan. *Hikayat Patani* menggambarkan keadaan ini:

Syahdan antara beberapa tahun Sultan Mudzaffar Syah dirajakan orang menggantikan kerajaan paduka ayahanda baginda itu duduk di atas takhta kerajaan dengan adil murahnya. Maka negeri Patani pun bertambah sentosa dan makmurnya dan dagang senter pun terlalu banyak pergi datang.⁴

3 Berdasarkan bukti yang ditemui iaitu kepingan wang syiling yang mencatatkan *Patani Darul Maarif*. Ini disahkan oleh Wan Ahmad Yusuf dalam perbualan penulis dengan beliau di Yala pada 17 Jun 1989. Perkataan *Darul Salam* pula pernah digunakan oleh negeri Pahang suatu masa dulu, begitu juga Negara Brunei Darussalam hingga kini.

4 Teeuw, A. dan Wyatt, D.K. *op. cit.*, hlm. 78.

Pencapaian dan ketinggian tamadun Melayu Patani itu sebenarnya bergantung juga pada sistem pertahanan dan keselamatan kotanya yang digeruni oleh musuh di sekeliling. Pengukuhan ini diakui oleh pahlawan Melayu Melaka yang terkenal, Laksamana Hang Tuah, sewaktu beliau singgah untuk meninjau lokasi pertahanan kota Patani. Menurut Hang Tuah, "Terlalu baik tempat kedudukan Patani itu, tiada dapat dialahkan oleh musuh. Adapun muka pintu gerbangnya itu, kepala naga matahari hidup, ekornya matahari mati".⁵ Ini ditambah pula dengan kekuatan tiga pucuk meriam besar buatan orang Patani yang bernama Seri Patani, Seri Negeri, dan Mahalela. Maka dengan itu berkibarlah panji-panji bendera negeri Patani yang bernama *Buluh Perindu*.⁶

Yang menarik ialah tentang pengislaman Patani yang berkait rapat dengan pengislaman Pasai, bukti terawal Islam di Nusantara. Agama itu sendiri menjadi faktor penyatuan yang utama dari segi rohani dan perlakuan. Sistem pemerintahan yang sebelum ini dikenali dengan institusi raja yang didewatakan, bertukar kepada sultan yang berasal daripada konsep khalifah. Kedatangan pendakwah Islam seperti Syeikh Syafiauddin al-Abbas semakin menyemarakkan lagi gerakan Islam di kalangan orang Melayu Patani.

Patani bukan sahaja berperanan aktif dalam bidang politik dan perdagangan di seluruh rantau ini tetapi telah berhasil menempatkan dirinya sebagai suatu kawasan yang menjadi pusat pengembangan agama Islam, pusat pertemuan pelbagai kelompok keturunan yang berasal dari pelbagai daerah dan negara dan sebagai pusat me-

5 Kassim Ahmad 1973. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 388-9. Di Patani juga terdapat kesan peninggalan sempena persinggahan Hang Tuah ini, seperti Pintu Gerbang Hang Tuah dan Telaga Hang Tuah.

6 Mangemba, H.D. 1975. *Kenallah Sulawesi Selatan*. Jakarta: Timun Mas, hlm. 146.

lakukan hubungan *bilateral* antara kawasan-kawasan tersebut. Oleh yang demikian tidak hairanlah Patani menjadi sebuah kota yang besar. Biarpun tidak ada catatan perangnya tetapi digambarkan bahawa jika seekor kucing berjalan dari atas bumbung rumah dari pangkal pintu kota istana, maka kucing tersebut akan melompat dari rumah ke rumah dengan tidak payah turun ke tanah. Begitulah keadaannya kepadatan penduduk di sekitar Kuala Bekah iaitu muara Sungai Patani yang juga berperanan sebagai ibu kota Patani. Seorang penulis Belanda, John Nieuhoff, pula menceritakan kehebatan rakyat Patani yang mampu mengadakan kekuatan tentera sebanyak 180 000 orang dan di pekan-pekan kecil tenaga ini boleh ditambah dengan kerahan sebanyak 10 000 orang. Keupayaan ini menyebabkan Patani yang sering dianggap sebagai satu kuasa Melayu utara Semenanjung, sejajar dengan kedudukannya paling utara, terserlah dan terdedah pada ancaman musuh tradisi yang sentiasa menunggu saat untuk menyerang seperti keadaan yang menimpa negeri-negeri Melayu di sepanjang utara Semenanjung hingga Segenting Kra.

Tuntutan ketuanan kuasa Siam ke atas negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung diselang-seli dengan kelangsangan tentera dan konflik ketuanan. Maka negeri Melayu-Islam Patani berperanan pula sebagai benteng pertahanan untuk berhadapan dengan seteru tradisi ini. Peranan Patani sebagai benteng pertahanan ini sekaligus menjamin kemerdekaan dan kedaulatan negeri-negeri Melayu berkerajaan Islam di seluruh Semenanjung. Ini jelas kerana sifat tradisi yang menjadikan peperangan sebagai salah satu ciri sejarah yang utama dalam tamadun manusia. Malah menurut Muhammad Yusuf Hashim, masyarakat tertentu bangga dengan tamadun mereka yang kerap dan mahir dalam ilmu peperangan, berjaya mengatasi pengaruh masyarakat bangsa lain yang memberi kesan pada sosiopolitik, ekonomi, dan kebudayaan yang mewarnai dan mengubah sejarah.⁷

Malah dalam masyarakat tradisi peperangan dianggap sebagai isu pensejarahan yang serius. Ini juga akan menguji tahap kekuatan bala tentera sesebuah empayar negara jiran yang disegani.

Kekuasaan empayar dan tamadun Melayu Patani walaupun bagaimanapun telah digugat oleh ancaman ganas tentera Siam yang bertindak menyerang Patani secara besar-besaran pada 11 Mei 1634. Tindakan ini ekoran keberanian seorang raja perempuan Patani yang sependapat dengan Maharaja Jepun dan sama-sama menentang pentadbiran Siam ketika itu. Kekuatan sebanyak 60 000 orang tentera Siam dari darat dan laut telah gagal mengalahkan negeri Melayu Patani. Sejak itu Patani terus menjadi sasaran serta dendam politik raja-raja Negara Gajah Putih itu dan sejak itu pula Patani mula terkenal dan semakin digeruni oleh negara-negara rantau ini sebagai kuasa Melayu teragung di utara Semenanjung. Nicholas Gervaise menulis pada tahun 1680, "*Patani is much more famous, and best known by the history of its revolutions.*" Beberapa tahun kemudian pengembara Parsi dengan kapalnya bernama *Sulaiman* telah singgah di Patani dan mengagumi keadaan yang sama. Menurut mereka tanpa sembarang amaran Patani telah diserang oleh Siam.

Kemuncak yang dicapai oleh Patani dalam tamadunnya ialah perluasan kuasanya yang meliputi negeri-negeri Terengganu, Kelantan, Patani, Singgora hingga Patalung sebagai "Patani Besar" atau Empayar Islam Patani teragung.⁷ Perluasan tersebut juga mengulangi sejarah kewujudan Empayar Melayu Langkasuka yang pernah merangkumi lokasi di negeri-negeri yang sama.

7 Muhammad Yusuf Hashim 1989. "Peperangan Melayu dalam Tradisi Pensejarahan Malaysia: Satu Telaah Awal", dalam Ismail Hussein dll, *Tamadun Melayu, Jilid Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 197-222.

8 Abdullah Mohamed (Nakula), *op. cit.*, hlm. 22.

Kebangkitan Empayar Patani sebagai lambang keagungan bangsa Melayu digerakkan oleh suatu sudut pandangan baru dari sebuah negara yang baru dalam konteks zamannya. Pada tahun 1709 negara Melayu ini diserang lagi oleh Siam, namun Patani seperti juga dalam peperangan sebelumnya dibantu oleh Pahang dan Johor yang khuatir akan keselamatan masing-masing. Dengan itu mudah sahaja orang Siam dihalau pulang. Namun Siam terus berazam menentang Patani habis-habisan dan akan terus mencubanya. Walau bagaimanapun, percubaan Siam di sepanjang pemerintahan Kerajaan Ayuthia ini sentiasa mengalami kegagalan.

Akhirnya kemegahan Patani yang dikenali juga dalam cerita-cerita hikayat dan penglipur lara sebagai *Negeri Tanjung Bunga* itu tertewas juga di tangan seteru tradisi dari utara. Serangan Siam kali yang kelima baru berjaya menembusi pertahanan orang Melayu Patani. Hampir setahun lamanya serangan itu dilancarkan dan dalam keadaan yang serba kekurangan Kota Kedi iaitu kubu pertahanan dapat diruntuhkan. Pada November 1786 buat pertama kalinya Empayar Islam Patani telah dicerobohi musuh yang selama ini menyimpan dendam; akibatnya banyak orang Melayu menjadi mangsa kezaliman tentera penjajah yang merayakan kemenangan mereka. Biar pun negeri Patani menjadi padang jarak padang terkukur namun semangat perjuangan tidak hilang dengan sebegitu mudah. Mulai tahun 1789 selama tiga tahun orang Patani bangun menentang untuk berperang lagi dengan Siam di bawah pimpinan Raja Patani Tengku Lamiddin tetapi berakhir dengan kegagalan. Beberapa lama kemudian pada tahun 1808 tenaga kuasa Melayu yang kalah ini diperteguh semula di bawah pimpinan Raja Patani Datuk Pangkalan yang juga tidak serik-serik berjuang menentang Siam. Malangnya baginda juga menerima nasib yang sama.

Menyedari semangat perjuangan Islam yang tinggi di kalangan orang Melayu Patani, pihak berkuasa Siam

melancarkan polisi pecah dan perintah. Di peringkat awal, orang Melayu Patani tidak begitu arif tentang polisi ini. Bagi mereka, bersatu teguh dan bercerai roboh. Kemampuan yang masih padu ini terbukti pada tahun 1832 apabila seluruh masyarakat Islam Melayu Patani, Kelantan, Terengganu, dan Kedah menggembelng tenaga menentang penjajahan Siam secara besar-besaran. Pada mulanya perjuangan orang Melayu ini menampakkan kehandalan mereka berjaya mengundurkan tentera Siam. Walau bagaimanapun, bantuan dari Bangkok telah menyebabkan perpecahan strategi perjuangan orang Melayu.

Sejak itu negeri-negeri yang berkenaan sentiasa diberi kawalan politik penjajahan yang lebih ketat hingga akhir abad ke-19. Namun menurut J. Chandran, Kerajaan Inggeris di Singapura masih menganggap Patani sebagai kuasa yang mempunyai kekuatan untuk menentang Siam jika dibandingkan dengan negeri-negeri Kelantan, Kedah, dan Terengganu pada masa itu.⁹ Namun yang demikian pengorbanan Patani sebagai benteng yang terdedah di barisan hadapan untuk menjamin kemerdekaan negeri-negeri Melayu Semenanjung itu rupanya turut terkorban menjadi sebahagian daripada Negara Siam pada tahun 1909 tanpa kerelaan rakyatnya.

Pusat Perdagangan Asia Tenggara Abad ke-17

Patani juga terkenal sebagai pelabuhan utama yang menguasai perairan Asia Tenggara. Ini kerana kedudukannya yang strategik yang menjadi laluan penting bagi *negeri atas angin* iaitu dari Barat dan *negeri bawah angin* iaitu dari Timur. Sebagai sebuah negara Islam, Patani menjadi tumpuan para pedagang Islam yang menguasai jalan perdagangan pada masa itu termasuk

9 Chandran, J. 1971/72. "Perjanjian 1909 antara Inggeris dengan Siam serta Latar Belakangnya", *JEBAT*. Bil. 1, hlm. 9.

para pedagang lain terutama dari China, India, dan kawasan serantau. Hubungan perniagaannya dengan para pedagang asing membuktikan bahawa bangsa Melayu Patani selain mempunyai kuasa politik yang kuat, juga suatu bangsa yang mempunyai kuasa laut yang unggul.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelabuhan Patani berperanan penting sebagai entreport Timur dan Barat:

1. Kepentingan peranan Kerajaan Melayu Langkasuka pada zaman dahulu sebagai pelabuhan penting, dipercayai wujud di sekitar lokasi yang sama, telah diwarisi oleh Patani.
2. Kedudukan pelabuhan Patani amat strategik dan tidak terdapat pada pelabuhan lain di rantau ini. Menurut A. Skinner, Teluk Patani terbentuk dari tanjung yang menganjur dengan sebidang tanah yang sempit panjangnya kira-kira tujuh atau lapan batu bersambung dengan tanah besar. Bahagian timur-barat yang membengkok seperti tanduk memberi perlindungan pelabuhan yang sangat sesuai. Ini memudahkan kapal-kapal menyusur masuk dengan selamat. Keadaan ini menjadikannya pelabuhan yang amat strategik dan sudah tentu para pedagang tidak mahu melepaskan kemudahan ini.¹⁰
3. Pelabuhan Patani penting sebagai tempat persinggahan kapal menjelang musim tengkujuh sementara menunggu angin monsun timur laut yang bertiuap kencang reda. Tiupan angin monsun itu menyebabkan ombak kuat di perairan Laut China Selatan.
4. Kemakmuran Patani sendiri hasil daripada penge-

¹⁰ Sila lihat penerangan catatan A. Skinner 1935, *MBRAS*. Jil. 14, bgh. III, hlm. 36-7.

- luaran rempah, galian, serta keluaran lain mende-
sak para pedagang singgah berniaga di sana.
5. Patani menjadi entreport seluruh pelosok rantau ini termasuk China dan Jepun. Tumpuan para saudagar Timur ini telah memudahkan pengim-port Barat mendapatkan barangan yang sudah terkumpul di pasaran Patani.
 6. Selain itu kestabilan politik dan pemerintahan Kerajaan Patani serta kemudahan lain seperti sistem pelabuhan, cukai, keperluan bekalan, dan yang sebagainya menjadi daya penarik para pelaut dan pedagang asing untuk singgah di pelabuhan Pa-tani.

Patani mula menjadi tumpuan pedagang khususnya pedagang Islam, selepas Melaka dikalahkan oleh Por-tugis pada tahun 1511. Sejak itu Selat Melaka yang sentiasa bergelora dengan peperangan menentang Por-tugis tidak lagi sesuai sebagai perjalanan laut yang selamat. Bukan setakat itu sahaja malah para pedagang telah dikenakan cukai yang berlebihan. Tindakan ini telah merenggangkan kesetiaan mereka.¹¹ Ini mendesak saudagar asing mencari-cari suatu pangkalan perniaga-an yang terselamat daripada ancaman.

Kedudukan Patani yang strategik baik dalam bidang politik mahupun ekonomi telah merangsang pengusaha Eropah menguasai pelabuhan Patani. Pada tahun 1517 orang Portugis pimpinan Quarte Coelho telah membuat perjanjian perdagangan dengan Sultan Ismail Syah (1500–30) yang memerintah Patani ketika itu. Ini diikuti oleh orang Sepanyol tetapi oleh sebab persaingannya dengan Portugis mereka terpaksa mengalih perhatian ke Filipina. Kegagalan menjadikan Melaka pelabuhan uta-

11 Joginder Singh Jessey 1978. *Sejarah Asia Tenggara, 1500–1945*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia, hlm. 7.

ma Portugis di rantau ini menyebabkan mereka memberi tumpuan pada Patani. Barangan seperti kain dari India dibawa oleh saudagar Melayu Patani dari Jawa, Sumatera dan Makasar untuk ditukarkan dengan barang seperti emas, kain kapas, rempah, barang makanan, dan tembikar Cina yang banyak terdapat di pasaran Patani. Fernand Mendez Pinto dan Tome Lobo pada tahun 1538 dalam kunjungan mereka ke Patani, mencatatkan sebanyak 300 orang Portugis menjalankan aktiviti perdagangan di Patani. Menjelang akhir abad ke-16 dalam jangka masa beberapa dekad Patani berkembang menjadi pusat bandar yang terbesar di selatan Asia dan Asia Tenggara khususnya. Pertumbuhan yang pantas seperti itu tidak mungkin berlaku jika tidak dengan kejayaannya sebagai pusat perdagangan terpenting mengawal perairan Teluk Siam dan Laut China Selatan.

Pada sekitar awal abad ke-17 kepentingan Patani muncul sebagai pelabuhan paling penting menjadi tumpuan pedagang Barat. Ini diakui oleh George Vinal Smith dalam kajiannya:

*One of these centers was the important Malay Peninsular kingdom of Patani, which was famous for its trade with China. Each year many Chinese junks called there with raw silk, silk cloth and porcelain, goods that were much desired in Europe.*¹²

Pada 20 Mac 1601 kapal pertama Belanda tiba di Patani untuk mengadakan perjanjian perdagangan dengan Raja Perempuan Patani I (1584–1616). Ini telah menimbulkan persaingan antara orang Portugis dengan Belanda yang berakhir dengan persengketaan di Melaka dan Johor. Pedagang V.O.C. (*Vereenigde Oost-Indiasche Compagnie*) mula memonopoli pasaran Patani dan tiga

12 Smith G.V. 1977. "The Dutch in Seventeenth-Century Thailand", Center for Southeast Asian Studies, Special Report No. 16, Northern Illinois University.

tahun kemudian menghubungi Siam dan China bagi meluaskan perdagangan mereka. Pada 22 Jun 1612 pula tiba misi perdagangan Inggeris membawa surat Raja James I untuk mengadakan perjanjian perdagangan antara Patani-England. Pada mulanya orang Belanda menunjukkan sikap berbaik-baik dengan Inggeris; beberapa tahun kemudian tercetus pertikaian antara kedua-dua kuasa Barat ini yang mengakibatkan pertumpahan darah di Patani. Walau bagaimanapun jelas di sini kedudukan bandar pelabuhan Patani menjadi tumpuan utama para pedagang Eropah yang berlumba-lumba mendapatkan laba perdagangan mereka.

Kemajuan Patani banyak bergantung pada sistem pelabuhan bebas. Setiap kapal yang datang dari India, Asia Barat dan Eropah dikenakan bayaran cukai import sebanyak 6% dan 1% oleh Perbendaharaan Negeri Patani. Kapal-kapal yang datang dari Asia Tenggara, Kepulauan Nusantara dan Timur Jauh tidak membayar sembarang cukai, tetapi mestilah mematuhi sistem pembelian dengan jualan sebanyak 25% daripada muatan kargo mereka dengan harga pasaran potongan sebanyak 20%. Sistem ini menunjukkan ciri perdagangan yang tipikal telah meningkatkan Patani sebagai emporium antarabangsa. Nama Patani dan raja perempuannya yang memerintah tercatat dalam rekod-rekod sejarah perdagangan Portugis, Belanda, Inggeris, China, Jepun, India, dan yang sebagainya.

Pinto pada tahun 1538 mencatatkan banyaknya orang Jepun berniaga di Patani. Hubungan itu dipertingkatkan lagi pada tahun 1592 apabila Maharaja Shogun Tokugawa Iyeyasu (1542-1616) mengiriskan perutusan rasmi bersama-sama dengan hadiah kepada Raja Ijau Patani. Pada tahun 1599 pula kunjungan balas dari Kerajaan Patani telah dihantar ke negeri Jepun bagi mengukuhkan hubungan di peringkat diplomatik kedua-dua negara. Itulah kunjungan rasmi pertama kali sebuah negeri Melayu Semenanjung yang dicatatkan menghu-

bungi negara matahari terbit. Pada tahun 1602 sekali lagi kapal-kapal Melayu Patani dihantar ke negeri Jepun bagi mengeratkan persahabatan. Orang Inggeris sendiri mengagumi kesibukan pelabuhan Patani yang berurusan dengan kapal berulang-alik ke pelabuhan Hirado, Jepun, yang dianggap seperti bandar kembar. John Saris perwakilan Inggeris menyatakan, "*Patani and Hirado were sister ports, between which the Japanese had prosecuted, for and indefinite period, a vigorous trade.*"¹³

Raja Kuning (1635–86) iaitu Raja Perempuan IV adalah usahawan yang terkenal. Sebuah Syarikat Perkapalan Diraja Patani ditubuhkan bagi mengendalikan perdagangan negara di peringkat antarabangsa. Barang-barang keluaran negeri Patani dapat dieksport dan diperdagangkan. Misi perdagangan ini diketuai oleh Nakhoda Sandang yang bergelar Saudagar Raja. Kapal-kapal perdagangan ini dihantar ke merata tempat dan pelabuhan menjalankan perniagaan dalam persaingan bebas dengan saudagar-saudagar persendirian. Ini juga telah menunjukkan bahawa tamadun Melayu Patani pada masa itu mampu memimpin dan mengendalikan perniagaan yang besar di peringkat antarabangsa. Patani pada masa itu sudah berdiri sama tinggi dengan negara-negara terbesar seperti China, Jepun, Belanda, dan England. Sebagai sebuah negara yang telah membina tamadunnya dalam bidang perdagangan maka Patani telah melahirkan ciri peradaban Melayu yang tinggi dan dapat dibanggakan oleh bangsa Melayu.

Banyak maklumat menunjukkan aktiviti para saudagar dari kawasan asing yang menetap di Patani. Sebab utama mereka terus menjalankan kegiatan perdagangan ada kaitannya dengan sosiobudaya, pengetahuan mereka tentang keadaan pasaran dan politik.

13 Anderson, J. 1890. *English Intercourse with Siam in the Seventeenth Century*. London, hlm. 53.

Masyarakat kosmopolitan di Patani terkenal di seluruh pantai Asia dan laporan menunjukkan bahawa terdapat pelbagai bahasa pertuturan yang digunakan pada waktu ini. Bahasa Melayu pula merupakan *lingua franca* di kalangan para pedagang yang tertumpu di pelabuhan Patani. Persaingan perdagangan pelbagai bangsa dan keturunan ini kadang kala menimbulkan perbalahan sesama mereka yang masih berpegang pada faham kenegerian hingga mencetuskan kekacauan.

Pada 17 Julai 1619 berlaku pula persaingan antara Inggeris-Belanda selepas peristiwa berdarah serangan terhadap kapal *Hound* dan *Sampson* di perairan Patani. Kedua-duanya saling bermusuhan dalam usaha perniagaan. Orang Belanda semakin bersikap sombong serta menambahkan kekuatan ketumbukan tentera mereka di Patani. Walau bagaimanapun menjelang tahun 1620-an perdagangan Belanda kurang menguntungkan pihak V.O.C. Penawaran rempah mendapat tempat kedua daripada barangan eksport Patani. Namun begitu harga rempah Patani murah dan kualiti rempahnya baik. Namun perdagangan rempah kurang mendapat persaingan dalam pasaran Eropah. Maka pada 1 Januari 1623 Belanda menutup gedung perniagaannya di Patani. Tindakan yang sama juga telah dilakukan oleh Inggeris kerana perkembangan perdagangan mereka di Patani tidak menguntungkan. Akhirnya Inggeris juga membuat keputusan menutup gedung perniagaannya pada 6 Februari 1623. Akibat penutupan gedung perniagaan Belanda dan Inggeris ini ada penulis menganggap bahawa "*The trade of Patani towards the middle of the seventh century fell off, and the port was abandoned by European merchants*".¹⁴

Kehilangan kedua-dua pedagang Barat ini tidak pula menjejaskan peranan Patani sebagai pusat perdagangan

14 Anderson, J., *op. cit.*, hlm. 44.

Jadual 2 Barang keluaran Patani yang dieksport dan yang diimport.**EKSPORT**

Beras, garam, ternakan lembu, ayam dan barang makanan	 Johor, Pahang
Batu geliga, besi dan tembaga	 Melaka
Rempah dan kain	 Siam
Rempah, kapur barus, kayu cendana putih dan kuning, kulit binatang, gading gajah, tanduk dan lain-lain	 China
Kain, timah hitam dan bijih timah	 Jepun

IMPORT

Kain	 Benggala, Melaka
Kapur barus dan batu geliga	 Borneo
Kayu cendana	 Jawa
Emas, beras, garam dan timah hitam	 Siam
Kapas dan kayu manis	 Campa dan Kemboja
Kain putih dan kuning, kain basah, pamur, tembikar, besi dan tembaga	 China
Tembikar dan kain	 Jepun
Buah pala dan bunga cengkih	 Ambon, Banda
Kayu cendana	 Timur-timur
Rempah	 Jambi, Inderagiri

Jadual 3 : Pengeluaran utama negeri Patani¹⁵

Sumber Barat	Catatan China
Belulang	Beras
Bijih timah	Besi
Emas	Bijih timah
Gading gajah	Bulu merak
Gajah	Bulu pekaka
Jadam	Daging kerbau kering
Jenis ulat laut	Daging rusa
Kain emas	Gading gajah
Kain sutera	Ibu goa
Kayu sepang	Jadam
Kemenyan merah	Jenis ulat laut
Kulit karah	Kulit karah
Lembu	Lada hitam
Lilih lebah	Lilin lebah
Madu lebah	Nyiur
Pinang	Perak
Rotan	Pinang
Tebu	Ridip ikan yu
	Udang

yang terpenting. Patani terus memenuhi kehendak para pelaut yang melintasi Laut China Selatan untuk singgah menggunakan kemudahan pelabuhan Patani yang strategik ini. John Nieuhoff yang tiba di Patani pada tahun 1653 kemudian telah membuat catatan penting tentang negara Patani yang dianggapnya sebuah empayar yang makmur dan mempunyai alam semula jadi yang menarik. Penulis Belanda ini juga menerangkan, "*Country of Patane is much more powerful in shipping than Johor, Pahang, or any of the circumjacent kingdoms.*" Beliau juga mencatatkan barang import-eksport Patani dengan negara-negara lain di sekitarnya.

15 Sila lihat Cushman, J.W. dan Milner, A.C., *op. cit.*

Pusat Kegiatan dan Penyebaran Islam yang Terawal

Sungguhpun bukti menunjukkan bahawa agama Islam telah tiba di alam Melayu sejak abad ke-11 M., tetapi hingga abad ke-13 M. perkembangannya tidak meluas. Agama Islam berkembang pesat selepas Patani berkembang menjadi sebuah empayar yang kuat dan pusat perdagangan yang maju. Harus diakui bahawa menerusi Islam juga identiti Melayu telah menyerlah dan kukuh.

Perkembangan Islam di Patani berkait rapat dengan kedudukan Pasai yang menjadi pusat penemuan Islam yang terpenting pada zamannya. Seorang ulama Pasai, bernama Syekh Said, dikatakan telah berusaha menyedarkan raja Patani untuk memeluk agama Islam. Sungguhpun catatan sejarah menyebut peristiwa ini berlaku pada sekitar tahun 1457, namun berkemungkinan ia berlaku lebih awal lagi kerana Kerajaan Pasai telah terkenal sebagai pusat Islam sejak abad ke-13 lagi. Persamaan bentuk batu nisan raja Patani pertama yang beragama Islam dan raja Pasai pertama yang beragama Islam adalah menarik sebagai bukti kedatangan Islam yang terawal di Semenanjung.¹⁶ Wujudnya pengaruh Pasai ini terbukti jelas dengan adanya Kampung Pasai di Patani, serta kubur Tuk Pasai yang dipercayai kepunyaan Syekh Said tersebut.¹⁷

Menurut Hamka sejak zaman Langkasuka lagi memang terdapat saudagar Islam memulakan proses asimilasi di kalangan penduduk tempatan terhadap kepercayaan Islam.¹⁸ Bahasa Melayu begitu berperanan pen-

16 Batu nisan jenis Batu Aceh yang terdapat pada makam raja Patani pertama beragama Islam, banyak digunakan di permakaman raja-raja Melayu-Islam seluruh Nusantara. Lihat Bougas, W.A. 1986. "Some Early Islamic Tombstones in Patani", *JMBRAS*. Jil. 59, bgh. 1, hlm. 85-112.

17 Abdul Rahman Haji Abdullah 1985. *Asia Tenggara Tradisional: Politik dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing, hlm. 80.

18 Hamka 1971. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm. 425.

ting pada zaman Langkasuka tetapi ancaman Siam Sukhothai menyebabkan kebudayaan Islam semakin luput sepertimana hilangnya ingatan masyarakat terhadap sejarah Islam Langkasuka. Orang Patani sendiri mempercayai bahawa saudagar Arab telah menyebarkan agama Islam di Patani.¹⁹ Antara mereka terdapat ulama tasawuf yang menetap dan mempengaruhi penduduk tempatan kemudian baru menguasai kaum bangsawan di istana. Kepingan mas dinar bertarikh tahun 1420 M. yang terukir nama *Muhammad* membuktikan Islam begitu ketara dalam urusan masyarakat.²⁰ Setelah Islam memasuki Patani lebih daripada 300 tahun barulah raja Patani memeluk agama Islam.²¹ Maka sejak itu cahaya dan dakwah Islam semakin tersebar ke seluruh negeri.

Hikayat Patani mencatatkan:

Syahadan agama Islam pun makin masyhurlah daripada segala dusun hingga datang kepada Kota Mahligai itu pun selamalah mengikut syariat Nabi Muhammad *mustaf, salla 'Llahu 'alaihi wassallam*. Demikianlah hikayatnya asal raja Islam pada negeri Patani ini.²²

Islam berkembang melalui Patani sama ada secara langsung atau tidak langsung. Secara langsung dikembangkan oleh Patani menerusi perluasan daerah dan penghijrahan para ulama Patani akibat tekanan peperangan ke seluruh Semenanjung, Campa, mahupun Kepulauan Nusantara. Secara tidak langsung Pelabuhan Patani yang didatangi oleh para pedagang Islam yang sesetengahnya bersifat mubaligh menyampaikan ajaran Islam ke kawasan lain.

19 Bangnara A. 1977. *Patani Dahulu dan Sekarang*. Patani: Panel Penyelidikan Al-Fatani, hlm. 8.

20 Rentse, A. 1936. "A Note on Kelantan Gold Coin", *JMBRAS*. Jil. 14, bhg. III, hlm. 306.

21 Bangnara A., *op. cit.*

22 Teeuw, A. dan Wyatt, D.K., *op. cit.*, hlm. 78-9.

Sejarah Kelantan mencatatkan bahawa pada pertengahan abad ke-12 tahun 1150 M. seorang syeikh dari Patani telah tiba mengembangkan Islam di Kelantan.²³ Kenyataan bahawa Islam yang berdiri teguh di Patani baru sekitar awal abad ke-16 tidak begitu tepat kerana ini bukan bererti sebelum abad tersebut Islam tidak ada atau belum masuk di Patani. Manakala di Kelantan yang selalu dianggap sebagai daerah yang mempunyai latar belakang kebudayaan yang sama dengan Patani telah ditemui mata wang yang berunsur Islam bertarikh 577 H. atau 1181 M. Begitu juga prasasti ditemui di Terengganu bertarikh tahun 1303 M. Seperti yang difahamkan kawasan sekitar Terengganu pernah meliputi Langkasuka ataupun Empayar Patani. Hamdan Hassan menegaskan bahawa ini membuktikan daerah yang berdekatan dengan Patani, Islam sudah bertapak dengan teguhnya. Maka tidak ada alasan kenapa Islam tidak boleh ditemui di Patani pada abad itu atau sebelumnya.²⁴

Meskipun Islam di Patani dipercayai sudah berdiri pada kira-kira abad ke-10 atau ke-11 M. lagi, namun Patani baru muncul dan terkenal sebagai pusat kegiatan Islam dan perniagaan antarabangsa hanya pada abad ke-16 dan ke-17. Zaman kegemilangan Patani hanya lebih kurang dua abad sahaja. Faktor yang menyebabkan kedudukan Patani menjadi makin terdesak dan tidak penting ialah kerana pengaruh perdagangan asing terutama pedagang Barat yang menguasai selatan Semenanjung Tanah Melayu dan yang lebih penting adalah kerana bertambahnya pengaruh Siam ke atas Patani.²⁵

Menurut Abdul Rahman al-Ahmadi, bukti menun-

23 Saad Syukri Haji Muda 1971. *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Pustaka Aman Press, hlm. 27-8.

24 Hamdan Hassan 1980, *Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh dalam Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 48-59.

25 *Ibid.*, hlm. 53-4.

jukkan bahawa Patani berkembang menjadi pusat kegiatan dan pemikiran Islam terbesar bermula pada sepanjang abad ke-16 M. lagi.²⁶ Saudagar-saudagar Arab keturunan Sayidina Abbas bin Abdul Mutalib ayahanda saudara Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. berperanan penting menyebarkan Islam di Patani dan dari situ tersebar luas ke tempat-tempat lain di seluruh Nusantara. Umpamanya seorang ulama Sufi iaitu Syeikh Syafiauddin al-Abbasi, menurut satu salasilah, dipercayai tiba di Patani pada sekitar tahun 1400 M. dan bergiat menyebarkan agama suci itu. Sebagai seorang yang berdarah pahlawan yang disebut *Assafah*, beliau juga dianggap yang pertama mempergiatkan agama Islam di kalangan penduduk negeri Patani. Terdapat cerita mengatakan beliau bersama-sama dengan dua orang sahabatnya iaitu Syeikh Said Barsisa dan Syeikh Gombak Abdul Mubin telah menjalankan aktiviti dakwah Islamiah hingga ke Patani yang mula terkenal sebagai pusat pengajian Islam yang terulung di Nusantara menerusi pertubuhan institusi pengajian pondok abad itu.²⁷

Peranan Patani sebagai pusat penyebaran Islam terawal nyata kerana dipercayai pada tahun 1412 seorang ulama Patani telah ke Pulau Buton, di tenggara Sulawesi untuk menyebarkan Islam di sana. Raja Mulaei-Gola telah menyambut baik kedatangan beliau. Ini diikuti oleh ketibaan Syeikh Abdul Wahid b. Syarif Sulaiman al-Fatani pada tahun 1564. Pada masa inilah Raja Walio yang memerintah Buton telah memeluk agama Islam. Baginda juga dianggap sebagai raja Buton pertama yang beragama Islam.²⁸

26 Abdul Rahman al-Ahmadi 1980. "Sastera Melayu Lama dan Islam", dalam *Kesusasteraan Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, hlm. 131.

27 Hawash Abdullah 1970. *Perkembangan Ilmu Tasawuf dan Tokoh-tokohnya di Nusantara*. Surabaya: Al-Ikhlas, hlm. 19-20.

28 Menurut sejarah rakyat Buton, Syeikh Abdul Wahid Syarif Sulaiman al-Fatani berasal dari Johor; mungkin di sini terdapat kekeliruan. Menurut

Segala kebaikan yang diamalkan menjadi teladan masyarakat sekeliling.²⁹ Daerah Gerisik yang terletak di pinggir bandar Patani ketika itu menjadi tumpuan segala kegiatan Islam di samping menjadi tempat bersemayam raja-raja Melayu Patani. Syeikh Syafiauddin wali Allah itu pula telah dikurniai oleh raja Patani gelaran Datuk Seri Raja Faqih. Beliau kemudian ditugaskan mengajar hukum Islam di istana Patani.

Satu sumber lain pula mengisahkan seorang ulama Patani iaitu Syeikh Faqih Ali al-Fatani yang dikenali sebagai Nik Ali atau Andik Ali. Beliau berasal daripada anak raja Bugis, telah keluar menuntut ilmu agama Islam hingga ke Malbar, India. Setelah itu beliau pulang lalu mengembara ke negeri Johor di Kota Tinggi, kemudian Terengganu, Kelantan, sampai ke negeri Patani. Dengan ketokohnya sebagai seorang yang alim, beliau digelar Faqih Ali al-Malbari. Ada pula keterangan lain menceritakan bahawa Andik Ali adalah anak raja Bugis, Sulawesi datang ke Johor pada tahun 1633 dan berkahwin dengan Wan Teja, puteri Laksamana Johor dan menetap di situ hingga tahun 1640. Kemudian beliau menuntut ilmu hingga ke Patani dan berkahwin pula dengan Cik Dewi, puteri Datuk Seri Bija Diraja atau Tuk Masjid, Patani. Daripada isteri keduanya beliau memperoleh seorang cucu bernama Wan Daim yang digelar Datuk Pangkalan Tua. Beliau dikatakan pernah menjadi raja Patani yang memimpin pemberontakan Melayu Patani menentang Siam pada tahun 1808.

Syeikh Wan Ahmad al-Fatani pula raja Bugis pertama beragama Islam disebutnya La Ma'duslia pada tahun 800 H. atau 1397 M. Menurut keterangan sahabat penulis yang berasal dari Pulau Buton, setiap nama pangkal La dari kalimah Lailahaillallah merupakan nama Buton asli. Lihat penerangan ini dalam Abdul Rahman al-Ahmadi, "Sejarah Hubungan Kelantan/Patani dengan Sulawesi Selatan", *Warisan Kelantan III*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 66-86.

29 Mohd. Zamberi A. Malek 1985. "Perkembangan Dakwah Islamiah di Patani", *Dakwah Bil.* 98, tahun IX, Syaaban 1405/Mei 1985, hlm. 30-2.

Orang Melayu Patani sejak dahulu sampai sekarang memang suka merantau dengan pelbagai tujuan, mengadu untung, mencari tempat kediaman baru, meneroka hutan belantara, menuntut ilmu, mengajar, dan berdagang. Catatan lain ada menceritakan seorang tokoh terkenal Patani yang bernama Nik Ali, bergelar Tuk Koda Bonang, telah ke Sulawesi Selatan menjelang akhir abad ke-16, sesudah beberapa lama beliau pulang ke Patani tahun 1049 H. atau 1640 M. setelah singgah dan berkahwin di Johor. Beliau kemudian dilantik menjadi pembesar Patani pada zaman pemerintahan Raja Ungu (1624-35). Ketika meletusnya perang besar dalam serangan Siam kali kedua pada tahun 1634, seorang panglima perang Faqih Ali al-Malbari, bergelar Temenggung Seri Paduka, telah terkorban. Dengan itu Nik Ali telah diangkat menjadi Panglima Agung angkatan tentera Patani bergelar Datuk Maharaja Lela. Pada tahun 1636 Datuk Maharaja Lela telah belayar ke Sulawesi membawa lebih kurang 300 orang Patani dan beliau meminta izin daripada Raja Goa untuk tinggal di situ sebagai perlindungan daripada keganasan Siam. Seseengah sumber menyatakan bahawa beliau cuba merebut kuasa di tanah Bugis dan pulang ke Patani untuk mengambil orang-orangnya tetapi telah meninggal dunia di Patani.³⁰ Sumber Sulawesi sendiri mengakui kisah seorang pembesar Patani dan dua orang anak saudaranya yang melarikan diri membawa bendera negeri Patani bernama *Buluh Perindu*. Pembesar tersebut ialah Datuk Maharaja Lela Nik Ali berserta anak saudaranya Paduka Raja dan isterinya bernama Senapati.³¹ Seterusnya diceritakan penglima Patani tinggal beberapa lama di Sulawesi, walaupun tujuan beliau untuk mencari hubungan

30 Sila lihat Lampiran Salasilah III, dalam Abdullah Mohamed (Nakula), *op. cit.*, hlm. 42.

31 Mangemba, H.D. 1975. *Kenallah Sulawesi Selatan*. Jakarta: Timun Mas; lihat juga Abdul Rahman Haji Abdullah, *op. cit.*

diplomati untuk mempertahankan bumi Patani. Kesempatan itu juga digunakan untuk mewujudkan pengaruh Islam dalam membangkitkan semangat jihad dan penyebaran Islam.

Dikatakan juga bahawa Datuk Maharaja Lela turut terlibat membantu Sultan Hasanuddin berperang menentang Belanda.³² Beliau dalam pada itu pernah pulang ke Patani dan untuk menarik perhatian orang Patani menetap di Goa, beliau dikatakan telah menyamar dengan nama Ali Abdullah. Setelah beberapa lama beliau kemungkinan telah berselisih faham dengan pembesar Goa, Karaeng Karunrung, hingga menuduh orang Patani bersubahat dengan Belanda. Ini mendesak orang Melayu termasuk Datuk Maharaja Lela meninggalkan perkampungan mereka di Ujung Pandang,³³ akhirnya pulang ke Patani pada zaman pemerintahan Raja Kuning (1635–86). Beliau meninggal dunia di Pangkalan Datuk, Kelantan.

Patani terus menjadi pusat kegiatan dan penyebaran agama Islam. Berikutan usaha itu pada sekitar tahun 1700 seorang lagi ulama Patani bernama Syekh Abdul Jalil al-Fatani telah pergi ke Kalimantan Barat untuk mengembangkan Islam. Tetapi beliau diberitakan meninggal dunia di Sambas. Di kalangan rakyat tempatan pula beliau dikenali sebagai Keramat Lumbang, kerana makamnya terletak di Lumbang, Sambas. Sesudah itu datang lagi ulama dan pendakwah Patani, ada yang mudik ke hulu Sungai Kapuas dan meninggal dunia di

32 Nama Datuk Maharaja Lela disebut beberapa kali dalam *Syair Perang Mengkasar* bersama seorang pahlawan Campa bergelar Seri Amar Diraja.

33 Di Ujung Pandang, dulunya kota Makasar, Sulawesi Selatan. Sekarang ini masih terdapat tempat bernama Kampung Patani. Pada tahun 1522 wujud pula Kerajaan Patani di Kepulauan Halmahera. Pada tahun 1602 Patani telah bersahabat dengan Belanda. Apabila Patani berada di bawah penguasaan Kerajaan Tidore, ia menjadi lebih terkenal. Lihat Abdul Rahman al-Ahmadi, *op. cit.*, hlm. 70.

daerah Jongkong.³⁴ Seorang lagi ulama terkenal Patani setelah kegagalan Patani berperang dengan Siam, telah belayar menuju Kalimantan Barat. Syeikh Ali Faqih al-Fatani bersama-sama dengan 40 buah perahu telah disambut baik oleh Raja Opu Daeng Menambun. Kemudian Kerajaan Mempawah telah melantik beliau menjadi Mufti Besar menggantikan Sayid Hussein al-Qadri yang meninggal dunia.³⁵ Dengan kedudukannya ini beliau begitu berpengaruh di kalangan orang Bugis, Makasar, Boton, dan sekitarnya.

Sewaktu berada di Johor, Syeikh Faqih Ali al-Fatani telah memperkukuh semangat keislaman orang Melayu Johor. Kemudian beliau berusaha mengirinkan pendakwah Islam Patani yang ulung ke Kepulauan Riau-Lingga sampai ke bahagian utara, Pulau Bunguran, Pulau Serasan, Pulau Midai, Pulau Jemaja, dan Siantan. Hinggalah sekarang ini terdapat keturunan *Wan* dan *Cik Wan* di Kepulauan Riau-Lingga. Mereka keturunan pendakwah Patani yang diutuskan oleh Syeikh Faqih Ali al-Fatani. Kemudian beliau juga berusaha menghantar para pengembang Islam ke serata Kalimantan, Sarawak, dan Brunei. Dari Johor akhirnya beliau pulang ke tanah tumpah darahnyanya di Patani untuk mengabadikan diri pada agama dan negerinya.³⁶

Usaha para pendakwah Islam dari Patani bukan sahaja menyebarkan agama Islam ke kawasan yang belum menerima Islam bahkan juga ke kawasan yang sudah pun terdapat masyarakat Islam bagi mengukuhkan lagi penghayatan tentang Islam. Peranan Patani sebagai pusat penyebaran Islam khusus di sebelah selatan menghala Nusantara. Namun di sebelah utara negeri-negeri Melayu Semenanjung seperti Ligor, Cahaya, terang, Gerahi, Patalung, dan Singgora terdapat juga banyak

34 Abdul Rahman al-Ahmadi, *ibid.*, hlm. 71.

35 Abdul Rahman Haji Abdullah, *op. cit.*, hlm. 81.

36 Hawash Abdullah, *op. cit.*, hlm. 20-8.

pendakwah Patani menjalankan kegiatan penyebaran Patani masuk mengajar hingga Kemboja dan Campa di selatan Indocina. Pembesar Patani dan Campa mempunyai pertalian keluarga ketika itu. Sewaktu Kelantan berada di bawah pemerintahan Empayar Patani dari tahun 1521 hingga 1637, raja Patani telah melantik gabenornya Datuk Jamaluddin pada tahun 1547 memerintah Kelantan berpusat di Pangkalan Datuk. Adiknya pula Datuk Mustafa menjadi Datuk Jambu, Patani, sementara datuk mereka adalah Sultan Abu Abdullah atau Wan Bo Tri Tri, Raja Campa (1471-78). Sultan Yaakub Syihabuddin, keluarga mereka yang memerintah di Campa, catatan China menyebutnya Ca-Kau-Po-Lo pada tahun 1505 diserang oleh orang Yuwun atau Annam. Mereka menangkapnya serta mengurungnya dalam sangkar besi hingga mangkat dalam keadaan yang menyedihkan. Maka Datuk Mustafa di Jambu dan abangnya Datuk Jamaluddin di Kelantan telah menyiapkan angkatan tentera masing-masing. Sebanyak 5000 orang Melayu Kelantan dan 10 000 orang Melayu Patani lalu menyerang orang Yuwun dari laut hingga dapat merebut kota Phan Rang atau Pandurangga.

Setelah kejayaan ini Datuk Mustafa dilantik menjadi raja Campa bergelar Sultan Abdul Hamid Syah (1578-1637). Dalam sejarah Campa baginda dikenali sebagai Po Rome dan di kalangan orang Cam dan Kelantan dikenali sebagai Ong Tpouo. Baginda mangkat dalam peperangan dengan orang Yuwun kerana helah isteri muda yang berbangsa Yuwun, puteri raja Annam. Bagi menenteramkan suasana di Campa, raja Annam mengundang anaknya Datuk Ibrahim yang menjadi pembesar Patani di Kelantan dilantik sebagai raja Campa (1637-84) di bawah naungan Kerajaan Annam. Dalam sejarah Campa baginda dikenali sebagai Po Nrop, tetapi di kalangan orang Cam dan Kelantan dikenali sebagai Ong Cai Nyek. Hampir kira-kira 47 tahun di bawah naungan Kerajaan Annam yang semakin menindas orang Melayu

Campa yang beragama Islam itu, di samping tekanan politik dan migrasi penduduk keturunan Yuwun, maka baginda mula bertindak. Namun tindakan baginda ini telah dibalas oleh raja Annam yang mengirim pasukan tentera yang besar jumlahnya menyerang ibu kota Phan Rang pada tahun 1684. Raja Campa Nik Ibrahim kalah dalam peperangan itu lalu mengundurkan diri bersama-sama dengan ribuan rakyatnya dan mendarat di Pangkalan Datuk, Kelantan, iaitu tempat asalnya.³⁷ Tiga tahun kemudian baginda bertekad meneruskan perjuangan dan berangkat ke Kemboja bersama-sama dengan angkatannya dan tinggal di Kampung Cam. Tidak lama kemudian meletuslah peperangan di daerah sempadan dengan orang Yuwun itu. Malangnya baginda mangkat kerana terlalu uzur dan usianya yang sudah lanjut, dimakamkan di Rokan Bopran, Kampung Cam, Kemboja.

Walau bagaimanapun, hubungan kegiatan Islam antara Patani dengan masyarakat Islam Cam berterusan selama beberapa abad. Banyak pelajar mereka datang menuntut ilmu di pusat pengajian pondok di Patani. Menjelang akhir abad ke-19, dua orang pendakwah Islam Patani telah dihantar ke Kemboja, Haji Wan Ahmad dan Haji Sulong, dan mengajar di sana di samping menganjurkan semangat kebangkitan Islam di kalangan mereka.³⁸

Islam telah berkembang di serata negeri Melayu Semenanjung kerana usaha gigih para ulama Patani. Negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, dan Pahang di Semenanjung juga di daerah pantai timur Sumatera seperti Langkat, Aceh, dan yang sebagainya menjadi tempat masyarakat Islam Patani berselindung daripada ancaman musuh. Siri peperangan

37 Abdul Rahman al-Ahmadi, *op. cit.*, hlm. 77-9.

38 Abdul Rahman al-Ahmadi 1989. "Pokok Pemikiran Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad al-Kenali", dim. Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Ke-II. 15-20 Ogos 1989.

secara besar-besaran antara Patani-Siam tercatat dalam sejarah berlaku sebanyak 12 kali bermula pada tahun 1563 Patani menyerang Ayuthia, 1603 Siam menyerang Patani kali pertama, seterusnya Siam menyerang Patani pada tahun 1632, 1634, 1678, 1709, dan kekalahan Patani pada tahun 1786. Patani terus menentang pada tahun-tahun 1789, 1808, 1832, 1838, dan 1848.

Untuk mengesan penempatan keturunan Melayu Patani di seluruh Semenanjung adalah sukar. Yang nyata di mana terdapat pusat pengajian pondok, di situlah perkampungan keturunan Patani kerana sewaktu berhijrah bersama-sama dengan mereka terdapat panglima Islam, ahli tasawuf, ulama, dan ahli kitab. Dari sini kegiatan Islam berkembang ke serata tempat, umpamanya di Terengganu Syeikh Faqih Ali al-Malbari berhijrah dari Patani menetap di Pulau Duyong; keturunannya menjadi alim ulama terkenal. Ini diikuti oleh Syeikh Abdul Kadir Abdul Rahim al-Fatani yang selepas peperangan pada tahun 1832, berhijrah meneruskan kegiatan Islamnya di Bukit Bayas. Syeikh Zainal Abidin Tuan Minal al-Fatani berhijrah dan bergiat di Sungai Dua, Seberang Perai.

Begitu juga peranan pahlawan pejuang Islam yang berundur setelah kalah dengan Siam. Mereka juga merupakan pemimpin agama yang disegani. Umpamanya Lebai Saras seorang keluarga bangsawan yang alim. Akibat serangan Siam, pada tahun 1810 beliau telah berhijrah membuka penempatan di Kemaman, Terengganu.³⁹ Wan Ahmad pembesar Patani membuka daerah Baserah, Pahang. Di Perak Wan Kasar membuka daerah Batu Kurau. Panglima Wan Darmula membuka Kampung Cangkat Jering,⁴⁰ Haji Mustafa pula membuka dae-

39 Alir Muda 1977/79. "Sejarah Awal Kemaman", *JEBAT*. Bil. 7/8, hlm. 28-41.

40 Penulis sendiri adalah cucu cicit Wan Darmula yang berasal dari Kuala Bekah, Patani, berhijrah kemungkinan setelah kekalahan Patani pada tahun 1786.

rah Bukit Meriam, Kedah, dan banyak lagi. Nama-nama tempat seperti Kampung Patani, Kuala Terengganu; Kampung Patani, Seberang Perai; Sungai Patani, Kedah; Jalan Patani, Pulau Pinang; Jalan Patani, Kuala Kangsar, merupakan kesan penghijrahan dan penempatan keturunan Melayu Patani terutama di Kelantan, Kedah, Terengganu, dan Hulu Perak.

Justeru itu peranan Patani sebagai pusat penyebaran Islam adalah terpenting di sebelah utara Semenanjung tetapi jarang diperkatakan. Kedudukannya yang sentiasa terbuka luas pada perhubungan laut adalah faktor utama Islam tersebar di seluruh Nusantara. Tawanan perang setelah kejayaan Siam menyebabkan masyarakat Islam Melayu Patani banyak terdapat di kota tua Ayuthia dan bandar Bangkok sekarang ini. Kesemuanya menjadikan Patani sebagai obor yang menerangi luas cahaya Islam di seluruh pelosok Asia Tenggara.

Masalah Geo-Politik dan Pertikaianya

Perusahaan perlombongan terutama emas di Patani telah dikesan kewujudannya sejak zaman purba lagi. Roland Braddell menegaskan bahawa pada Zaman Batu Baru Neolitik sudah terdapat suatu rangkaian kawasan emas di sepanjang negeri Patani hingga Pahang di Semenanjung. Ini menyokong kenyataan Cladius Ptolemy abad kedua Masihi yang menamakan Semenanjung Melayu sebagai "Semenanjung Emas" atau *Golden Chersonese*.⁴¹ Pada masa ini Patani merupakan sebuah negara yang terkenal dalam menghasilkan emas. Keluaran emas dan bahan galian yang lain dibekalkan hingga ke India, Parsi, Mesir, dan Eropah. Catatan China, Liang Syu pada tahun 515 M. menceritakan tentang penduduk zaman Langkasuka, rajanya yang memakai bengkung dan

41 Braddell, R. 1954. "Malaya's Ancient Past", dim. *Malayan Historical Journal*. Jil. 1, No.1, hlm. 32-5.

subang emas. Di sini terbukti bahawa emas banyak dihasilkan sehingga dijadikan barang perhiasan di samping menggambarkan sebuah negara yang kaya.

Kemasyhuran Patani sebagai pengeluar emas telah diperkatakan oleh beberapa orang penulis. Walau bagaimanapun Homem pada tahun 1558 telah menjelajah Teluban atau Sai yang disebut juga *Seii, Seia, Soia, Sea, Sey, Sue, Coy, Say*, tidak membuat sembarang catatan tentang emas yang terdapat di bahagian pedalaman kawasan itu.⁴² Kenyataan pertama yang jelas tentang kekayaan emas di Patani dilaporkan oleh penulis Portugis, Emmanuel Godinho de Eredia, pada tahun 1613:

*It contains even at the present day large gold mines which have been discovered in the mountains and the ranges and in other parts of the territory along the course of River Cea, where one finds large quantities of gold in the form of dust and small grains, which is taken for sale to the port of Malacca, and is well known to the captains and merchants of the latter place who always buy it for the trade with Choromandel.*⁴³

Daripada petikan itu terbukti bahawa Patani kaya dengan emas jika dibandingkan dengan negeri lain di Semenanjung Melayu dan mampu mengeksportnya ke luar negeri. Patani juga kaya dengan bijih timah, bijih besi, boksait, dan lain-lain lagi. Orang Melayu melombong emas pada masa itu dengan menggunakan teknik melampun atau mendulang. Dulang itu disesuaikan penggunaannya di sungai dan di anak sungai yang tohor airnya. Dengan menggunakan alat itu, bijih emas, ketul-ketul batu kecil, pasir, dan lumpur disodok dan kemudian bahan-bahan itu diayak di dalam air. Dengan cara begini bijih emas dapat diasingkan daripada bahan lain.

42 Linehan, W. 1947. "A Note on Sai", *JMBRAS*. Jil. 20, bgh. II.

43 Rentse, A. 1947. "A Historical Note on the Northeastern Malay States", *JMBRAS*. Jil. 20, bgh. I, hlm. 23-36.

Perusahaan melombong emas di kalangan orang Melayu Patani adalah dengan menggunakan teknik dan cara yang sangat mudah. Pekerjaan ini dianggap pada mulanya sebagai pekerjaan sampingan sahaja. Mereka juga percaya terhadap semangat semasa menjalankan pekerjaan melombong emas, kerana pada mereka emas juga mempunyai semangat yang boleh berubah kedudukannya di dalam tanah. Selain itu orang Melayu juga mempunyai pantang larang semasa melombong emas. Perbuatan yang tidak baik seperti berjudi dan bergaduh tidak dibenarkan berlaku di kawasan perlombongan.

Sewaktu orang Barat seperti Portugis, Belanda, dan Inggeris membuat penempatan perdagangan pada awal abad ke-16 di Patani, mereka tidak pula menyatakan sesuatu tentang perlombongan emas ini. Walau bagaimanapun, pada abad berikutnya pengembara China yang bernama H'sieh C'ing-Kao telah menjelajah pedalaman Patani; beliau menceritakan tentang banyaknya emas di kawasan pergunungan. Tempat ini dinamakan *A-lo-Syuai* yang bermaksud Hulu Sai. Ketika ini Patani mengirim ufti kepada Kerajaan Siam seberat 30 cin emas. Dicatatkan juga bahawa beratus-ratus orang pelombong Cina tertumpu di kawasan tersebut untuk merebut kekayaan ini.⁴⁴ Orang Cina telah datang membolot peluang ini. Dipercayai bahawa kawasan perlombongan emas yang kaya di daerah Temoh, di Hulu Sai atau Hulu Teluban ini telah dijumpai oleh Orang Asli yang tinggal di situ.⁴⁵ Kemudian beribu-ribu orang Cina telah datang menguasai emas hingga mencetuskan pertikaian di kalangan orang Melayu Patani.

Di Patani selain emas, bijih timah banyak terdapat di kawasan Lembah Belum atau Jarum dan di pergu-

44 Cushman J.W. dan Milner A.C., *op. cit.*, hlm. 15. Menurut penerangan nota kaki, 1 cin bersamaan berat 596, 80 gram atau 19.18 oz.

45 Louis, H. 1894. "On the River Telubin", *Geographical Journal*. Jil. 4, hlm. 219-37.

nungan yang bersempadan dengan negeri Perak. Ini menjadi rebutan antara kedua-dua kerajaan negeri. Godinho de Eredia pada tahun 1613 telah mencatatkan tentang bijih timah:

*The earth is dug out of the mountains and placed on certain tables where the earth is dispersed by water in such a way that only the tin in the form of grams remains on the tables. It is then melted in certain clay moulds out by process of casting and converted into large slabs of five slabs to the bahara or into small slabs... of 250 slabs to the bahara.*⁴⁶

Orang Perak juga turut merasakan kepentingan bijih timah yang terdapat di bahagian Hulu Perak yang bersempadan dengan Patani. Pertumbuhan ekonomi Perak bertambah maju. Bagi menegakkan kawasan dan hak perlombongan ini Sultan Mansur Syah (1549–77) bersama-sama dengan Bendahara Megat Terawis telah menyusur hulu Sungai Perak dan di suatu tempat bernama Tapung pada batu besar yang kononnya telah dibelah dengan pedang. Baginda telah menandakan sempadan negeri Perak dengan Patani.⁴⁷ Walau bagaimanapun sempadan yang dibuat sendiri ini tidak diketahui oleh orang Melayu Patani dan mereka menganggap masih sebahagian daripada negeri Patani. Penghulu Buton yang menjadi pembesar Melayu Patani di daerah itu telah membantah pentadbiran Sultan Mahmud Syah (1770–78) tentang pentadbiran di Kelian Indah serta menuduh Seri Andika Raja, Orang Besar Delapan Perak yang campur tangan membolot keuntungan perlombongan bijih timah di situ. Baginda sultan Perak mendapati tindakan pembesarnya, Seri Andika Raja, adalah

46 Andaya, B.W. 1979. "Perak: The Abodes of Grace", *East Asia Historical Monograph*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

47 Buyong Adil 1978. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 9 menceritakan ketetapan sempadan ini dibuat bersama-sama dengan Pembesar Reman, di Patani; sebenarnya Reman belum lagi wujud ketika itu.

salah dan mengiktiraf kekuasaan Penghulu Buton di daerah yang menjadi rebutan itu.

Sejak itu semakin banyak pelombong Melayu dari Patani dan Kedah telah dibawa masuk ke kawasan Kelian Indah dan Rui untuk melombong, kemudian mengeksport bijih kepada pedagang Kedah menerusi perairan Sungai Kuala Muda. Apabila Tuk Alang menjadi Seri Andika Raja, beliau dan Seri Maharaja Lela merasakan kekuasaan mereka telah diketepikan oleh baginda sultan Perak serta tidak dapat meraih keuntungan daripada hasil bijih timah lalu menyalahkan Penghulu Buton kerana tidak mahu mengeksport menerusi perairan Sungai Perak, yang cukainya dikutip oleh Belanda di Tanjung Putus.

Untuk menyelesaikan pertikaian sempadan ini, pada November 1768 perwakilan Perak telah dihantar menyampaikan perkara ini kepada pihak berkuasa Patani. Surat juga dikirimkan kepada Sultan Muhamad Jiwa (1710-78) Kedah, tentang penglibatan rakyat dan kawasan yang bersempadan dengan Kelian Indah dan Rui, tetapi dalam surat jawapannya pada Oktober 1769 baginda menyatakan keengganannya menuntut sembarang hak di kawasan tersebut. Namun hingga Januari 1770 jawapan belum diterima daripada pihak berkuasa Patani. Tetapi menurut seorang pembesar Patani, Penghulu Buton berhak terhadap kawasan Kelian Indah dan Penghulu Unun pula berhak terhadap kawasan Rui. Ini berdasarkan perlantikan rasmi oleh baginda sultan Perak sendiri. Ketika ini Patani diperintah oleh Sultan Muhammad. Pada Disember 1780 pembesar Patani telah mengirim sepucuk surat kepada Sultan Iskandar Muda (1778-86). Pemerintah Perak yang baru telah turut mengakui hak baginda menyebabkan timbul reaksi penentangan di kalangan para pembesar Patani.

Menjelang bulan November 1786, Patani jatuh ke tangan Siam dalam serangan kali kelima. Ini telah mengubah suasana politik Patani; sekaligus kekalahan ini

menghilangkan keraguan Perak terhadap kegagahan Patani selama ini. Pada tahun 1791-92 Raja Patani Tengku Lamiddin menyerang balas tentera Siam tetapi dengan bantuan Bangkok, sekali lagi Patani diserang menyebabkan rakyatnya membanjiri Kelian Indah dan Rui. Keadaan ini telah menggesa Raja Muda Perak, Raja Culan, mengirim surat pada Jun 1792 kepada Gabenor Belanda Couperus di Melaka menyatakan tentang pelarian Patani yang membanjiri dan menguasai kawasan perlombongan di samping meminta bantuan senjata api dan peluru bertujuan membendung orang Patani. Sungguhpun permintaan Perak ini telah ditunaikan, namun rancangan untuk memerangi pelarian perang itu cuma di pertengahan jalan sahaja.⁴⁸

Kerajaan Siam yang telah menjajah negeri Patani pada tahun 1816 telah bertindak memecahkan pentadbiran negeri kepada negeri-negeri kecil: Patani, Jering, Sai atau Teluban, Reman, Legeh, Nong Cik, dan Jalur. Maka lahirlah negeri Reman yang tersebar luas ke selatan bersempadan dengan negeri Perak. Raja Reman yang pertama, Tuan Mansur atau Tuan Nik Toh Leh (1816-36) dikatakan mengisytiharkan negerinya sebagai republik.⁴⁹ Dengan menguatkan kedudukan Reman mulalah orang Melayu menekankan masalah sempadan dan hak masing-masing oleh sebab keperluan bijih timah memberi potensi ekonomi yang cemerlang. Pada tahun 1824 daerah Kelian Intan dikatakan mengeluarkan bijih timah sebanyak 50 bahara dan kawasan Kroh mengeluarkan sebanyak 200 bahara.⁵⁰ Kedua-dua kawasan ini merupakan sebahagian daripada Reman dan secara keseluruhannya negeri Patani mengeksport sebanyak 42 000 tan bijih timah.

48 Andaya B.W., *op. cit.*, hlm. 284-5.

49 Inilah negara republik pertama di Nusantara Melayu khususnya.

50 Birch, E.W. 1909. "My Visit to Klian Intan", *JMBRAS.* No. 54, hlm. 137-46.

Pada 6 November 1814 Sultan Abdul Malik Perak (1806–25) telah mengadu kepada Sultan Ahmad Tajuddin Kedah (1804–43) tentang orang Patani dari Reman yang menguasai kawasan perlombongan bijih timah. Kedah terpaksa menyerang Perak pada tahun 1818 dan kemudian telah memberi kesempatan kepada orang Patani memperteguh kedudukan mereka dari Bukit Naksa hingga Berhala Bujuk di Jeram Panjang. Ini berterusan hingga Siam menyerang Kedah pada tahun 1821. Dari situasi ini Raja Reman Tuan Mansur berjaya memperoleh kekayaan yang banyak dalam tempoh tiga hingga empat tahun sahaja. Melihat keuntungan dan penguasaan itu Sultan Abdul Malik Perak bertindak menghantar angkatan perang di bawah pimpinan Datuk Seri Lela ke daerah Hulu Perak dan mendirikan kubu di Kapas, Kuala Kepayang, dan Kroh bagi mengawal kawasan perlombongan itu. Baginda juga menghantar adinda perempuan bongsunya, Raja Andak atau Raja Nandak, sebagai perwakilan merundingkan masalah ini dengan Raja Reman Tuan Mansur.

Raja Andak yang terkenal kejelitaannya serta sifat suka bercerai baru sahaja berpisah dengan suaminya, Raja Kassim, dari Siak dan berkahwin pula dengan Datuk Seri Lela, pemimpin angkatan Perak. Pencerobahan angkatan Perak ini telah menimbulkan kemurkaan Raja Reman tetapi perkhabaran tentang Raja Andak yang cantik itu sedang membenci suaminya memberi harapan untuk merampas kembali kawasan perlombongan menerusi perkahwinannya dengan Raja Andak.

Walau bagaimanapun, pihak angkatan Perak yang sedang berkubu itu tidak bersetuju dengan rancangan Raja Andak ini bahkan beliau sendiri menyesali tindakannya yang akan mengkhianati baginda sultan Perak. Apabila angkatan perang orang Patani tiba di sempadan, Raja Andak yang ketakutan lari pulang ke Perak. Ini menyebabkan Raja Reman murka lalu mengejanya arah ke selatan, tetapi kisah ini berakhir dengan ke-

mangkatan baginda Tuan Mansur pada tahun 1836. Usaha menegakkan pertuanan Reman Selatan ini disambung oleh anakanda raja Reman yang kedua, Tuan Nik Ulu yang bergelar Tuan Kundur.

Kemunculan Toh Nang Sikuat, bonda saudara raja Reman, telah menggugat hak pungutan cukai di Kapas hingga berjaya membunuh Raja Sahid, ketua angkatan Perak pada tahun 1842. Daripada peristiwa itu Sultan Shahabuddin Perak (1830-51) telah menghantar angkatan perang besar-besaran diketuai oleh Seri Andika Raja Mir Abdullah yang mara ke hulu Perak. Toh Nang Sikuat pula menyiapkan kekuatan orang Patani di bawah pimpinan Panglima Mengkung Deleha. Akhirnya kedua-dua angkatan perang orang Melayu Patani dan Perak ini bertempur di Lapang Nenering. Ternyata kemenangan di pihak orang Patani. Pada tahun 1845 angkatan bantuan Perak dikejar lagi. Tatkala tiba di Kuala Dua meletus pula pertempuran kedua. Sekali lagi berakhir dengan kemenangan orang Patani. Mengkung Deleha telah mengebumikan mereka yang terkorban di Lapang Nenering; barisan tanah perkuburan itu boleh ditemui hingga sekarang ini.

Dengan kejayaan itu Raja Reman Tuan Kundur memimpin angkatan bantuan menggempur orang Perak hingga ke Kuala Kenering. Kemudian baginda mengarahkan Mengkung Deleha bersama-sama dengan angkatannya pulang kerana keletihan dan kehabisan peluru. Dalam pada itu berita yang mengatakan kubu orang Perak di Temelong baru sahaja menerima bekalan. Mengkung Deleha yang belum puas dengan perjuangan itu telah bermuafakat dengan beberapa orang pengikutnya menyamar sebagai orang Perak. Mereka berjaya melarikan bekalan peluru menyusupi sungai hingga Pasir Jambai kemudian bermalam di situ dengan keadaan terdedah pada musuh. Dengan bantuan orang Temelong, para pengikut Mengkung Deleha telah diserang. Beliau sendiri tercedera dalam suatu tentangan

hebat, kemudian pulang ke Reman. Dengan itu berakhirlah pertikaian sempadan untuk merebut kawasan perlombongan bijih timah di bahagian selatan Reman; Patani dikira juga sebahagian daripada negeri Perak.⁵¹

Penempatan Inggeris di Pulau Pinang pada tahun 1786 dan Singapura 1819 telah merangsang orang Melayu merebut kekayaan mendapatkan galian yang bernilai serta menumpukan sepenuh masa pada usaha melombong. Negeri Patani terus menjadi pembekal utama emas, perak, bijih timah, batu bijih, tembaga, besi, boksit, batu kapur, dan pelbagai jenis galian lagi. Menyedari keadaan politik Patani yang tidak stabil dengan kuasa Siam yang semakin kukuh menjajah Patani serta pertikaian sempadan dengan Perak di suatu kawasan yang dipenuhi galian berharga, maka Gabenor Inggeris di Pulau Pinang, Kol. Bannerman, menyebarkan pengaruhnya di Patani yang dapat menampung keperluan perdagangan Syarikat Hindia Timur. Antara tujuan John Crawford dihantar ke Bangkok pada tahun 1822 oleh Kerajaan Inggeris ialah untuk mengadakan hubungan terbaik-baik dengan Siam di samping penglibatan mereka dengan Patani yang terkenal sebagai pengeluar utama galian, yang mengeksport keluaran ke Pulau Pinang menerusi Sungai Rui, Beca Deradap, Baling, Sungai Merbok, dan Sungai Muda.

Perusahaan perlombongan emas di Patani terus aktif pada pertengahan awal abad ke-19 ini. Timbangan yang digunakan oleh orang Melayu ialah sistem mayam dan bungkal. Enam belas mayam bersamaan dengan satu bungkal atau 832 *grain*. Menurut Nicholas N. Dodge, "*Of all the goldmines in the Patani states, those in Ulu Sai were the most important gold.*" John Anderson pada tahun 1824 melaporkan, "*... was the foremost export*

51 Everitt, W.E. 1955. "The Reman Mines at Intan", *Malayan Historical Journal*, Jil. 2, hlm. 104-7.

from the Patani states in the early 19th century."⁵² T.J. Newbold pula menerangkan bahawa pada tahun 1839 Patani banyak mengeksport bijih timah dan sedikit sahaja emas.⁵³ Jelas beliau lagi, jumlah keseluruhan eksport Semenanjung bernilai RM308 990. Daripada jumlah itu emas merupakan 47% dan 99.9% keluaran emas pula datangnya dari negeri-negeri pantai timur Semenanjung, termasuk Patani.⁵⁴ A. Skinner menganggarkan bahawa pada awal abad ke-19, negeri-negeri Melayu pantai timur mengeksport antara lima hingga enam pikul atau 10 000–11 000 aun emas setahun ke Singapura, tetapi atas desakan politik pengeluaran emas dari Patani juga dihantar ke Bangkok.

Pada tahun 1826 Perjanjian Low dan Perjanjian Burney telah ditandatangani. Kedua-dua perjanjian ini memberi jaminan keselamatan dan mengiktiraf kemerdekaan Perak daripada gangguan Siam. Hakikat ini mendesak Perak menuntut selatan Reman, negeri Patani, sebagai hak kewibawaan kawasan yang akan meningkatkan kemajuan ekonomi negeri. Pada 25 Januari 1827 Gabenor Pulau Pinang, Robert Fullerton, membuat pengaduan ke India menekankan masalah kebenaran Kerajaan Inggeris menghubungi Patani yang membekalkan sebahagian daripada pengeluaran galian Semenanjung. Pedagang persendirian seperti Morgan dan Tuanku Syed Hamid adalah antara yang mengeksport bahan galian dari Patani menerusi Kedah.⁵⁵

Selama beberapa dekad pedagang dan saudagar Ing-

52 Dodge, N.N. 1977. "Mineral Production on the East Coast of Malaya in the Nineteenth Century", *JMBRAS*. Jil. 50, bgh. II, hlm. 89–110.

53 Newbold T.J., 1971. "Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca", Jil. 2. London: Oxford University Press.

54 Dodge, N.N., *op. cit.*

55 Kemunculan pekan Sungai Patani di Kedah dipercayai adalah kesan daripada perdagangan di kalangan pedagang Melayu Patani. Lihat Rentser A., *op. cit.*, hlm. 34.

geris di Pulau Pinang terutama terus mendesak pegawai tadbir Inggeris seperti Frederick Weld, Hugh Low, dan Swettenham supaya memperbetulkan sempadan Patani-Perak yang dipertikaikan selama ini. Apabila Andrew Clarke dilantik menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat pada tahun 1873 beliau telah melawat Bangkok. Ketua Konsul Perancis di Bangkok, Granier, telah mengesyaki Andrew Clarke cuba mencari kekayaan daripada eksport bahan galian Patani untuk Syarikat Hindia Timur. Cita-citanya tercapai apabila Perjanjian Pangkor ditandatangani pada 20 Januari 1874, antara Inggeris dengan Perak. Antara tuntutan awal Sultan Abdullah, pada 1874-76, kepada Residen J.W.W Birch ialah memperbetulkan sempadan Perak-Patani yang menjadi kegelisahan penduduk di situ.

Orang Cina merupakan pelombong yang paling banyak mengusahakan perlombongan emas dan bijih timah di Patani. Catatan tahun 1883 yang menunjukkan jumlah orang Cina sebanyak 2000 orang pada akhir abad ke-19 telah meningkat menjadi 20 000 orang. Pada suatu ketika pertambahan dan penghijrahan mereka ke kawasan lombong yang begitu banyak telah menimbulkan perbalahan dengan orang Melayu Patani. Tindakan pihak berkuasa Bangkok yang melantik seorang Kapitan Cina yang bertujuan mengawasi para pelombong telah memulihkan keamanan di kalangan mereka. Kekayaan dibolot dan dimonopoli oleh mereka. Antara mereka ada menjadi hartawan terkenal di negeri Patani, umpamanya Datuk Chew Beng di Jalur. Beliau mempunyai kawasan lombong yang luas seperti Lombong Chew Beng, Lombong Gua Tumbus, dan Lombong Epoh kesemua di daerah Bendang Setar, Jalur. Keluaran utama kawasan ini ialah bijih timah, batu bijih, timah hitam, besi, perak, batu kapur, batu granit di samping bahan-bahan seperti sulfat, fosfat, dan yang sebagainya. Pengeluaran emas sahaja berjumlah antara 23-77 aun bahkan melebihi paras tan. Pengeluaran bijih timah

keseluruhan eksport Patani berjumlah antara 200–400 bidur atau lebih kurang 60 kati sebulan ataupun antara 140–280 kwt. termasuk bijih timah asli. Dari suatu analisis kepingan wang syiling kegunaan negeri Patani yang ditemui banyak mengandungi bahan yang berikut:

Timah hitam	–	69.4%
Bijih timah	–	27.9%
Besi	–	0.7%
Belerang dll.	–	2.0%

William Cameron mencatatkan, pada tahun 1883, bahan galian batu bijih yang terdapat di Patani sebagai:

*No. 1 Mine which was the largest lode of galena that has ever been discovered in Malaya and of first quality, these lodes occurring in the crystalline limestones contain silver in proportions varying from 23 to 66 oz. to the ton.*⁵⁶

Seterusnya beliau juga menceritakan tentang raja Reman; menurutnya:

*A man of liberal ideas and exceedingly anxious to cultivate a knowledge of European manners and customs, he is a fair artisan and a Nimrod in the jungle, he is also affable and courteous, and any European visiting Kota Bharu, capital of Reman may rely upon a hospitable reception.*⁵⁷

Pada tahun 1894 raja Reman mampu mengadakan cukai ufti bunga emas seberat 25 tahlil atau 32 aun yang bernilai RM3000, sebagai tambahan sebanyak 50 atau 60 tahlil ataupun 65–78 aun bungkal emas lagi untuk dihantar ke Bangkok. Ini terbukti Reman salah sebuah negeri di Patani yang kaya dengan galian emas. Namun penghasilan bijih di bahagian selatannya terus menjadi rebutan dengan Perak.

56 Cameron W. 1883. "On the Patani", *JMBRAS*. Jil. 11, hlm. 123–42.

57 *Ibid.*, hlm. 130.

Menjelang tahun 1882 Kerajaan Inggeris di Singapura mula memandang berat terhadap tuntutan Perak. Tambahan pula penghasilan bijih timah dan emas meyakinkan Inggeris menyokong tuntutan itu, sejajar dengan perundingan yang diadakan di Pejabat Tanah Jajahan di London yang memberi perhatian untuk membetulkan sempadan Patani-Perak ini. Gabenor Negeri Negeri Selat, Sir Frederick Weld, terus bersuara lantang agar Perak tidak bertindak melulu kecuali jika Kerajaan Siam yang menjajah Patani mengambil sikap positif terhadap selatan Reman ini. Residen Perak, James Low pula telah menyediakan satu memorandum mendesak bahawa daerah yang dikuasai oleh orang Patani itu sebagai Hulu Perak tetapi telah disalahtadbirkan. Beliau dan para pembesar Perak telah membuat keputusan akan membuat laporan pengaduan ke London berserta bukti-buktinya sekali. Pada 21 Mac 1884 James Low membawa seorang juruukur Perancis, M. de Morgan, untuk memetakan daerah seluas 2300 batu persegi yang menjadi rebutan ini. Gabenor Frederick Weld sendiri telah pergi ke England meninggalkan setiausahanya, C.C. Smith. Kemudian pada 8 Jun 1884 dua orang pegawai Pejabat Tanah Jajahan, Julian Pauncefoot dan Philip Currie, telah diarahkan untuk membincangkan masalah itu. Satu cadangan telah dibuat supaya Perak membayar ganti rugi sebagai menggugurkan tuntutan mereka. Cadangan ini telah disampaikan kepada seorang ejen Inggeris di Bangkok, Ernest Satow.

Pada bulan Januari 1885, Menteri Luar Siam Putera Devawongse telah menolak tuntutan pihak Inggeris yang akan menambah perluasan $\frac{1}{3}$ negeri Perak lagi. Di London pada 8 April 1885 Pejabat Tanah Jajahan menghubungi Menteri Dalam Negeri Siam Putera Nares dan memberi amaran yang keras serta menggesa pewujudan suatu penempatan secara aman. Ini telah mendesak Menteri Siam tersebut menemui Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, Lord Salisbury pada 10 Julai supaya

mengarahkan Perak membayar ganti rugi, dan dengan ini Kerajaan Siam akan melupakan tuntutan mereka. James Low yang kebetulan sedang bercuti di England telah dijemput sama membincangkan perkara ini, namun pertemuan ini belum dapat menyelesaikan sembarang kebuntuan. Walau bagaimanapun Putera Nares setelah pulang mula memujuk Putera Devawongse agar menerima sahaja wang tuntutan itu bagi memudahkan keadaan. Namun keadaan berubah apabila Raja Reman Tengku Abdul Kandis yang bergelar Tuan Jagung telah membantah sembarang hak dan kuasa asing di kawasan perlombongan selatan Reman kepada Putera Devawongse.⁵⁸

Pada tahun 1899 Raja Reman Tuan Jagung telah mangkat. Baginda digantikan oleh anakandanya Tuan Lebih Long Raya yang bergelar Luang Raya Phakdi. Kemudian Toh Nang Labu yang selama ini menjaga kawasan perlombongan juga meninggal dunia. Maka hak perlombongan ini jatuh ke tangan Raja Perempuan Reman. Raja Reman Tuan Lebih kemudian menyerahkannya kepada anakandanya Tuan Jernih, yang kemudian menyerahkan hak pertuanan ini kepada anaknya Tuan Man.

Bagi mendamaikan persengketaan yang berlarutan ini Kerajaan Inggeris di Tanah Melayu dan Kerajaan Siam telah menandatangani Perjanjian Sempadan pada 29 November 1899.⁵⁹ Pada hakikatnya perjanjian ini tidak direstui oleh raja Reman dan orang Melayu tempatan yang secara kasar telah menggariskan sempadan Reman-Hulu Perak. Residen-Jeneral Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Frank A. Swettenham, cuba menyekat per-

58 Kiernan V.G. 1956. "Britain, Siam and Malaya: 1875-1885", *Journal of Malayan History*, Jil. 28, No. 11, hlm. 1-20.


59 Chandran J., 1968. "Three Agreements Relating to the Northern Malay States Concluded in 1896, 1897 and 1899", *Peninjau Sejarah*, Jil. 3, hlm. 52-62.

janjian ini daripada ditandatangani. Beliau menyedari ini akan menghalang usaha pihak Inggeris mengembangkan pengaruhnya jauh ke utara terutama ke Patani. Malah perjanjian ini juga sebagai langkah pertama ke arah perjanjian sempadan sebenarnya. Melihat pengaruh penjajahan Siam ke atas Reman dan seluruh negeri-negeri Patani semakin membimbangkan Raja Reman Tuan Lebih, dan pada 10 Oktober 1901 baginda telah menghubungi Gabenor Frank Swettenham supaya seluruh negeri Patani diletakkan di bawah pentadbiran Inggeris. Baginda meminta jasa baik Robert W. Duff seorang pengusaha lombong yang telah membuat perjanjian tentang konsesi tanah perlombongan.⁶⁰ Namun usaha baginda ini telah menemui kegagalan.

Suatu peristiwa bersejarah telah berlaku. Kerajaan Siam telah bertindak menghapuskan kesultanan raja-raja Melayu Patani. Raja Reman Tuan Lebih sendiri telah ditangkap dan dihukum penjara selama 18 tahun atas tuduhan memberontak menentang pihak berkuasa Siam. Sesetengah sumber mengatakan bahawa baginda dicampak ke laut sewaktu dalam pelayaran ke Bangkok. Kelemahan politik Patani khususnya di Reman telah menjayakan tuntutan Perak, menerusi Kerajaan Inggeris, mendapatkan kawasan perlombongan yang berada di bawah jagaan cucunda bekas raja Reman iaitu Tengku Yahaya.

Menjelang tahun 1908 sekali lagi masalah selatan Reman dibangkitkan dalam perundingan menggariskan sempadan antarabangsa antara negeri-negeri Tanah Melayu dengan Siam. Akhirnya Perjanjian Sempadan yang dikenali juga sebagai Perjanjian Bangkok ditandatangani pada 10 Mac 1909 serta penyerahan negeri-negeri Melayu Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu.

60 Ratnasingam, R.L. "The Duff Syndicate in Kelantan, 1900-1902", *JMBRAS*. Jil. 45, bhg. II, hlm. 81-110.



Peta 2 Empayar Melayu-Islam Patani sepanjang abad ke-17

sekaligus menyerahkan selatan Reman, meninggalkan Patani kekal dalam jajahan Siam.⁶¹ Seajar dengan penyerahan selatan Reman yang kaya dengan hasil galian ini untuk dijadikan sebahagian daripada daerah Hulu Perak maka pada 20 Julai 1909 upacara ringkas penyerahan dan ketetapan sempadan Perak-Patani telah diadakan. Pegawai Daerah Hulu Perak Hubert Berkeley bagi pihak Kerajaan Inggeris di Tanah Melayu dan Pegawai Daerah Betong Wan Hussein telah menandatangani perjanjian bagi pihak masing-masing.

Dengan itu selatan Reman, Patani di lembah pergunungan meliputi Kelian Indah, Kelian Intan, Kelian Mas, Rui, Kroh, Empat Air, Belum atau Yarum, Tapong, Temenggor, dan kawasan di sekitarnya kini menjadi sebahagian daripada negeri Perak. Ketika ini terdapat dua buah syarikat yang mengusahakan perlombongan, iaitu Syarikat Reman Hydraulic Tin Mining, pengurusnya Tuan Pearse, di kawasan seluas 600 ekar menghasilkan 4000 pikul bijih timah setahun, dan Syarikat Reman Tin Mining, pengurusnya Tuan J.D. Kemp, di kawasan seluas 220 ekar menghasilkan 10 000 pikul bijih timah setahun.

61 Birch E.W. 1909. "The Taking Over of Remen", JSBRAS. Jil. 54, hlm. 147-55.

3

HUBUNGAN PATANI DENGAN MELAYU SEMENANJUNG DAN INGERIS

Hubungan Patani dengan Raja-raja Melayu

SEBAGAI sebuah negeri Melayu tua yang unggul maka Patani dianggap menaungi sistem pemerintahan beraja Melayu yang wujud kemudiannya umpamanya dalam perlantikan raja-raja Melayu yang baru. Keagungannya menjadi tunggak dan simbol kedaulatan kerana raja-raja Melayu Semenanjung masa itu secara tradisional sering menganggap raja Patani sebagai sumber kerohanian. Patani yang kaya dengan cerita yang berunsur mitos dan legenda turut mempengaruhi kehebatan asal usul rajanya. Umpamanya sebagai tempat lahirnya para ulama besar, wali-wali Allah, dan keramat, Patani terus disegani sebagai lambang kekuasaan dan secara luhur telah mempengaruhi raja-raja Melayu Semenanjung.

Hubungan persemendaan dan kekeluargaan antara Patani dengan negeri-negeri Melayu Semenanjung telah berlaku sebelum dan sesudah Islam. Dalam hal ini banyak sumber Portugis menceritakan bahawa sewaktu Kerajaan Siam berada di bawah pemerintahan Boromoraja I (1370-88), baginda memperoleh seorang puteri daripada perkahwinannya dengan anak pembesar Patani. Kemudian puteranya telah dikahwinkan dengan Tamagi yang dilantik menjadi syahbandar di Singapura yang pada waktu itu di bawah pemerintahan Paduka Seri

Maharaja (1376-89). Apabila Tamagi dibunuh oleh Parameswara raja Patani menjadi murka lantas mengirim armada lautnya untuk mengusir Parameswara yang terpaksa lari lalu dikatakan membuka negeri Melaka pada tahun 1398. Walau bagaimanapun hubungan ini telah dipulihkan. Menurut sumber *Sejarah Melayu*, setelah memeluk agama Islam Parameswara kemudian bertukar nama Raja Iskandar Syah; anakandanya Raja Ahmad telah dijodohkan dengan seorang puteri Patani dari Kota Mahligai:

Syahdan, telah berapa lamanya Paduka Seri Maharaja di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda Raja Iskandar Syah naik raja menggantikan kerajaan ayahanda baginda, beristerikan anak Tun Perpatih Tulus. Baginda beranak seorang lelaki bernama Raja Ahmad, timang-timangan Raja Besar Muda, terlalu baik rupanya dan sikapnya, tiada berbagai pada zaman itu. Setelah sudah besar maka didudukkan baginda dengan anak Raja Sulaiman raja Kota Mahligai, bernama Puteri Kamarul-ajaib, terlalu baik parasnya tidak berbagai pada zaman itu.¹

Satu ciri yang menonjol dalam sejarah politik negeri-negeri Melayu ialah kerapnya berlaku pergelutan untuk merebut takhta di kalangan kerabat diraja. Ini memang suatu kelemahan dalam sistem politik Melayu tradisional, tetapi penting juga diperhati bahawa penggantian secara automatik tidak wujud walaupun sesudah dilantik seorang Raja Muda. Hanya calon yang mendapat sokongan terkuat berjaya menaiki takhta, calon yang lemah pula akan cuba mendapatkan bantuan dari luar. Keadaan ini berlaku dalam istana Patani hingga membawa tragedi berdarah dan terbunuhnya dua orang raja Patani iaitu Sultan Patik Siam (1572-73) dan Sultan Bahadur (1573-84). Peristiwa yang dijadikan pengajar-

1 Shellabear, W.G. 1967. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 68.

an itu menyebabkan kuasa pemerintahan raja-raja Melayu Patani terserah kepada seorang raja perempuan bernama Raja Ijau. Bermula dari tahun 1584 hingga 1686 selama satu abad lebih Patani menempa zaman kegemilangan di bawah raja-raja perempuan, iaitu Raja Ijau (1584-1616), Raja Biru (1616-24), Raja Ungu (1624-35), dan Raja Kuning (1635-86). Maka Patani-lah negeri Melayu Semenanjung yang pertama yang diperintah oleh raja perempuan berbanding dengan Aceh sepanjang 59 tahun dari 1641-99. Nicholas Gervaise menyentuh pentadbiran raja-raja perempuan Patani dalam tulisannya pada tahun 1680:

They chose from amongst themselves the most able to govern in her name without her participation, so she did not enter at all into the secrets of affairs, and she had to content herself with the respect and homage which everyone formally rendered her as their sovereign. They did not allow her the freedom to choose her own high officials, but they never refused her anything which could contribute to her pleasure.²

Perkahwinan yang berdasarkan politik memulihkan hubungan diplomatik antara Patani dengan Johor yang bermusuhan sejak tahun 1547. Dikatakan ketika itu Sultan Allauddin Johor (1528-64) telah sepakat mendapatkan bantuan daripada kekandanya Sultan Muzafar Perak (1528-49) dan kakanda iparnya Sultan Mahmud Pahang (1515-30) yang telah siap sedia berkumpul di Sungai Johor dengan sebanyak 8000 orang dan 300 buah perahu perang untuk menyerang Patani yang di bawah pemerintahan Sultan Mudzaffar Patani (1530-64). Perkahwinan bagi meredakan suasana ketegangan Patani-Johor ini dilangsungkan antara Raja Ungu dengan Sultan Abdul Ghaffur Mohaiddin Syah Pahang (1590-1614).

2 Teeuw A. dan Wyatt D.K., *op. cit.*, hlm. 12.

Sungguhpun begitu Sultan Allauddin III Johor (1597–1615) dan adindanya, Raja Abdullah atau Raja Seberang, tetap ingin berseteru dengan Patani. Pada bulan Jun 1602 sewaktu orang Belanda pimpinan Jacob van Heemskerck singgah di Johor, kesempatan ini telah digunakan oleh Raja Abdullah dengan menunjukkan sikap terbaik-baik serta mengajak Belanda sama-sama menyerang Patani. Apabila tawaran ini ditolak sekali lagi pada 5 Januari 1609, ketika Laksamana Pieter Williemsz Verhoeff bersama-sama dengan angkatan 13 buah kapal armada Belanda singgah di Johor, Sultan Allauddin telah menyambut baik kedatangan orang Belanda serta memberi hadiah bernilai 3000 rial, timah hitam, rempah, dan menandatangani satu perjanjian dengan Laksamana Verhoeff. Di samping itu sepucuk surat dikirimkan kepada Pengarah Tertinggi V.O.C. dan sekali lagi mendesak bantuan Holland untuk sama-sama menyerang Patani.

Raja Abdullah pula sering memujuk Laksamana Cornelius Matelieff de Jonge bersama-sama dengan angkataannya yang terdiri daripada 8000 orang tentera dan 50 buah kapal perang yang sedang dalam percubaan untuk menawan Melaka daripada Portugis. Rancangan dibuat agar Patani diserang secara besar-besaran. Kemudian menurut Raja Abdullah mereka akan membahagikan keuntungan daripada kemenangan itu. Namun segala rancangan dan tindak-tanduk Sultan Johor dan adindanya itu tidak pula dituruti oleh orang Belanda. Ini kerana pelaburan modal perdagangan V.O.C. di Patani banyak berjumlah 63 000 rial berbanding dengan permodalan di Johor yang hanya berjumlah 10 000 rial.

Menurut catatan Inggeris yang berada di Patani pada sekitar tahun 1612–13, pada bulan September 1612, angkatan Sultan Allauddin Johor telah bertindak membakar dan menyerang sebuah perkampungan di Kampung Cina, Pahang. Tindakan ini mungkin sebagai amaran kerana Raja Ungu permaisuri Sultan Abdul Ghaffur

Pahang adalah adinda Raja Ijau Patani. Serangan yang serupa juga dilancarkan oleh Patani terhadap Pahang pada 18 Mac 1613, dengan angkatan sebanyak 4000 orang tentera dan 70 buah perahu perang. Pada 12 Julai Sultan Abdul Ghaffur Pahang bersama-sama dengan permaisurinya Raja Ungu dan dua orang anakanda mereka tiba di Patani setelah 28 tahun permaisurinya itu tidak pernah pulang ke negerinya di Patani. Bersama-sama ketibaan mereka ini ialah perkhabaran mengatakan Sultan Iskandar Muda Aceh (1607-36) telah menyerang dan menawan Johor. Banyak pembesar termasuk Sultan Alauddin Johor, Raja Abdullah, Bendahara Tun Seri Lanang telah dijadikan tawanan dan dibawa ke Aceh. Sekaligus berita ini telah menghilangkan ketegangan dan menjadikan Patani sebagai kuasa teragung di utara dan pantai timur Semenanjung. Ketika ini Kelantan dan Terengganu pula sudah lama berada dalam naungan Patani. Pada tahun 1614 Sultan Abdul Ghaffur Pahang mangkat. Raja Bujang dari Johor telah dilantik memerintah Pahang selama dua tahun. Perlantikan ini masih mencemaskan Patani.

Hubungan Diplomatik

Dasar luar Patani telah mencapai perubahan besar apabila bekas permaisuri Pahang iaitu Raja Ungu telah dilantik sebagai raja Patani bergelar Paduka Syah Alam. Baginda pemimpin yang bijak serta bersikap anti Siam. Baginda telah mendekatkan Patani dengan negeri-negeri Melayu Semenanjung. Pada tahun 1629 orang Aceh menyerang Melaka. Kesempatan ini telah diambil oleh Patani untuk mengadakan perikatan dengan Johor dan Melaka bagi membendung ancaman Aceh. Sejajar dengan dasar pemerintahan Sultan Abdul Jalil atau Raja Bujang (1623-77) hubungan dengan Patani telah dipulihkan sesudah sekian lama berseteru. Bagi memperkukuh kekuatan ini pada tahun 1632 Raja Ungu Patani

mencadangkan pakatan pertahanan ditubuhkan antara Patani-Johor-Belanda-Kemboja-Jambi-Inderagiri bagi menentang kuasa Portugis-Sepanyol yang semakin mengancam rantau ini. Sungguhpun pakatan pertahanan ini tidak dilaksanakan tetapi dalam serangan besar-besaran yang dilancarkan oleh Siam ke atas Patani pada 21 Mei 1634 terbukti Johor dan Pahang telah menghulurkan bantuan 50 buah kapal perang dan 8000 orang tentera, manakala Portugis Melaka pula menghantar enam buah kapal perang mereka. Ini juga telah memperlihatkan hubungan kerjasama antara Patani-Johor yang kembali pulih dan tidak lagi bermusuhan.

Sebagai mengeratkan lagi hubungan itu Sultan Abdul Jalil Johor, adinda bongsunya Yang Dipertuan Muda, bondanya, Raja Bajau, dan banyak lagi pembesar Johor telah mengadakan kunjungan rasmi ke negeri Patani. Bagi mengeratkan pertalian ini, Yang Dipertuan Muda Johor telah dikahwinkan dengan Raja Kuning, anakanda Raja Ungu Patani. Perkahwinan diraja ini telah memulihkan hubungan kekeluargaan dan diplomatik, tambahan pula Raja Kuning sendiri telah menaiki takhta Patani pada tahun 1635. Setelah sekian lama berada di Patani, pada tahun 1641 Sultan Abdul Jalil telah berangkat pulang ke Johor dan tiba di Batu Sawar. Seorang penulis Belanda, Rouffaer, menganggap hubungan keluarga diraja Patani-Johor ketika itu erat sekali.

Sepucuk surat yang diutuskan oleh Bendahara Patani tiba di Johor pada 13 Mei 1644 menceritakan bahawa permaisuri Yang Dipertuan Muda Johor sedang sarat hamil. Tetapi surat tersebut tidak pula menyebut bahawa adinda sultan Johor itu terpesona pada seorang penari kumpulan makyung di istana Patani yang bernama Dang Sirat yang memakai ilmu guna-guna. Pada sekitar bulan Februari 1644 Yang Dipertuan Muda Johor mengabai-kan permaisurinya Raja Kuning Patani. Akhirnya terbongkarlah rahsia kecantikan palsu Dang Sirat yang memakai ubat guna-guna. Daripada perbuatan yang

memalukan itu baginda tergesa-gesa berangkat pulang ke Johor pada Jun 1645 meninggalkan bondanya dan para pembesar Johor yang lain di Patani. Gabenor Belanda di Melaka, Jeremias van Vliet, ada mencatatkan perihal Yang Dipertuan Muda Johor pulang dalam keadaan yang tergesa-gesa. Peristiwa itu menimbulkan perselisihan antara keluarga diraja Patani dengan Johor. Namun pada Oktober/November 1645 ketibaan perutusan Patani yang diketuai oleh Raja Lela yang membawa pulang bonda sultan Johor dan para pembesar yang lain telah memulihkan keadaan.

Hubungan diplomatik antara Patani dengan Johor ini berjalan sekian lama. Banyak pedagang Patani berniaga di Johor dan begitu juga sebaliknya. Siam menyerang Patani buat kali yang keempat. Berdasarkan hubungan kekeluargaan diraja ketika itu [Tun Zainal Abidin atau Tun Jenal bergelar Paduka Maharaja anakanda Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid (1677-97) Johor berkahwin dengan Nang Rogayah kakanda Raja Mas Jayam yang memerintah Patani] sepucuk surat dikirimkan pada 30 April 1709 meminta bantuan Sultan Abdul Jalil IV Johor (1699-1718) yang juga kakanda Tun Zainal Abidin. Selama 12 hari gabungan orang Patani dengan Johor telah berperang menentang percubaan Siam untuk menjajah negeri Patani. Akhirnya peperangan itu terhenti kerana kematian raja Siam pada tahun 1709.³

Tun Zainal Abidin sering berada di Patani bukan sa-

3 Untuk melihat keterangan lanjut tentang hubungan sejarah Patani-Johor abad ke-17 ini sila lihat, Andaya L.Y., "The Kingdom of Johor, 1641-1728", *East Asian Historical Monographs*. Kuala Lumpur: Buyong Adil 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Sheehan, J.J. 1934. "Vllth Century Visitors to the Malay Peninsula", *JMBRAS*. Jil. 12, bgh. II; Sheppard, M.C. ff. 1949. "History of Terengganu", *JMBRAS*. Jil. 22, bgh. III; Winstedt, R.O. 1933. "History of Johor, 1365-1896", *JMBRAS*. Jil. 10, bgh. III, hlm. 1-158; Winstedt, R.O. 1933. "Sultan Abdul Jalil of Johore", *JMBRAS*. Jil. 11, bgh. II.

haja sebagai ipar malah sebagai anak angkat kesayangan Raja Mas Jayam Patani. Tetapi selepas kematian ayahnya pada tahun 1699 yang dimakamkan di Padang Saujana beliau menetap pula di Johor. Beberapa lama kemudian, pada tahun 1139. H atau 1727 M., Sultan Abdul Jalil telah menyerahkan Terengganu kepada adindanya Tun Zainal Abidin yang ketika itu berada di Patani. Apabila mengetahui berita penyerahan itu, satu rombongan dari Patani yang terdiri daripada Raja Mas Jayam, Tun Zainal Abidin, isterinya Nang Rogayah, dan sebanyak 80 keluarga turut mengiringi keberangkatan itu.⁴ Upacara perlantikan dan pertabalan dilakukan oleh Tuk Raja Kilat, seorang pembesar Terengganu. Turut sama menghadiri upacara ini ialah Raja Opu Daeng Menambun dari Kerajaan Mempawah, Kalimantan Barat. Raja Mas Jayam Patani telah menganugerahkan sebilah pedang dan keris panjang yang dikenali sebagai Keris Panjang Mas Jayam kepada Tun Zainal Abidin untuk dijadikan alat kebesaran Kerajaan Terengganu turun-temurun. Sultan Zainal Abidin I (1725–33) bersama-sama dengan permaisurinya, Nang Rogayah, dikurniai empat orang putera. Putera sulung, Ku Tana Mansur atau Tun Dalam, kemudian mewarisi takhta Terengganu dan bergelar Sultan Mansur Syah I (1733–93).⁵ Maka daripada keturunan sebelah bonda yang berasal dari Patani itulah Kesultanan Terengganu berkerajaan hingga ke hari ini.

Hubungan Kekeluargaan

Status keluarga diraja mempengaruhi penghidupan go-

4 Keluarga dari Patani yang mengiringi pertabalan sultan Terengganu pertama itu menetap di sebuah perkampungan yang dikenali hari ini sebagai Kampung Patani, Kuala Terengganu.

5 Buyong Adil 1974. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 12. Lihat juga Abdul Rahman al-Ahmadi, *op. cit.*, hlm. 71.

longan bangsawan Melayu melalui beberapa cara. Anggota keluarga diraja yang sudah jauh hubungannya dikahwinkan dengan keluarga diraja yang mempunyai hubungan yang dekat dengan sultan atau raja yang memerintah. Dari sini akan lahir keluarga diraja yang memakai gelaran *Raja*, *Tengku*, dan golongan bangsawan kekal dengan *Datuk*, *Tuan*, *Wan*, dan *Nik*. Perkahwinan adalah faktor pembahagian kuasa politik. Pertama, ia melibatkan pemindahan kewibawaan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Kedua, dalam pembentukan ikatan persemendaan bagi memusatkan dan memperbesar kuasa dalam generasi.

Jawatan diraja pula sebagai satu lambang perpaduan yang paling tinggi. Di satu pihak sultan sendiri tidak dapat memelihara perpaduan kecuali baginda mendapat persetujuan dan kesetiaan daripada para pembesar. Pemilihan seorang pengganti di kalangan zuriat diraja bergantung pada para pembesar. Dengan itu seseorang calon yang hendak menaiki takhta terpaksa mencari sokongan para pembesar. Seseorang sultan pula biasanya putera sultan yang terdahulu tidak semestinya menjadi pengganti. Waris terserah kepada anak lelaki atau putera, cucunda lelaki nisab bapa dan mungkin juga saudara lelaki bekas sultan. Secara lebih berkesan pemilihan pembesar dihadkan pada kumpulan waris negeri sahaja. Hal ini agak berlainan dalam sistem pemerintahan diraja Melayu Patani. Sesudah mangkatnya Raja Kuning pada tahun 1686, terdapat kekosongan takhta Kerajaan Melayu-Islam Patani kerana tiada waris sebenar yang layak.

Sungguhpun perlantikan raja-raja Melayu Patani seterusnya dipilih daripada kerabat diraja Kelantan kerana di kalangan orang Patani, Kelantan bukan orang asing. Hikayat Patani antara lain menceritakan:

Sebermula ada seorang asal anak raja Kelantan duduk di Teluk, Raja Bakal namanya, maka Raja Bakal itulah

ditabalkan orang. Itulah asal anak raja-raja Kelantan yang kerajaan di Patani ini. Maka mangkat Raja Bakal itu dipanggil orang Marhum Teluk. Maka disambut pula seorang anak raja Kelantan, Raja Emas Kelantan namanya. Maka Raja Emas Kelantan itu ditabalkan orang pula menggantikan Kerajaan Marhum Teluk itu. Mangkat Raja Emas Kelantan itu dipanggil orang Marhum Kelantan. Maka pada masa Marhum Kelantan kerajaan itulah baru sekali perahu datuk-datuk Kelantan itu sampai berlabuh masuk ke Jambatan Kedi. Dahulunya tiada pernah diberi masuk, yang tempat labuhan segala orang Kelantan itu di Teluk Tanjung, Tuk Akut, itulah tempatnya segala perahu orang Kelantan yang pergi datang ke Patani ini.⁶

Pemerintahan Dinasti Kelantan I ini dianggap sebagai ciri yang membawa pada zaman kemerosotan Patani. Ini bukan sahaja didasarkan pada keadaan dalam negeri yang tidak stabil tetapi pemerintahan dalam tempoh yang singkat oleh mereka yang tidak ada sifat kepimpinan.

Dinasti Kelantan I yang memerintah Patani

Raja Bakal (Marhum Teluk)	2 tahun	1688-90
Raja Emas Kelantan (Marhum Kelantan)	17 tahun	1790-02 1690-1707
Raja Mas Jayam (Baginda, Kali I)	3 tahun	1707-10
Raja Dewi (Phra-cau)	9 tahun	1710-19
Raja Bendang Badan (Paduka Syah Alam)	4 tahun	1719-23
Raja Laksamana Dajang	11 bulan	1723-24
Raja Mas Jayam (Baginda, Kali II)	2 tahun	1724-26
Along Yunus (Yang Dipertuan)	11 bulan	1726-27

Ketidakstabilan politik Patani dan perebutan jawatan tertentu yang tercetus di kalangan para pembesar negeri mendedahkan Patani pada pemerhatian jiran. Umpamanya pada tahun 1772, Sultan Mansur Syah I Terengganu, cucunda Nang Rogayah Patani, telah menggunakan kesempatan daripada suasana ini. Pasukan perang Terengganu telah dihantar ke Patani lalu mendarat di daerah

6 Teeuw, A. dan Wyatt, D.K., *op. cit.* hlm. 128-9.

Penarik dan bertindak menyerang daerah Pujud dengan bantuan pembesar Patani yang bernama Tuk Jerang. Walau bagaimanapun atas kebijaksanaan Datuk Pujud rancangan pihak Terengganu untuk menyerang daerah Pujud itu tidak terlaksana.

Akibat serangan ganas tentera Siam ke atas Patani yang bertubi-tubi juga telah mendesak banyak kaum bangsawan bergerak ke selatan, terutama ke negeri Kelantan yang bersempadan dengannya dan yang mempunyai pertalian kekeluargaan yang paling rapat. Dikatakan salah seorang Datuk Pujud yang telah berundur ke suatu tempat di Pangkalan Datuk di Kuala Kelantan telah mendirikan Kota Jimbal. Keturunan terakhir yang memerintah ialah kerabat Raja Kuning Patani. Ketika ini dikatakan Kelantan belum lagi mempunyai raja. Pada sekitar tahun 1730-an kerabat diraja Patani telah datang ke Kelantan. Pada masa ini tertubuh sebuah kota yang bernama Kota Kubang Labu yang dibina oleh seorang anak raja yang berasal dari Patani, yang bernama Tuan Sulung. Sungguhpun berlaku perkahwinan antara anak-anak raja Patani dengan anak-anak raja Jimbal, pertelingkahan antara mereka masih juga berlaku. Namun begitu anak-anak raja Patani yang bergelar *Tuan* dan *Long* dapat mempengaruhi perkembangan politik Kelantan sejak pertengahan abad ke-18. Anker Rentse menegaskan bahawa sumber tempatan banyak menceritakan keturunan anak raja Patani yang telah menguasai Kelantan dan membentuk suatu sistem pemerintahan beraja yang baru di bawah seorang anak raja Patani yang bernama Long Yunus, cucunda saudara Tuan Sulung yang membina Kota Kubang Labu itu.⁷

7 Nik Mahmud Ismail 1934. *Ringkasan Cetera Kelantan*. Kota Bharu, Kelantan, Edisi Jawi. Manuskrip Hikayat Seri Kelantan, Mikrofilem, Universiti Malaya. Abdullah Mohamed (Nakula), *op. cit.* Lihat juga penerangan serta kajian ilmiah dalam Rahmat Saripan 1979. *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1842*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Long Yunus, anakanda Raja Kubang Labu Long Sulaiman (1733-56) itu terpaksa menghadapi perang saudara bagi mempertahankan kedudukannya. Beliau dibantu oleh seorang sahabatnya Long Ghaffar putera raja Reman Patani yang terpaksa lari ke Terengganu untuk mendapatkan perlindungan Sultan Mansur Syah I. Pada tahun 1762 Long Yunus dan Long Ghaffar telah memulakan persiapan mereka untuk menyerang dan menduduki semula negeri Kelantan. Dalam serangan itu Long Yunus menyerang Kota Kubang Labu dan Long Ghaffar pula mendapatkan bantuan daripada Reman, Patani, dan orang Terengganu menyerang Kelantan seluruhnya. Akhirnya Long Yunus berjaya menikam musuhnyanya Raja Legeh Long Abdul Rahman. Walau bagaimanapun, baginda sempat melarikan diri ke Kuala Bangnara, Patani, dan mangkat di situ. Jenazah baginda kemudian dibawa pulang untuk dimakamkan di Kelantan. Dengan kemenangan itu Long Yunus telah ditabalkan oleh sultan Terengganu menjadi Raja Kelantan Long Yunus (1762-95). Sahabatnya putera raja Leman, Long Ghaffar, telah dilantik menjadi Tengku Seri Maharaja Perdana Menteri yang berkuasa di daerah Jeram, Pasir Putih. Dengan penabalan dan perlantikan kedua-duanya yang berketurunan keluarga diraja Patani maka pengasas Dinasti Long Yunus yang menguasai Kesultanan Kelantan hingga ke hari ini dikatakan berasal dari Patani.

Hubungan Patani-Kelantan terus erat. Beberapa lama kemudian seorang cucunda Long Yunus kembali memerintah Patani setelah dilantik oleh Siam akibat perbalahan sesama keluarga diraja. Tengku Muhammad yang bergelar Tuan Besar adalah anakanda Tengku Long Ismail, Raja Kampung Laut, adalah juga pengasas Dinasti Kelantan II yang memerintah Patani. Banyak antara kaum keluarga dan kerabat diraja Patani-Kelantan ini merapatkan pertalian kekeluargaan mereka menerusi perkahwinan diraja dalam hubungan timbal balik antara kedua-dua negeri. Sultan Patani terakhir, Tengku Abdul

Kadir Kamaruddin (1899–1902), adalah besan Sultan Muhammad IV Kelantan (1900–20).

Dinasti Kelantan II memerintah Patani

Tengku Muhammad (Marhum Tanjung)	11 tahun	1845–56
Tengku Putih (Marhum Kelantan)	25 tahun	1856–81
Tengku Besar (Tuan Timun)	9 tahun	1881–90
Sultan Sulaiman Syariffuddin Syah	9 tahun	1890–99
Sultan Abdul Kadir Kamaruddin	3 tahun	1899–1902

Perkahwinan antara anak-anak raja dengan golongan bangsawan Patani bukan sahaja berlaku di negeri-negeri pantai timur malah berlaku juga di kalangan keluarga diraja negeri-negeri di utara pantai barat Semenanjung. Sultan Ahmad Tajuddin Kedah (1854–79) telah berkahwin dengan Wan Jah anakanda Long Nik Abidin yang berasal daripada keluarga diraja Patani. Putera sulung mereka telah mewarisi takhta Kerajaan Kedah dan bergelar Sultan Zainal Rasyid (1880–81) dan dari sini jugalah bermulanya zuriat Kesultanan Kedah hingga ke hari ini.⁸ Begitu juga dengan negeri Perlis, Syed Harun Jamalullail yang berasal dari daerah Cenak, Patani, telah dilantik menjadi raja Perlis yang pertama.

Perdana Menteri Perlis yang pertama iaitu Datuk Awang atau Muhammad Arshad bin Muhammad Yunus juga berasal dari Cenak; ayahnya Muhammad Yunus bergelar Nai Bukung. Selaras dengan perlantikan itu juga ayahanda saudara Raja Perlis Syed Ibrahim al-Qadri yang disebut Tuk Ku Cenak telah berpindah bersama-sama dengan 100 keluarga berjumlah lebih kurang 500 orang Melayu Patani dengan angkatan sebanyak 30 ekor gajah menetap di daerah Arau dan Padang Siding.⁹

8 Buyong Adil 1981. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, him. 73.

9 Buyong Adil 1981. *Sejarah Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, him. 4–7.

Hingga ke hari ini hubungan antara keluarga diraja Patani dengan keluarga diraja Perlis tetap terjalin. Raja Perlis Syed Putra Jamalullail, permaisuri baginda Tengku Budriah adalah cucunda Raja Patani Tengku Besar yang bergelar Tuan Timur (1881–90).

Dengan itu secara kasar raja-raja Melayu Patani berperanan sebagai penyambung zuriat keturunan raja-raja Melayu Semenanjung walaupun pada hari ini Patani sendiri tidak lagi mempunyai raja atau sultan yang berkuasa memerintah. Salasilah dan jurai keturunan itu terjalin mahupun pada zaman sebelum Islam apalagi sesudah Islam, menjadi teras persaudaraan sesama masyarakat Melayu Semenanjung. Hal ini membuktikan bahawa keturunan raja-raja Melayu pada zaman Melaka, Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Perlis mempunyai hubungan kekeluargaan dengan keluarga diraja Patani. Ini kerana lokasi dan keadaan negeri-negeri yang berkenaan sejajar dengan sejarah dan tamadun Melayu itu sendiri yang saling berhubungan antara satu sama lain.¹⁰ Dalam perkataan lain, keturunan raja-raja Melayu Semenanjung berasal dari Patani, sebuah negeri Melayu yang mempunyai kuasa dan tamadun yang agung pada suatu masa dahulu.

10 Kedudukan negeri-negeri Melayu Semenanjung yang berhubungan persaudaraan dengan raja-raja Patani banyak ditentukan oleh Islam dan kedudukan geografi negeri itu sendiri. Rata-rata negeri yang berkenaan letaknya bersempadan dengan Patani. Kedudukan Kelantan yang tersebelah sering menjadi sasaran pelarian perang dan kaum bangsawan Patani untuk mendapatkan perlindungan. Kelantan sendiri mempunyai pertalian sejarah yang amat rapat dengan Patani. Ini ditambah pula dengan persamaan kebudayaan, dialek bahasa dan hubungan keagamaan para ulama. Menurut Anker Rentse, adalah mustahil mengkaji sesuatu tentang Kelantan tanpa merujuk jalinan itu dengan Patani. Cuma negeri Perak sahaja tidak mencatatkan sejarah keluarga dirajanya dengan Patani. Namun *Hikayat Merong Mahawangsa* menceritakan keturunannya telah memerintah Kedah, Patani, dan Perak. Selangor pula banyak bergantung pada pemusatan keluarga diraja keturunan Bugis dan Negeri Sembilan banyak dikaitkan dengan keluarga diraja Minangkabau, kerajaan Pagar Ruyong, Sumatera Barat.

Pengaruh Inggeris di Patani

Negeri Siam menjadi begitu penting dalam pembentukan sejarah awal Semenanjung Tanah Melayu hingga ke akhir abad ke-19. Negeri-negeri Melayu Utara seperti Patani, Kelantan, Terengganu, Perlis, dan Kedah berada dalam naungan Siam dan disebut juga negeri-negeri Melayu-Siam. Kesemuanya mesti menghantar ufti bunga emas dan perak setinggi tiga tingkat bernilai £1000 setiap tiga tahun sekali sebagai tanda kesetiaan negeri mereka kepada kuasa Siam. Namun pada hakikatnya terdapat kekeliruan yang berbeza-beza tentang pengirisan ufti tersebut di setiap negeri. Pihak Siam menganggapnya sebagai tanda kesetiaan sesebuah negeri Melayu Semenanjung kepada kemahkotaan Kerajaan Siam. Sebaliknya raja-raja Melayu menafikan bahawa penghantaran ufti itu sebagai tanda persahabatan diplomatik. Ini berdasarkan negeri Siam yang telah lama bebas daripada penguasaan Cina tetapi pada tahun 1820 misalnya masih menghantar ufti bunga emas kepada Maharaja Peking setiap tiga tahun sekali.¹¹

Sesudah pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1786 dan pertapakan Inggeris di Singapura pada tahun 1819, kuasa Barat ini telah memperteguh pengaruhnya di tanah besar Semenanjung. Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 telah membuka langkah kepada Inggeris yang selama ini kononnya tidak mahu mencampuri hal-ehwal tempatan. Kedatangan Inggeris sebenarnya jauh lebih awal dari tarikh itu dalam menjalankan aktiviti perdagangan mereka. Pada tahun 1600 umpamanya John Smith, pengembara Inggeris, telah dilantik menjadi penasihat Raja Ijau yang memerintah Patani pada waktu itu. Kemudian pada 22 Jun 1612 tiba rombongan perdagangan Kerajaan Inggeris untuk mengadakan perjan-

11 Mills, L.A. 1925. "British Malaya 1824-1867", *JMBRAS*. Jil. 1, bhg. II, hlm. 34-5.

jian perdagangan dengan Patani.¹² Kemunculan Inggeris kali kedua di Pulau Pinang dipimpin oleh Sir Francis Light pula ketika orang Patani sedang berperang berhabis-habisan dengan Siam. Walau bagaimanapun, mereka kalah pada November 1786 menyebabkan banyak yang terpaksa melarikan diri daripada kekejaman peperangan. Orang Patani telah disembelih hidup-hidup.

Light berasa amat simpati ke atas penderitaan rakyat Patani lalu menulis surat pada 12 September 1786 kepada Gabenor Jeneral Lord Cornwallis di India menyatakan penganiayaan tentera Siam terhadap orang Melayu di Patani. Menurutnya orang awam yang tidak berdosa telah diikat kaki dan tangan kemudian dicampak ke atas tanah lalu dipijak mati oleh sekumpulan gajah.¹³ Bandar Patani menurut catatan 1780 yang mempunyai penduduk sebanyak 90 000 orang telah dilanda penderitaan menyebabkan sebanyak 15 000 orang melarikan diri membuat penempatan beramai-ramai di sepanjang Sungai Muda, Kedah. Beberapa kali pula Light dijemput oleh Sultan Abdullah Kedah untuk membincangkan masalah pelarian Patani ini supaya dipindahkan ke Pulau Pinang yang memerlukan tenaga pekerja pada masa itu.

Pegawai Inggeris di Pulau Pinang dan Singapura turut bersimpati dengan nasib yang menimpa rakyat dan raja Patani. Namun dasar Inggeris hingga ke tahap itu tidak dapat melakukan sembarang tindakan daripada keadaan yang tercetus di negeri-negeri Melayu Semenanjung akibat ancaman Siam. Mereka juga diingatkan bahawa pemerintahan secara aman hendaklah diwujudkan daripada membiarkan Patani yang selama ini bertaraf merdeka dengan autonomi penuh menjadi suatu daerah yang diperintah oleh pegawai-pegawai tadbir asing yang

12 Smith, John, 1604. *John Smith's Travels in Patani*. Lihat juga Hale, A., *The Adventures of John Smith in Malaya 1600-1605*.

13 Bonney, R. 1975. "Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independent", *East Asia Historical Monographs*. Kuala Lumpur, hlm. 79.

dibawa masuk dari negeri Siam. Sir Stamford Raffles sendiri selepas membuka Singapura bersama-sama perlantikan William Farquhar sebagai presiden pertama, dalam surat arahnya bertarikh 6 Februari 1819, mengingatkan bahawa negeri-negeri Melayu-Siam seperti Patani, Kelantan, Terengganu, Kedah, dan Perlis belum lagi jatuh pada pengaruh pentadbiran kuasa Belanda.

Oleh yang demikian adalah wajar jika pengaruh Inggeris dapat disebarkan bagi mendapatkan taraf kemerdekaan sepenuhnya. Namun adalah sukar bagi Siam menghadapi penentangan dari negeri-negeri Melayu yang berkenaan.¹⁴ Inggeris juga menyedari keadaan politik tempatan yang tidak stabil itu lalu Gabenor Pulau Pinang Kolonel Bannerman menyedari pentingnya untuk campur tangan di Patani yang pada ketika itu merupakan sebuah negeri Melayu yang kaya dengan bahan galian dan penjajahan mereka nanti dapat menampung keperluan perdagangan Syarikat Hindia Timur. Justeru itu John Crawford dihantar ke Bangkok pada tahun 1822 dengan tujuan mengadakan hubungan berbaik-baik serta membuka peluang penglibatan mereka di Patani yang terkenal banyak mengeksport emas, bijih timah, dan yang sebagainya menerusi Sungai Patani, Sungai Kuala Ketil, dan Kuala Merbok.¹⁵

Pada tahun 1820 Tuanku Syed Hamid seorang pedagang persendirian Kedah, telah menawarkan kepada Inggeris pelbagai barangan eksport dari Patani. Ini termasuk sarang burung, timah, kayu kasturi, emas, bijih timah, garam, buah pelaga yang memberi keuntungan yang besar kepada Pulau Pinang. Ternakan lembu ba-

14 Swettenham, F.A. 1948. *British Malaya*. London: Allen and Unwin, hlm. 325.

15 Terdapat beberapa batang jalan purba menghubungi perdagangan antara Patani dengan Kedah, lihat Hamilton, A.W. 1922. "The Old Kedah-Patani Trade-route", *JSBRAS*. No. 86, hlm. 389-92.

nyak sekali terdapat di Patani, kerbau dan lembu kasi pula antara satu hingga tiga ekor, kambing antara 1/2 hingga 3/4 ringgit, ayam 100 ekor dan beras 25 gantang berharga seringgit atau dua ringgit.¹⁶ Ini mendesak Gabenor Philips di Pulau Pinang menghantar saudagar persendirian Inggeris ke Singapura yang juga merupakan ejen Inggeris untuk mengumpulkan maklumat daripada Kerajaan Siam bagi mempertingkatkan hubungan perdagangan.¹⁷ Sebelum berangkat pulang ke England, Sir Stamford Raffles sekali lagi menulis surat pada 7 Jun 1823 kepada John Crawford yang telah dilantik menjadi Residen Singapura menekankan masalah perdagangan Inggeris serta mengecam penduduk Siam di Patani dan negeri-negeri Melayu yang lain. Tegas Raffles:

*These people are of opposite manners, language, religion and general interest, and the superiority maintained by the one over the other is so remote from protection on the one side or attachment on the other, that it is but a simple exercise of capricious tyranny by the stronger party, submitted to by the weaker from the law of necessity. We have ourselves for nearly forty years been eye-witnesses of the pernicious influence exercised by the Siamese over the Malayan States.*¹⁸

Untuk mengelakkan berlakunya pemberontakan orang Melayu di negeri-negeri yang berada dalam naungan Siam ini maka pihak pentadbiran di Bangkok sentiasa bertolak ansur dalam hal pentadbiran tempatan. Raja-raja Melayu dilantik dengan gelaran tertentu oleh raja Siam selagi perkhidmatan mereka diperlukan. Dalam sesuatu upacara pertabalan mereka mesti datang sendiri menghadap raja Siam untuk mendapatkan pengiktirafan, bintang penghargaan yang kemudian direkod-

16 JMBRAS. Jil. 35, bhg. IV, (1962).

17 Mills, L.A. 1925. "British Malaya 1824-1867", JMBRAS. Jil. 23, bhg. III, hlm. 156.

18 Swettenham F.A., *op. cit.*, hlm. 317.

kan. Raja-raja Melayu ini diberi kuasa penuh untuk memilih kerabatnya yang terdekat dalam perlantikan Raja Muda atau bakal pengganti yang juga mesti dilaporkan ke Bangkok. Di samping itu beberapa orang pembesar negeri telah ditetapkan dalam upacara penghantaran ufti bunga emas dan perak. Begitu juga beberapa orang pegawai ditugaskan dalam sesuatu upacara rasmi kerajaan di istana Siam. Bagi upacara rasmi negara, raja-raja Melayu mesti menunjukkan kesetiaan mereka dengan mengirim hadiah yang bernilai ke Bangkok. Dengan itu mereka diberi kebebasan memerintah negeri masing-masing terutama yang berkaitan dengan perundangan dan kutipan cukai perbendaharaan negara. Negeri-negeri Melayu-Siam ini juga memberi bantuan ketenteraan, senjata, dan bekalan keperluan lain jika negara Siam diancam peperangan. Tentang hal-ehwal urusan luar negeri terserah pada pentadbiran Bangkok untuk menguruskannya.

Bagi mengukuhkan lagi ikatan penjajahan, pentadbiran Bangkok pada sekitar tahun 1817 telah memecahkan pentadbiran Patani kepada beberapa buah negeri Melayu kecil yang dinamakan Patani, Non Cik, Teluban atau Sai, Jering, Jalur, Legeh, dan Reman. Perpecahan kuasa Melayu Patani ini dibuat berkemungkinan berdasarkan pemberontakan Melayu Patani yang sering timbul hingga kadang kala mencemaskan pihak Bangkok sendiri. Menurut Henry Burney yang menjadi wakil Inggeris ke negeri Siam pada tahun 1825:

*... numerous and separate chieftainships under the superintending authority of the Siamese Governors of Ligor and Singgora, through whom the several chiefs send triennial tokens of inferiority to Siam ...*¹⁹

19 Lihat *The Burney Papers*. Jil. 1-5, Bangkok, 1910-14, hlm. 143 dan Jil. 2, bgh. IV.

Pada awal tahun 1825, Robert Fullerton telah menjadi Gabenor Pulau Pinang. Beliau dan kumpulannya sentiasa bersikap anti Siam. Salah seorang daripada kumpulan mereka, Henry Burney, telah dihantar bagi menandatangani Perjanjian Inggeris-Siam pada 20 Jun 1826. Keputusannya pihak Siam telah bersetuju tidak akan mencampuri urusan perdagangan antara Inggeris di negeri-negeri Melayu-Siam itu. Walau bagaimanapun, perjanjian ini telah disahkan di India tetapi mendapat kritikan yang hebat daripada kalangan kumpulan anti Siam di Pulau Pinang yang menganggapnya sebagai suatu kegagalan. Menurut Walter F. Vella, "*Burney did not hold very good bargaining position with the Siamese, as a result, Burney was compelled to admit most of the Siamese claims on the peninsula.*"²⁰ Fasal 10 dalam syarat perjanjian itu menyebut bahawa kedua-dua kuasa Inggeris dan Siam dibenarkan menguasai aktiviti perdagangan mereka di Patani dan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Sebaliknya Gebenor Fullerton pula mahu Burney lebih menekankan masalah kemerdekaan negeri-negeri Melayu-Siam terlebih dahulu dengan menggesa pihak pentadbiran Bangkok berusaha menggugurkan tuntutan mereka bermula dari negeri Patani. Pada 25 Januari 1827 Gabenor Fullerton telah mengirim surat bantahan sekali lagi ke India berhubung dengan Fasal 10 tersebut dan menyatakan rasa kesalnya terhadap kurang penjelasan di samping meminta kebenaran untuk membuat perhubungan dengan Patani melalui kemudahan perairan Sungai Muda, Kedah.

Sebenarnya alasan lain yang mendorong pihak Inggeris untuk mendapatkan kuasa pengaruhnya di Patani ialah faktor ekonomi seperti yang ditegaskan oleh

20 Vella, W.f. 1957. "Siam Under Rama III 1824-1851", *Monographs of the Association for Asian Studies, U.S.A.*, hlm. 65.

Gabenor Fullerton yang bercita-cita supaya kawasan perdagangan Inggeris di Tanah Melayu dihadkan daripada tuntutan kuasa Siam walau dengan apa cara sekalipun. Beliau juga percaya bahawa negeri-negeri Melayu yang berkenaan terlalu besar nilai perdagangannya kepada Inggeris. Itulah sebabnya pengaruh Inggeris diperlukan sama ada dari segi ekonomi mahupun politik. Maka atas alasan inilah Gabenor Fullerton dan kumpulan anti Siam di Pulau Pinang menentang Perjanjian Burney 1826 dan menganggapnya sebagai memalukan dan banyak memberi peluang kepada pihak Siam.

Pemberontakan Kedah yang telah merebak ke Patani telah disertai oleh Kelantan dan Terengganu. Seluruh kekuatan orang Melayu di negeri-negeri yang di bawah naungan Siam telah memberi tentangan secara besar-besaran terhadap kuasa penjajah Siam yang selama ini menggugat kedaulatan negeri masing-masing. Walter F. Vella menerangkan:

Early in 1832 the generals of the four Siamese armies sent a letter to the king stating that the Malays were fighting very hard and they were unable to defeat them. They requested that a large army be sent to aid them.

Namun pada 30 Jun 1832 sebanyak 30 000 tentera bantuan dari Bangkok di bawah pimpinan Phrakhleng telah tiba bertindak menyekat muara beberapa buah sungai yang menghala ke bandar Patani lalu menggempur Patani dari darat menyebabkan pasukan orang Melayu Patani, Kedah, Kelantan, dan Terengganu berundur kalah.²¹ Raja Patani mendapatkan perlindungan daripada ayahanda saudaranya, Sultan Muhamad I Kelantan; Tengku Din panglima angkatan Kedah terkorban, orang Kelantan dan Terengganu lari pulang, dan sebanyak 16 000 rakyat Patani terpaksa meninggalkan tanah

21 *Ibid.*, hlm. 68.

air mereka untuk menyelamatkan diri.

Menyentuh kekalahan ini, T.J. Newbold yang tiba selepas peperangan berakhir pada tahun 1832, telah mengulas:

It seem after all that the Lord of the White Elephant has about as much original right as the present power and ancient oppression can give him, and no more. Siam was large, powerful and united as compared with the neighbouring Malay States, which were small, weak and generally divided.²² The population of Patani is uncertain and fluctuating, on account of the wretched state of the country. Previous to the last invasion in 1832, it is said to have exceeded 54 000 souls. The Rajah fled to Kelantan, but was given up, and is now a state prisoner in Siam. His country has been heavily taxed, many of its inhabitants made slaves, and numbers carried away into captivity to Siam. The Phrakhleng took him from Patani to Bangkok in September 1832, upwards of 4000 captives in a dreadful state of misery.²³

Pada tahun 1873 Sir Andrew Clarke telah dilantik menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat. Beliau kemudian telah melawat Bangkok. Dari lawatannya itu Ketua Konsul Perancis di Bangkok, Granier, telah mengesyaki bahawa beliau mencari kekayaan daripada hasil perlombongan bijih timah keluaran utama Patani untuk Syarikat Hindia Timur. Pada 20 Januari 1874 berikutnya Gabenor Andrew Clarke telah menandatangani Perjanjian Pangkor dengan negeri Perak. Antara tuntutan awal sultan Perak terhadap Residen Inggeris pertama ialah membetulkan sempadan Perak-Patani di suatu kawasan yang kaya dengan bijih timah.²⁴ Kesempatan ini telah mendekatkan lagi minat Inggeris menyebarkan pengaruhnya di Patani.

²² Mills, L.A., *op. cit.*, hlm. 18.

²³ Newbold, T.J. 1939. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*. London, hlm. 69, 71.

²⁴ Swettenham, F.A., *op. cit.*, hlm. 313-4.

Tentang pentadbiran Siam di negeri-negeri Melayu yang berkenaan, Inggeris telah mengecam sikap pegawai-pegawai tadbir Siam di Patani. Mereka sama sekali tidak boleh dipercayai dan sentiasa tidak jujur dalam urusan pemerintahan, sering terlibat dalam perbuatan rasuah, penyelewengan bahkan setiap rancangan pembangunan ekonomi bergantung pada kebolehan raja Siam yang tinggal jauh di Bangkok. Menurut seorang pelawat Inggeris, Holt Hallett, yang membuat tinjauan ke atas negeri-negeri itu, keempat-empat buah negeri Melayu yang di bawah pemerintahan Siam ini tidak pernah mendapat bantuan daripada kerajaan pusat di Bangkok. Akhirnya beliau mengingatkan pihak Inggeris, penjajahan semakin menjadi-jadi di dunia sebelah sini sekarang dan pada bila-bila masa sahaja dengan keadaan itu negeri-negeri tersebut boleh jatuh di bawah pengaruh Perancis atau Jerman.²⁵

Menyedari hakikat dan situasi ini gesaan paling berkesan telah disuarakan oleh Gabenor Agung Inggeris di India, Thomas Braddell, supaya Kerajaan Inggeris di Tanah Melayu turut campur tangan menyebarkan pengaruh British di negeri Melayu Patani. Menurut beliau lagi apa yang berlaku dengan penjajahan Siam itu sudah cukup bukti untuk menyekat pengaruh mereka daripada berkembang. Sebagai langkah seterusnya meninggalkan negeri itu menjadi hak bangsa Melayu dan seluruh Semenanjung akan diserahkan kepada Kerajaan Great Britain. Sekali lagi pada tahun 1884, gesaan yang sama oleh Thomas Braddell dalam sepucuk surat kepada Setiausaha Tanah Jajahan dan Hal-Ehwal Negeri-negeri Melayu, Frank Swettenham, menyatakan kepentingan Kerajaan Inggeris menyebarkan pengaruhnya di Patani.²⁶

25 Kiernan, V.G. 1956. *Britain, Siam and Malaya: 1875-1885*, hlm. 12.

26 Loh, Philip F.S. 1969. "The Malay States 1877-1895: Political Change and Social Policy", *East Asian Historical Monographs*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 62-3.

Namun begitu keadaan telah berubah apabila Perjanjian Sempadan ditandatangani pada 29 November 1899 yang membahagikan kawasan hak negeri Patani di bawah kekuasaan Siam dan kawasan negeri Melayu yang lain di bawah pengaruh Inggeris. Swettenham sendiri tidak menyetujui perjanjian ini ditandatangani. Menurut beliau ini akan menyekat usaha Inggeris tersebar jauh ke utara Semenanjung khususnya ke negeri Patani.

Pada 23 Disember 1894, Kementerian Dalam Negeri Siam telah ditubuhkan bersama-sama dengan perlantikan Putera Damrung Rajanubhab sebagai Menteri Dalam Negeri yang pertama dalam sejarah Siam moden. Beliau juga ditugaskan memperbaharui corak pentadbiran kementeriannya, sistem perundangan, dan cukai perbendaharaan di negeri-negeri Melayu-Siam yang semakin penting.²⁷ Pada 18 Januari 1896 Raja Siam Chulalongkorn menggesa pentadbiran di negeri Siam disusun semula. Jika ini tidak dilaksanakan maka pendapatan negara tidak akan mencukupi kerana ia adalah kuasa dan bahan yang diperlukan bagi mempertahankan negara. Walau bagaimanapun, proses pelaksanaannya telah dijalankan secara berperingkat-peringkat. Putera Damrung tidak mahu rancangannya ini akan menimbulkan keraguan, khususnya Inggeris bahawa Kerajaan Siam kelihatan sedang berusaha untuk menyekat pengaruh mereka di negeri-negeri Melayu Patani, Kelantan, Kedah, Perlis, dan Terengganu. Beliau juga pernah mengingatkan para pegawainya supaya mengekalkan hubungan yang baik dengan pihak Inggeris kerana Siam sendiri masih memerlukan Inggeris bagi membendung ancaman Perancis. Di samping itu beliau juga tidak mahu menggunakan kekerasan ke atas raja-raja Melayu

27 Untuk keterangan lanjut tentang reformasi pentadbiran wilayah-wilayah Siam, sila lihat Bunnag, T. 1977. "The Provincial Administration of Siam, 1892-1915", *East Asian Historical Monographs*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

supaya menerima peraturan baru ini. Seajar dengan itu mulalah pesuruhjaya Siam dan para pegawainya dihantar berkhidmat ke Patani.

Keadaan ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan raja-raja Melayu di Patani yang akhirnya mencestuskan perasaan tidak puas hati dan mereka menuntut supaya negeri Patani dipisahkan daripada Siam. Pesuruhjaya Siam dan pegawai-pegawai yang dihantar bertugas ke Patani pula umumnya tidak mengetahui bahasa, adat resam, dan kebudayaan Melayu, serta kehendak agama Islam. Ini disahkan oleh seorang ahli antropologi Inggeris, W.W. Skeat, dalam tinjauannya pada tahun 1899.

Dengan kekecewaan itu Raja Patani, Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, telah menemui Frank Swettenham di Singapura menceritakan keadaan yang berlaku di Patani berikutan campur tangan pesuruhjaya Siam dalam hal-ehwal pentadbiran negeri baginda. Raja Patani juga menyuarakan kepada pihak Inggeris supaya memberi perlindungan kuasa pada Patani dan masyarakat Islam daripada cengkaman kuasa Siam yang semakin berleluasa. Namun Gabenor Swettenham tidak dapat mempertimbangkan permintaan raja Patani itu kerana pada pendapatnya selagi hubungan diplomatik antara Kerajaan Great Britain dengan Siam terjalin rapat maka sukar bagi pihak berkuasa Inggeris di Tanah Melayu campur tangan. Namun kegagalan ini tidak melemahkan semangat baginda untuk berusaha membebaskan Patani daripada penjajahan Siam. Ketika ini Tengku Abdul Kadir baru berusia 26 tahun, dianggap oleh banyak pelawat Inggeris sebagai seorang pemimpin Melayu yang terkemuka dan fasih berbahasa Inggeris. W.W. Skeat menyebut, "*The raja Patani was a young, pleasant, quiet looking man and made an excellent impression on us.*"

Rayuan untuk mendapatkan perlindungan kuasa Inggeris di Tanah Melayu dibuat juga menerusi pengirisan surat-surat kepada Gabenor Sir Charles B.H. Mitchell di

Singapura, Pejabat Inggeris di Negeri-Negeri Selat dan juga Pejabat Tanah Jajahan di London, tetapi malangnya menghadapi kegagalan. Perlantikan Frank Swettenham sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1901 memberi harapan yang besar kepada Patani untuk mendapatkan pertolongan beliau. Pada bulan Mei 1901, raja-raja Melayu Patani dengan dibantu oleh Sultan Muhammad IV Kelantan, menghantarkan perwakilan menemui Gabenor Swettenham. Swettenham tetap memberi jawapan yang sama seperti yang pernah di-suarakan kepada raja Patani. Beliau juga mencadangkan agar raja-raja Melayu Patani cuba mengadakan pertemuan terbuka dengan Raja Siam Chulalongkorn sendiri. Tambahan pula Patani berada di bawah naungan Siam. Secara peribadi Frank Swettenham, pentadbir Inggeris yang paling kanan di Tanah Melayu, bersimpati dengan Patani dan memang bercita-cita untuk menyebarkan pengaruh Inggeris di sana, tetapi oleh sebab dasar Pejabat Tanah Jajahan di London masih mengiktiraf kedaulatan Siam di negeri-negeri Melayu-Siam sejak Perjanjian Sulit 6 April 1896 ditandatangani.

Rakyat Patani yang semakin gelisah telah bermufakat untuk memberontak menentang Kerajaan Siam pada akhir bulan Oktober 1901. Bekalan senjata dan peluru diberitakan telah diseludup dari sebuah kilang Jerman di Singapura. Sedang rancangan ini diatur muncul Robert W. Duff, peneroka Inggeris, membuat beberapa perundingan untuk mendapatkan konsesi tanah perlombongan di Patani. Kesempatan ini menggesa Raja Patani Tengku Abdul Kadir memberitahu beliau tentang masalah yang dihadapi serta rancangan pemberontakan rakyat Patani. Baginda juga tidak menafikan hak pertuanan Siam ke atas Patani sambil menyatakan kesediaan berunding dalam semua aspek tetapi dengan syarat pihak berkuasa Siam tidak akan sewenang-wenangnya menindas masyarakat Islam Patani. Nasihat

Duff telah dituruti oleh raja Patani dan pada 13 Ogos 1901 surat rayuan telah dihantar kepada Swettenham di Singapura untuk dimajukan kepada Kerajaan British di London. Antara lain Raja Patani Tengku Abdul Kadir Kamaruddin menyatakan:

*I beg respectfully to address you on the subject of the harassing restrictions and interference in the government by me, as Rajah and Ruler of the State of Patani forced upon me, step by step, by His Majesty of Siam, involving the oppression and disturbance of the quietude of my people inhabiting Patani and leading to the destruction of my country. The object of addressing you is through your excellence to pray His Majesty the King of England to intervene between me as Rajah and Ruler of the State of Patani and His Majesty the King of Siam to whom the State of Patani is tributary, paying by agreement the flowers of gold and the flowers of silver as a token for every three years ... and also that it will be seen that my application for the intervention and good offices of Great Britain, has good grounds on which it is founded, and on which such application can be made to Great Britain or some other of the Great Powers either Europeans or others ...*²⁸

Surat baginda raja Patani ini telah mendapat perhatian yang serius daripada pihak Swettenham di Singapura dan Kerajaan British di London. Rancangan pemberontakan dan jaminan keselamatan negeri-negeri Melayu utara Semenanjung yang kemungkinan akan turut menyertai pemberontakan itu dan Patani akan menghubungkan kuasa Eropah yang lain telah memeranjatkan pihak Inggeris. Kalau berlaku sembarang kebangkitan di Patani bukan sahaja kepentingan perdagangan Inggeris akan terjejas malah akan memberi peluang kepada kuasa-kuasa asing yang lain terutama Jerman untuk

28 Surat Tengku Abdul Kadi, raja Patani kepada Frank A. Swettenham, C.O. 273/273, Ogos 13 1901. Lihat Nik Anuar Nik Mahmud, "Sistem Thesaphiban dan Kesannya ke atas Kedaulatan dan Kewibawaan Rajaraja Melayu Patani", *JEBAT Bil.* 11 hlm. 17-47.

campur tangan dan bertapak di rantau ini. Jika ini berlaku, kepentingan keselamatan Inggeris di rantau ini juga akan turut terancam. Kemungkinan akan berlakunya pemberontakan orang Melayu Patani tidak boleh dianggap ringan dan diketepikan begitu sahaja oleh pihak Inggeris. Sementara itu Gabenor Swettenham telah memberitahu Pejabat Tanah Jajahan di London tentang pergolakan yang berlaku di Patani dan ancaman raja-raja Melayu Patani mendapatkan sokongan kuasa Eropah yang lain. Sebaik sahaja menerima surat daripada Swettenham, Pejabat Kementerian Luar Inggeris telah mengarahkan Archer, menterinya di Bangkok, supaya bertanya Kerajaan Siam secara tidak rasmi tentang situasi di Patani.

Kerajaan British mempunyai hubungan yang baik dengan negara Siam, pelaburan ekonomi dan perdagangannya di Siam adalah yang terbesar. Inggeris juga mengharapkan Siam dapat memelihara pengaruh pentadbirannya yang telah tersebar di negeri-negeri Melayu-Siam yang lain di samping tindakan positifnya terhadap Patani. Oleh sebab campur tangan para pegawai Siam yang keterlaluan, pada awal Januari 1902, sekali lagi Raja Patani Tengku Abdul Kadir merayu Gabenor Swettenham supaya mempengaruhi Kerajaan Great Britain untuk campur tangan di Patani dan melepaskan negeri Melayu tersebut daripada cengkaman Siam. Setelah mendapat persetujuan dari London, Swettenham telah mengambil kesempatan daripada lawatan Raja Siam Chulalongkorn ke Singapura pada bulan Februari 1902 untuk merundingkan masalah Patani. Dalam pertemuan itu, Swettenham melahirkan kebimbangannya terhadap pergolakan yang berlaku di Patani. Beliau juga memberi amaran bahawa besar kemungkinan kekacauan akan meletus. Rakyat Patani akan memberontak dan secara tidak langsung ini akan menjejaskan kepentingan Inggeris di sana. Orang Melayu seluruh Semenanjung akan turut membela perjuangan saudara mereka yang se-

bangsa dan seagama. Dengan kesempatan itu juga, Swettenham telah mengemukakan beberapa cadangan bagi menyelesaikan masalah politik dan pentadbiran Patani:

1. Kerajaan Siam hendaklah menggugurkan tuntutan ke atas Patani yang membebankan daripada menguntungkan.
2. Perlantikan pegawai-pegawai Inggeris yang berpengalaman dalam pentadbiran negeri Patani sebagai perwakilan Siam; cara begini membuktikan kejujuran Inggeris terhadap Siam.
3. Siam memberi mandat kepada Kerajaan Inggeris mendapatkan persetujuan raja-raja Patani untuk menyerahkan segala hal yang berkaitan dengan dasar luar kepada Bangkok dan segala urusan pentadbiran dalam negeri pula terserah kepada Patani sendiri tanpa campur tangan Siam. Di samping itu Swettenham mencadangkan penghantaran ufti bunga emas dan perak akan dihentikan dan digantikan dengan pengutipan cukai tahunan terus ke Perbendaharaan Bangkok. Ini bererti putusnya hubungan tradisi antara negeri Melayu Patani dengan Kerajaan Siam.

Dalam perundingan selanjutnya pada 24 Februari 1902, Swettenham sekali lagi menekankan kepentingan Kerajaan Siam membenarkan raja Patani mentadbir hal-ehwal negeri baginda sebagaimana biasa dan tidak mengenakan sembarang tekanan untuk menjadikan bahasa Siam sebagai bahasa rasmi.

Pada masa yang sama, khususnya Kementerian Dalam Negeri Siam, sedang merancang untuk mengubah sistem pemerintahan Patani secara paksaan. Mereka memandang berat tindakan raja Patani yang telah menghubungi pihak berkuasa Inggeris bagi mendapatkan sokongan. Pihak Siam juga menyedari bahawa

sekiranya mereka membiarkan raja Patani bertindak demikian tanpa sembarang sekatan, kemungkinan besar Siam akan kehilangan wilayah-wilayah selatan negaranya. Pada 21 Februari 1902, tersebar berita yang mengatakan bahawa Raja Patani Tengku Abdul Kadir Kamaruddin telah ditangkap oleh pihak berkuasa Siam kerana enggan menurunkan tandatangan dan cop mohor Kerajaan Patani sebagai persetujuan menerima peraturan undang-undang kementerian yang baru. Ini diikuti dengan penahanan raja-raja Melayu Patani yang lain rentetan kedegilan mereka menerima peraturan undang-undang yang sama. Atas tuduhan menderhaka kerana bermuafakat menentang kerajaan Siam, raja Patani telah dijatuhi hukuman dan dipenjara di Pitsanuloke, di utara Bangkok. Pada 6 Mac 1902, dengan rasminya baginda telah dilucutkan daripada jawatan dan diturunkan daripada takhta sebagai raja Patani, bahkan merupakan raja Patani yang terakhir memerintah negeri Patani Darul Maarif, sekaligus terhapuslah Kesultanan Melayu Patani yang telah wujud kira-kira lima abad lamanya.

Pejabat Gabenor Inggeris di Singapura telah menjadi tumpuan dan sasaran pelbagai pihak yang mengecam tindakan ganas pihak berkuasa Siam serta bersimpati dengan raja Patani yang menjadi mangsa keganasan itu. Kerabat diraja Patani, raja-raja Melayu Semenanjung, orang perseorangan, dan akhbar-akhbar tempatan telah mendesak Kerajaan Inggeris supaya campur tangan dan membebaskan raja Patani. Mereka juga merayu agar Kerajaan Inggeris mengambil alih pentadbiran negeri Patani daripada kekuasaan Siam. Walau bagaimanapun, Kerajaan Inggeris di Singapura hanya mengetahui kejadian ini setelah Tengku Petri, isteri raja Patani, Raja Muda Kelantan dan Tengku Seri Maharaja Kelantan memberitahu pihaknya pada awal bulan Mac 1902. Kewatan ini berlaku kerana pihak Siam tidak membenarkan sembarang maklumat tentang peristiwa ini di-

hantar keluar sama ada melalui telegraf atau surat-menyurat. Pejabat Tanah Jajahan di London telah dihubungi dengan serta-merta oleh Swettenham. Berita yang memeranjatkan ini mendesak Kerajaan British terus menghubungi Bangkok menekankan masalah pembebasan raja Patani. Pada masa yang sama Swettenham menghantar surat bantahan kepada raja Chulalongkorn menyatakan rasa simpati terhadap raja Patani dan penyesalan terhadap sikap terburu-buru pihak Siam yang bertindak tanpa rundingan.

Di London, kejadian itu dipandang serius oleh Kerajaan British. Pejabat Tanah Jajahan menganggap tindakan ini sebagai perbuatan yang zalim lagi biadab. Kementerian Luar Negeri Britain pula menganggapnya sebagai keterlaluan. Chamberlain, Setiausaha Negara British lantas mengarahkan Menteri Inggeris di Bangkok, supaya menyatakan bantahan Kerajaan British terhadap tindakan Kerajaan Siam dan membincangkan masalah raja Patani demi mengekalkan hubungan antara Great Britain dengan Siam. Walau bagaimanapun surat bantahan Swettenham dan Chamberlain itu tidak disampaikan oleh Tower kepada Raja Chulalongkorn. Beliau tidak mahu peristiwa itu menjejaskan hubungan baik antara kedua-dua negara kerana Inggeris mempunyai pelaburan ekonomi yang terbesar di negeri Siam dan Inggeris juga sedang merundingkan masalah negeri-negeri Melayu-Siam yang lain. Katanya, tindakan pihak Siam ke atas raja Patani itu adalah sejajar dengan kehendak Inggeris sendiri yang ingin melihat kuasa Siam berdiri teguh di Patani. Pandangan Tower tentang isu Patani itu diasingkan dan dibezakan daripada kes Kelantan dan Terengganu.²⁹

Keadaan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas

29 Koch, M.L. 1977. "Patani and the Development of Thai State", *JMBRAS*. Jil. 50, bhg. II, hlm. 69-88.

hati di kalangan kerabat diraja Patani dan Kelantan, pedagang persendirian Inggeris, para pegawai tadbir Inggeris, dan akhbar berbahasa Inggeris di Tanah Melayu dan Singapura,³⁰ yang ingin melihat Patani terlepas daripada cengkaman pihak berkuasa Siam yang menjajah sekian lama. Tengku Petri permaisuri raja Patani dalam sepucuk suratnya kepada Swettenham, bertarikh 18 Ogos 1902, telah menyalahkan pihak Inggeris dan Swettenham sendiri yang menyebabkan suaminya ditahan. Robert W. Duff juga turut merayu supaya tindakan yang wajar diambil untuk membebaskan raja Patani. Beliau juga menyalahkan dirinya dan Kerajaan British kerana penahanan itu. Swettenham pula dalam suratnya kepada Lucas bertarikh 11 Jun 1902 telah mengecam hebat dan mengutuk habis-habisan ketidakjujuran Siam serta perbuatan seperti rasuah, sikap pemalas, dan tidak boleh dipercayai di kalangan pegawai-pegawai Siam yang bertugas di Patani.

Pada bulan September 1902, sekali lagi Swettenham memberitahu pihak berkuasa di London tentang kesediaannya memberi tempat tinggal kepada bekas raja

30 Beberapa buah akhbar harian berbahasa Inggeris seperti *Singapore Free Press*, *Straits Times*, *Pinang Gazette* and *Straits Chronicle*, *The Perak Pioneer* and *Malay States Advertiser* dan *Malay Mail* telah menyiarkan berita tentang pergolakan rakyat Patani dan penahanan raja Patani oleh Kerajaan Siam. Akhbar *Straits Times* 12 Mac 1902 dengan tajuk utama, "A Rajah Kidnapped" keesokan harinya *Malay Mail* menyiarkan tajuk utama, "Siam in Patani, Raja Kidnapped, Serious Troubled Feared". Kemudian diikuti berita ulang cetak *Straits Times* 19 Mac 1902 bertajuk "Patani: Notes on the Spot", ulang cetak *Malay Mail* 25 Julai 1902 bertajuk, "Something About Patani Affairs", ulang cetak *Malay Mail* 17 & 18 Julai 1902 bertajuk, "Under the Rule of Siam", ulang cetak *Pinang Gazette* and *Stratis Chronicle* 22 Sept & 2 Oktober 1902 bertajuk, "The Truth About Patani", 8 Oktober 1902 bertajuk, "Siamese Pretensions Over Kelantan, Trengganu and Patani", *The Perak Pioneer* and *Malay States Advertiser* 15 Oktober 1909 bertajuk, "Patani". Sila lihat Khoo, K.K. "Patani During the Turn of the 20th Century: A Malayan Perception", *JMBRAS*. Jil. 61, bgh. 1, hlm. 87-116.

Patani di negeri-negeri Melayu Bersekutu setelah baginda dibebaskan. Akhirnya pada 21 Mac 1904, baginda telah dibebaskan selepas membuat pengisytiharan serta pengharamannya melibatkan diri dalam sembarang aktiviti politik yang menentang Kerajaan Siam. Pada 27 April 1904, baginda pulang ke Patani dengan menaiki kapal *S.S. Cakrabongse*, setelah menjalani hukuman penjara selama 27 bulan. Melihat kejayaan Siam pada tahun 1905 berikutnya secara sulit baginda sekeluarga berhijrah ke Kelantan menetap di Istana Tengku Seri Akar yang diwarisi oleh anakandanya.

Pada tahun 1908, perundingan telah diadakan oleh pihak Siam dan Inggeris di Tanah Melayu untuk membuat suatu garisan sempadan yang memisahkan negeri-negeri Melayu dan wilayah-wilayah Siam di Semenanjung Melayu. Dalam rundingan itu isu Patani tidak dapat diketepikan begitu sahaja dan telah ditimbulkan sekali lagi. Malahan pegawai pentadbir Inggeris di Tanah Melayu seperti Stamford Raffles, Frederick Weld, Robert Fullerton, Thomas Braddell, Frank Swettenham dan banyak lagi mengharapkan pengaruh Inggeris dapat disebarkan ke negeri Patani. Perwakilan Inggeris dalam rundingan itu, Ralph Paget memberi alasan bahawa sejak dahulu lagi orang Melayu di Patani tidak rela berada di bawah pemerintahan kuasa Siam.

Siri peperangan dan pemberontakan yang terbenang luas dalam sejarahnya telah membuktikan kebencian Patani terhadap penjajah Siam. Sejak Siam bertindak menghapuskan Kesultanan Melayu-Islam Patani maka keadaan di situ sentiasa tegang dan sensitif. Berdasarkan persoalan geografi, kelompok keturunan penduduk, adat resam, kebudayaan Melayu, dan agama Islam yang mempunyai persamaan dan keseragaman, semestinyalah Patani diserahkan kepada pentadbiran Inggeris bersama-sama negeri-negeri Melayu yang lain. Walau bagaimanapun keputusan pihak perwakilan Siam, Edward Strobel, dalam perundingan itu telah menolak

penyertaan Patani dalam penyerahan untuk menentukan sempadan.

Pada 10 Mac 1909 berlangsung Perjanjian Sempadan yang telah membentuk sempadan antarabangsa sepanjang 350 batu dalam peta moden sekarang ini. Negeri-negeri Melayu Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, dan bahagian selatan Patani yang selama ini bertikai dengan Perak, telah diserahkan kepada pentadbiran Inggeris meninggalkan Setul dan negeri Patani kekal menjadi sebahagian daripada selatan negara Siam. Kerajaan Inggeris pula dilarang dan berjanji tidak akan mencampuri lagi segala urusan negeri dan kawasan yang telah diserahkan kepada Siam. Pada hakikatnya perjanjian ini telah membawa tuah dan kebebasan kepada negeri-negeri Melayu yang terserah kepada pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu, namun ia menjadi peristiwa malang dan buruk dalam titik sejarah perjuangan orang Melayu Patani menentang penjajahan Siam pada sepanjang abad ke-20 ini. Sultan Muhammad IV Kelantan tidak bersetuju dengan perjanjian ini. Baginda menyedari akibatnya akan memisahkan persaudaraan antara ayah dengan anak, adik dengan kakak, khususnya antara orang Patani dengan orang Kelantan yang bersaudara itu. Para pedagang persendirian Inggeris dan rakyat British di Tanah Melayu dan Siam menganggap perjanjian ini sebagai suatu kegagalan. Menurut mereka lagi:

*Siam has neither political, territorial, sentimental, ethnological, anthropological, nor geographical rights over Patani. The Malays are a totally different race of mankind and hate the Siamese.*³¹

Mereka juga menyalahkan Inggeris kerana bagi mereka bantuan Inggeris telah menyebabkan Siam berani

31 Sila lihat Deus et Libertas 1970. "Siamese Abuses in Patani" dlm. *Suara Siswa*. Jil. 2, Bil. 2, Disember 1970, hlm. 5-11.

mengambil Patani. Dengan itu dalam sebelas negeri Melayu Semenanjung yang menerima pengaruh pentadbiran Inggeris, hanya Patani satu-satunya negeri Melayu yang terserah kepada pengaruh Siam.

PATANI SEBAGAI PUSAT PENGAJIAN ISLAM NUSANTARA

Pengasas Institusi Pengajian Pondok

KESEDARAN intelektual di Patani telah menumbuhkan kegiatan persuratan. Penggunaan tulisan Jawi yang dipinjam daripada huruf Arab-Parsi semakin luas. Penerimaan Islam dan peningkatan tamadunnya yang mempertemukan nilai budaya tempatan dengan kepelbagaian nilai mendatang telah menjadikan Patani lebih sedar akan kepentingan nilai intelektual. Daya yang menggerakkan kesedaran ini ialah Islam. Konsep belajar terutama tentang fardu ain dan kifayah telah wujud melalui institusi seperti surau, balai, madrasah, dan masjid, tetapi pusat pengajian tradisional dan kegiatannya pada masa tersebut adalah istana.

Istana bukan sahaja menjadi pusat kegiatan keilmuan dan politik, tetapi juga kegiatan kebudayaan Melayu. Oleh sebab istana menjadi tumpuan cerdik pandai maka pengajian ini lebih maju khususnya apabila kegiatan ilmiah di istana mendapat dorongan dan bantuan daripada raja-raja Melayu Patani yang beragama Islam.¹ Di samping itu, masjid juga memainkan peranan yang penting bukan sahaja sebagai tempat beribadat, tetapi

¹ Ismail Hamid 1985. *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 44.

juga sebagai pusat pengajian dan penyebaran agama Islam.

Sebagai sebuah negara yang mementingkan ilmu, sudah sewajarnya para pembesar negeri turut sama memberi dorongan pada kegiatan penulisan. Dalam hal ini penting sekali dinyatakan penyataan Tun Seri Lanang sendiri dalam kata pendahuluan:

Orang yang mendorong beliau menulis *Sejarah Melayu* ialah Raja Dewa Said Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Raja Patani, seorang besar yang terlebih mulia dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain duduk dalam suatu majlis orang-orang besar bersenda gurau waktu itu.²

Dengan itu terbukti kegiatan keilmuan dan penulisan sudah begitu penting di Patani sejak abad ke-17 lagi.

Sistem pendidikan yang lebih teratur dalam pengajian Islam bermula pada masa pemerintahan Kerajaan Saljuk (1055-1194). Wazir kerajaan tersebut bernama Nizam al-Malik di Baghdad telah memperkenalkan satu sistem pengajian Islam yang teratur melalui institusi yang disebut madrasah. Kemudian sistem pengajian Islam yang bercorak persekolahan ini berkembang pada abad ke-11 ke seluruh dunia Islam.³ Seterusnya pengajaran berdasarkan sistem pendidikan ini telah diterapkan di Masjidil-Haram, kota Makkah Mukarramah. Perkembangannya di alam Nusantara Melayu pula dikatakan tumbuh menerusi penubuhan institusi pengajian pondok yang didirikan sebagai pusat pengajian rakyat. Perkataan "pondok" diambil daripada perkataan Arab *fondoq* yang bermakna bangunan untuk pengembara.⁴

-
- 2 Sila lihat mukadimah kitab *Sejarah Melayu* dalam Shellabear, W.G. 1979. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 2.
 - 3 Rauf, M.A. 1964. "Islamic Education", *Intisari*. Jil. 2, hlm. 19.
 - 4 Marsden, W. 1812. *A Dictionary of the Malayan Language*. Dua bgh., London.

Menurut Awang Had Salleh, pondok ialah sebuah institusi pendidikan kampung yang mengendalikan pengajian agama Islam. Guru yang mengajarnya dinamakan tuan guru, dan diakui kepakarannya oleh penduduk kampung yang menjemputnya untuk mengajar mereka yang ingin melanjutkan pengajian agama Islam melewati pengetahuan asas tentang undang-undang Islam dan pembacaan al-Qur'an.⁵ Ringkasnya, pondok yang dirujuk sebagai institusi daripada aspek fizikalnya mengandungi rumah guru, ruang belajar sama ada di rumah guru atau surau yang berdekatan; rumah-rumah kecil yang dinamakan pondok itu menjadi kediaman para pelajar.

Sejarah pengajian pondok bermula seawal pertapakkan Islam di Semenanjung Melayu, dan berkembang seiring dengan penyebaran pendidikan Islam. Namun pembabitannya sebagai pusat kehidupan sosial tidak begitu jelas.⁶ Sejajar dengan kemasukan Islam ke negeri-negeri Melayu Semenanjung di Patani jauh lebih awal daripada Melaka maka persetujuan dicapai menyatakan bahawa Patani pernah menjadi pusat perkembangan Islam yang tertua di Asia Tenggara. Dengan yang demikian bolehlah disimpulkan bahawa institusi pengajian pondok yang terdapat di mana-mana negara Asia Tenggara, adalah pertama kali didirikan dan diasaskan dari bumi Patani. Kajian yang telah dibuat membuktikan bahawa institusi pengajian pondok yang pertama kali didirikan di Patani merupakan institusi pengajian yang tertua di Asia Tenggara.⁷ Para ulama Patani telah melaksanakan tugas pendidikan melalui sistem

- 5 Awang Had Salleh, "Institusi Pondok di Malaysia", dlm. Zainal Kling, *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*, hlm. 33-49.
- 6 Muhamad Abu Bakar 1989, "Dari Pusat ke Pinggiran: Masa Kini dan Masa Depan Pondok di Malaysia". Kertas kerja dlm. Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Ke-II, 15-20 Ogos 1989, Kuala Lumpur.
- 7 Winzeler, R.L. 1975. "Traditional Islamic School in Kelantan", *JMBRAS*. Jil. 48, bgh. I, hlm. 92.

pondok sejak abad ke-12 lagi.⁸

Pada abad ke-16 muncul nama-nama pemikir dan penyebar Islam seperti Syeikh Syafiauddin al-Abbasi, Syeikh Muhammad Said Barsisa, dan Syeikh Gombak Abdul Mubin yang menjalankan kegiatan Islam di Patani pada waktu itu. Kemudian muncul pula pendakwah Patani seperti Syeikh Faqih Ali al-Malbari, Syeikh Ali Faqih al-Fatani, Syeikh Abdul Jalil al-Fatani, dan banyak lagi. Walau bagaimanapun pada awal abad ke-18 sewaktu Patani diperintah oleh Yang Dipertuan Along Yunus (1726-27) Patani kembali menjadi pusat tumpuan kegiatan keilmuan Islam di seluruh Nusantara. Sebagai seorang raja yang begitu mengambil berat tentang perkembangan dan kepentingan Islam, dalam tempoh pemerintahan Baginda yang begitu singkat, selama 11 bulan itu pelbagai usaha dakwah Islamiah telah dijalankan. *Hikayat Patani* menceritakan:

Hatta antara berapa lamanya maka Along Yunus pula kerajaan di Air Lilih sebelas bulan lamanya. Maka tatkala ia di atas takhta kerajaan itu dipanggil orang Yang Dipertuan, dan ialah yang berbuat masjid di bandar itu dan masjid itu pun istana Raja Dajang buat asalnya di dalam negeri. Maka dirombak bawa ke bandar dijadikan masjid. Maka pada masa itulah Sayid Abdullah pun datang dari Terengganu. Adapun Sayid Abdullah itu daripada anak cucu Rasulullah, Bait-Almukaddas nama negerinya, dan Haji Yunus itu Jawi Patani asalnya dan Syeikh Abdul Kadir itu asalnya orang Pasai dan Haji Abdul Rahman itu asalnya orang Jawa, turun dari haji ia beristeri di Patani ini. Adapun Faqih Abdul Manan itu orang Minangkabau datang dari Kedah, ia beristeri di Pujud. Maka sekalian datuk-datuk itulah yang membi-carakan kesakitan rakyat Patani itu dengan hukum Allah yang tersebut di dalam kitab Allah. Maka segala rakyat dalam bandar Patani itu pun sangatlah senang sentosanya

8 Abdul Latif Hamidong 1989. "Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu", dlm. Ismail Hussein dll, *Tamadun Melayu*, Jil. Dua, op. cit., hlm. 771-97.

pada masa itu. Maka nama Yang Dipertuan pun masyhurlah lantas sampai pada negeri Barat dan Timur.⁹

Menjelang akhir abad ke-18 hingga sepanjang abad ke-19 Patani terus berperanan sebagai pusat tamadun Islam bahkan sebagai pusat kegiatan kesusasteraan Melayu berunsur Islam menerusi kelahiran ulama-ulama terkenal serta kitab-kitab karangan mereka yang termasyhur. Para ulama tersebut, bukan sahaja terkenal di rantau ini malah diakui sebagai alim ulama hingga negara-negara Arab, Turki, utara Afrika mengiktiraf sebahagian daripada mereka yang bertauliah mengajar di Masjidil-Haram, Makkah. Ketika itu Patani mendapat nama jolokan *Cermin Makkah* dikunjungi oleh para pelajar Islam dari Sri Lanka, Burma, Kemboja, Vietnam, Filipina, negeri-negeri Tanah Melayu, dan seluruh Nusantara seperti Sumatera terutama Aceh, Sulawesi, Kalimantan, Jawa, dan Brunei.

Antara pondok yang tertua dan cukup terkenal aktif di Patani ialah Pondok Dala, Bermin, Semela, Dual, Kota, Gerisik, Telok Manok. Pondok-pondok ini telah didatangi bukan sahaja oleh pelajar-pelajar dalam negara malah pelajar-pelajar dari luar negeri dan terdapat juga daripada masyarakat bukan Melayu. Dengan itu pondok juga berperanan penting dalam menyebarkan dan mempertingkatkan taraf bahasa Melayu. Seperti yang terdapat di sesetengah kampung di Burma dan Kemboja, khutbah Jumaat telah disampaikan dalam bahasa Melayu.¹⁰ Begitu juga kitab-kitab agama yang berbahasa Melayu karangan ulama Patani telah diajarkan di sana.

Pondok dalam bentuknya yang tradisional tidak selamanya dapat mempertahankan ciri-ciri keasliannya.

9 Teeuw A. dan Wyatt D.K., *op. cit.*, hlm. 131.

10 Abdul Latif Hamidong 1987. "Peranan Pondok dalam Mengembangkan Bahasa Melayu di Selatan Thailand", dim. *Sastera Melayu dan Tradisi Kosmopolitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 261-68.

Maka lahirlah pondok-pondok baru dalam bentuk moden seperti sistem madrasah. Dalam sistem ini para pelajar diatur secara berkelas mengikut tingkat kecerdasan masing-masing, mempunyai kurikulum yang jelas dan jangka masa serta tempoh pendidikan yang ditentukan. Ciri-ciri khas pondok yang dapat mempertahankan bentuk tradisional adalah seperti yang berikut:

1. Pondok tradisional biasanya terletak di kawasan pedalaman. Pondok itu didirikan di tanah milik tuk guru atau sebahagiannya dibeli sendiri manakala sebahagian lagi dipunyai oleh masyarakat dan menyerahkannya kepada tuk guru.
2. Pondok-pondok yang menjadi asrama penginapan para pelajar semasa berada di institusi pengajian itu biasanya didirikan oleh pelajar. Oleh yang demikian pelajar berhak sama ada menjual atau mewakafkannya setelah tamat belajar.
3. Balai atau balaisah merupakan pusat kegiatan. Di sinilah tuk guru akan melaksanakan kegiatan mengajar kepada para pelajarnya dan kadang kala menyampaikan pengajaran ilmunya kepada masyarakat di sekitar pada hari tertentu.
4. Tuk guru atau baba pondok merupakan pemimpin yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan aktiviti termasuk pentadbiran mahupun hubungan pondok dengan masyarakat dan ibu bapa pelajar.
5. Tuk guru pondok tidak memungut sembarang bayaran daripada para pelajar. Biaya hidup keluar-ganya diperoleh daripada sumber kekayaannya sendiri. Walau bagaimanapun kedudukannya yang dihormati itu mendapat sedekah fitrah dan zakat daripada para pelajarnya dan masyarakat keliling.

Di Patani para pelajar pondok disebut "tuk pake". Istilah ini berasal daripada bahasa Arab yang bererti

orang yang sangat berhajat pada ilmu pengetahuan dan bimbingan keagamaan. Orang yang mengajar pula disebut "tuk guru", biasanya seorang yang alim dalam ilmu agama Islam, warak, dan tawaduk. Tuk guru juga biasanya sudah mengerjakan ibadah haji atau pernah tinggal dan belajar di Makkah atau negara Timur Tengah lain sekian lama. Semakin alim seseorang tuk guru maka semakin banyak pula pelajar atau masyarakat yang menyanjunginya. Umumnya pondok terletak di kawasan pedalaman. Ini merupakan suatu bentuk pengasingan diri daripada pengaruh luar, khususnya pengaruh yang negatif termasuk kebudayaan asing.

Sebagai institusi pendidikan Islam pondok telah melahirkan tiga unsur pendidikan yang penting, iaitu ibadat untuk menanamkan keteguhan iman, tabligh untuk menyebarkan ilmu, dan amal untuk mewujudkan ajaran Islam dalam penghayatannya di kalangan masyarakat Islam. Dengan sistem pengajaran yang sederhana sistem pondok dapat melahirkan alim ulama yang terkenal di rantau ini. Ulama yang terdidik tidak hanya meneruskan kelangsungan institusi pondok tetapi juga menulis kitab agama baik dalam bahasa Melayu mahupun dalam bahasa Arab. Selain itu kader-kader yang berjiwa Islam sejati telah dilahirkan dan apabila kembali ke pangkuan masyarakat akan membina dan memimpin masyarakat sejajar dengan tuntutan yang dikehendaki oleh Islam. Terbukti mereka yang memegang jawatan imam, khatib, bilal, dan jawatankuasa masjid di kampung-kampung seluruh Patani adalah bekas pelajar pondok pada suatu masa dahulu.

Institusi pondok sebagai institusi kemasyarakatan, selalu membina dan membimbing masyarakat Melayu di Patani ke arah kemajuan sosial. Jadi ia membawa pengaruh baik dalam pola berfikir mahupun perilaku dalam pelbagai aspek penghidupan masyarakat. Pengaruh pondok sangat besar sehingga dapat membentuk nilai yang dianuti oleh masyarakat umum. Tuan guru

atau tuk guru ataupun baba pondok mendapat penghormatan daripada penduduk sekeliling yang selalu berusaha untuk mendekati tuk-tuk guru bagi mendapatkan nasihat, kerjasama mahupun khidmat bimbingan.¹¹ Mereka juga penting seperti kedudukan para pemimpin masyarakat Islam yang lain terutama tentang sesuatu yang berhubungan dengan hal-hal agama Islam.

Sungguhpun institusi pengajian pondok di Patani begitu penting namun ciri keaslian pondok itu sekarang telah banyak diubah demi memenuhi kehendak dan dasar pelajaran kebangsaan kerajaan yang memerintah. Mulai tahun 1961 pihak pemerintah telah turut campur tangan dalam kaedah pembelajaran dengan tujuan memasukkan sistem pendidikan yang bercorak sekular di pondok. Dengan ini diharapkan dapat melahirkan pelajar yang dapat berbahasa pemerintah, mempunyai semangat, dan merasakan diri mereka sebahagian daripada pemerintah, serta akan mengakui falsafah negara.

Pada mulanya campur tangan pihak pemerintah ini mendapat tentangan yang hebat daripada pemimpin pondok dan kegelisahan masyarakat Islam Patani sendiri tetapi dengan usaha dan kuasa yang ada pada pihak pemerintah yang bersungguh-sungguh akhirnya dapat juga diterapkan sistem pelajaran itu. Dengan yang demikian kedudukan pondok sebagai pusat perkembangan kebudayaan Melayu terjejas dan mengalami perubahan besar.

Usaha pemerintah telah diperkuat apabila ada laporan mengatakan bahawa institusi pengajian pondok di Patani telah dijadikan pusat penyebaran faham kebangsaan serta doktrin perjuangan untuk menentang pihak pemerintah. Mulai tahun 1971 usaha yang lebih positif diputuskan oleh Ketua Pegawai Pelajaran iaitu:

1. Pondok yang tidak mempunyai surat kebenaran

11 Abdul Latif Hamidong 1989. *op. cit.*

tidak dibenarkan diambil kecuali pondok tersebut dijadikan sekolah rakyat, dengan syarat tuk guru atau guru besar tersebut lulusan menengah VI sekolah kerajaan.

2. Pondok yang tidak mempunyai surat kebenaran dan meminta kebenaran kerajaan untuk dijadikan sekolah rakyat akan dibantu oleh pihak kerajaan.
3. Pembukaan pondok baru akan ditutup mulai tahun 1971 dan yang sudah beroperasi akan diteruskan.
4. Sekiranya mengajar lebih daripada 17 orang pelajar pondok akan didakwa kecuali dengan kebenaran pemerintah.¹²

Keputusan tambahan dibuat, iaitu dasar kerajaan akan cuba menghapuskan tulisan Jawi dan Rumi, manakala buku-buku pelajaran dicetak dan diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan dengan bahasa pengantar bahasa pemerintah.

Pondok yang telah diterapkan bercorak madrasah, dan sukatan pelajarannya adalah seperti yang berikut:

1. *Ibtidaiyah* – tempoh pengajiannya selama enam tahun sebagai persekolahan dasar sesudah mengikuti asuhan di Taman Didikan Kanak-kanak yang diadakan di masjid-masjid.
2. *Mutawassitoh* – tempoh pengajiannya selama tiga tahun, merupakan tingkat kedua pengajian.
3. *Tsanawiyah* – merupakan tingkat tertinggi dan terakhir dalam pengajian pondok, jangka masanya selama tiga tahun.

Setelah selesai mengikut tempoh di atas pelajar akan diberi sijil. Sebelum itu pihak pondok mewajibkan

¹² *Suara Siswa*. Jil. 2, Bil. 2, Disember 1970, hlm. 24.

pelajar itu mengajar selama setahun sebagai suatu kerja bakti. Pada masa ini pihak pondok akan menghubungi institusi pengajian di luar negeri, seperti Malaysia, Indonesia, India, Pakistan, atau negara-negara Arab Asia Barat untuk menampung pelajar terbaik meneruskan pengajian mereka. Pada tahun 1984 terdapat sebanyak 295 buah pondok yang berdaftar.

Pondok dalam bentuk tradisional	- 93 buah
Pondok dalam bentuk madrasah	- 202 buah
Pondok yang tidak memasukkan mata pelajaran umum	- 85 buah
Pondok yang membuka bahagian umum bercampur mata pelajaran agama	- 117 buah

Jelas di sini Patani sebagai pengasas pengajian pondok terawal di Nusantara meneruskan kegiatan itu hingga ke hari ini. Namun dengan desakan politik kegiatan itu mula terjejas dan cuba disesuaikan dengan unsur-unsur sekular. Peranannya dan pengaruhnya sebagai pusat keilmuan, kebudayaan, dan tamadun Melayu-Islam tidak dapat dinafikan hingga ke hari ini.

Penyebaran Tamadun Islam Semenanjung Melayu

Perkembangan serta pertumbuhan ulama dan kitab-kitab karangan mereka sejajar dengan peranan Patani sebagai pusat tamadun kesusasteraan Islam menjelang akhir abad ke-18 dan sepanjang abad ke-19. Pada awal abad ke-20 pula penyebaran kitab-kitab Islam mempengaruhi Semenanjung Melayu khususnya. Dalam kajian Awang Had Salleh, Patani dilihat sebagai tapak para pelajar Islam Semenanjung melanjutkan pelajaran mereka sebelum berkelayakan menyambungkan pelajaran ke Makkah, yang menjadi pusat pengajian seluruh umat

13 Awang Had Salleh, *op. cit.*

Islam.¹³ Virginia G. Matheson pula meyakinkan lagi sebab Patani telah dipilih oleh para pelajar sebagai tempat menimba ilmu pengetahuan. Jelas beliau:

First, as an historical question, it is important to know the contemporary standing of the Islamic literary tradition in an area which produced outstanding scholarship in the early and mid-nineteenth century. This literature circulated throughout the whole of Malay Peninsular and into Riau as well. It is an essential element in the history of Islam in the Malay World. Second, in the modern world of Islamic writing, Patani is often held up as a centre of pure Islamic teaching and scholarship. The reference is to the famous Patani pondok in which, it is held, knowledge is conveyed in absolute and uncontaminated terms, in short a basic but classical education, from which the student may then graduate to the Middle Eastern centres. Third, and obviously connected with the comments just made, in Patani, the Jawi-Islamic complex of literature is taken as defining Malay cultural identity. Their own view of their ethnic, cultural and religious identity is, therefore, fundamental. The Jawi-Islamic complex is crucial in this respect and history also plays a direct part.¹⁴

Faktor-faktor penyebaran Islam dari Patani ke serata Nusantara adalah sejajar dengan perkembangannya sebagai pusat tamadun kesusasteraan Islam. Walaupun terdapat beberapa orang tokoh dan ulama Melayu Patani seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Tuan Guru Syeikh Wan Ahmad al-Fatani, Syeikh Zainal Abidin al-Fatani, Syeikh Ali Ishak al-Fatani, Syeikh Muhamad Salleh bin Abdur Rahman al-Fatani, dan banyak lagi yang bermukim di Makkah sebagai pusat kegiatan mendalami keilmuan Islam, mereka yang mengajar di Masjidil-Haram mempunyai banyak murid dan para sahabat yang kemudian telah menyebarkan faham intelektual

¹⁴ Matheson, V. dan Hooker, M.B. 1988. "Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition", *JMBRAS*. Jil. 61, bgh. 1.

Islam ke serata Nusantara. Tuan Guru Syeikh Wan Ahmad al-Fatani, sarjana Islam yang terkemuka itu dikatakan menjadi mahaguru terpenting. Hampir tidak ada seorang pun di kalangan para pelajar Islam dari Nusantara yang menuntut ilmu di Makkah, tidak berguru dengannya. Maka peranan mereka serta kitab karangan yang masih menjadi panduan dan rujukan penting itu tetap mempengaruhi perkembangan Patani sebagai pusat penyebaran tamadun Islam rantau ini.

Makkah merupakan lanjutan pengajian pondok dalam masyarakat Melayu tradisional bukan sahaja kiblat sembahyang umat Islam seluruh dunia bahkan menjadi pusat pendidikan tertinggi bagi para ulama di alam Melayu. Antara mata pelajaran yang diajar ialah ilmu fikah, usuluddin, tasawuf, tafsir, hadis, nahu, saraf mantik, *blaghah*, dan *arud*.¹⁵ Kesannya lahirilah banyak cendekiawan dan pujangga Melayu Patani yang menghasilkan pelbagai tulisan dalam bahasa Melayu yang diwarisi hingga ke hari ini. Karya-karya terjemahan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, yang dianggap sebagai pelopor yang berjasa besar, memenuhi penghayatan Islam sewajarnya. Sebelum ini masyarakat Islam Nusantara khususnya hanya mengamalkan ciri-ciri Islam secara akidah dan luaran semata-mata. Namun dengan adanya kitab-kitab terjemahan dan juga daripada idea penulisan beliau sendiri telah memperjelaskan keilmuan Islam itu secara menyeluruh. Asasnya yang nyata telah memberi suatu kesedaran kepada para pelajar Islam yang tertumpu di Makkah melanjutkan pengajian Islam ke arah pembentukan suatu tamadun yang kemudian melahirkan bibit-bibit perjuangan menentang penjajahan di daerah-daerah Nusantara yang masih dicengkam penjajah.

15 Ismail Hamid 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 137.

Menurut Snouck Hurgronje yang menyaksikan keadaan di kota Makkah di sekitar tahun 1880-an bahwa pengajaran ilmu agama adalah didasarkan pada kitab karangan Imam al-Ghazali, pujangga Islam terkenal pada abad ke-12. Kitab *Ihya Ulum al-Din* adalah asas utama mempelajari tiga perkara penting, iaitu *fikah*, *ilm al-kalam*, dan *tasawuf*. Antara itu fikah merupakan panduan yang banyak dalam memenuhi kehidupan hingga kepada peperangan jihad. Malah jika seseorang pelajar Islam yang terkorban sewaktu mempelajari ilmu-ilmu yang berhubung dengan Islam, beliau dianggap sebagai syahid seperti dalam peperangan. Bagi mempelajari ilmu fikah pula setiap pelajar mesti juga menguasai dan memahami nahu atau tatabahasa Arab, rujukan seperti *Ajurrumiyya* dan *Alfiyya* karangan Ibn Malik diperlukan. Kemudian ajaran tentang rukun Islam seperti *al-kalam* atau *ilm al-Usul* ataupun *ilm al-Tawhid* serta dengan perundangannya. Perundangan *fikah* dalam Islam bermula dengan pengajaran al-Qur'an dan hadis, diikuti dengan prinsip ajaran fikah mengikut mazhab Shafi'e terutama karangan Abu Shuja, Rafi'e dan Nawawi, juga penghuraian. Bagi menambahkan lagi penghuraian ini kitab-kitab karangan Ibn Hajar, Sharbini dan Ramli telah digunakan sebagai ceramah tentang perundangan Islam. Sungguhpun pengajaran al-Ghazali mendapat tempat dalam hal bersangkutan hukum fikah tentang ilmu pengetahuan Islam namun hukum ajaran tasawuf lebih mendalami tentang iman sebenarnya.

Mempelajari tafsir al-Qur'an pula dianggap lebih susah daripada pelajaran fikah dan kalam. Tidak ada pelajar mempelajari tafsir ini kecuali menerusi kemahiran memahami bacaan al-Qur'an beberapa kali dengan tajwid yang betul. Sebagai teks rujukan asas tentang tafsir, karangan oleh Baidhawi dan Jalal telah digunakan. Pusat tempat mengajar di Makkah ialah di Masjidil-Haram; tuan guru yang berwibawa dalam ilmu pengetahuan Islam akan memberi ceramahnya dalam bahasa

Arab. Kebanyakan pelajar Islam Nusantara memulakan pengajian mereka dengan guru yang berasal dari Nusantara dan rujukan teks yang mudah dan menggunakan bahasa Melayu.

Cita-cita setiap pelajar ingin menguasai bahasa Arab supaya dapat memahami ceramah yang disampaikan di Masjidil-Haram. Jelas Snouck Hurgronje lagi, guru yang mengajar biasanya menggunakan bahasa Melayu ataupun Jawa bagi memahami tatabahasa dan teks Arab. Hanya apabila muncul percetakan Melayu mulai tahun 1884 barulah para pelajar dapat menikmati kemudahan pembacaan, sebelum kitab-kitab dicetak di Kaherah, Mesir.¹⁶ Menurut Thomas W. Arnold, kelahiran sistem pengajian pondok adalah daripada pengaruh kaedah pengajaran yang wujud di kota Makkah. Kenyataan ini berdasarkan persamaan bentuk pengajaran dan isi pelajaran pondok jika dibandingkan dengan cara pengajaran di Masjidil-Haram, Makkah. Pada abad ke-16, paling nyata terbukti institusi pengajian pondok mulai tumbuh di negeri Melayu Patani.

Dalam perkembangan pengajian Islam, terutama sewaktu zaman pemerintahan Kerajaan Abasiyah di kota Baghdad (750–1258) mencapai kegemilangan tamadun Islamnya, sistem pengajian Islam telah mengalami perubahan. Pengetahuan tentang pengajian al-Qur'an telah dibahagikan kepada *tafsir*, *hadis*, *fikah*, *kalam*, *nahu*, *lugha*, *bayan*, dan *kesusasteraan*. Namun pencapaian tamadun Islam di Patani dapat dilihat menerusi karangan kitab-kitabnya yang berkisar pada perkara-perkara *fikah*, *usuluddin*, *kalam*, *Sifat 20*, dan *i'tiqad*. Pengajaran Islam oleh Syeikh Daud dalam kitab-kitabnya boleh dibahagikan seperti yang berikut:

1. *Fikah* – ilmu hukum yang merangkumi ibadat,

16 Matheson V. dan Hooker M.B., *op. cit.*, hlm. 15–6.

peraturan, dan tatacara agama serta *mu'amalat*, iaitu semua perundangan dalam kehidupan bermasyarakat.

2. *Kalam* – teologi ulama atau perbincangan di peringkat intelek tentang prinsip-prinsip yang berhubung dengan aspek akidah dan ketuhanan yang meliputi:
 - (a) *Usuluddin* : asal usul agama
 - (b) *Akidah* : iman dan kemusykilan
 - (c) *I'tiqad* : prinsip keimanan
 - (d) *Tauhid* : kepercayaan terhadap Tuhan
 - (e) *Sifat* : Sifat 20, sifat-sifat yang mulia bagi Tuhan

Hidup sesudah mati: mujallat berhubung kemudian hari.

3. *Tasawuf* – mistik
4. *Tafsir* – tafsir al-Qur'an
5. *Tajwid* – pembetulan nahu al-Qur'an
6. *Nahw* – tatabahasa Arab
7. *Pelbagai* – riwayat hidup Nabi Muhammad S.A.W.¹⁷

Pengaruh yang paling ketara yang telah menjalar khususnya di sekitar utara Semenanjung Melayu adalah daripada ajaran Tuan Guru Syeikh Wan Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani. Di Kelantan muridnya Nik Mahmud telah dilantik menjadi Perdana Menteri Kelantan, Haji Ibrahim menjadi Mufti Besar Kelantan dan murid kesayangannya Tuk Kenali menjadi ulama terkenal mempelopori pengajian pondok. Bertolak dari sini Tuk Kenali setelah pulang dari Makkah pada tahun 1915 yang telah diperkenankan oleh Sultan Kelantan, telah menubuhkan Majlis Agama Islam Kelantan dan kemudian lahirlah unsur-unsur pengaruh pengajaran gurunya

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 35-6.

Syeikh Wan Ahmad al-Fatani dalam tulisan-tulisannya dalam majalah *Pengasuh*, terutama pendekatan yang berhubung dengan siasah dan Islam. Di Kedah pula saudara sepupu Syeikh Wan Ahmad al-Fatani, iaitu Syeikh Ibrahim bin Syeikh Abdul Kadir, Tuk Guru Bendang Daya, telah memperkenalkan pengajian pondok serta memperluas tamadun Islam di serata Kedah.

Sejak dahulu lagi penyebaran tamadun Islam dari Patani berlaku akibat penghijrahan orang Melayu Patani mencari perlindungan apabila diserang oleh kekejaman tentera Siam. Jelas Hamdan Hassan, telah ditakdirkan Patani menjadi suatu kawasan yang tidak pernah tenteram.¹⁸ Walau bagaimanapun suatu tugas yang berat telah dijalankan oleh para ulama Patani iaitu menyatukan umat Islam menentang penjajahan, mempelopori perjuangan perang sabil menentang Siam.¹⁹ Selepas Patani dikalahkan oleh Siam pada 1786, masyarakat Islam lebih bersatu untuk berjuang demi mengembalikan maruah tanah air yang terjajah. Atas hubungan persaudaraan Islam antara Makkah-Patani dan tenaga para ulamanya ketika itu, pada bulan Jun-Julai 1791, seorang ulama serta pejuang sabil dari kota Makkah, Syeikh Ahmad Kamal telah menemui Sultan Abdullah Kedah meminta keizinan baginda untuk berpangkalan di situ dan mengumpulkan para ulama dan para haji berjuang membantu umat Islam Patani yang sedang berperang dengan Siam.²⁰

Bahkan pengaruh para ulama Patani ini sangat besar dan tidak keterlaluan dikatakan mereka jugalah yang memainkan peranan penting mengembangkan faham

18 Hamdan Hassan 1980. "Sastera Melayu dan Islam", dlm. *Kesusasteraan Melayu dan Islam: Suatu Pertembungan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, hlm. 97.

19 Ihsan Hardiwijaya Ibaga 1981. "Wilayah Patani Rapat dengan Pantai Timur", *Watan*. Bil. 11, Keluaran 10, Februari 1981, hlm. 11.

20 Bonney, R. "Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independent", hlm. 101.

kebangsaan di kalangan rakyat Patani supaya lebih cer-
gas menentang cengkaman Siam yang mengancam pe-
merintahan Islam di negeri-negeri Melayu Semenanjung
seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Perak, dan
Pahang.²¹ Jadi menerusi pencapaian tamadun Islamnya
Patani juga menjadi penggerak utama menyedarkan
masyarakat Islam Semenanjung tentang ancaman kese-
lamatan.

Patani sendiri sering menjadi sasaran serangan Siam
dan akhirnya terkorban oleh penjajahan. Sikap yang di-
tunjukkan oleh Patani dalam mempertahankan kedau-
latan saudara-saudaranya di negeri-negeri Semenanjung
yang telah disebutkan itu dianggap sebagai dian yang
membakar dirinya demi menerangi cahaya keselamatan
orang lain. Akibatnya banyaklah rakyatnya menjadi
mangsa penjajahan, lari ke mana sahaja mencari keda-
maian. Tentang penghijrahan ini suatu contoh yang
dapat dilihat seperti yang berlaku dalam penempatan
awal orang Patani yang meneroka kampung di Kedah.

Rata-rata difahamkan bahawa masyarakat hulu di Kedah
tinggal di bahagian hulu-hulu sungai. Dipercayai bahawa
keturunan masyarakat ini adalah hasil daripada penghij-
rahan orang Melayu Patani. Mengikut cerita orang tua-tua
mereka berhijrah masuk kerana ingin mencari ketenangan
hidup secara yang tidak terkongkong. Ada juga sesetengah
orang mengatakan mereka berhijrah kerana lari dari rumah.
Mereka datang dari Patani lalu membuat pondok atau
dangau di tengah-tengah rimba, lazimnya di tepi kawasan air
seperti di hulu sungai. Dalam satu penghijrahan terdapat 10
atau 20 orang. Semasa di hutan, mereka menebas, mene-
bang dan membuat ladang huma secara gotong-royong.
Antara kumpulan yang datang itu ada juga ahli kitab atau
tuk alim, pawang atau bomoh. Mereka tidak gentar ber-
hadapan dengan binatang buas atau hantu jembalang. Ada

21 Ihsan Hardiwijaya Ibaga 1979. "Ulama dan Sistem Pondok di Kelantan
Abad ke-19", *Majalah Dian Dajes*. Bil. 120, Tahun XVII, hlm. 20-5.

22 Shaari Awang Besar 1986. "Kehidupan Masyarakat Darat di Kedah", dim.

pula yang ditetak tidak lut, ditembak tidak mengena, kebal dengan ilmu keduniaan yang mereka tuntutan sejak turun temurun lagi.²²

Dengan penghijrahan itu juga mereka telah membawa suatu tradisi pendidikan lalu menjadikan institusi pengajian bercorak pondok sebagai tempat mempelajari dan menghafal doa serta pengajian kitab. Wujudlah pondok-pondok seperti Pondok Tuan Guru Haji Isa di Sungai Limau Pulai, Baling; Pondok Tuan Guru Haji Yahaya di Kampung Pisang, Baling; Pondok Tuan Guru Haji Aziz, Pendang, dan banyak lagi. Begitu juga keadaannya yang berlaku di Terengganu setelah penghijrahan Syeikh Abdul Kadir al-Fatani, ulama tasawuf yang terkenal lalu menetap di Bukit Bayas, Kuala Terengganu dan memperkenalkan sistem pengajian pondok.

Penyebaran Islam telah dipergiatkan lagi oleh muridnya Sayid Muhammad Zainul Abidin yang bergelar Tuan Besar Paduka Indera yang lebih dikenali sebagai Tuk Ku Tuan Besar.²³ Beliau telah menghasilkan beberapa buah karya, antaranya *Kanu'l-Ulla* dan *Jawahiru'l-Saniyyah*. Usaha ini telah diteruskan oleh anaknya Sayid Abdul Rahman yang lebih dikenali sebagai Tuk Ku Paluh. Beliau juga merupakan ahli tasawuf yang bersemangat anti penjajah. Naskhah penulisannya *Maarijulah-fan* mengandungi pembicaraan tentang perjalanan ilmu tasawuf.²⁴ Di Sungai Dua, Pulau Pinang, apabila Syeikh Zainal Abidin Tuan Minal al-Fatani berhijrah dari Patani dan menetap di situ maka usaha mempergiatkan penyebaran Islam telah tertumpu di situ. Sungai Dua menjadi

Intisari Kebudayaan Melayu Kedah. Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, hlm. 119-26.

23 Sila lihat penerangan tentang tokoh ini dalam akhbar *Berita Harian*, 11 November 1989. Lihat juga Hamdan Hassan, *Sastera Melayu dan Islam*, op. cit.

24 Sila lihat Mohamad Abu Bakar 1974. "Sayid Abdul Rahman bin Muhamad al-Idrus (Tuk Ku Paluh)". Latihan ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

pusat kegiatan tamadun Islam. Institusi pengajian pondok tumbuh di sekitarnya serta melahirkan ulama-ulama seperti Tuan Guru Haji Abdul Samad Keramat, Tuan Guru Haji Sahabuddin, dan banyak lagi. Di Perak, daerah Taiping, muncul Tuan Guru Haji Ibrahim dari Patani yang membuka pondok di Cangkat Ibul. Usaha beliau diteruskan oleh anak-anaknya Haji Abdul Rahman, Kadi Larut, Haji Ahmad, dan Haji Zain.

Sesungguhnya menurut Abdul Latif Hamidong, para alim ulama terutama dari Patani telah menyebarkan ajaran Islam dengan tulus ikhlas berdasarkan penghayatan mereka terhadap agama Islam. Ajaran Islam adalah *warasatul-anbiyya* yang wajib disebarkan dan disampaikan oleh ulama kepada umat manusia bahkan menjadi *fahdzu kifayah* pada penghayatan ahli-ahli tasawuf. Dengan yang demikian tumbuh dan berkembangnya pondok sebagai institusi yang menyebarkan pengajaran Islam di rantau ini amat dibanggakan kerana peranan dan pengaruhnya dalam aspek penghidupan masyarakat Melayu yang beragama Islam khususnya di Semenanjung Melayu ini.

Tidak keterlaluan jika dikatakan ciri pengajaran tamadun Islam yang dipelopori oleh institusi pengajian pondok serta pendidikan daripada pembelajaran kitab-kitab ulama Patani telah mempengaruhi sumbangan pondok terhadap pertumbuhan awal semangat nasionalisme berteraskan Islam menentang penjajahan di Semenanjung Melayu. Sehubungan ini pada bulan Julai 1906 sebuah majalah terbitan berkala dalam bahasa Melayu bernama *Al-Iman* muncul di Singapura, rentetan penerbitan majalah berkala *Al-Manar* pada tahun 1898. *Al-Iman* telah menerbitkan makalah tentang teori dan pemikiran politik walaupun bidang pengetahuan itu masih baru bagi orang Melayu ketika itu. Politik Islam yang

25 Abu Bakar Hamzah 1989. "Aspek Politik Gerakan Fundamental Islam di

dipertahankan olehnya adalah didasarkan pada kepercayaan terhadap keesaan Tuhan dan kekuasaan-Nya Yang Maha Agung.²⁵

Konsep pembaharuan Islam atau gerakan Islah ini sebenarnya dipelopori oleh Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh, yang merupakan sahabat Syeikh Wan Ahmad al-Fatani. Cita-cita itu lebih cenderung pada doktrin *Salafiyyah* yang menekankan proses pemurnian kembali masyarakat Islam pada ajaran al-Qur'an dan sunnah.²⁶

Pembaharuan Islah ini turut berkembang mempengaruhi masyarakat Islam di sekitar kota Bangkok. Golongan Kaum Muda dikenali sebagai *Khana Mai* sementara golongan Kaum Tua dikenali pula sebagai *Khanu Kau*. Pemimpin gerakan Islah ialah Haji Shamsuddin Mustafa atau nama Siamnya Chaem Promyong pernah melanjutkan pengajian Islamnya di Kaherah dan dipengaruhi oleh ajaran pembaharuan Islam Syeikh Muhammad Abduh.²⁷ Namun gerakan pembaharuan Islam ini sepatutnya ditinjau sebagai satu aspek kemunculan semangat perjuangan orang Melayu kerana baik di negeri Siam mahupun di Tanah Melayu, rata-rata yang beragama Islam adalah orang berketurunan Melayu. Pentingnya tahap ini bukan sahaja berpunca daripada persengketaan Kaum Muda dan Kaum Tua, malah masyarakat Melayu-Islam pada dekad itu telah mula menganalisis dan mempersoalkan alam sekeliling, mencari penyelesaian masalah *khilafiah* serta meniup seruan Islamiyyah di segenap Nusantara. Ringkasnya gagasan ini bertujuan membangunkan semula kese-

Malaysia pada 1906-1908", dlm. Ismail Hussein, *Tamadun Melayu*, Jilid Satu, hlm. 384-406.

26 Mohd. Sarim Hj. Mustajab 1979. "Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948", dlm. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 149-73.

27 Scupin R. 1980. "The Politics of Islamic Reformism in Thailand", *Asian Survey*. Jil. XX, No. 12, Disember 1980, hlm. 1223-35

darang masyarakat Islam yang sudah jauh ketinggalan dirundung penjajahan.

Kesan tamadun Islam yang telah disebarakan oleh Patani menerusi fungsi pondok, ulama, dan kitab-kitabnya kekal menjadi panduan pengembang dan tokoh Islam rantau ini dan dunia Islam sejagat amnya. Sebanyak 18 karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani menjadi teks rujukan yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya. Pada tahun 1977 institusi pengajian tertinggi Islam, Nilam Puri, pernah mempamerkan 50 naskhah manuskrip karya para penulis dan sarjana Islam Patani. Jumlah koleksi tersebut membuktikan pesatnya kegiatan tamadun Islam Patani. Kitab-kitab Patani terdapat di kota-kota Bangkok, Kuala Lumpur, Singapura, Jakarta, Makkah, Kaherah, London, dan negara-negara Islam Asia Barat yang lain.

Antara Ulama Patani yang Terkenal

Syeikh Daud Abdullah al-Fatani

Terlalu sedikit pengkajian dibuat tentang tokoh pemikir Islam yang teragung di Nusantara ini yang pernah mengharumkan nama bangsa Melayu di kalangan negara-negara Islam dunia, hingga ke saat ini. Beliau merupakan ulama kitab teristimewa dan sering dianggap sebagai pelopor penulisan sejajar dengan perkembangan Patani sebagai pusat pengajian dan tamadun kesusasteraan Melayu yang berunsur Islam di Nusantara.²⁸ Sebagai penulis yang prolifik pembabitannya dalam penulisan dianggap yang paling produktif dalam melahirkan kitab-kitab Jawi pada sepanjang abad ke-19, mahupun penghasilan tokoh-tokoh Islam lain sebelum dan sesu-

28 Tentang riwayat hidup dan penerbitan lengkap Syeikh Daud ini sila lihat Wan Mohamad Syaghir Abdullah 1989. *Syeikh Daud Abdullah al-Fatani Ulama dan Pengarang Terbesar Asia*. Penerbit Hizbi.

dahnya. Karya-karya agungnya terus dikaji dan dirujuk oleh para pelajar Islam di institusi pondok dan institusi pengajian tinggi seluruh Nusantara, Asia Barat, dan Eropah. Daya pemikiran kreatifnya serta karyanya yang berbentuk ilmiah tetap disanjung dan dikagumi. Hingga ke hari ini kitab-kitab ilmu agama Islam tulisan Syeikh Daud masih laris terjual di merata kedai buku bahkan diulang cetak beberapa kali.²⁹

Al-Alim Arif Billah Bahjat al-Din Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris @ Senik al-Fatani adalah keturunan daripada Faqih Ali. Beliau dilahirkan di Kampung Bending Gucil, Parit Marhum, Gerisik, Patani pada tahun 1133 H. atau 1721.³⁰ Gerisik ketika itu bukan sahaja merupakan tempat bersemayam raja-raja Melayu Patani tetapi juga menjadi tempat tumpuan pelajar Islam tempatan dan luar negeri untuk mempergiatkan usaha dakwah Islamiah, membincangkan hukum yang sulit. Syeikh Daud telah menghabiskan masa pengajian asas di sekolah pondok di daerah Gerisik selama lima tahun. Ketika itu banyak ulama dari Timur Tengah, terutama dari Yaman mengajar di Patani,³¹ salah seorang gurunya bernama Abdul Rahman Abdul Mubin.³² Kemudian beliau menyambung pelajarannya di Aceh, Sumatera Utara, selama dua tahun kerana ketika itu juga hubungan Patani dan Aceh amat rapat dan menjadi tumpuan utama para pelajar Islam di Nusantara sebelum mereka melanjutkan pelajaran di Makkah.

Penjajahan Siam yang bertindak zalim terhadap

29 Keterangan lanjut tentang kitab-kitab Syeikh Daud dan ulama Patani yang lain diulang cetak, jumlah cetakan dan yang sebagainya sila lihat Matheson V. dan Hooker, M.B. 1988. "Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition", *JMBRAS*. Jil. 61, bgh. 1, hlm. 1-86.

30 Terdapat catatan tentang tarikh lahir lain, iaitu 1153 H. atau 1742 dan 1183 H. atau 1769.

31 Matheson, V. dan Hooker, M.B., *ibid.*, hlm. 20.

32 Keterangan tentang guru Syeikh Daud ini diperoleh oleh penulis daripada Wan Mohamad Syaghir pada 20 Ogos 1989.

masyarakat Islam Patani telah mendesak beliau untuk berhijrah jauh ke kota suci Makkah Mukarramah. Mulai dari sini selama 30 tahun lamanya Syeikh Daud telah menunjukkan ketokohnya menghasilkan karya-karya kreatif agama berunsur Melayu dan Arab. Dengan usaha yang gigih dan sabar setelah tamat belajar daripada guru-gurunya, ulama terkenal ketika itu seperti Syeikh Muhamad Salleh bin Ibrahim ar-Rais Mufti Syatiah, Syeikh Attaullah, Syeikh Ali Ishak al-Fatani, dan Syeikh Muhamad Salleh bin Abdur-Rahman al-Fatani, barulah beliau melayakkan diri mengajar di Masjidil-Haram. Ketika malam harinya beliau menulis kitab-kitab agama dalam bahasa Melayu Patani dan bahasa Arab. Menurut Abdullah al-Qari, bahasa Melayunya agak kaku kerana banyak terpengaruh dengan bahasa Arab, tetapi dalam tujuannya untuk menyampaikan ajaran Islam, beliau telah berjaya.³³ Dari sini Syeikh Daud berusaha menyambung pengajian khususnya mendalami pelbagai bidang disiplin ilmu pengetahuan di kota Madinah selama lima tahun daripada ulama-ulama besar, iaitu Syeikhul-Islam Muhamad bin Sulaiman al-Qudri dan Syeikh Muhamad bin Abdul Qarim Saman.

Berdasarkan pelbagai bidang penulisannya ternyata Syeikh Daud adalah ulama Patani yang istimewa sebagai pemikir Islam dalam pelbagai ilmu seperti fikah, sufi, tasawuf, tauhid, dan yang sebagainya, ulama yang juga pakar tarekat Syatariah ini telah menghasilkan kitab-kitab seperti yang *Warduz-Zawaahir*, *Idah al-Bab li Murid al-Nikah bi'l-Sawab*, *Kifayat al-Muhtaj*, *Nahjatur-Raghibiin*, *Ghayat al-Taqrīb*, *Bulughul-Maraam*, *Manasikul-Hajji wal 'Umrah*, *Al-Durr al-Thamin*, *Jami'al al-Fawaid*, *Minhaj al-Abidin Ila Jannah Rabb al-Alamin*, *Kanzul Minan*, *Munyat al-Musalla*, *Fathul Mannan*, *Al-Jawahir*

33 Abdullah al-Qari (A.Q.H.A.S.) 1967. "Pujangga Syeikh Daud Patani", *Majalah Dian Daiges*. Bil. 10, tahun V, hlm. 131-8, edisi Jawi.

al-Saniyah, Sullam al-Muhtadi, Furu' al-Masa'il wa Usul al-Masa'il, Bahjatul-Mardhiyah, Bughyat al-Tullab li Murid Marifat al-Ahkam bi'l-Sawab, As-Saidu waz-Zabaiih, Al-Bahjat al-Saniya fi al 'aqa'id al-Sunniyah, Dhiya'ul-Murid, Muta'allim, Kashf al-Ghumma, Fath al-Manani li-Safwati 'l-Zubad, Mudakarat al-Ihwan, Tahsil, Wasaya al-Abrar wa Mua'az al-Akhyar, Tuhfat ar-Raghibin, dan Manhal al-Sufi.

Syeikh Wan Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani

Beliau adalah ulama kedua Melayu Patani yang sering diperkatakan ketokohnya dan telah berjasa khususnya pada dunia Islam. Banyak di kalangan kaum keluarganya menjadi ulama dan pendakwah yang telah mempertingkatkan kemajuan Islam di Patani yang pada ketika itu menjadi pusat perkembangan tamadun Islam Nusantara. Syeikh Wan Ahmad telah dilahirkan pada malam Jumaat, 5 Syaaban 1271 H. atau 10 April 1856 di Kampung Jambu, Patani. Oleh sebab berasal daripada kaum keluarga alim ulama, beliau mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri ulama terkenal, Syeikh Wan Mohamad Zain bin Syeikh Wan Mustafa. Kemudian beliau berguru pula dengan bapa saudaranya Syeikh Wan Abdul Kadir yang dikenali sebagai Tuk Guru Bendang Daya, ulama yang terkenal di Patani dan Bangkok. Syeikh Wan Ahmad telah diakui kealimannya sejak berusia 12 tahun lagi. Kemudian ayahnya menghantar beliau untuk menyambung pengajian kitabnya di kota suci Makkah. Tanpa pengetahuan keluarganya beliau mula mempelajari ilmu perubatan daripada gurunya seorang doktor India yang terkenal, Syeikh Abdul Latif bin Abdul Rahim al-Kabuli. Dari sini beliau menyambung pula pengajian Islam di Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau merupakan pelajar Melayu pertama diterima menuntut di institusi pengajian tinggi tertua itu. Apabila tamat pengajiannya Syeikh Wan Ahmad

merasakan dirinya lebih sesuai menetap di kota suci Makkah yang menjadi tumpuan umat Islam seluruh dunia pada musim haji dan di samping itu beliau berkesempatan mengajar di Masjidil-Haram.

Sebagai ulama Melayu Patani yang terkemuka, Tuan Guru Wan Ahmad mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan kerana beliau dapat menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Keilmuan yang tinggi itu pula menempatkan beliau sebagai seorang sarjana Islam dalam penyelidikan kimia dan dikatakan sehingga boleh membuat logam emas. Walau bagaimanapun kitab yang mengandungi rahsia dan formula serta petuanya ini telah terbakar pada tahun 1903 akibat persengketaan dua orang muridnya yang berebut ingin memiliki kitab tersebut. Beliau merupakan pelajar Melayu dari Nusantara yang julung kali mempelajari dan mendalami ilmu perubatan moden. Karya sulungnya dalam bahasa Melayu *Luktatul Ajlan-Fima Tamusu Ilahi-Hajatul Insan* banyak mengandungi asas teori dan kaedah perubatan yang sangat berguna. Begitu juga kitabnya *Tibb al-Ahsan fi Tibb al-Ihsan* telah memuatkan ilmu perubatan moden menurut pengajian dan sejarah perubatan Islam sebenarnya.³⁴

Dalam bidang kesusasteraan, Syeikh Wan Ahmad terkenal sebagai seorang penyair yang berkebolehan mengupas pengertian syair klasik Arab daripada kesusasteraan lama Arab, setanding dengan para penyair berbangsa Arab. Dengan itu beliau juga telah digelar orang *Harimau Makkah*. Sehubungan itu, Syeikh Wan Ahmad tergolong antara ulama berketurunan Melayu yang menguasai bahasa dan penulisan Arab, setanding dengan kebolehan orang Arab sendiri. Kepakaran beliau dalam ilmu tatabahasa dan nahu Arab begitu juga dalam

³⁴ Ismail Che Daud 1955. "Tuan Guru Wan Ahmad Fatani", *Pengasuh*. Bil. 447, hlm. 25-38.

ilmu fikah menyebabkan namanya amat terkenal di kalangan orang Arab Makkah.

Sebagai guru agama yang amat disegani, pembabitannya dalam bidang penulisan membuktikan kebolehannya menyusun buku sejarah penyebaran Islam di Nusantara. Dalam kitabnya *Hadiqatul al-Azhar wal-Riahin* telah menceritakan sejarah Sulawesi Selatan yang diperolehnya daripada Sayid Abdul Rahman al-Qadri, sultan Pontianak (1771–1808) serta susur galur keturunan Bugis berasal daripada Ratu Balqis dan rajanya yang pertama memeluk agama Islam La Ma'dusila pada tahun 1397. Sesudah itu disebutkan tentang permendaan keturunan Bugis menjadi raja di Kedah, Selangor, Riau, Langkat, dan Pontianak.³⁵

Sebagai orang keturunan Melayu Patani beliau juga menulis sejarah perjuangan masyarakat Islam Patani menentang pencerobohan penjajah Siam dan akibatnya. Syeikh Wan Ahmad telah mengubah ejaan tulisan Jawi sebutan Patani menjadi Fatani. Bahkan daripada Patani sebagai pusat pengajian dan tamadun Islam Nusantara Melayu beliau memberi nama jolokan Patani sebagai *Cermin Makkah*. Ejaan huruf Jawi Arab telah disesuaikan ke bahasa Melayu dengan penambahan huruf *nga*, *ga*, *ca*, dan *nya*.³⁶ Pada tahun 1884 di bawah penyeliaan Kerajaan Islam Turki Othmaniyah telah menubuhkan sesi percetakan bahasa Melayu pertama di kota Makkah bernama Mathbaah al-Miriyah, diletakkan di bawah tanggungjawab Syeikh Wan Ahmad. Dari sini usaha beliau tertumpu pada penerbitan bercetak dalam bahasa Melayu di samping membuat koleksi penulisan berbentuk manuskrip karya para ulama Nusantara yang terdahulu

35 Abdul Rahman al-Ahmadi, *op. cit.* hlm. 83.

36 Matheson V. dan Hooker M.B. *op. cit.*, hlm. 29. Lihat juga Naguib al-Attas, S.M., *op. cit.*, hlm. 41.

37 Roff, W.R. 1975. *Nasionalisme Melayu*. Terjemahan Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 57.

dan selama ini diabaikan penyimpanannya. Ini termasuk karangan Syeikh Daud dan Syeikh Zainal Abidin.³⁷

Semangat perjuangan Islam tetap wujud dalam dirinya. Melihatkan penderitaan masyarakat Islam Patani di tanah tumpah darahnya maka beliau begitu mengambil berat terhadap penjajahan itu. Dari kedudukannya yang mendapat tempat di kalangan para pemimpin politik Islam negara-negara Arab, kesempatan ini telah digunakan untuk mempengaruhi mereka. Beliau bercita-cita mendirikan Kerajaan Melayu-Islam yang terbentang merangkumi Patani, Kelantan, dan Terengganu yang merdeka di bawah naungan Kerajaan Islam Turki. Dipercayai Syeikh Wan Ahmad telah menemui dan berbincang dengan para pemimpin Islam Istanbul menyebabkan Kerajaan Turki telah menghantar dua orang perutusan rasmi negaranya. Seorang daripadanya telah pergi ke Patani dan singgah di Bangkok merundingkan perkara ini dengan pegawai-pegawai Siam sementara seorang lagi pergi ke Kelantan dan singgah di Singapura merundingkan perkara yang sama dengan pihak Inggeris. Walau bagaimanapun rancangan untuk mendirikan Daulah Islamiah ini tidak berhasil kerana kuasa Barat terutama Inggeris begitu kuat mempengaruhi politik orang Melayu dan rantau ini khususnya.

Di Kemboja, Tuan Guru Syeikh Wan Ahmad telah menganjurkan supaya orang Cam mendirikan negaranya sendiri. Beliau lalu mengirinkan muridnya yang sangat disayangi, Haji Wan Ahmad, menyarankan supaya orang Cam datang belajar agama di Patani dan Kelantan sebelum melanjutkan pelajaran mereka ke Makkah dengan beliau sendiri. Kali kedua seorang lagi muridnya bernama Haji Sulong yang berasal dari Patani telah dihantar ke Kemboja bagi membangkitkan semangat perjuangan, tetapi Haji Sulong telah ditangkap oleh pihak

38 Abdul Rahman al-Ahmadi, 1989. *op. cit.*, hlm. 2.

berkuasa Perancis atas tuduhan menjadi perisik pihak Turki, sempat disembunyikan lalu pulang ke Patani.³⁸

Sesungguhnya Syeikh Wan Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani begitu penting sekali peranannya pada masa itu. Beliau dikatakan ulama yang ahli dalam 47 macam ilmu dan pengarang terkenal dalam ilmu yang dimilikinya itu. Beliau pernah dikunjungi oleh Snouck Hurgronje di kota Makkah pada tahun 1880-an yang mengagumi serta menganggapnya sebagai ulama ulung pada waktu itu. Menurut Wan Mohamad Syaghir, pendapat dan ideanya yang bernas menjadi ciri-ciri pembaharuan kepada sahabatnya Imam Muhamad Abduh (1849-1905), seorang ulama Islam yang hidup sezaman dengannya.³⁹ Hampir tidak ada seorang pun di kalangan para pelajar Islam Nusantara yang menuntut ilmu agama Islam di Makkah yang tidak berguru dengannya.

Murid-muridnya terlalu banyak. Antara mereka ada yang menjadi pemimpin agama yang terkenal, tokoh Islam, ulama, mufti, kadi, mudir sekolah agama, guru pondok dan yang sebagainya. Nik Mahmud bin Nik Ismail yang lebih cenderung mempelajari ilmu politik daripadanya telah dilantik menjadi perdana menteri Kelantan. Haji Ibrahim menjadi mufti besar negeri Kelantan, Syeikh Mohamad bin Mohamad Said menjadi mufti Negeri Sembilan, Khatib Jabar kemudiannya menjadi imam di Sambas, Kalimantan Barat, Haji Mohamad Salleh menjadi kadi besar di Kemboja, dan banyak lagi di serata Patani dan Malaysia. Antara murid-murid yang sangat disayangi yang telah mewarisi sebanyak 24 bidang ilmu pengetahuan daripadanya ialah Haji Awang Mohamad Yusuf, yang dikenali sebagai *Tuk Kenali* yang berguru dengannya selama 20 tahun.

Pengaruh Syeikh Wan Ahmad di alam Melayu sangat

39 Keterangan ini diperoleh oleh penulis daripada Wan Mohamad Syaghir sendiri.

besar. Beliau adalah orang Melayu pertama menjadi pentafsir kitab-kitab berbahasa Arab dan Jawi di Mesir dan Makkah. Sumbangannya begitu penting melahirkan generasi intelektual Islamiah di Patani dan Kelantan menjelang akhir abad ke-19. Secara tidak langsung ini meletakkan dasar dan sistem pendidikan pondok lebih berperaturan jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya. Raja Kelantan Long Mansur, 1890–1900 sewaktu ditabalkan sangat mengharapkan kehadiran Syeikh Wan Ahmad yang telah menulis suatu doa untuk baginda. Ketika *Tarekat Ahmadiyah* mempengaruhi rakyat Kelantan maka Sultan Muhammad IV telah menulis surat bertarikh 12 November 1905, mendapatkan pandangan beliau menyelesaikan polemik ini.

Syeikh Wan Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani ini banyak menghasilkan kitab dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu Patani. Sebahagian besarnya masih berupa manuskrip dan hanya sebahagian kecil sahaja yang sempat diterbitkan. Antara karyanya yang dalam bahasa Melayu ialah *Luktatul Ajlan-Fima Tamusu Ilahi-Hajatul Insan*, *Bisyaratul A'milin Wanazaratul-Ghafilin*, *Akdul-Juman Fi-A'kaiduliman*, *Saadhat al-Mutanabbih fil-maut Wama Yataalakubihi*, *Badruttaman-Wannujumussawaqib*, *Hadiqatul al-Azhar wal-Riahin*, *Bahjat al-Muhtadin wa farhat al-Mujtadin*, *Tuhfat al-Ummat Fissalat al-A'la Nibiyirahmah*, *Taibul-ihsan Fi tabi-ihsan*, *Faridat al-Farra'id fi ilm al-aqa'id*, *Unwan al-Falahi Waunfa Wanissalah*, dan *Huruf Melayu Baru*.

Antara karya beliau yang dalam bahasa Arab pula ialah: *Jumanat al-Tauhid*, *Tashil-Nil al-Amani*, *Al-Ibrizus-sarfi Fi-Fanis-sarfi*, *Minhaj us-salam Fi-Syarhi Hidayat al-Awam*, *Madnul Madkhal Fi-ilmis-sarfi*, *Abniyat al-Asma' wa al-afa'ala*, *Al-Fatawa al-Fataniyyah*, *Al-risalah al-Fataniyyah Di-ilmin-nawi*, *Al-Manzumat al-Fataniyyah*, *Tadrijussibyan dan Ilmu Istiarah*.

Syeikh Zainal Abidin al-Fatani

Nama lengkapnya ialah Syeikh Zainal Abidin bin Muhamad al-Fatani dan lebih terkenal sebagai Tuan Minal al-Fatani. Beliau mendapat pendidikan asasnya di beberapa buah pondok pengajian tradisional di Patani. Antaranya Pondok Kuala Bekah dan Pauh Bak. Kemudian beliau melanjutkan pengetahuannya secara mendalam di Makkah. Di sana beliau belajar daripada beberapa orang ulama Patani yang mengajar di Makkah, iaitu Syeikh Wan Ali bin Ishak al-Fatani dan Syeikh Abdullah bin Abdul Rahim al-Fatani. Beliau juga belajar dengan beberapa orang ulama berbangsa Arab yang terkenal pada waktu itu seperti Syeikh Muhamad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki. Sama ada di Patani mahupun di Makkah, Tuan Minal tetap bersahabat dengan Tuan Guru Syeikh Muhamad Zain bin Mustafa al-Fatani dan adiknya Syeikh Wan Abdul Kadir Tuk Guru Bendang Daya, Syeikh Abdul Kadir bin Abdul Rahman al-Fatani, dan lain-lain.

Selepas pulang dari Makkah, beliau telah membuka pondok pengajian di Patani. Tidak seperti ulama Patani yang lain sesudah menetap di Makkah tidak lagi pulang ke Patani yang sentiasa dipenuhi siri peperangan dengan penjajah Siam. Syeikh Zainal Abidin walaupun sewaktu di Makkah turut bergiat mengarang kitab agama, namun apabila pulang ke tanah air terus mengajar di pondoknya. Beliau mempunyai murid-murid yang ramai. Antaranya yang menjadi ulama ialah Syeikh Muhamad Said bin Syeikh Jamaluddin, Negeri Sembilan, seorang *Mursyid Tarekat Ahmadiyah al-Idrisiyah*. Tidak diketahui sebab Tuan Minal al-Fatani memindahkan pusat aktivitinya di Sungai Dua, Seberang Perai, Pulau Pinang. Beliau terkenal di seluruh Asia Tenggara. Anak-anak dan beberapa orang keturunannya menjadi ulama besar yang terkenal. Antaranya Syeikh Muhamad Salleh bin Zainal Abidin al-Fatani, Syeikh Omar bin Zainal Abidin

al-Fatani, cucu Syeikh Muhamad Salleh iaitu Tuan Guru Haji Sulong bin Abdul Kadir terkenal sebagai ulama pejuang Islam dan pembangkit semangat revolusi Patani selepas Perang Dunia II. Syeikh Zainal Abidin Tuan Minal al-Fatani meninggal dunia di Sungai Dua, Pulau Pinang.

Karya penulisannya menjadi rujukan ulama silam bahkan sampai sekarang ini di alam Melayu, misalnya *Kashf al-Ghaybiah*, *'Aqidat al-Najin*, *Kashf al-Litham*, *Miftah al-Murid*, *Irsyad al-Ibad*, *Tabassam al-Syaribin*, dan *Fidiyah Sembahyang dan Puasa*.

Ulama Patani yang Lain

Syeikh Abdus-Samad al-Palembangi

Daripada cerita orang tua-tua Abdus-Samad berketurunan Patani dan dilahirkan di Palembang.⁴⁰ Walau bagaimanapun ayahnya, Syeikh Abdul Jalil, telah menghantar beliau mengikuti pengajian pondok di Patani sejak kecil. Pada masa itu hubungan antara Patani dengan Palembang sangat erat.

Tempat pertama beliau menanggung ilmu pengetahuan agama Islam di Patani ialah Pondok Bendang Gucil, Gerisik, Pondok Kuala Bekah, dan Pondok Semela. Nama para guru yang telah mendidik beliau semasa di Patani tidak diketahui dengan tepat. Selama di Makkah dan Madinah beliau telah belajar dengan beberapa orang guru; antaranya Syeikh Attaullah, Syeikh Muhamad bin Sulaiman al-Qurdi, Syeikh Muhamad bin Abdul Karim Saman, dan banyak lagi. Syeikh Muhamad bin Sulaiman al-Qurdi merupakan guru Muhamad bin Abdul Wahab (1115–1206 H. atau 1703–1794) reformis Islam yang terkenal dengan faham

40 Wan Mohamad Syaghir Abdullah, 1977. "Syeikh Abdus-Samad al-Palembangi", *Majalah Dian Daljes*. Bil. 103, tahun XVI, Ogos 1977, hlm. 91–9.

Wahabiyah. Berkemungkinan mereka adalah sahabat seguru, tetapi yang nyata sahabat-sahabatnya ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Muhamad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, dan Syeikh Abdul Wahab Sadenreng Daeng Bunga Bugis.

Syeikh Abdus-Samad adalah ulama sufi yang terkenal di Nusantara ini dan begitu kuat dengan semangat anti penjajahan dan sanggup berjuang kerana mempertahankan agama dan tanah air. Lantaran kuat *isti-qamah*nya, ketika kembali di Palembang didapatinya Palembang telah dikuasai oleh Belanda. Beliau mengambil keputusan berhijrah ke Makkah dengan perahu layar yang dibuatnya sendiri. Sikap ini jelas memperlihatkan keteguhan jiwa beliau yang enggan bertolak ansur dengan penjajah yang memeras bangsanya. Menurut ceritanya lagi, selama bertahun-tahun di Makkah beliau terus mengikuti perkembangan politik peperangan antara Islam dan kafir di Nusantara. Antara peperangan yang terbesar adalah antara masyarakat Islam Patani dengan musuh tradisi Melayu Semenanjung iaitu orang Siam-Buddha. Setelah selesai menyusun bukunya yang berjudul *Nasihat al-Muslimina Wa Tazkirat al-Mu'miniina Fi Fadhaailil-Jihaadi Wa Karaamatil Mujahidiina Fi Sabilillaah* (Nasihat untuk Kaum Muslimin dan Peringatan untuk Orang-orang yang Beriman tentang Kelebihan-kelebihan Perjuangan dan Kemuliaan Para Mujahidin di Jalan Allah), beliau membulatkan tekad untuk membantu masyarakat Islam Patani, lebih-lebih lagi teman karibnya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang berada di Patani ketika berlaku peperangan.

Akhirnya rombongan Syeikh Abdus-Samad berangkat menuju *Cermin Makkah* atau Patani. Tetapi ketibaan beliau agak terlewat. Pasukan Patani hampir kalah berdepan dengan keganasan Siam. Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani sendiri bersama para pengikutnya telah berundur diri di Pulau Duyung, Terengganu untuk menyusun semula langkah perjuangan. Patani telah tewas

dan kekuatan di dalam negeri telah lenyap. Ada yang berpendapat Masjid Gerisik yang dikenali sebagai Pintu Gerbang Hang Tuah terdapat di Patani. Para pengikut tasawuf percaya di sanalah Syeikh Abdus-Samad al-Palembangi telah menghilangkan diri. Akan tetapi di kalangan bukan tasawuf perkara ini adalah mustahil dan mereka lebih percaya bahawa Syeikh Abdus-Samad telah terkorban dibunuh oleh musuh-musuh Islam, sewaktu mempertahankan negeri Patani dalam peperangan tahun 1832 itu.

Muhamad bin Ismail Daud al-Fatani

Beliau merupakan ulama Melayu Patani yang keempat penting selain mereka yang telah disebutkan. Beliau mempergiatkan usaha penulisan sesudah Syeikh Daud dan sezaman dengan Tuan Guru Syeikh Wan Ahmad di Makkah. Namun tidak disebut dalam catatan Snouck Hurgronje. Riwayat dan latar belakangnya tidak banyak ditulis, tetapi beberapa buah kitab karangannya yang berunsur teologi dan tasawuf serta fikah menjadi rujukan utama para pelajar pondok di Malaysia kini. Karya beliau yang lain ialah *Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn* dan *Wishah al-Afrah wa asbah al-Falah*.

Syeikh Abdul Kadir bin Abdul Rahim al-Fatani

Beliau lebih dikenali sebagai Syeikh Abdul Kadir al-Fatani. Sewaktu berada di Patani beliau tidak menonjolkan sembarang aktiviti yang berkesan. Tetapi selepas kekalahan Patani berperang menentang Siam pada awal abad ke-19, kemungkinan peperangan pada tahun 1832 maka beliau berhijrah menetap di Bukit Bayas, Kuala Terengganu. Di sini Syeikh Abdul Kadir meneruskan kegiatan sebagai ahli tasawuf yang disegani dan sebagai ulama yang berjasa menyebarkan tamadun Islam dari Patani khususnya di Terengganu dan Tanah Melayu. Di Terengganu beliau mendirikan insti-

tusi pengajian pondok dan pengajaran tasawuf. Dengan itu beliau semakin dikenali ramai hingga ke Kampung Bukit Bayas yang kemudiannya dikenali juga sebagai Kampung Tuk Syekh.

Sultan Baginda Omar (1839–76) yang memerintah Terengganu begitu tertarik dengan keistimewaan ahli tasawuf ini. Dengan kedudukannya yang terkenal sebagai ahli tasawuf beliau mempunyai harta pusaka yang banyak dan telah diwasiatkan kepada anak-anak nya yang ramai. Syekh Abdul Kadir al-Fatani tidak banyak mempunyai karya dalam bentuk tulisan, namun salah sebuah kitabnya itu telah menempatkan namanya sebagai ulama dan ahli tasawuf yang penting menanamkan suatu konsep pemikiran Islam pada abad ke-19. Beliau meninggal dunia pada tahun 1864. Kitabnya yang terkenal ialah *Manhalu's-Safi fi Bayani Amri Ahli's Sufi* yang membicarakan ilmu tasawuf dan masalah Martabat Tujuh dan alam yang ditempuhi oleh seorang ahli sufi untuk berhadapan dengan Tuhannya.

*Muhammad Nur bin Muhamad bin Ismail
al-Fatani*

Antara karya yang dihasilkan ialah *Kifayat al-Muhtadi
Pada Menerangkan Cahaya Sullam al-Muhtadi*.

*Haji Abdul Kadir Sela Budi, Kampung Sekam,
Patani*

Antara karya yang telah dihasilkan ialah *Asas al-I'tiqad, Mahbath al-Kalam Fi'ilm al-Kalam, Taqrib al-Ikhwan, Tadhkiah, Wasa'il ilm al-Kalam, dan Manhaj Ahli al-Sunnah*.

Syeikh Abdullah bin Abdul Rahim al-Fatani

Karya beliau yang terkenal ialah *Muhimmah pada Ilmu Hadith Nabi*.

Haji Abdullah bin Haji Ibrahim al-Fatani, al-Jaby

Beliau menghasilkan karya *Umdat al-Talib al-Mujtahid fi Sharh Faridat al-Fara'id*.

*Imam Haji Ahmad Omar bin Haji Ahmad Nok,
Tanjung Mas*

Karya beliau ialah *Ghayat al-Taqrīb*.

Syeikh Ismail bin Abdul Kadir al-Fatani

Beliau merupakan saudara sepupu Tuan Guru Syeikh Wan Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani dan anak Syeikh Wan Abdul Kadir, Tuk Guru Bendang Daya. Salah seorang muridnya Haji Abdul Kadir Sela Budi, Kampung Sekam, Patani telah mengarang beberapa buah kitab agama. Oleh sebab beliau lebih muda daripada sepunya Syeikh Wan Ahmad maka kitab-kitab yang ditulisnya berusia 10 tahun selepas kematian sarjana Islam terkemuka itu. Beliau mengajar di Makkah. Antara kitab yang dihasilkan ialah *Sharh Bakurat al-Amaniy* dan *Idah al-Maran li Tahqiq Subul al-Salam*.

Haji Muhammad bin Haji Abu Bakar bin Ali

Beliau menulis buku yang berjudul *Asas al-Ibadat dan Cahaya Pengenalan*.

Haji Muhammad Daud bin Haji Muhammad Yusuf

Beliau menulis *Al-Risalah al-Tawhidiyyah*.

Muhamad al-Miqlab Bislum bin Abdul Kadir bin Muhamad al-Fatani

Karyanya Khulasat al-Jawahir fi Tasfiah al-Khawatir.

Syeikh Muhamad Salleh bin Zainal Abidin al-Fatani

Beliau anak Syeikh Zainal Abidin bin Muhamad al-Fatani yang lebih terkenal sebagai Tuan Minal, merupakan datuk Tuan Guru Haji Sulong, pejuang kemerdekaan Patani yang berakhir dengan Perang Dusun Nyiur pada tahun 1948. Dua daripada penghasilan beliau begitu popular dan masih terus dicetak semula. Kedua-duanya membicarakan tajwid pembacaan al-Qur'an, *Siraj al-Qari* dan *Tajwid al-Qur'an*.

Syeikh Omar bin Zainal Abidin al-Fatani

Beliau juga anak Syeikh Zainal Abidin Tuan Minal al-Fatani yang terkenal, bertanggungjawab menulis dua buah risalah kecil mengandungi 16 halaman berjudul *al-Miftah al-Murid fi ibn al-Tawhid*. Risalah pertama sebenarnya hasil karya ayahnya Syeikh Tuan Minal al-Fatani yang membicarakan tauhid dan Sifat 20. Risalah kedua ditulis oleh beliau sendiri menerangkan sebab-sebab yang membolehkan seseorang itu dianggap murtad. Beliau juga menunjukkan kebolehannya membicarakan tauhid yang disampaikan dalam bentuk puisi. Kitab ini telah diterbitkan oleh al-Maarif, Pulau Pinang, tanpa tarikh.

Syeikh Abdullah bin Qassim Senggora

Seorang tokoh Qira'ah terkenal di seluruh dunia Islam, dan pernah mengetuai Persatuan Qira'ah Hijaz di Makkah.

Syeikh Muhammad bin Idris al-Fatani

Seorang tokoh ulama Patani yang setaraf dengan Tuk Kenali, Kelantan. Beliau lebih dikenali sebagai Tuk Guru Bermin kerana telah membangunkan pondok Bermin, Jambu, Patani.

Syeikh Muhammad Hussein bin Abdul Latif al-Fatani

Beliau dikenali juga sebagai Tuk Kelaba, merupakan murid pertama Tuk Guru Bendang Daya II, Syeikh Abdul Kadir bin Wan Mustafa al-Fatani (ayahanda saudara Syeikh Wan Ahmad al-Fatani). Beliau juga bergiat mengajar agama di Patani dan Kelantan, merupakan sahabat Tuk Kenali dan Tuk Guru Bermin. Syeikh Muhammad Hussein pernah dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis Agama bertaraf mufti oleh Raja Selindung Bayu atau Teluban, Tengku Abdul Mutallib ibni al-Marhum Sultan Muhammad. Antara karangannya yang pernah dihasilkan ialah *Muqaddimatul Attfal*, *Risalatut Tasawuf*, *Hidayatus Saail*, doa-doa dan terjemahan *Qasidah Rijalul Ghaib*.

Syeikh Abdus Samad bin Muhamad Samman an-Nufi al-Fatani

Beliau adalah seorang ulama besar di Patani yang telah mendirikan pondok di Nufi, Patani. Di sini juga tempat pertama Syeikh Ismail Abdul Kadir al-Fatani yang mengajar di Masjidil-Haram, Makkah, dan adiknya Syeikh Ibrahim yang kemudiannya membuka pondok di Gajah Mati, Pendang, Kedah, menuntut ilmu agama Islam. Karya-karyanya yang ditinggalkan ialah *Kifayatul Awaam*, terjemahan *Ta'liimul Mutaallim*, dan lain-lain lagi.

Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman al-Fatani

Beliau merupakan ulama Melayu Patani yang terkenal dan tokoh Islam yang terkemuka sama ada di Asia Tenggara mahupun di dunia Arab Timur Tengah. Banyak peristiwa bersejarah tentang dirinya hingga pernah menjadi buruan pihak *Wahabi* di kota Makkah memaksa beliau bersama-sama dengan gurunya, Sayid Abdullah az-Zawawi melarikan diri ke Sumatera. Sayid Abdullah az-Zawawi kemudiannya menuju ke Riau dilantik menjadi mufti Riau dan seterusnya ke Pontianak menjadi mufti Pontianak, Kalimantan. Tengku Mahmud Zuhdi al-Fatani telah menuju ke Jambi lalu mendirikan Sekolah Agama Tahtul Yaman Jambi. Setelah sekian lama mengajar di sana, Sultan Sulaiman Selangor telah menjemputnya dan dilantik sebagai Syaikhul Islam Selangor.

Syeikh Ibrahim bin Syeikh Abdul Qadir al-Fatani

Beliau ulama besar Patani, tokoh Islam terkenal di Arab Saudi. Beliau adalah putera Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fatani, saudara sepupu Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani (Syeikh Nik Mat Kecil).

5

PATANI SEBAGAI PUSAT KEBUDAYAAN MELAYU SEMENANJUNG

Warisan Peradaban Melayu

PROSES kebudayaan yang telah dilalui menerusi tahap-tahap perkembangan dari zaman teknologi batu, logam, dan seramik prasejarah hingga zaman sejarah yang dipenuhi kebangkitan empayar Hindu-Buddha dan Islam mewariskan tradisi dan nilai serta alam fikiran yang kini menjadi jiwa dan peribadi bangsa Melayu Semenanjung. Sesudah itu pengaruh Barat pula melanda dengan membawa masuk orang India dan Cina menetap di bumi Semenanjung. Maka Patani satu-satunya negeri Melayu yang terkecuali dalam serangan itu yang telah terselamat. Ekoran masa silam Islam telah mencetuskan budaya Melayu Patani yang unggul, tulen, dan berkepe-ribadian daripada warisan peradaban Melayu. Kebudayaan yang pada mulanya berasaskan kepercayaan animisme mempunyai nilai yang tersendiri sebelum kedatangan pengaruh kebudayaan luar. Setelah meresapi masyarakat Melayu, orang Melayu telah menilai dan menyaring mana-mana yang berguna dan sesuai untuk diterima dalam cara kehidupan mengikut perubahan masa. Wujudnya kebudayaan Melayu sudah dapat membentuk masyarakat yang maju, di samping mempunyai sistem pemerintahan, ekonomi, dan agama yang tersendiri.

Walaupun bagaimanapun pencapaian peradaban yang benar-benar bermakna ialah peradaban Melayu moden yang terjelma melalui hubungan dengan kebudayaan Islam. Walaupun Islam dikatakan baru berkembang di alam Melayu namun hubungan budaya Melayu dan Arab telah berlaku sebelum abad kedua. Di sini dapatlah dinyatakan bahawa tamadun Melayu adalah pancaran tamadun Islam yang telah mencapai kedudukan yang gemilang. Tinggalan warisan peradaban Melayu berbentuk lahiriah termasuk prasasti, pelbagai alat teknologi, seni bina seperti istana, masjid, seramik, seni hias, dan yang amat penting naskhah-naskhah atau manuskrip Melayu. Warisan peradaban ini telah banyak dikemukakan, sebahagian daripadanya masih dapat ditemui di tempat asal menjadi hak pemilik individu dan ada yang terkumpul di pelbagai institusi. Terdapat pelbagai karya yang merakamkan pencapaian peradaban dan kebudayaan Melayu setelah menerima agama Islam, yang terpenting umpamanya *Hikayat Patani* merupakan sebuah historiografi Melayu. Ia melaporkan secara langsung dengan jelas dan kabur pencapaian kebudayaan, aspek-aspek sosial, ekonomi, politik, dan sejarah khusus masyarakat Melayu Patani.

Memang tidak dapat dinafikan wujudnya unsur Hindu dalam kebudayaan Melayu, hasil tersebarnya peradaban dari India beberapa abad yang silam sebelum kedatangan Islam. Tetapi dengan kedatangan Islam beberapa perubahan radikal telah berlaku di rantau ini. Para sarjana barat yang mengkaji warisan peradaban Melayu umumnya berpendapat bahawa Islam merupakan suatu lapisan yang tipis di atas kebudayaan Melayu. R.O. Winstedt, misalnya berpendapat bahawa orang Melayu hingga abad ke-19 masih mengambil inspirasi dari India dalam pembinaan semua aspek kebudayaan termasuk agama. Penjelasan S.M. Naguib al-Attas tentang konsep Islam dalam kebudayaan Melayu telah membuat suatu tanggapan akan timbulnya gerak daya kehidupan baru

di alam Melayu tentang agama, bahasa, kesusasteraan, kesenian, dan kebudayaan.¹ Seribu tahun lebih pengaruh peradaban Hindu yang bertiup di alam Melayu dari abad pertama Masihi hingga abad ke-13 telah mengubah peradaban orang Melayu. Peradaban yang wujud daripada pengaruh Hindu ini menjadi peraturan hidup masyarakat Melayu tradisi dan terjelma daripada tamadun yang bercorak mudah kepada masyarakat yang kompleks. Penerimaan ajaran Islam telah mengubah pengertian budaya bagi masyarakat Melayu, pengajarannya pula menjadi ideologi dan panduan dalam kehidupan.² Maka ideologi yang paling berkesan dan penting ialah *akidah tauhid* iaitu percaya kepada Tuhan Yang Maha Esa.

Zaman kegemilangan peradaban Melayu yang pernah dilalui oleh pencapaian Kerajaan Langkasuka, kebetulan penemuannya sewaktu Patani telah menguasai suatu tahap peradaban bangsa Melayu yang begitu unggul. Ini pernah ditegaskan oleh Mubin Sheppard, tokoh budaya, yang menyatakan bahawa Patani merupakan sebuah negeri Melayu peribumi Semenanjung turunturun yang mempunyai banyak khazanah kebudayaan, tetapi hingga kini usaha menerokainya begitu suram sekali.³ Beliau juga menegaskan bahawa para sarjana dan tokoh budaya Melayu mempercayai bahawa Patani adalah warisan peradaban Melayu. Antara lain katanya lagi:

With its long record of highly developed economic and aesthetic, eminence, extending over more than a thousands,

- 1 S.M. Naguib al-Attas 1976. "Konsep Islam dalam Kebudayaan Melayu", *Al-Islam*. Bil. 9, tahun III, Ramadan 1396 atau September 1976, hlm. 22-4.
- 2 Mohd. Taib Osman 1988. "Perubahan Sosiobudaya dan Hubungannya dengan Pengajian Manusia Melayu", dalam *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 62-83.
- 3 "Putera Ireland yang Cintakan Budaya Melayu", *Mastika*. Bil. 7, tahun ke-44, Julai 1984, hlm. 21.

*there can be no doubt that the Kingdom of Patani was the center of an elaborate Malay culture, with the advantages of a long period of uninterrupted royal patronage. Music, dancing, drama, metal working, weaving and wood carving all flourished at a level of excellence which could be compared favourably with the arts of Cambodia. But by a change of destiny, the region where the Malay peoples reached, and for centuries maintained their highest level of independent prosperity and of cultural eminence, has been cut off from the rest of the Malay Peninsula, and almost all traces of their past splendour have been lost under an alien rule.*⁴

Daripada segala warisan peradaban itu ternyata Patani memainkan peranan yang amat penting sebagai pusat peradaban dan kebudayaan Melayu Semenanjung yang telah menjalar mempengaruhi negeri-negeri Melayu pada abad-abad yang berikutnya.

Seni Bina dan Ukiran Tradisional Melayu

Catatan China buat pertama kali menyebut kewujudan beberapa buah Kerajaan Melayu di sekitar utara Semenanjung awal abad Masihi serta gambaran tentang istana raja-raja Melayu pada masa itu. Kemunculan Kerajaan Melayu Langkasuka pula telah mencatatkan bahawa orang Melayu Patani dikenali oleh para pengembara dan saudagar asing sebagai sebuah tempat yang kaya dan bangsanya yang sudah bertamadun tinggi. Dengan yang demikian tidak salah kiranya dinyatakan bahawa tamadun Melayu Patani pada zaman Langkasuka sudah pun menguasai pencapaian bentuk seni bina dan ukiran Melayu tradisi. Bersama-sama dengan perkembangan warisan ini ditemui kesan peninggalan di rumah, istana kayu, dan bangunan masjid. Tentang

4 Sheppard, M. 1972. *Taman Indera: Malay Decorative Arts and Passtimes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 10.

sejarah seni ukir pula menurut Md. Din Jusoh, adalah sukar untuk mengkajinya malah para pengukir kayu mencipta sesuatu mengikut selera dan fungsi yang mempengaruhi zamannya. Untuk menentukan dengan tepat bila ia dicipta dan siapa yang memulakannya tentu sekali banyak masalahnya. Walau bagaimanapun tinggalan seni ukiran yang sudah pun wujud sejak zaman Neolitik lagi telah ditemui berdasarkan penemuan tembikar yang mempunyai ukiran yang mudah. Tetapi daripada aspek sosiologi dan antropologi pula perkembangan tamadun manusia sentiasa mengalami perubahan secara berperingkat bahkan peralatan yang digunakan adalah hasil ciptaan manusia bagi memenuhi keperluan bersesuaian dengan kehendaknya.⁵

Kedudukan kota dan penempatan masyarakat Melayu tradisi pula mempengaruhi seni bina pada waktu itu. Biasanya terdapat bangunan rumah, masjid, dan paling penting istana dan pekarangannya. Penulis Belanda, John Nieuhoff, dalam tinjauannya di negeri Patani pada tahun 1653 menceritakan:

*The houses are artificially built of wood and canes, and very lightsome. The suburbs are likewise much longer than broad, and are incompassed on the backside by a pleasant rivulet. The royal palace and court where most persons of quality live, are invironed with pallisado-work, in the nature of a Palanck; the Mahometan church is a stately edifice of brick-work, gilt very richly within, and adorned with pillars, curiously wrought with figures.*⁶

5 Md. Din Jusoh 1983. "Seni Ukir: Satu Kajian Umum", dalam Khoo K.K., *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 61-76. Lihat juga Siti Zainon Ismail 1983. "Seni Ukir Melayu", *Dewan Budaya*. Julai 1983, hlm. 24.

6 Sheehan, J.J. 1934. "XVIth Century Visitors to the Malay Peninsula", *JMBRAS*. Jil. 12, bhg. II, hlm. 83.

Rumah Tradisi Melayu Patani

Bentuk rumah Melayu dapat dikenali melalui rupa bentuk bumbung yang direka berdasarkan pelbagai pengaruh budaya Melayu. Cara hidup orang Melayu sejak turun-temurun telah mempengaruhi alam seni bina. Ini dapat dilihat daripada penyusunan ruang dan komponen serta unit bangunan. Orang Melayu juga terikat dengan pelbagai adat resam, kepercayaan, sama ada kepercayaan yang diwarisi bermula dari zaman Megalitik yang memberi penekanan pada kepercayaan animisme, kemudian pengaruh budaya Hindu, Islam, Siam, dan Barat sedikit sebanyak memberi kesan pada perkembangan seni bina dan cara hidup tamadun Melayu Patani. Namun dengan mengambil kira dasar seni bina itu sendiri terdapat dua faktor yang penting yang memberi bentuk penjelmaan seni bina dan ukiran tradisional Melayu. Pertama ialah faktor fizikal dan kedua faktor psikologi yang menyebabkan pelbagai ragam bentuk bangunan.

Kebanyakan rumah orang Melayu dahulunya berbumbung panjang dan *tebar layar* atau *tubang layar* dipasang berfungsi agar dapat memutarakan pengedaran udara. Tukang rumah Melayu memperlihatkan daya kreatif mereka mencipta dan menghasilkan rupa bentuk rumah dan bumbungnya yang dapat memberi satu identiti asal usul etnik keturunan mereka. Atap daripada daun cucuh, rumbia, nipah, dan bertam merupakan jenis atap yang mula-mula digunakan pada rumah Melayu tradisional. Kemudian muncul pula atap genting seng-gora yang disangkut pada baris kayu jelai begitu popular penggunaannya di kebanyakan rumah orang Melayu Patani. Dindingnya pula diperbuat daripada papan kayu cengal yang diketam dengan rapi, dipasang berdiri dan dicepit dengan kayu penutup yang disebut *dinding kembung*. Ada juga yang diperbuat daripada anyaman buluh yang disebut *dinding pelupuh*. Pada zaman dahulu bahan binaan dinding selain kayu, bahan seperti daun

nipah, rumbia, lalang, jerami padi, bertam, dan cucuh, juga digunakan. Yang lebih ketara kebanyakan rumah masyarakat Melayu di Patani sekarang ini menggunakan dinding zink. Buluh dan bilah kayu juga dijadikan bahan membuat dinding.

Jalinan dan siratan pelupuh berkelarai memperlihatkan betapa indahnya kerajinan kraf tangan tradisi rumah Melayu. Ada pula yang menggunakan papan yang hanya ditarah dengan alat yang dinamakan papatil ataupun kapak. Dinding rumah memainkan peranan yang penting dalam membentuk seni bina dan fungsinya sebagai pelindung.⁷ Bahan binaan pada zaman dahulu hanyalah batang buluh, pinang, nibung mengikut kesesuaian penggunaannya sebagai lantai, dinding, gelegar, dan juga bilah-bilah jeriau.

Menurut Mubin Sheppard di Patani terdapat dua jenis bentuk rumah yang utama, iaitu *rumah bujang* yang bertiang enam dan *rumah serambi* atau *rumah tiang dua belas*. Kedua-dua jenis ini sering ditambah dengan bangunan yang berlantai agak lebih rendah di sisi sama ada di kiri ataupun kanan rumah induk. Jika bangunan tambahan itu beratap dan sama panjang dengan bentuk rumah ia dinamakan *selesar*, tetapi jika tidak beratap dan bersambung terus ke pintu serta mempunyai tangga dinamakan pula *lambur*. Rumah bujang yang berselesar ini kadang-kadang dikenali pula sebagai *rumah bujang selesar*. Perbezaan antara kedua-duanya jelas pada *pemeles* atau *peles* iaitu kayu panjang yang dipasang pada hujung atap. Rumah bujang mempunyai *pemeles* berbentuk 'V' terbalik dinamakan *pemeles rumah ibu*, tetapi biasanya bagi jenis rumah tiang dua belas terdapat sepasang lagi *pemeles* sambungan di sebelah bawah

7 Sila lihat tulisan-tulisan Halim N.A., "Bumbung Rumah Melayu", *Dewan Budaya*. Jil. 11, Bil. 6, Jun 1989, hlm. 64-5; "Atap Rumah Melayu", *Dewan Budaya*. Jil. 10, Bil. 12 Disember 1988, hlm. 59-60; "Dinding Rumah Melayu", *Dewan Budaya*. Jil. 10, Bil. 11, November 1988, hlm. 59-61.

atau sudut yang dikenali sebagai *pemeles serambi*. Tegas Mubin Sheppard lagi, kedua-dua bentuk seni bina tamadun Patani ini telah mempengaruhi bentuk rumah dan istana Melayu di Kelantan dan Terengganu.⁸ Begitu juga dengan seni ukiran yang menjalar di serata Semenanjung telah diakui berasal daripada pengaruh kemahiran pengukir Patani yang telah berhijrah akibat peperangan.⁹ Di Perak, pengaruh seni bina rumah tradisional Patani telah berubah dan dipengaruhi oleh unsur-unsur tempatan seperti *rumah perabung lima*, *rumah perabung panjang*, *pisang sesikat*, *gajah menyusui*, *limas*, dan yang sebagainya.¹⁰ Rumah Melayu Semenanjung yang paling tua adalah diperbuat daripada kayu dengan bumbung yang tinggi dan curam, dengan tulang perabung tunggal dan *pemeles* yang panjang.

Masjid Teluk Manok yang Tertua di Nusantara

Konsep ketuhanan dan kealaman Melayu diterapkan dalam segenap bidang kehidupan. Bidang kesenian umpamanya diperlambangkan pada benda kaku dalam bentuk bangunan seperti masjid yang pada hakikatnya adalah pernyataan daripada tindakan Allah. Bentuk masjid menjadi lambang perjalanan menuju kepada Tuhan, bermula dengan *syariat*, *tarekat*, *hakikat*, dan *makrifat*, demikian jelas Abdullah Mohamad (Nakula).¹¹ Pola

8 Sheppard, M. 1973. "Seni Bina Asli yang Terdapat di Tanah Semenanjung", dalam *Asas Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, hlm. 425-31. Mengandungi kertas kerja Kongres Kebudayaan Kebangsaan, 16-20 Ogos 1971, Universiti Malaya.

9 Md. Din Jusoh 1983. *op. cit.*

10 Noone, R.O. 1948. "Notes on the Kampung, Compounds and Houses of the Patani Malay Village of Banggul Ara, in the Mukim of Batu Kurau, Northern Perak", *JMBRAS*, Jil. 21, bgh. I, hlm. 124-41.

11 Abdullah bin Mohamad (Nakula) 1978. *Bentuk-bentuk Bangunan Masjid: Kunci Memahami Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.

kebudayaan Islam yang diamalkan oleh orang Melayu tradisional amatlah tersendiri sesuai dengan warisan kebudayaan mereka. Falsafah dan pemikiran orang Melayu jelas terbina dalam warisan hidup mereka, antaranya melalui kesenian seperti ukiran dan seni bina. Ini amat sesuai dengan kehendak Islam kerana masjid memainkan peranan yang penting dalam masyarakat, menjadi institusi untuk berkumpul mempelajari sesuatu tentang agama.

Kegiatan Islam semakin dipertingkatkan. Salah sebuah masjid tertua binaan kayu ditemui di Kampung Teluk Manok, Jerengga, Wilayah Bangnara, Patani. Daripada alasan yang dapat dijadikan bukti dan fakta asas sejarahnya, Masjid Teluk Manok didirikan oleh Wan Hussein Senawi, seorang ulama yang juga nenda saudara Syekh Daud bin Abdullah al-Fatani, pujangga Islam Nusantara. Usaha pembinaannya adalah atas titah perintah Raja Selindung Bayu atau Teluban yang bersemayam di kota Jerengga. Setelah mangkat baginda dikenali sebagai Marhum Pulau Kerengga. Tukang yang membinanya bernama Muhamad dan Abdul Rauf merupakan pengukir seni bina yang mahir pada waktu itu. Di samping berbakti kepada raja melalui persembahan ilmu cipta pada ukiran yang dihasilkan maka para pengukir kayu pada masa itu tidak ketinggalan membuat kebajikan kepada masyarakat. Mereka menyumbangkan kemahiran dengan membuat ukiran pada tiang, pintu, tingkap, dan yang sebagainya pada bangunan masjid.

Keseluruhan bangunan masjid ini diperbuat daripada kayu cengal tanpa menggunakan sebatang paku pun, hanya dipahat dan dibaji dengan peralatan seperti kapak, beliung, batu kikir, perkakas logam, dan yang sebagainya. Tiangnya berjumlah 26 batang dan tiap satunya berukuran 10×10 inci dengan lantai setebal dua inci sementara dindingnya berlidiah yang dipenuhi ukiran kayu halang terdapat di bahagian bumbung yang

dihiasi dengan ukiran bunga teratai berbentuk kembang dan kuncup. Di pintunya terdapat tulisan khat Islam mengukir ayat-ayat suci al-Qur'an yang halus perbuatannya dan lengkap bertarikh tahun 1266 Hijrah atau 1846. Begitu juga tiangnya yang terus ke tanah telah digunakan pelapit simen bertarikh 1357 Hijrah atau 1952. Beratus-ratus tahun sejak didirikan menggunakan atap rumbia kemudian ditukar dengan atap senggora iaitu atap bata daripada kapur bercampur manisan kelapa. Mengambil sempena perairan di caruk mengalir lesu di sisi bangunan masjid tempat berwuduk yang dihubungkan dengan nama Wan Hussein Senawi sebagai pengasas yang bertanggungjawab membuka kampung dan mendirikan masjid maka nama *Wadil Hussein* telah diabadikan sebagai nama masjid yang berkenaan.

Sebagai satu-satunya warisan seni bina tradisional Melayu Patani malah merupakan lambang keunggulan peradaban Islam maka keunikan seni bina dan ukiran masjid ini pernah disentuh oleh Mubin Sheppard dalam kertas kerja di Kongres Kebudayaan Kebangsaan.¹² Antara lain beliau menerangkan bahawa Masjid Teluk Manok merupakan peninggalan masjid kayu yang ada, mempunyai seni ukiran yang halus, bumbung hujung yang tinggi meruncing, lengkap dengan pemeles dan tebar layar. Seni ukirannya dapat dilihat pada bahagian luar mahupun bahagian dalam. Keseluruhannya dihiasi dengan kepingan papan, kisi-kisi, jejala, dan ukiran yang teliti yang membayangkan ciri-ciri kemelayuan. Akhirnya tokoh budaya Melayu ini mengingatkan bahawa jika warisan seni bina dan ukiran ini diabaikan pemeliharanya maka keruntuhannya nanti merupakan suatu kehilangan besar dalam seni reka bentuk Melayu.

Sebenarnya reka bentuk jenis daun teratai adalah

12 Sheppard, M. 1973. *op. cit.*

warisan peradaban Hindu pada zaman perkembangan kebudayaan dan agama Buddha menjalar di kalangan penduduk Melayu di negeri Ligor dan Langkasuka atau Patani purba. Suatu bentuk ukiran lagi yang menyerupai awan larat iaitu corak lukisan dan ukiran paling tradisional telah diasaskan daripada corak tumbuhan yang melata. Selain itu ukiran kesenian tulisan khat ayat-ayat suci al-Qur'an pada zaman Islam adalah pengaruh daripada kebudayaan Arab dan Parsi. Perbezaan bentuk bunga teratai yang diukir pada rumah, masjid, dan batu nisan adalah jelas. Ukiran bentuk teratai pada bangunan rumah dan masjid, kembang seolah-olah melambangkan suatu penghidupan dan perjuangan dalam hidup yang mesti dilalui oleh manusia. Ukiran bentuk teratai pada batu nisan dan perkuburan pula kudup atau kuncup menunjukkan bahawa seseorang manusia itu telah pun pergi meninggalkan alam fana dan menuju ke alam baqa menghadap Illahi.¹³

Pada 17-19 Jun 1989 perayaan memperingati genap usia 370 tahun Masjid Wadil Hussein Teluk Manok telah diadakan. Sungguhpun penentuan tarikhnya menimbulkan beberapa kontroversi namun rujukan sejarah dan lisan telah dijadikan fakta penentuan. Dengan usia itu menjadikan Masjid Wadil Hussein tertua di Nusantara berbanding dengan Masjid Kampung Laut, yang tertua di Malaysia dan Masjid Agung Demak, yang tertua di Indonesia. Walaupun Patani sering menjadi medan sasaran tentera Siam namun bangunan tradisional yang penuh bererti ini tetap kekal tersergam kukuh. Walau bagaimanapun ia terus dimakan zaman dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

13 A. Aziz Deraman, "Islam dan Pengucapan Kesenian", dalam *Kesusasteraan Melayu dan Islam*, hlm. 177-203.

Istana Raja-raja Melayu Patani

Dalam usaha membina istana raja-raja Melayu Patani, beberapa perkara tertentu perlu diambil kira oleh tukang yang akan membinanya sebelum sesebuah istana itu didirikan. Ini termasuklah soal pemilihan kawasan istana dan kedudukan bilik-bilik peraduan raja. Antara kawasan-kawasan yang dianggap baik adalah tanah yang:

1. Merendah ke masyriq dan meninggi ke maghrib.
2. Merendah dari barat laut menghala ke timur.
3. Merendah dari barat laut menghala ke utara.
4. Merendah dari timur laut menghala ke timur.

Pemilihan kayu juga perlu dibuat secara berhati-hati. Tidak semua kayu yang keras dan kukuh sesuai dijadikan bahan binaan. Kayu seperti belilam, ru, dan tanjung misalnya dianggap tidak baik untuk dijadikan istana. Meramu kayu pula mesti ketika matahari sedang naik. Ini dianggap mendatangkan tuah atau kebaikan. Kayu jenis baik akan ditebang dari arah matahari naik dan memastikan tumbangannya hendaklah menghala ke hulu pula, bilik peraduan raja menghala arah matahari naik, rumah dapur diletakkan menghala matahari jatuh melintangi anjung istana. Dapur istana biasanya diperbuat daripada kayu jati, jambu, atau limau, manakala tangga istana diperbuat menghala ke arah matahari naik dengan bilangan anaknya sebanyak tiga, lima, atau tujuh. Kemahiran seni ukiran dan pertukangan orang Melayu Patani memang sudah terkenal. Dengan itu ukiran yang terdapat pada istana boleh ditemui pada dinding, tingkap, pintu, jejala, dan bahagian yang lain istana kayu.

Selain ukiran yang berbentuk tumbuh-tumbuhan terdapat juga ukiran yang diambil daripada ayat-ayat suci al-Qur'an ataupun nama-nama nabi. Ukiran seperti ini terdapat dalam bentuk *tebuk tembus*, *tebuk timbul*, dan *tebuk bunga*. Ukiran yang terdapat pada tangga pula

biasanya bermotif kuda laut, atau kadang-kadang disebut *sanggul Siti Fatimah*. Pada pintu istana diukir dengan tumbuh-tumbuhan tertentu, biasanya pokok pecah periuk dan ada pula yang diukir dengan bentuk tombak berjuang yang dililit sultur tumbuh-tumbuhan. Ukiran ini seolah-olah menjadi pengawal pintu tersebut. Pada tingkap istana pula terdapat ukiran yang berbentuk separuh bulatan dan kadang-kadang kerawang. Sementara daun sayap bunga ketumbit, saga keneri, bunga kerak nasi, pokok pulut, dan bunga kundur adalah pola kesenian yang menghiasi dinding istana Melayu tradisional. Jejala pula diukir dengan kerawang baling-baling ataupun berbentuk bunga lawang untuk menepati fungsinya yang memutarakan pusingan udara.

Ukiran yang terdapat pada keseluruhan istana raja-raja Melayu ini sebenarnya bukan sahaja dibuat atas pertimbangan fungsi dan nilai estetikanya malah berserta pengaruh iklim dan pandangan hidup pada waktu itu. Oleh sebab itulah *dinding kembung* umpamanya diukir dengan *tebuk timbul* kerana sifatnya yang sentiasa terdedah pada cuaca panas dan lembab bahkan tidak akan menjejaskannya sebagai pelindung para penghuni istana.¹⁴

Terdapat beberapa dinasti atau wangsa pemerintahan beraja Melayu Patani mendirikan istana di beberapa tempat yang berasingan, sebagai pusat pentadbiran.

Raja-raja Melayu	Istana dan Pusat Pemerintahan
Dinasti Cau Seri Wangsa, 1500-1688	Gerisik
Dinasti Kelantan I, 1688-1727	Gerisik, Dajang, dan Air Lilih

14 Mohd. Ishak Abdul Aziz 1980. "Istana Raja-raja Melayu", *Majalah Dinar*. Bil. 128, tahun XIX, Jan/Feb. 1980, hlm. 106-11.

**Pemerintahan raja-raja Melayu
Negeri Patani, 1817–1902**

Gugusan Negeri-negeri Kecil

Patani

Kuala Bekah, Teluk Tanjung,
dan Cabang Tiga

Nong Chik

Nong Chik

Jalur

Kubang Teras dan Besirat

Legeh

Tanjung Mas

Teluban

Jerengga dan Selindung Bayu

Reman

Kota Bharu

Jering

Jering

Balai menjadi sebahagian daripada bangunan penting dengan fungsi-fungsinya yang tersendiri di dalam istana raja-raja Melayu. Antara pelbagai jenis balai yang wujud terdapat sejenis balai yang memainkan peranan yang terpenting dinamakan balairung seri atau balai penghadapan. Di sinilah tempat rakyat menghadap raja; tetamu atau utusan luar negeri yang diterima menghadap, ataupun pengisytiharan sesuatu berita dilakukan. Singgahsana dikenali juga sebagai takhta, sebagai tempat bersemayam yang diletakkan di balai penghadapan dan diukir dengan ukiran istimewa yang menarik. Perhiasan istana mahal melambangkan kekayaan sesebuah kerajaan dan rajanya.

Di sekeliling kawasan atau perkarangan istana dipagar dengan binaan tembok kota. Ia juga merupakan benteng pertahanan terakhir dalam menghadapi sesuatu peperangan. Kota Patani pada zaman pemerintahan Dinasti Cau Seri Wang (1500–1688) bernama *Kota Kedi* dengan pintu gerbangnya, sementara tamannya di hadapan balai bernama *Rangkai Raksi*. Di dalam kota inilah didirikan istana, rumah tempat menyimpan ubat bedil, gelanggang persilatan, sepak raga, dan yang sebagainya dan ada pula terdapat kawasan tanah perkuburan di dalam kota. Di luar kota pula ditempatkan senjata lela rentaka, meriam, dan alat peperangan yang lain sebagai persediaan menghadapi musuh. Di luar Kota Gerisik telah ditempatkan meriam kebanggaan

negeri Patani bernama Mahalela, Seri Patani, dan Seri Negeri yang terkenal itu.

Beberapa orang pengembara Inggeris, antaranya William Cameron telah menjelajahi Patani pada akhir abad ke-19 menjelang kejatuhan dan kemusnahan pemerintahan beraja Melayu turun-temurun. Catatan yang berikut dibuat pada sekitar bulan September 1881:

The Raja's palace or residence is a rather handsome one storied building situated about a furlong from the river, it is built of brick plastered, and the roof, which is tiled, is decorated in the Siamese fashion, which much resembles that of the Chinese, if indeed it is not altogether borrowed therefrom. It has an extensive court and very wide double verandahs at front and sides, the floor of the inner one being raised a step above that of the outer, both floors are handsomely laid with large square of polished tiles, and the roof is supported by numerous massive pillars, which give to the whole a rather imposing effect. Here the Raja holds court, receives visitors, and deals out judgement, the dwelling rooms are partitioned off by tall wooden screens extending from floor to roof corresponding with the form of the building (quadrilateral) and elaborately carved, coloured and gilt. The Raja is a young man of very gentle manners, and advanced ideas and administers the affairs of his province with much ability.¹⁵

Gambaran yang diberi ini ialah tentang Istana Cabang Tiga, Patani, semasa pemerintahan Tengku Besar atau digelar Tuan Timur (1881-90).

Demikian sedikit catatan secara umum tentang beberapa sifat bentuk seni bina, ukiran, dan hiasan bangunan tradisional Melayu Patani. Ia banyak mempengaruhi seni bina rumah dan istana Melayu Semenanjung berdasarkan perkembangan kebudayaan menerusi pelbagai pendekatan dan faham keilmuan alam pemikiran. Sesungguhnya seni bangunan dan pola ukir-

15 Cameron, W. 1983. *op. cit.*, hlm. 125.

an adalah bidang kesenian sesuai untuk mempertingkatkan rasa kebanggaan dan identiti sesuatu bangsa.

Seni Tampak

Seni Tembikar

Menurut Ismail Hamid, seni tembikar adalah sejenis hasil kerja tangan orang Melayu yang menggunakan tanah liat yang dibakar kemudian digilapkan. Reka bentuknya dicipta berdasarkan fungsi sesuatu barang itu seperti periuk nasi, belanga tanah, bekas air, labu tanah, bekas pekasam, dan lain-lain. Perusahaan membuat tembikar secara tradisional ini walaupun masih dilakukan di kalangan orang Melayu Patani namun beransur-ansur luput. Perkembangan kesenian Melayu ini dipercayai wujud sejak zaman prasejarah lagi. Contoh artifak zaman Neolitik yang ditemui di Gua Cha, Kelantan, memperlihatkan perkakas seperti periuk tanah, peralatan memasak, dan senjata telah digunakan, juga membuktikan wujudnya kesedaran untuk mencipta hasil kerja tangan mereka. Seni tembikar dapat juga memperlihatkan kepakaran orang Melayu pada zaman tradisi mencipta segala barangan keperluan mereka sehari-hari.

Seni tembikar dihasilkan secara berperingkat-peringkat. Bermula dengan menguli tanah liat dalam bentuk lingkaran dan ditambah sedikit demi sedikit menyambung beberapa lingkaran lain sehingga tercipta sesuatu jenis tembikar tanah. Sesudah itu bentuknya dihiasi dengan pelbagai ragam seperti garis berkotak, pucuk rebung, tiga segi, dan yang sebagainya. Unsur-unsur seperti awan larat, sulur, bakung, bunga tanjung turut menghiasi reka cipta tembikar ini.

Seni Tenunan

Negeri-negeri Melayu pantai timur Semenanjung yang

termasuk Patani sangat terkenal dengan tradisi menenun kain. Pada zaman dahulu kemahiran menenun kain diajarkan kepada gadis-gadis Melayu selain memasak dan mengaji al-Qur'an. Walaupun syarat itu tidak lagi diberatkan tetapi tradisi bertenun terus hidup dan menjadi salah satu sumber pekerjaan. Terdapat beberapa jenis kain tenunan yang dihasilkan secara tradisional.

- (i) *Kain biasa*. Kain bercorak begini biasanya tidak mempunyai hiasan bermotif benang emas. Sebaliknya warna benang digunakan berselang-seli hingga menerbitkan campuran warna dalam petak-petak tertentu yang disebut *ragi kain*.
- (ii) *Kain selit benang emas*. Di peringkat awal menenun, tenunan benang emas belum lagi digunakan untuk menghasilkan motif atau bunga yang lengkap seperti kain songket. Benang emas cuma diselitkan sebagai satu jaluran nipis melintang.
- (iii) *Kain cindai*. Kain jenis ini telah dikenali lama di kalangan masyarakat Melayu, begitu juga di Patani. Kain cindai dihasilkan dengan teknik ikat yang dikatakan berasal dari India. Ia mengandungi tiga atau lima jenis warna dengan motif garis berselang-seli atau warna-warni yang saling bertindih. Kain cindai sering digunakan oleh golongan bangsawan istana atau anak-anak raja.
- (iv) *Kain telepek*. Sungguhpun ia disebut telepek yang bererti bunga seperti seroja, teratai, tanjung, dan yang sebagainya namun pemahaman tradisi merangkumi makna yang lebih luas. Siti Zainon Ismail menganggap bahawa dalam budaya masyarakat Melayu, telepek sebagai bahan keperluan istana yang terkemuka muncul

sejak pemerintahan Kerajaan Melayu Langkasuka lagi.¹⁶

- (v) *Kain limar*. Kain ini merupakan pakaian yang sangat popular di kalangan wanita istana pada masa silam. Biasanya kain ini diperbuat daripada benang sutera, diproses dengan teknik ikat dan celup. Proses ini menghasilkan corak seperti warna pecahan air limau atau corak rusah.
- (vi) *Kain songket*. Perkataan songket berasal daripada teknik sungkit dengan menggunakan lidi buluh atau bilah nibung melalui benang lesung di permukaan alat tenun. Tenunan songket merupakan yang paling lengkap dan cantik dipercayai berkembang di istana raja-raja Melayu. Penciptaannya lebih rumit terutama proses menyolek dengan kain benang emas. Prosesnya mengambil masa yang lama bagi membuat sehelai kain songket melalui proses mencelup, melerai, mengasing, menggulung, menyapuk, menyolek, dan menenun. Motif atau reka corak tradisi berbentuk bunga bebaling, bunga bintang, cempaka, kemuncup, bunga telepuk, daun melatur, daun belimbing, pucuk rebung, burung merak, lawi ayam, gigi ikan yu, keris, tapak catur, putu, potong ketupat, rambuan emas, dan pelbagai jenis lagi.

Seni Anyaman

Seni anyaman tidak asing di kalangan masyarakat Melayu Patani. Ketinggian mutu anyaman memperlihatkan kemahiran dan kepakaran masyarakat Melayu. Seni

16 Siti Zainon Ismail 1989. "Telepuk Keindahan Seni Budaya Melayu", *Dewan Budaya*. Jil. 11, Bil. 4, April 1989, hlm. 52-3.

anyaman memerlukan bahan asas seperti jaluran daun, lidi, rotan, akar, buluh, dan beberapa jenis tumbuhan yang lain. Bahan tersebut perlu dilayur, direndam, dan dijemur terlebih dahulu. Mengkuang dan pandan yang banyak tumbuh di alam Melayu ini digunakan untuk mencipta pelbagai jenis barang keperluan melalui proses anyaman. Terdapat lima peringkat proses anyaman.

- (i) *Lagang*. Merupakan tulang dan punca pada sesuatu ciptaan. Misalnya sehelai tikar yang dimulakan di bahagian tengah. Panjang tikar itu bergantung pula pada ukuran lagangnya. Tiap-tiap jalur mengkuang atau pandan dibentuk seakan-akan huruf 'V' di bahagian tengah dan disesuaikan dengan lagangan.
- (ii) *Anyaman*. Biasanya anyaman terbahagi kepada tiga jenis:
 - (a) Kelerai.
 - (b) Anyaman biasa.
 - (c) Sulaman anyam. Tujuannya ialah untuk mendapatkan pelbagai warna dan corak. Sulaman anyam dimulai dari punca melagang hingga selesai ke bahagian tepi.
- (iii) *Pepeh*. Merupakan anyaman mati pada tepi tikar yang siap dianyam mengakhiri kerja-kerja anyaman.
- (iv) *Sisip*. Tujuannya untuk menghindar anyaman daripada terburai. Alat penyisip seperti kayu atau batang pensel perlu digunakan bagi merenggangkan bahagian anyaman untuk memasukkan lebihan jaluran. Untuk memudahkan sisipan hujung, lebihan jalur-jalur mengkuang atau pandan itu direncongkan.
- (v) *Kerat*. Lebihan jaluran dipotong agar anyaman kelihatan kemas dan cantik. Pisau yang tajam diperlukan dalam menyempurnakan kerja terakhir dalam proses menganyam ini. Kemahiran

mempelbagaikan anyaman telah mewujudkan kesenian anyaman yang menarik perhatian.

Seni Logam

Di Semenanjung Melayu peralatan daripada logam telah ditemui diperbuat daripada besi yang disebut sebagai *tulang mawas*. Peralatan logam ini digunakan juga untuk perusahaan, melombong, alat membuat perahu, dan sebagai senjata. Selalunya bahan-bahan gangsa dijumpai bersama-sama dengan tulang mawas dan lain-lain yang diperbuat daripada logam, misalnya, baji, kapak, loceng besar, dan gong. Kebudayaan logam dikatakan berasal daripada kebudayaan Dongson.

Tercatat dalam sejarah tamadun Melayu Patani perusahaan tembaga telah wujud sejak zaman silam lagi. Sewaktu pemerintahan Sultan Ismail Syah (1500-30) baginda menitahkan supaya membuat sepucuk meriam tembaga. Sesiapa pun tidak dibenarkan mengeksport tembaga dalam masa setahun. Ada pendapat mengatakan bahawa tukang menuang meriam tembaga itu didatangkan khas dari negeri China dan ada pula yang menyebut bahawa ia dibuat oleh seorang saudagar Arab yang bernama Abdul Samad. Ada pendapat lain yang menyatakan bahawa tukangnyanya ialah orang Melayu Patani sendiri. Terselit pula sebuah kisah lain tentang *Keramat Tuk Panjang* yang telah dihukum bunuh bersama-sama dengan dua orang muridnya kerana cuba menyeludup tembaga untuk dijual ke Melaka. W.W. Skeat dalam lawatannya ke Patani pada 10 Mei 1899 menceritakan:

This most famous of the Patani saints was one of the earliest preachers of Islam in these parts, but one day he was ordered by the local Raja to assist in the casting of a big copper cannon (tuang meriam, or as some say bronze gun, bedil tembaga). He had already received the copper, but before the moment for casting arrived a foreign merchant unluckily

*paid him a visit, and pressed him to let him have some of the copper ...*¹⁷

Akhirnya setelah logam tembaga mencukupi, kerja melebur dan menuang tembaga untuk membuat meriam dan ubat bedil dimulakan. Daripada tembaga yang dikumpulkan itu siaplah tiga pucuk meriam besar *Dalam Kota*.¹⁸ Pakar-pakar sejarah menyimpulkan tarikh siapnya meriam-meriam itu pada hari Isnin bersamaan 29 Januari 1571.¹⁹ Dua pucuk meriam yang terbesar bernama *Seri Patani* dan *Seri Negeri*, berukuran tiga depa, satu hasta, satu jengkal dan dua setengah jari ataupun 22 kaki tujuh inci, lilitan mulutnya sebesar sembilan setengah inci dengan tembaga setebal empat inci. Sementara meriam yang kecil bernama *Maha Lela* berukuran lima hasta, satu jengkal dan sembilan jari. Ketiga-tiga meriam ini telah ditempatkan *Dalam Kota Gerisik* berfungsi membantu pahlawan Melayu Patani menentang pencerobohan tentera Siam beberapa kali sebelum negeri Melayu Patani berjaya dikalahkan. Kini yang tinggal hanya meriam *Seri Patani* yang tersergam megah di hadapan Pejabat Kementerian Pertahanan Thailand di Bangkok di samping berpuluh jenis meriam lama yang lain. Ia telah dibawa ke Siam setelah pertama kali Patani kalah kepada Siam pada November 1786 dan penawanannya itu menjadi lambang tertawannya negeri Melayu Patani hingga ke hari ini.

Perusahaan tembaga terus menjadi pekerjaan orang Melayu di Patani. Alat-alat yang dicipta dalam proses

17 Skeat, W.W. 1953. "Reminiscences of the Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States 1899-1900", *JMBRAS*, Jil. 26, bgh. IV, hlm. 20.

18 Sewell, C.A.S. 1922. "Notes on Some Old Siamese Guns", *Journal of the Siam Society*, Jil. 15, bgh. I, hlm. 1-43. Lihat juga Bowen, J. 1992. "Note on Pattani Guns and Foundry Site", *Journal of the Siam Society*, Jil. 15, bgh. II, hlm. 103-4.

19 Teeuw, A. dan Wyatt D.K. *op. cit.*, hlm. 226.

seni tembaga ini digunakan dalam upacara adat khususnya di istana raja-raja Melayu seperti alat-alat pertabalan diraja, upacara perkahwinan, dan yang sebagainya. Perkakas tembaga ini digunakan sebagai hiasan atau dulang, perkakas sirih, sudu, kendi, tempat bara, perenjis air mawar, dan bermacam-macam lagi.²⁰ Seni tembaga mempunyai unsur keindahannya yang tersendiri, reka bentuk pertukangannya mempunyai pelbagai corak dan motif. Antaranya ialah gambaran tumbuh-tumbuhan, bunga, dan binatang.

Senjata

Senjata merupakan unsur kebudayaan yang penting di kalangan orang Melayu sejak zaman dahulu. Kini ia tidak lagi digunakan tetapi dipelihara sebagai lambang kesenian bangsa Melayu. Kegunaannya mempunyai dua tujuan penting, sebagai senjata untuk mempertahankan diri di samping menyembelih binatang dan membuat pekerjaan lain seperti mengerat atau memotong. Pada asalnya senjata diperbuat daripada besi tetapi setelah dicanai dan dijadikan senjata maka senjata itu memberi nilai yang penting kepada pemiliknya. Tukang yang membuat senjata kadang-kadang disebut juga tukang besi. Tukang besi itu akan memilih waktu dan hari yang tertentu untuk membuat senjata.

- (i) *Keris*. Merupakan senjata pendek yang terkenal di kalangan bangsa Melayu sejak zaman dahulu lagi. Keris dijadikan alat kebesaran Kerajaan Melayu bahkan banyak terdapat legenda ten-

20 Untuk melihat cara pembuatan perkakas daripada logam tembaga ini, sila lihat Mohd. Taib Osman 1989, "Pengkajian Budaya Material Melayu: Satu Tinjauan Awal", dalam Ismail Hussein dll., *Tamadun Melayu*, Jilid Satu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 264-81. Lihat juga Mohamad Embong *op. cit.*, hlm. 495-510.

tang keris. Ada pula yang menganggap keris sebagai bertuah, sial, atau kurang serasi dengan pemiliknya. Para sarjana Barat banyak mengkaji dan mengagumi senjata Melayu ini serta berpendapat ia telah digunakan pada abad ke-14 menggantikan lembing yang panjang dan sukar untuk dibawa ke mana-mana.

Catatan paling awal tentang keris telah dibuat oleh seorang ahli sejarah Sepanyol bernama Argensola pada tahun 1586 yang menyebut bahawa antara senjata yang ditemui di Timur, keris yang paling baik. William Marsden pula pada tahun 1783 menulis dan menyatakan bahawa keris yang mengorbankan banyak nyawa dianggap suci dan paling dihormati. Di Semenanjung Tanah Melayu jenis dan bentuk keris yang asli dan tertua ditemui adalah jenis *keris Patani* atau *keris Pekaka* atau *pekakak*; nama ini diambil daripada nama sejenis burung kerana hulunya berbentuk seperti burung pekaka atau burung Raja Udang. Ivor H.N. Evans menegaskan bahawa *keris hulu pekaka* seperti yang terdapat di Patani sebenarnya adalah pengaruh dari Majapahit berdasarkan kisah yang dinyatakan dalam tulisan J.W. van Dapperen, iaitu seorang putera Majapahit bernama Bra-widjaga mempunyai sebilah keris berhulu *tjikakak*.²¹

Hal ini mungkin dapat dihubungkan dengan dakwaan G.B. Gardner tentang asal usul keris yang dikatakan mula digunakan oleh seorang putera Majapahit. Keris itu dibuat daripada sengat ikan pari yang bergerigi di kiri dan

21 Evans I.H.N. 1932. "A Note on the Kingfisher Keris", *Journal of the F.M.S. Museums*. Jil. 15 hlm. 137-8. Lihat juga tulisan Dapperen, J.W. van 1991. *Nederlandsch Indie Oud and Nieuw*. Ogos 1931, hlm. 99-110.

kanan, pangkalnya pula dibuat pemegang lalu dibubuh kayu sebagai hulunya. Pengaruh pertukangan dan kesenian Jawa ini tidak dapat dinafikan tersebar dalam tamadun Melayu Patani kerana kuasa Majapahit sendiri pernah menguasai Semenanjung hingga ke negeri Patani.

Pada zaman dahulu dipercayai setiap keris mempunyai semangat. Ukiran hulu keris diukir dengan bentuk patung yang menarik. Tetapi apabila berkembangnya pengaruh Islam, pengukiran bentuk patung telah dilarang. Selepas kemasyhuran keris semakin bertambah, kepercayaan tentang azimat, dan hikmat keris semakin meluas. Justeru itu banyak keris yang disalut emas atau perak dengan simbol keagamaan seperti nama Allah dan Nabi Muhammad, ayat-ayat suci al-Qur'an, dan cop mohor Nabi Sulaiman. Satu lagi kepercayaan tentang keris ialah seseorang itu mungkin maut jika kesan tapak kakinya atau bayangnya ditikam dengan keris.²² Pada zaman kebesaran Kerajaan Melayu juga, keris dihubungkan dengan konsep daulat seseorang raja atau sultan bahkan ia dapat menggantikan raja dalam menyampaikan sesuatu perintah.

Walau bagaimanapun keris merupakan senjata kepunyaan bangsa Melayu yang asli dan tidak meniru atau dipengaruhi oleh unsur budaya lain. Penggunaan keris juga terdapat di kalangan orang Melayu di negeri-negeri Melayu utara Semenanjung yang telah dijajah oleh Siam. Menurut kajian Picai Khiaukhou, keris

22 Ibni Ismaily 1989. "Keris: Fungsi Dahulu dan Sekarang", *Berita Harian*. Khamis 30 Mac 1989, hlm. 9.

adalah senjata penting bagi orang Melayu ditemui dari Ligor hingga ke Patani di selatan Thai. Terdapat dua jenis keris iaitu *keris Patani* dan *keris Ligor*, namun jenis *hulu pekaka* atau disebut oleh orang Patani *coleng* adalah yang terbaik dan unik sekali bentuk hulunya. Keris Ligor banyak ditemui penggunaannya di negeri-negeri Melayu Ligor, Singgora, Terang, dan Patalung pada suatu masa dahulu. Bentuk sarungnya seperti perahu diperbuat daripada kayu sena atau kemuning mengikut ukuran keris yang biasanya antara 12–14 cm ataupun lebih dan ada pula diperbuat daripada gading gajah. Pada zaman dahulu Patani merupakan pusat membuat dan mengeluarkan keris, tetapi kini pembuatan dan tempaannya begitu suram. Catatan terakhir tentang pembuatannya di Patani adalah sewaktu Raja Siam Maha Vajiravudh (1910–25) yang membuat lawatan ke Patani telah dihadahi sebanyak tujuh bilah keris bertatah indah oleh pegawai-pegawai Kerajaan Patani.²³

W.W. Skeat membuat catatan menjelang kejatuhan negeri Patani ke tangan Siam pada tahun 1899 bahawa telah diberitahu oleh baginda raja Patani terakhir, Tengku Abdul Kadir Kamaruddin bahawa keris yang disaluti emas biasanya dijadikan hadiah bersama-sama dengan pengiriman ufti kepada raja Siam. Baginda juga menunjukkan keris ganja dan aring dan juga keris panjang kerajaan yang bertatah emas dan berlian bermutu.²⁴

23 Lihat tulisan Pical Khaiukhau dalam Phrapan Ruangnarong 1988. *Kebudayaan Melayu Selatan Thai*. Siri kedua, Center of Southern Thai Studies, University Songkhla Nakhon Patani, edisi I, hlm. 296–314.

24 Skeat W.W., *op. cit.*, hlm. 54–5.

Hikayat Patani banyak menceritakan penggunaan keris di kalangan para pembesar negeri serta tragedi yang berdarah berupa peperangan, pemberontakan, perkelahian, dan yang sebagainya.

- (a) Peristiwa serangan Sultan Muzaffar Syah menyerang kota Ayuthia pada tahun 1564. Setelah keluar dari dalam kota menaiki gajah putih tiba di perkarangan istana raja Siam, baginda telah mengamuk dengan menggunakan keris.
- (b) Tragedi berdarah dalam istana. Pada tahun 1584 Sultan Bahadur Syah telah dibunuh oleh Raja Bima dengan kerisnya.
- (c) Pada awal pemerintahan Raja Ijau yang merupakan raja perempuan pertama memerintah Patani, baginda telah dicabar oleh Bendahara Kayu Kelat dalam percubaan merampas kuasa. Walau bagaimanapun Bendahara yang pada mulanya telah menghunus keris, tetapi tunduk bertelut menjunjung duli tidak jadi memberontak.

Pada 7 November 1601 buat pertama kali Patani dikunjungi oleh Komandan Belanda Jacob van Neck mewakili Putera Maurice Holland menandatangani Perjanjian Perdagangan Patani-Holland. Menurut catatan Neccius di akhir lawatan itu, "*she presented our Commander with a Crise or Indian sword most beautifully gilded*".²⁵

- (d) Sewaktu Raja Lela perutusan Kerajaan Patani dihantar ke Batu Sawar, Johor, pada sekitar bulan Oktober/November 1645, si-

25 Mills, J.V. 1938. *op. cit.*, hlm. 149.

kap beliau telah dikagumi oleh sahabatnya kerana Raja Lela sentiasa membawa kerisnya walau mandi sekalipun.

Keris Patani atau keris hulu pekaka menjadi kebanggaan orang Melayu, ia dipakai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

- (ii) *Badik Patani*. Sejenis senjata yang juga popular di kalangan orang Melayu Patani. Ada beberapa cara yang biasa dibuat sewaktu membawa senjata badik ini.

- (a) Diselit di pinggang bahagian belakang.
- (b) Diselit di rusuk kiri atau kanan.
- (c) Diselit di bahagian hadapan.

Bentuk matanya dua jenis, biasanya melengkung seperti buah pinang, lebar antara satu hingga tiga sentimeter dan panjangnya antara 10–20 cm. Ada juga badik yang seakan-akan dengan keris dan bersarung, hulunya dipenuhi dengan ukiran menarik bahkan ada yang bertatah intan permata. Badik yang sempurna pembuatannya daripada pelbagai jenis besi seperti besi pamur, besi payung, besi kurai, besi pedang, besi waja, dan besi rantai. Sama ada badik, keris, mata lembing, tukang besi akan menjampi serapah yang disebut *janji tukang* atau *jemuan hantu* yang berbunyi:

- (a) Bi'smi'l-lahi'r-rahmani'r-rahimi. As'salamualaikum, tabik, pandai kuma, pandai bakar, guru yang hormat, guru yang harkat, walfat inna a-athaina, kul kat.
- (b) As'salamualaikum, hantu tanah, jembalang bumi, jin hitam, segema api, mari makan jemuan aku, jin putih, nur-i-Muhammad, didengar engkau pesan aku, engkau tak dengar pesan aku, aku sumpah, bumi

setapak tiada menanggung, air setitik tiada berjumpa, jikalau tak lekat, engkau tolong pelekatkan.

Untuk membuat badik Patani, Ivor H.N. Evans telah menulisnya dengan panjang lebar.²⁶ Walau bagaimanapun prosesnya adalah hampir sama dengan cara membuat senjata yang lain.

- (iii) *Parang*. Di Patani terdapat sejenis parang yang dinamakan *parang cadung*, kemungkinan daripada nama Carang Tadung suatu tempat di Yala. Penggunaannya telah dijadikan bukti di kalangan keturunan Melayu Patani yang berhijrah ke tempat-tempat lain di Perak, umpamanya.²⁷ Bentuk mata parang melengkung hujungnya, bertambah lebar dan berat. Terdapat dua jenis parang.
 - (a) *Parang rantai*. Terdapat rantai halus seperti rumbai di bahagian bawah parang yang digunakan sebagai azimat dan biasanya diletakkan di kepala katil.
 - (b) *Parang seri*. Hujung matanya seperti keris tetapi tumpul. Senjata ini boleh membunuh atau mencederakan musuh.

Selain itu jenis parang disebut juga sebagai parang lading, bangkung, dan jenis condok disebut parang latuk. Bentuknya pendek, berat dan ada penyangkut di hujungnya.

- (iv) *Lawi ayam*. Dikenali juga dengan nama kuku ayam, rombai ayam, kerambit atau kerambi. Bentuknya berkeluk, mempunyai dua mata

26 Evans, Ivor H.N. 1927. *Ethnology and Archaeology of the Malay Peninsular*. London: Cambridge University Press, hlm. 60-1.

27 Penggunaan parang cadung di kalangan masyarakat Melayu keturunan Patani ditemui di Mukim Batu Kurau, sila lihat Noone, R.O., *op. cit.*, hlm. 125.

yang tajam. Panjang matanya antara 100–300 sentimeter, lebarnya antara tiga hingga lima sentimeter, hulunya dibuat daripada tanduk, gading, atau kayu. Bahagian tengahnya dibuat lubang untuk menyelit jari, sarung lawi ayam pula dibuat daripada kayu, rotan, ataupun logam. Untuk memegang senjata ini jari telunjuk dimasukkan ke dalam lubang hulunya. Lawi ayam mudah dibawa dan senang disimpan. Ia juga boleh dibawa oleh kaum wanita demi menjaga keselamatan diri.

- (v) *Tumbuk lada*. Berasal dari Sumatera. Hulunya seperti bentuk alat tumbuk lada. Tikamannya bisa. Mata tumbuk lada berkeluk tebal, tajam, dan runcing, panjangnya antara 20–30 cm dan lebarnya pula antara dua hingga empat sentimeter. Biasanya hulu diperbuat daripada tanduk atau kayu yang diukir serta sarung buatan kayu.
- (vi) *Golok*. Golok mempunyai mata yang melengkung. Berasal dari Jawa. Di samping kegunaannya sebagai senjata juga digunakan untuk memotong benda-benda keras. Bagi golok yang digunakan untuk berubat dalam upacara magik, matanya ditulis dengan kalimah syahadat. Golok yang digunakan sebagai senjata mestilah dijaga dengan baik dan diasap dengan kemenyan supaya bisanya berkekalan. Golok Perak juga terkenal penggunaannya di Patani. Dipercayai ia dibuat daripada besi waja dan masyhur kerana ketajaman matanya. Kemegahan penggunaan senjata golok di kalangan masyarakat Melayu Patani kekal, dan terdapat nama tempat Sungai Golok.
- (vii) *Lembing*. Lembing adalah antara senjata orang

Melayu yang asli. Bentuknya ringan, dan tajam di hujung. Panjang lembing antara 20–30 cm sementara lebarnya antara dua hingga tiga sentimeter. Lembing yang dijadikan senjata selalunya bermata licin, tajam, dan disaluti sejenis bisa yang diperoleh dari hutan. Pemegangnya ringan dan lebih panjang supaya mudah dilontar ke arah sasarannya. Penggunaannya di kalangan para pengawal dan perajurit Melayu sejajar dengan penggunaan keris. Lembing yang berhulu yang digunakan untuk mengiringi seseorang raja atau pembesar negeri dalam sesuatu upacara rasmi dinamakan tombak. Tombak dihiasi dengan dawai perak di hujungnya bahkan kadang-kadang di pangkal mata tombak dihiasi pula dengan rambu atau renda.

- (viii) *Pedang*. Merupakan sejenis senjata yang bentuknya lurus melengkung panjang. Pedang yang bentuk matanya disebut *cenengkas* biasanya tebal dan yang berbentuk melengkung nipis disebut *syamsyir*. Kedua-dua jenis ini adalah pengaruh dari India. Pada zaman kemegahan orang Melayu Patani yang begitu gagah berkali-kali berperang dengan Siam, pedang merupakan senjata yang paling penting. Generasi kemudiannya telah mengekalkan nama pemiliknya dengan pedang tersebut, umpamanya *Pedang Tuk Wan Darmula*.

- (ix) Terdapat pelbagai jenis senjata lain yang diperbuat daripada logam ditemui di Patani, antaranya dinamakan pisau penyodok, pisau ikan pari, pisau yang dikatakan berasal dari negeri Arab, anak wali, dan berbagai-bagai lagi.

Penggunaan Mata Wang Syiling

Sewaktu bandar pelabuhan Patani menjadi pusat tumpuan perdagangan yang terkenal di Asia Tenggara, sistem pertukaran wang asing dengan menggunakan mata wang telah digunakan. Penemuan mas dinar bertarikh tahun 1420 M. dengan ukiran nama Muhammad membuktikan peranan saudagar Arab atau Islam dalam urusan perniagaan. Patani merupakan pengeluar utama bahan galian emas. Oleh itu logam tersebut telah dijadikan nilai pertukaran asing. Emas Patani ketika itu setanding dengan emas Sepanyol. Setelah Patani dipecahkan pentadbirannya oleh Siam menjadi tujuh buah negeri Melayu abad ke-19 maka setiap negeri telah mengeluarkan mata wang syilingnya sendiri. Di Patani, Jering, Reman, dan Saiburi atau Teluban telah ditemui kepingan mata wang syiling masing-masing. Gambaran dinar matahari yang terdapat pada wang syiling keluaran Patani adalah pengaruh daripada para saudagar India yang datang berniaga di situ.²⁸

4 kupang	-	1 emas atau mas
7 kupang	-	1 yen Jepun.
8 kupang	-	1 ringgit Sepanyol
20 kupang	-	1 keneri
1 kupang	-	80 pitis
Patani - 800 pitis	-	\$1.00 Negeri-Negeri Selat
Jering - 640 pitis	-	\$1.00 Negeri-Negeri Selat
Saiburi - 320 pitis	-	\$1.00 Negeri-Negeri Selat
Legeh - 320 pitis	-	\$1.00 Negeri-Negeri Selat. ²⁹

28 Shaw W. dan Mohd. Kassim Haji Ali 1971. *Coins of the North Malaya*. Kuala Lumpur: Muzium Negara, hlm. 23.

29 Kedudukan nilai mata wang negeri-negeri di Patani, ada kalanya berubah-ubah menurut kadar peningkatan ekonomi. Pernah pula mata wang Jering turun menjadi 500 pitis = \$1.00 Negeri-Negeri Selat dan Saiburi meningkat menjadi 500 pitis = \$1.00 Negeri-Negeri Selat.

Beberapa keping wang syiling keluaran Patani, Jering, dan Saiburi telah ditemui. Di permukaannya tercatat perkataan dan huruf yang berikut:

Patani Keluaran pertama, bertarikh tahun 1261 H. atau 1845/46, inskripsi Arab berbahasa Melayu.

Keluaran kedua, bertarikh tahun 1297 H. atau 1880/81, berukuran 28 mm, muka hadapan tulisan Arab, *Al-Sultan al-Fatani sanah 1297*, muka belakang juga bertulisan Arab, *Wa Khalifat al Karam*.

Keluaran ketiga, bertarikh tahun 1301 H. atau 1883/84, berukuran 22 mm, muka hadapan tulisan Arab, *Al-mutas arif fi bilad al-Fatani sanah 1301*, muka belakang juga bertulisan Arab, *Thuriba fi harat al dowlah uzza Nasaruh*.

Keluaran keempat, bertarikh tahun 1305 H. atau 1887/88, berukuran 25 mm, muka hadapan tulisan Arab, *Al-murassarif fi balad al-Fatani sanah 1305*, muka belakang bertulisan inskripsi Arab berbahasa Melayu, *ini pitis belanja di dalam Negeri Patani*.

Keluaran kelima, bertarikh tahun 1309 H. atau 1891/92, tertulis *Zarb fi belad al-Fatani sanah 1309*, muka belakang inskripsi Arab dalam bahasa Melayu, *Ini pitis belanja dar el-(Mankarain) Fatani*. Kemungkinan dimaksudkan pada Negeri Patani Darul Makrif.

Jering Keluaran pertama, kepingan wang syiling tertulis perkataan yang dimaksudkan sebagai *Jering, Jerim, Jeering, Djering, Djaring, Jarung*, dan yang sebagainya. Bertarikh tahun 1261 H. atau 1845/46 inskripsi Arab dalam bahasa Melayu, *Ini pitis harga sanat 1261*.

Keluaran kedua, bertarikh tahun 1293 H. atau 1876/77, berukuran 28 mm tertulis inskripsi berbahasa Arab bermaksud, *Ini pitis balad Jariz sanah 1293*, muka belakangnya tiada bertulis apa-apa.

Keluaran ketiga, bertarikh tahun 1312 H. atau 1894/45 berukuran 25.5 mm tertulis inskripsi Arab berbunyi, *Haza al dowan al rajj al maadani fi balad al Bahrein (Yahrein) 1312*, muka belakang tiada tertulis apa-apa.

Saiburi Kepingan wang syiling tertulis perkataan dengan pelbagai sebutan *Cherai, Thrai, Tjerai, Saj, Chrai Buri* yang dirujuk pada Saiburi disebut juga sebagai *Sai, Sui, Sinui, Sainoosi* atau Melayunya *Teluban* atau *Telubin*. Tiga keping wang syiling berukuran 28.6 mm, 28.1 mm, dan 28.5 mm. bertarikh tahun 1307 H. atau 1889/90 tertulis inskripsi Arab bacaannya, *al dowan al kahiriah balad al Sanoosi 1307*.

Dalam kajian Sir J. Bucknill, beliau telah diberitahu bahawa asal perkataan *wang* adalah daripada nama Awang, seorang keturunan Cina yang telah diislamkan menjadi anak angkat Raja Perempuan yang memerintah Patani pada sekitar tahun 1700-an iaitu Raja Nang Cayam, kemungkinan Raja Mas Jayam (1707-10). Awang telah membuat kepingan yang bernilai $2\frac{1}{2}$ sen dan disebutnya *wang*. Yang berikutnya pepatah Melayu terus menambah, *setali tiga wang* bererti tunai bersama $7\frac{1}{2}$ sen.³⁰

30 Bucknill, J. 1923. "Observations on Some Coins Obtained in Malaya", *JMBRAS*. Jil. 1, bgh. II, hlm. 212-6. Lihat juga Evans, I.H.N., 1924. "On a Coin Mould from Kelantan", *Journal of the F.M.S. Museums*. Jil. 12, bgh. I; dan Woods, H. 1904. "The Coinage of Siam and its Dependencies", *Amer. J. of Numismatics*. Jil. 39.

Seni Lakon dan Seni Tari Tradisional Patani

Dalam tamadun orang Melayu konsep kesenian mencerminkan sesuatu yang indah dan menarik serta mempunyai nilai estetika. Seni lakon mempunyai nilai keindahan dan bersifat intelektual, kompleks, serta teknikal hingga memberi perhatian pada pandangan manusia. Tarian umpamanya dipersembahkan dengan iringan muzik serta nyanyian yang terdiri daripada nukilan kata-kata indah yang berpuitis.

Seni tari adalah salah satu daya ucapan fikiran dan perasaan yang dilahirkan dengan gerak-geri anggota tubuh, terutama badan, kaki, kepala, dan bahagian lain dengan gerakan yang berirama.³¹ Seni tari juga dimaksudkan sebagai pengucapan jiwa manusia melalui gerak-geri berirama yang indah yang boleh memberi kepuasan kepada orang lain. Pada zaman dahulu biasanya tarian ditarikan dalam sesuatu majlis yang diadakan di istana-istana sewaktu raja-raja Melayu mengadakan pesta ataupun upacara rasmi kerajaan. Persembahannya disampaikan dengan lemah lembut, disesuaikan dengan sesebuah cerita yang disampaikan dalam bentuk taridra, gerak-geri tangan dan langkah penarinya kena dengan rentak lagu serta gambaran kejadian yang dilakukan dalam tarian itu. Kesopanan dan tertib adat ketimuran perlu dijaga dalam persembahan tarian itu agar tidak bersentuhan antara lelaki dengan perempuan. Biasanya dalam tarian seperti itu selendang yang disangkut ke bahu tidak ditanggalkan.

Tarian Asyik

Tarian ini adalah sejenis tarian klasik yang berasal dari Patani dan dahulunya telah ditarikan dalam istana raja-

31 Tengku Abu Bakar Husny, "Seni Tarian Rakyat Melayu Moden", dalam *Asas Kebudayaan Kebangsaan*, hlm. 256-70.

raja Melayu Patani oleh gadis-gadis remaja pada hari upacara tertentu dan pada hari keramaian. Tarian ini begitu popular sehingga di setiap daerah di seluruh negeri Patani terdapat sekurang-kurangnya satu kumpulan tarian asyiknya sendiri yang dinaungi oleh ketua kampung. Menyentuh hal ini Mubin Sheppard menjelaskan:

Traditional Malay dances which originated in Patani and are still sometimes danced in Kelantan are divided into two groups, court dances (tarian istana) and folk dances (tarian daerah).³²

Tentang catatan awal wujudnya tarian asyik ini *Hikayat Patani* menceritakan bahawa Paduka Syah Alam Raja Ungu (1624–35) yang bergelar Marhum Pahang, mempunyai kumpulan tarian yang dinamakan *Asyik Ikat-ikatan*. Menurut hikayat itu:

Adapun pada masa Marhum Pahang kerajaan itu ada menaruh asyik ikat-ikatan empat orang, seorang bernama Tun Emas dan seorang bernama Tun Perak dan seorang bernama Tun Mas Dinai dan seorang bernama Tun Madu Sari. Biduannya bernama Dang Saja dan seorang bernama Dang Meriam, seorang bernama Dang Bedah, seorang bernama Dang Sirat, seorang bernama Dang Puspasari, seorang bernama Dang Alit, seorang bernama Dang Cendera, seorang bernama Dang Enam, seorang bernama Dang Sadah, seorang bernama Dang Surai, seorang bernama Dang Semara, seorang bernama Dang Alas. Maka biduan dua belas orang itulah yang terlalu banyak ragamnya dan nyanyiannya berbagai-bagai ...³³

Asal usul tarian ini dikatakan bermula daripada cerita seorang raja yang memelihara seekor burung di istana. Pada suatu hari beliau mendapati burungnya terlepas dari sangkar, lalu diekorinya burung tersebut ke hutan belantara dengan harapan untuk mendapatkannya kem-

32 Sheppard, M. 1972. *op. cit.*, hlm. 93.

33 Teeuw, A. dan Wyatt D.K., *op. cit.*, hlm. 115.

bali. Setelah bertahun-tahun lamanya burung kesayangan itu masih tidak dapat dicari, lalu raja yang malang nasibnya itu pulang ke istana dengan rasa kecewa. Untuk menghilangkan rasa rindunya terhadap burung tersebut maka baginda mencipta suatu tarian yang meniru gerak laku seekor burung. Sebagai menggantikan burung kesayangan itu, kumpulan asyik yang terdiri daripada dayang-dayang istana terpaksa menari di hadapan raja perempuan itu apabila baginda terkenang akan burung yang hilang.

Asyik bererti kekasih dan pengertian ini bersesuaian dengan gerak-geri tariannya yang bersifat lemah lembut dan penuh dengan ketertiban. Kecantikan dan keayuan para penari tarian asyik pula memang mengasyikkan serta menggoda para penonton. *Hikayat Patani* ada mengisahkan Yang Dipertuan Muda Johor, adinda bong-su Sultan Abdul Jalil Syah III Johor (1623–77) yang telah memperisteri Raja Kuning Patani (1635–88) terpesona dan tergila pada seorang penari asyik yang bernama Dang Sirat hingga terlupa diri dan mengabaikan tanggungjawabnya.³⁴ Pada zaman dahulu lagu-lagu dalam tarian asyik yang dimainkan dalam istana Patani berjudul *Seri Rama Menambak Tasik Pergi ke Langkapuri*, *Datuk Bendahara Paduka Raja Melaka Semasa Berperang dengan Peringgi*, dan *Datuk Paduka Seri Maharaja Johor Semasa Hendak Menyerang Jambi*. Persembahan tarian asyik ini dilakukan dalam upacara tertentu pada masa keramaian seperti pada hari perkahwinan, pada malam berinai di istana, dan pada hari temasya kerajaan.

34 Sebuah manuskrip berbentuk mikrofilem tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya berjudul *Syair Dang Sirat*, sila rujuk Mkm 62, salinan mikrofilem (positif) manuskrip Add. 12381 BL-OMSS.

Makyung

Perkataan makyung dikatakan berasal daripada upacara pemujaan arwah datuk nenek atau semangat ibu yang disebut *Mak Hiang*.³⁵ Daripada fungsi yang bercorak keagamaan drama tari tradisional ini telah berkembang menjadi hiburan kerana pada zaman dahulu tidak banyak bentuk hiburan yang dihidangkan kepada rakyat jelata. Di samping itu seni yang berbentuk drama atau teater juga menjadi saluran pihak pemerintah menyampaikan sesuatu idea, kepercayaan, dan nilai tertentu kepada rakyat yang diperintah.

Drama tari Melayu tradisional seperti makyung ini mempunyai kaitan dengan kepercayaan animisme. Mengikut Amin Sweeney ia dianggap sebagai hasil yang diwarisi secara turun-temurun untuk menyatakan kesyukuran kepada makhluk ghaib, semangat, puaka, bahkan untuk menolak bala atau menentang sesuatu penyakit. Kedatangan agama Hindu dan peradabannya telah menggalakkan lagi perkembangan teater atau drama tradisional kerana agama Hindu juga mencipta unsur pemujaan melalui persembahan lakonan seperti kelahiran cerita-cerita panji dalam kebudayaan Jawa kuno. Malah kedatangan Islam ke alam Melayu juga tidak menjejaskan kedudukan seni ini kerana istana Patani masih menaungi dan mendidik para pelakon makyung.

Sehubungan ini catatan yang paling awal tentang asal usul persembahan makyung telah dibuat oleh pengembara Inggeris, Peter Floris, dalam suatu upacara negara menyambut Sultan Abdul Ghaffur Pahang (1590–1614) pada 2 Ogos 1613. Menurut catatan itu Raja Ijau Patani (1584–1616):

35 Mohd. Afandi Ismail 1975. "Perkembangan Makyung Sebagai Satu Seni Teater Tradisional", *Dewan Bahasa*. Jil. 19, Bil. 6, hlm. 363.

The Queense sente for us to the courts, whereas was a greate feaste in honor of the King of Pahang; and there was playde a commedye all by women, to the manner of Java, which were apparrelled very antickly (i.e., grotesquely), very pleasante to behold, so as I doute not to have seene the lyke in any place.³⁶

Para sarjana masa kini yang mengkaji tentang makyung menganggap makyung sebagai drama tari atau teater tradisional Melayu yang sangat tinggi nilai keseniannya. Makyung yang berasal dari istana raja-raja Melayu Patani telah berkembang dan dipopularkan di Kelantan terutamanya dan kini telah pun diiktiraf sebagai salah satu ciri budaya nasional negara Malaysia. Cerita-cerita yang dipersembahkan mengandungi nilai falsafah yang tinggi dan mencerminkan aspek budaya Melayu yang halus.³⁷ Ia juga merupakan ukuran dan kualiti pencapaian tamadun dan kebudayaan Melayu Patani.

Wayang Kulit

Pada mulanya wayang kulit dikenali sebagai wayang kulit purwa, yang bererti dahulu atau pertama. Ceritanya menggambarkan peperangan Bratayuda seperti yang tercatat dalam *Hikayat Mahabharata*, sebuah kitab agama Hindu. Kitab tersebut menceritakan tentang peperangan Mahabharata yang terdiri daripada Pendawa dan Kurawa. Ada juga yang berpendapat wayang kulit bererti bayang yang berasal daripada ayang-ayang atau bayangan dalam kelir. Kononnya dikaitkan dengan pen-

36 Moreland, H. dan Floris, Peter 1934. "His Voyage to the East Indies in the Globe, 1611-15", Hakluyt Society Series II. Jil. 74. London, hlm. 87.

37 Mohd. Ghouse Nasuruddin 1989. "Bentuk dan Struktur Teater Melayu Tradisi dan Kesenambungan Teater Sezaman Kini", dalam *Tamadun Melayu Jil. 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

dapat yang mengatakan cerita ini menggambarkan bayangan nenek moyang atau orang yang terdahulu melalui bayang-bayang hasil gerakan Tuk Dalang.

Wayang kulit diperkenalkan oleh masyarakat Jawa sebagai persembahan berbentuk hiburan dan kesenian rakyat. Perkembangan ke serata negeri-negeri Semenanjung Melayu termasuk Patani berlaku menjelang akhir abad ke-13 sewaktu pengaruh Majapahit menguasai negeri-negeri yang berkenaan. Akhirnya, wayang kulit menjadi drama tradisional Melayu yang dibagikan kepada beberapa jenis seperti wayang golek, wayang beber, wayang wang, wayang topeng, dan kini yang kekal hanyalah wayang kulit. Di samping pengaruh Jawa, wayang kulit Siam turut juga mempengaruhi wayang kulit Melayu. Kini ia terus dimainkan terutama dalam upacara tertentu sahaja seperti pada hari perkahwinan, pesta, keramaian, dan yang sebagainya.

Dikir Barat

Dikir barat adalah sejenis nyanyian rakyat yang sangat terkenal di Patani dan kemudian dikatakan tersebar dan begitu popular di Kelantan. Permainan yang hampir sama dengan dikir barat dikenali di tempat-tempat lain sebagai dikir rebana atau dikir laba. Dikir barat adalah persembahan nyanyian yang disertai dengan pukulan rebana. Pada asalnya tidak terdapat tarian cuma berbentuk nyanyian sahaja. Ia mengandungi seni kata yang berbentuk pantun ataupun ungkapan bersajak yang tidak tentu bentuknya dan dilagukan dalam dialek Patani/Kelantan. Walau bagaimanapun akhir-akhir ini bentuk gerakan tangan seperti tarian mula diperkenalkan.

Akhir-akhir ini oleh sebab diselitkan unsur komidi dan sindiran ia dikenali juga sebagai lagu cincang. Namun begitu persembahannya merupakan hasil daripada kombinasi dikir dan pantun ataupun dikir dan

karut. Perkataan karut di sini adalah istilah mengarut yang disampaikan dalam bentuk pantun dan syair. Walaupun begitu dikir karut di Patani dan dikir barat di Kelantan tetap merujuk keaslian Melayu di kedua-dua buah negeri yang menggemari kesenian tersebut.

Terdapat pelbagai pendapat tentang asal usul dikir barat ini, tetapi banyak yang bersetuju mengatakan bahawa ia berasal daripada orang Melayu Patani. Ada yang berpendapat bahawa ia berasal dari Pulau Keringga, Wilayah Bangnara, Patani. Ini berdasarkan laporan Nik Abdul Rahman Nik Dri atau lebih dikenali sebagai Pak Nik Man dari Kelantan yang menceritakan bahawa seorang rakyat Patani bernama Pak Sa telah menyeludup masuk ke Kelantan pada tahun 1931. Pak Nik Man sendiri yang telah menangkapnya lalu dipenjarakan dan kemudian telah memperkenalkan kesenian dikir barat di kalangan penduduk Kelantan. Ada pula pendapat lain yang mendakwa dikir barat ini lahir dari Patani sebagaimana yang diceritakan oleh Haji Mat Salleh Haji Ahmad dari Kampung Tapang yang dikenali sebagai Mat Leh Tapang. Beliau kemudian meminda dikir barat itu dengan memasukkan unsur pantun. Semasa pemerintahan Jepun, Datuk Menteri Kelantan telah memanggil Mat Leh Tapang untuk meriwayatkan sesuatu dengan cara berpantun. Satu kumpulan dikir barat yang diketuai oleh Jaafar dari Wakaf Mek Zainab telah memperkenalkannya dan awok-awoknya terdiri daripada kalangan orang Melayu Patani. Sejak itu Mat Leh Tapang pula telah mengubah dan menambahkannya dengan memasukkan unsur pantun dan rima akhir berunsur syair dalam persembahan dikir barat.

Dikir karut atau lagu cincang ini selalunya dipersembahkan oleh dua kumpulan. Mereka berbalas-balas pantun dengan menggunakan dialek Melayu Patani/Kelantan. Alat muzik tradisional yang dipalu ialah rebana anak, tetawak, buah rumba, gong, dan seruling. Tema

yang disampaikan biasanya tentang budi bahasa, jasa bakti, pelajaran, pembangunan, dakwah, dan percintaan. Kadang kala tukang karut ini akan sindir-menyindir, usik-mengusik sambil berhibur. Terdapat beberapa buah lagu yang terkenal dirakamkan seperti *Karut Patani*, *Karut Wok Yoh*, *Karut Selampit*, *Karut Yengki Ding Ding*, dan *Karut Menora*.

Menora

Satu lagi jenis drama tradisional Melayu yang banyak dipengaruhi oleh unsur kesenian drama asli Siam ialah permainan menora. Ia hanya terdapat di negeri-negeri Melayu bahagian utara Semenanjung seperti Ligor, Terang, Cahaya, Petalung, Singgora, Gerahi, dan Patani, juga tersebar di Kelantan dan Kedah. Menora banyak persamaannya dengan makyung. Namun perbezaannya adalah pada persembahan tarian dan muzik. Persembahannya lebih menekankan aspek tarian daripada penonjolan ceritanya dan biasanya dipersembahkan pada sebelah malam. Pada masa yang lalu lampu minyak tanah digunakan bagi menerangi pentas. Drama lagu serta muziknya pula merupakan saduran daripada muzik Siam.

Para pelakon menora terdiri daripada kaum lelaki, tidak ada pelakon perempuan. Watak utamanya Pak Si Tong. Watak pembantu terdiri daripada Hanuman, Maharisi, raksasa, dan dua orang pelawak yang masing-masing memakai topeng. Watak tuan puteri dan inang pengasuh juga terdiri daripada lelaki yang memakai pakaian wanita. Ceritanya banyak tentang kisah epik *Ramayana* dan *Mahabharata*. Dari segi pakaian, watak Pak Si Tong memakai pakaian seperti yang dipakai dalam menora yang terdapat di negeri-negeri Melayu jajahan Siam. Muziknya pula mengandungi irama yang sama. Menora telah memperlihatkan pengaruh kebudayaan Siam yang ketara. Menora dipersembahkan da-

lam bahasa Melayu dialek Patani bercampur-aduk dengan bahasa Siam.³⁸

Permainan Tradisional Melayu Patani

Permainan tradisional yang tumbuh di rantau ini mungkin juga saduran atau disesuaikan daripada pengaruh budaya asing. Permainan tradisional Melayu ini dianggap umumnya sebagai tingkah laku bukan kerja yang melibatkan individu berfungsi memenuhi selera hiburan dan pembentukan diri. Kegiatan ini dapat mengisi kekosongan aktiviti dan mental tetapi yang penting dapat menjamin kesinambungan budaya bagi membentuk rupa dan wajah bangsa Melayu. Jenis permainan seperti silat, wau, gasing, sepak raga, atau takraw biasanya didukung oleh sesuatu persatuan.³⁹ Tetapi permainan seperti congkak, golek tempurung, golek para, taji butir durian, main aji, dan bermacam-macam lagi adalah bebas. Walau bagaimanapun permainan tradisional ini semakin hari semakin luput daripada ingatan orang.

Kebanyakan permainan di kampung-kampung adalah bermusim, misalnya permainan wau atau layang-layang dilakukan di luar musim hujan. Begitu juga dengan gasing selalunya dimainkan pada musim kemarau. Tanah yang basah dan lembut tidak sesuai untuk gasing berpusing. Salah satu daripada fungsi budaya ialah membentuk keperibadian bangsa. Dalam konteks ini permainan tradisional sebagai suatu fenomena budaya mampu membentuk atau mempengaruhi keperibadian anggota masyarakat. Melalui permainan ini akan ter-

38 Keterangan lanjut tentang drama tradisional menora ini sila lihat Sheppard, M. 1973. "Menora in Kelantan", *JMBRAS*. Jil. 46, bhg. 1, hlm. 161-70.

39 Sulaiman Sarijan 1988. "Permainan Tradisi: Pemasyarakatan dan Pembudayaan", *Dewan Budaya*. Jil. 10, Bil. 12 Disember 1988, hlm. 24-5.

pupuk sifat seperti bekerjasama, semangat berlawan dan perjuangan.

Seni Pencak Silat

Seni silat biasanya dilakukan pada waktu lapang. Seni silat dikatakan berasal dari Jawa tersebar pada zaman Majapahit. Tetapi ada pula yang mengatakan ia berasal dari Minangkabau, di barat Sumatera. Sawang Lertrit yang telah membuat kajian tentang kesenian ini mendapati bahawa seni silat merupakan permainan paling tua dalam seni mempertahankan diri dalam kebudayaan Melayu Patani.⁴⁰ Di Patani terdapat tiga jenis silat, iaitu *silat tari* atau *silat pulut* yang dipersembahkan oleh pendekar yang sudah ahli, *silat jatuh* dan *silat gayung Patani* yang menggunakan keris. Jelas beliau lagi, asal usul persilatan ini dinyatakan oleh Mubin Sheppard telah wujud sejak 400 tahun yang silam di Minangkabau. Diceritakan tentang tiga beradik yang bernama Burhanuddin, Shamsuddin, dan Hisamuddin pergi menuntut ilmu kebatinan di Aceh. Setiap seorang daripada mereka membawa kain putih, bawang putih, beras semangat, dan sebetuk cincin. Maka daripada mereka inilah berkembangnya ilmu persilatan dan seni mempertahankan diri hingga ke Semenanjung Melayu, termasuk juga di Patani.

Seseorang yang ingin berguru, kelengkapan seperti sirih pinang, lilin putih, bertih, sebilah pisau, nasi kunyit, dan pengeras dibawa menghadap guru silat pada malam hari bulan ganjil, sebaik-baiknya malam Jumaat. Setelah diterima sebagai murid guru silat akan menyediakan air sintuk limau di dalam buyung bagi membasuh kaki, tangan, dan muka anak muridnya.

⁴⁰ Sawang Lertrit, dalam Phrapon Ruangnarong, *Kebudayaan Selatan Thai*, op. cit.

Seni pencak silat mempunyai beberapa fungsi seperti pembinaan mental dan spiritual, kemampuan bela diri, seni, dan olah raga. Gelaran pendekar diberi kepada mereka yang menguasai kemahiran pencak silat, berbudi luhur, bijaksana dalam tindakan, mahupun ucapannya. Oleh sebab itu pendekar Melayu dalam masyarakatnya sentiasa disegani. Umumnya falsafah pendekar berkaitan dengan moral, tatasusila, dan ajaran suci agama hingga ada perguruan yang merumuskan semacam janji atau sumpah ahlinya baik secara lisan atau bertulis bagi memanfaatkan ilmunya di kalangan masyarakat. Hal ini disebabkan para pendekar itu diharap dapat menjadi anggota masyarakat yang baik kerana kelebihannya terletak dalam mematuhi dan melaksanakan nilai-nilai yang dijunjung tinggi oleh masyarakat.⁴¹

Sejak diadakan siri kejuaraan pencak silat antara-bangsa setiap tahun juga dijadikan salah satu acara olah raga yang dimulakan dalam Sukan SEA ke-14 maka *silat gayung Patani* telah diiktiraf sebagai jenis silat yang terus menempa nama di gelanggang persilatan.

Berlaga Lembu

Berlaga lembu adalah permainan orang Melayu sejak dahulu hingga sekarang. Ia disifatkan sebagai permainan tradisional Melayu. Permainan tradisional ini adalah suatu temasya yang meriah yang diadakan biasanya selepas musim menuai padi. Oleh sebab kebelakangan ini permainan berlaga lembu dijadikan sumber berjudi maka pihak berkuasa telah mengharamkannya. Sebuah gelanggang akan didirikan di suatu kawasan tanah lapang untuk tujuan permainan ini. Gelanggang tersebut dipagar sekeliling. Di luar gelanggang didirikan bangsal

41 Karmayuda, O.S.H. 1989. "Pencak Silat, Seni Bela Diri Rumpun Melayu dan Perkembangannya", dalam *Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu Ke-II*, 15-20 Ogos 1989, Kuala Lumpur.

daripada buluh dan tangga ayam bagi para penonton menyaksikan permainan ini. Bayaran tertentu akan dikenakan. Setiap lembu, atau di sesetengah tempat digunakan kerbau, yang hendak dilagakan itu bersedia dengan bomoh atau juara masing-masing. Bomoh berlaga lembu mempunyai kepandaian dan hikmatnya mempengaruhi semangat lembu dan juga dapat memberi perangsang untuk beradu kekuatan di gelanggang. Mengikut ramalan bomoh, pergerakan, puser lembu, tanduk, perawakan, dan bentuk lembu menentukan tuah dan malang dalam gelanggang ketika bertarung.

Nama atau gelaran tertentu dihubungkan dengan tanduk, kulit, atau warna binatang pertaruhan itu, misalnya nama geroda, Majapahit, Helang Merah, Cak Raya, Tanjung Berolak, Harimau Mengaum, Ular Daun, dan yang sebagainya. Beberapa hari sebelum dilagakan binatang ini dipelihara dengan sempurna: rumput, telur mentah bercampur madu lebah dijadikan bahan makanannya. Tanduk pula diasah dengan kaca supaya meruncing tajam seolah-olah mengasap keris. Setiap hari badannya dimandikan dan diurut dengan minyak. Permainan tradisional ini terdapat di kalangan penduduk Patani, Singgora hingga Ligor, khususnya di kawasan Melayu tetapi sekarang ini kian lenyap. Lembu yang hendak diadu kekuatannya akan dihiasi dengan loceng, hiasan yang berwarna-warni, dan yang sebagainya. Tanduk biasanya dihiasi seperti yang berikut:

- (i) Tanduk yang disarungkan berlapis-lapis dengan kayu dan tembaga.
- (ii) Tanduk yang disarungkan dengan dua lapis tembaga dan gading.
- (iii) Tanduk yang disarungkan dengan tiga susunan daripada suasa, tembaga, dan kelongsong timah.⁴²

42 Lihat Picai Khiaukhou, dalam *Kebudayaan Selatan Thai*, op. cit., hlm. 325-9.

Dalam setiap pertarungan berlaga lembu biasanya cuma sepasang atau satu regu sahaja dilagakan. Kira-kira setengah jam sebelum pertarungan bermula, wang pertarungan diletakkan di luar gelanggang mengikut kemampuan masing-masing. Di samping itu juara lembu sibuk menjampi dan mengurut lembu dengan sejenis minyak yang dinamakan peruang supaya kulit binatang itu kelihatan licin tidak terluka. Tanduknya yang runcing tajam itu dicucuk dengan limau purut, pada leher pula digantung perhiasan bunga, dan badannya pula diselimuti kain berwarna merah ataupun hijau.

Menyabung Ayam

Permainan bercorak pertandingan atau pertarungan ini digemari oleh masyarakat Melayu tradisional. Biasanya ia diadakan sempena sesuatu upacara perkahwinan, pertabalan, dan yang sebagainya bertujuan memberi hiburan. Ia amat diminati oleh raja dan penduduk Melayu di utara dan pantai timur Semenanjung. Permainan ini adalah sebagai suatu perjudian. Mereka amat berbangga jika mempunyai ayam sabung yang handal. Oleh itu mereka sentiasa mencari baka ayam sabung yang baik dan sudah terbukti kekuatannya. Pertaruhan dilihat dibuat berdasarkan bentuk muka, sisik, kaki, mata, paruh, dan susuh ayam. Asalnya permainan menyabung ayam ialah daripada melihat ayam peliharaan saling patuk-mematuk sambil mengembangkan bulu tengkuknya. Kemudian difikirkan perlagaan itu boleh dijadikan bahan permainan untuk tujuan hiburan semata-mata.

Nama dan gelaran yang serasi dengan tubuh ayam disesuaikan dengan warna bulu, misalnya Biring, Eluang, Cedung, Tuk On, Nok Kot, Elau, Sitam Asli, Sitam Roma, Manisan Hangus, Rinting Emas, dan sebagainya. Ayam-ayam sabung itu dipelihara dengan sempurna terutama makanannya, tidurnya, memandinya dan mengurutnya. Sebelum diadakan persabung-

an pada malamnya ayam sabung akan disintuk limau dan dijampi oleh juaranya. Tiba masa yang sesuai untuk dilepaskan, juara akan membawa ayam sabung ke tengah gelanggang seraya membaca jampi yang boleh membantu ayam tersebut menjadi garang dan handal:

Selusuh selasah,
Suri hambah pulang,
Selasah selisih,
Ya hummi.

Sesudah itu ayam sabung dilepaskan menghadap lawannya. Untuk menjamin kemenangannya, beberapa pantang larang diamalkan, misalnya semasa melepaskan ayam di gelanggang hendaklah mengikut kedudukan arah matahari. Dilarang pula menarik nafas hela ketika melepaskannya kerana ditakuti ayam itu tidak dapat menahan nafas ketika bersabung. Dalam persabungan setiap satu pusingan dikira dalam tempoh 10-15 minit, kemudian diteruskan dengan pusingan kedua. Seseekor ayam itu dikira kalah jika dipukul rebah oleh lawannya atau jika ayam itu berkiuk dan melompat keluar gelanggang.

Pada zaman dahulu anggaran masa dikira mengikut tenggelamnya sesebuah tempurung kelapa. Ini dilakukan dengan menebuk lubang pada tempurung nyiur jantan sebesar lubang jarum kemudian diletakkan di dalam air. Dari saat bermulanya ayam menyabung hinggalah tempurung itu tenggelam dikira satu pusingan. Ini diteruskan ke pusingan seterusnya hingga beroleh keputusan persabungan.

Permainan Gasing

Gasing adalah sejenis permainan Melayu tradisional yang telah dipusakai sekian lama. Permainan ini amat digemari oleh kanak-kanak dan orang dewasa. Pada zaman dahulu pertandingan gasing biasanya melibatkan

penduduk kampung yang mengadakan upacara adat tertentu dengan membaca doa dan jampi. Setiap pasukan terdiri daripada empat orang yang bergelar, orang pertama dan kedua digelar *jemalu*, orang ketiga dinamakan *kapit*, dan orang keempat dinamakan *jemudi* atau taikung. Jenis permainannya bergantung pada persetujuan para pemain sama ada cara uri atau lawan ligat, pangkah, kandang, payung, atau rantuk dara.

Gasing Melayu yang paling terkenal ialah gasing leper. Menurut Mubin Sheppard ia berasal dari Patani. Gasing ini diperbuat daripada kayu keras seperti merbau, kayu johol, dan kayu keradah. Walau bagaimanapun ia telah ditambah dengan beberapa jenis logam di sekeliling gasing menyebabkan pusingannya boleh bertahan selama sejam lebih.

Permainan gasing diadakan dengan tiga tujuan. Pertama, untuk bersuka ria, biasanya dilakukan oleh kanak-kanak dengan menggunakan gasing pinang atau gasing kayu. Permainan gasing di kalangan kanak-kanak biasanya mengikut peredaran musim dan juga memerlukan kemahiran para pemainnya. Kedua, untuk mengeratkan persahabatan antara penduduk kampung-kampung yang bertanding, di samping menguji kepandaian pemainnya. Ketiga, permainan gasing diadakan sempena perayaan tertentu.

Wau atau Layang-layang

Permainan wau atau layang-layang memang tidak asing lagi di kalangan penduduk Melayu Patani. Biasanya ia dimainkan selepas musim menuai padi ketika tanah sawah kering dan lapang. Pada masa silam permainan wau dikaitkan dengan unsur kepercayaan. Mubin Sheppard menjelaskan bahawa ia sebagai satu cara mengukuhkan perhubungan dengan keramat angin dan langit. Ada yang berpendapat bahawa permainan ini berasal dari negeri China. Jelas terbukti permainan yang

sama terdapat di kalangan penduduk di China, Kemboja, Thai, dan Asia Tenggara umumnya. Pada mulanya wau diperbuat daripada daun kayu yang lebar. Setelah penggunaan kertas diperkenalkan barulah wau dibentuk dengan pelbagai rupa dan corak.

Kerja membuat wau atau layang-layang bermula daripada mencari buluh kemudian meraut lidinya, menampal, melorek, dan menggunakan benang pada wau ini. Rangka dan sayap dibuat daripada buluh betung dan bahagian tanduk atau punggungnya daripada buluh duri. Meraut buluh perlu dibuat dengan berhati-hati bagi mendapatkan keseimbangan. Kerja melekatkan kertas dan mencorakkannya memerlukan ketekunan dan kemahiran. Kerja melukis awan larat pula akan mengambil masa beberapa hari. Kemudian baru dipasang sayap dan ekor. Awan larat ukiran orang Melayu Patani menggambarkan ranting, daun, bunga, dan buah, serta corak pucuk rebung. Selain itu terdapat corak berunsur mitos dan legenda dalam bentuk perlambangan. Walau apa juga bentuknya, tukang wau akan membiarkan satu ruang kosong pada sayap yang dipercayai sebagai hati wau. Tanpa hati maka wau itu tidak akan hidup kerana pada masa dahulu wau dianggap mempunyai semangat. Akhirnya teraju dan busar wau dipasang. Ia diperbuat daripada buluh yang nipis dan daun kayu yang panjang. Kedua-dua bahan ini akan mengeluarkan bunyi yang nyaring dan merdu ketika wau berada tinggi di angkasa.

Terdapat pelbagai nama wau, misalnya wau bulan, wau burung, wau merak, wau kucing, wau ikan, wau bayan, wau kikik, wau tokong, wau katak, wau barat, wau jalabudi, dan berbagai-bagai lagi. Antaranya wau bulan yang berbentuk seperti bulan sabit dan boleh melayang tinggi, merupakan wau yang paling popular di kalangan penggemar permainan wau atau layang-layang ini.

Ada dua cara bermain wau. Pertama melaga-laga-

kannya sewaktu berada tinggi di udara hingga talinya bersilang antara satu sama lain. Pemain akan mene-gangkan dan mengendurkan tali untuk memutuskan tali lawan. Wau yang tidak putus talinya dikira menang. Permainan kedua ialah cara kumpulan. Salah seorang akan bertindak sebagai tukang carik dan akan berdiri membelakangi angin dan kawannya berdiri menghadap angin. Kemudian pemegang wau akan melambungkan wau ke udara dan tukang tarik akan merenjut talinya supaya wau menerima tiupan angin yang sesuai untuk meluncur naik. Setelah wau tinggi di udara, tukang tarik dan pemegang wau akan bergilir-gilir mengawalinya. Pertandingan permainan wau dapat memperlihatkan kecantikan, keindahan, dan keaslian ciptaan, bentuk, warna, dan seni ukirannya.

Sepak Raga atau Sepak Takraw

Ini adalah sejenis permainan tradisional masyarakat Melayu yang digemari oleh penduduk kampung dan anak-anak pembesar negeri. *Sejarah Melayu* ada mengisahkan permainan sepak raga ini di kalangan anak-anak pembesar Melaka. Pada mulanya ia dimainkan secara bulatan yang dijadikan gelanggang. Pemainnya terdiri daripada 5-10 orang. Salah seorang daripada mereka akan melambung bola raga kepada rakannya dengan tangan. Rakannya menyambut bola itu dengan sepakan sila, sepak badik, dengan kepala, melutut, atau yang sebagainya. Seterusnya pemain lain akan mengawal bola dengan cara yang sama dalam bulatan itu agar bola raga tidak jatuh ke tanah. Jika jatuh bererti pusingan tersebut tamat. Pemain yang cekap berjaya menyepak atau menimang bola dengan kaki beberapa kali untuk memperoleh markah yang tertinggi berdasarkan jumlah sepakan selagi bola itu tidak jatuh ke tanah. Ini bergantung pula pada beberapa tegahan dan larangan:

- (i) Tidak dibenarkan menyepak, melutut, ataupun menggunakan kepala lebih daripada tiga kali.
- (ii) Tidak dibenarkan menggunakan tangan.
- (iii) Jika pemain terkeluar dari bulatan gelanggang, maka pasukannya dikira kalah.

Mulai tahun 1935, kaedah permainan sepak raga bulatan ini telah diubah supaya lebih kemas dan teratur. Pada tahun 1946 satu peraturan khusus telah dibuat dan lahirlah sepak raga jaring. Gelanggang yang dahulunya berupa bulatan telah disesuaikan dengan garisan tertentu sama seperti permainan bulu tangkis atau badminton. Satu pasukan terdiri daripada tiga orang pemain, iaitu apit kiri, apit kanan, dan di tengahnya taikung. Salah seorang apit akan mencampakkan bola raga dan taikung bersedia menunggu dengan kakinya yang tidak menyepak berada pula dalam suatu bulatan kecil. Mata atau markah dikira dengan peraturan tertentu berjumlah 15 mata kesemuanya. Pasukan yang mendahului dengan banyak membuat mata dikira menang. Para pemain yang melakukan perkara-perkara yang berikut dianggap batal:

- (i) Menyepak bola lebih daripada tiga kali berturut-turut.
- (ii) Menggunakan tangan.
- (iii) Pemain mengepit bola.
- (iv) Menyentuh jaring.
- (v) Bola jatuh di luar gelanggang.
- (vi) Memijak garisan keras dan lain-lain.

Permainan sepak raga jaring ini telah dimodenkan dengan peraturan yang lebih sempurna dan dinamakan sepak takraw. Beberapa cara permainan yang lebih agresif seperti sepak libas melintang telah diperkenalkan. Kini permainan sepak takraw telah didaftarkan dalam Sukan SEA dan Sukan Asia. Ia semakin men-

dapat tempat di kalangan orang Melayu Patani yang mewakili negara Thailand sebagai salah satu pasukan terkuat di rantau ini.

Muzik Tradisional Istana

Bukan sahaja rakyat jelata, malah raja-raja sendiri, dapat mengamati pelbagai jenis permainan. Kegiatan kesenian turut menjadi minat golongan bangsawan dan seni muzik dijadikan media hiburan yang dititikberatkan oleh pemerintah. Sewaktu istana Patani menjadi pusat kebudayaan Melayu, pelbagai pesta dan keramaian diadakan bagi menyambut sesuatu perayaan diraja. Peter Floris telah menyaksikan perarakan Raja Ijau pada 31 Disember 1612 keluar istana bersama-sama dengan angkatan untuk berburu:

*The Queene, being accompanied with a greate traine of prauwes (perahu), above 600 in number, wente to sporte hirselfe, going at the fyrste to ley att Sabraugh (Seberang or Tanjung Patani), where they assembled themselves. She was tall of person and full of majesty, having in all the Indies not seene many like unto hir. There were 12 women and children to daunce, which did effecte it so well that I have not seene better in the Indies. She had not bene foorth oute of hir howse in seven years, and nowe she would go on hunting of dilde buffes (buffaloes) and bulls, whereof there is greate abundance there.*⁴³

Pada tahun 1653 seorang penulis Belanda pula, John Nieuhoff, telah membuat kenyataan yang sama tentang perarakan dan pesta diraja Patani. John Nieuhoff menulis:

Wherever she went to take the air (which indeed happened but very seldom), she was mounted on a very fine elephant,

43 Moreland H. 1934. *Peter Floris: His voyage to the East Indies, in the Globe, 1611-1615*. Hakluyt Society Series II, Jil. 74, London, hlm. 62-3.

and attended by 2000 nobles and great officers, all clad in her deceased royal spouse's liveries, with his coat of arms upon them. Before they returned, she gave them always a splendid entertainment, and so came with the same cavalcade back to her court. The country of Patane is so populous, as to be able to bring 180 000 armed men into the field, the city and suburbs of Patane alone being to furnish 10 000 men.⁴⁴

Kegiatan muzik pula mendapat tempat yang penting dalam istana Patani. Kumpulan muzik dan tarian istana ditubuhkan. Kerajaan Patani sewaktu berperanan sebagai pusat kebudayaan Melayu Semenanjung telah menaungi kegiatan seni muzik. Sejarah perkembangan muzik Melayu tradisional di istana ada tercatat dalam *Hikayat Patani*. Penggunaan muzik ini untuk tujuan upacara pertabalan, kemangkatan kerabat diraja, upacara menghadap, nobat isyak, nobat Khamis, dan nobat subuh. Pasukan Nobat Diraja Patani merupakan pasukan terbesar yang mempunyai lapan nafiri, empat serunai, 12 gendang, dan lapan negara dengan 25 ragam irama. Jelas Mubin Sheppard:

*One of the striking facts about this script is that the instruments in the Patani nobat are far more numerous than in any of the Malay nobats of the Peninsula ... Such a large orchestra is evidence of great affluence and elaborate royal pageantry. It is reminiscent of the Emperor Akbar ...*⁴⁵

Peralatan muzik atau pancaragam nobat yang digunakan hampir sama sahaja jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.⁴⁶ Na-

44 Sheehan J.J. 1934. "XVIIth Century Visitors to the Malay Peninsula," *JMBRAS*. Jil. 12, bhg. 2, hlm. 85.

45 Teeuw A. dan Wyatt, D.K., *op. cit.*, hlm. 59-60.

46 *Hikayat Patani* menceritakan Nobat Diraja Patani serta menerangkan bagaimana ia dimainkan serta ragam dan irama nobat dalam Bahagian VI hikayat yang berkenaan. Lihat Teeuw A. dan Wyatt D.K., *op. cit.*, hlm. 141-5.

mun ia boleh dimainkan oleh golongan keluarga tertentu sahaja yang difikirkan layak dan boleh mempertahankan kekuatan magik yang dipercayai berhubung dengan nobat ini. Peranan muzik nobat dalam konteks istana raja-raja Melayu sebagai alat budaya untuk menguatkan dan mengesahkan hak dan kedaulatan golongan pemerintah sebagai berkuasa dalam masyarakat melalui upacara penghormatan dengan penuh kesabaran. Upacara permainan ini juga bertujuan mengekalkan struktur sosial masyarakat Melayu, tradisi kekuatan ghaib dan memerlukan penghormatan rakyat jelata yang mendengarnya. Nobat bukan sekadar alat muzik diraja tetapi juga dipercayai mempunyai penunggu yang mengawal peralatan muzik tersebut.⁴⁷ Peralatan muzik lain yang digunakan di istana Patani termasuklah gedombak, gambang, dan rebab yang biasanya mengiringi tarian asyik, tarian inai, makyung, dan yang sebagainya.

Kesusasteraan Melayu Patani

Semua bentuk sastera Melayu yang terdapat di Patani dikatakan ditulis dalam tulisan Jawi. Ini disebabkan penduduk keturunan Melayu di Patani hanya boleh membaca kitab-kitab yang ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Jawi dan mereka juga menganggap daripada tulisan inilah mereka menerima pelajaran agama. Kemunculan Patani sebagai pusat perkembangan tamadun kesusasteraan Melayu berunsur Islam telah melahirkan bentuk-bentuk sastera Islam seperti syair, gurindam, masnawi, rubai, ghazal, kith'ah, dan nazam. Bentuk kesusasteraan Islam ini ditemui dalam kitab-kitab karangan para ulama besar Patani dalam pendekatan untuk menyampaikan seruan Islam mereka. Peningkatan Islam pada waktu itu telah ber-

47 Ismail Hamid, 1988, *op. cit.*

gerak sejajar dengan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar menerusi pertumbuhan tamadun kesusasteraan Melayu-Islam.

Sungguhpun terdapat pelbagai jenis kesusasteraan rakyat di kalangan masyarakat Melayu Patani seperti cerita asal usul, cerita binatang, cerita jenaka, dan penglipur lara namun ia tidak pernah dicatatkan dalam bentuk manuskrip. Berkemungkinan masyarakat Melayu di Patani mempunyai tanggapan bahawa cerita-cerita yang sedemikian tidak begitu penting dan mereka lebih mengutamakan sesuatu yang berhubung dengan fakta keagamaan. Kemungkinan kedua pula ialah serangan ganas tentera Siam yang mengakibatkan segala khazanah kesusasteraan dan kebudayaan Melayu Patani musnah. Walau bagaimanapun ada bukti yang menunjukkan bahawa sastera Melayu Patani telah wujud sekian lama sejak pertumbuhan tamadun bangsa Melayu itu sendiri.

Cerita asal usul dipercayai telah berkembang dalam pengetahuan masyarakat Melayu di Patani. Bukit Besar atau Bukit Inderagiri yang tidak jauh dari bandar Patani mempunyai pelbagai kisah dan kejadiannya yang tersendiri. Sastera zaman Hindu terutama tentang epos cerita Hindu dalam Ramayana turut mempengaruhi cerita Panji yang dipersembahkan menerusi wayang kulit, makyung, tarian asyik, dan media hiburan yang lain. Dalam cerita Raja Lotong di Patani, R.O. Winstedt menceritakan Raja Lotong adalah ayah kepada seorang wira (hero) yang memerintah negeri Tanah Rendah Kebun Bunga telah pergi melawat Sungai Jelujok yang diperintah oleh Raja Tikam Batu.⁴⁸ Negeri Patani dalam cerita hikayat dan cerita penglipur lara disebut sebagai "Negeri Tanjung Bunga".

48 Winstedt, R.O. 1911. "The History of the Peninsula in Folk Tales", *JSBRAS*. No. 157, hlm. 183-8.

Epos Hindu dalam cerita *Ramayana* yang terkenal itu terdapat dalam pelbagai versi. Dalam bahasa Melayu versi tertua telah diterbitkan oleh Roorda van Eysinga pada tahun 1843 di Belanda. Di Semenanjung Tanah Melayu pula versi cerita penglipur lara yang dianggap tertua adalah *Versi Ramaya-Patani*. Ia telah disalin untuk G.M. Laidaw, Penolong Pegawai Daerah Hulu Perak pada tahun 1911. Walau bagaimanapun, naskhah tersebut tidak lengkap dan isinya juga sudah banyak menyimpang daripada cerita *Ramayana* yang sebenar, terutama pada bahagian pertama. R.O. Winstedt pernah membuat ringkasannya dalam bahasa Inggeris.⁴⁹

Perkembangan kesusasteraan Melayu daripada kisah dongeng cerita panji dari Jawa turut tersebar di kalangan masyarakat Melayu Patani. Dalam kajian Rattiya Salleh tentang cerita-cerita yang sedemikian, dikenali oleh masyarakat Melayu Patani sebagai cerita *Ino* atau dalam dialek tempatan disebut *Pan-nyi Semeghe* (Panji Semerang) yang membawa maksud kesemua cerita panji. Sewaktu persembahan makyung diperkenalkan dalam istana Patani pada abad ke-17, dipercayai cerita Jawa iaitu cerita panji telah dimainkan. Bahkan unsur panji ini juga telah tersebar luas mempengaruhi kesusasteraan Thai menerusi peranan orang Melayu Patani. Menurut Putera Damrong Raca Nuphap, cerita *Ino* dibawa masuk ke Ayuthia melalui seorang perempuan tawanan beragama Islam yang berketurunan Patani bernama Yai Yavo yang menjadi hamba puteri Raja Barmmakot (1732-58). Mereka mendapat bahan tersebut daripada permainan makyung yang biasanya dimainkan oleh orang Melayu dari Semenanjung.⁵⁰ Putera

49 Winstedt, R.O. 1918. "A Patani Version of the *Ramayana*", *Feestbundel Bataviaasch Genootschap*, 1778-1928 (Buku Peringatan 150 Tahun) Batavia, Deel II.

50 Damrong Rachanuphap, S.K.P. 1965. *Tamnan Lakhon Ruang Inao*. Edisi ke-4, Bangkok: Khlang Witthaya, hlm. 102-5.

Dhani Nivat menjelaskan bahawa:

... the epic *Inao* was brought in by Yai Yavo, a Muslim woman, to Ayutthaya and then translated from Javanese into Siamese by Prince Chau Kasatri for presentation on the stage.⁵¹

Ini membuktikan bahawa cerita panji sudah pun dikenali oleh orang Melayu di Patani sejak akhir abad ke-16 hingga awal abad ke-17 pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu Patani mencapai tamadunya.⁵²

Ketika itu juga pengaruh kesusasteraan dan penulisan begitu penting dalam mendorong cendekiawan Melayu Patani menyusun warisan ilmu pengetahuan kepada anak cucu mereka. Dalam hal ini penting sekali disebut bagaimana sastera bercorak sejarah, seperti *Sejarah Melayu* disusun oleh Tun Seri Lanang dan dibantu oleh Raja Dewa Said Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Diraja Patani. Ini dipersetujui oleh R.O. Winstedt. Walau bagaimanapun menurut penyelidikan sarjana Perancis, Rouffaer Tun Bambang adalah anak saudara Raja Abdullah atau Raja Seberang Johor yang menitahkan agar hikayat Melayu dibawa orang dari Goa diberi kepada Bendahara Tun Seri Lanang untuk diperbaiki. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil II Johor (1570–97) mempunyai beberapa orang putera dan salah seorangnya Raja Hassan yang menjadi raja di Siak. Beliau telah berkahwin dengan seorang putera Patani. Tun Bambang adalah putera mereka. Oleh sebab itu nama Bambang disebut Tun Bambang bukan Raja Bambang.⁵³ Begitu juga dengan penulisan sastera se-

51 Dhani Nivat, P. 1947. "Siamese Versions of the Panji Romance", *India Antique*. Leiden, hlm. 101.

52 Rattiya Salleh 1988. *Panji Thai dalam Perbandingan dengan Cerita-cerita Panji Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, , op. cit., hlm. 42–3.

53 Liaw Yock Fang, op. cit., hlm. 213.

jarah *Hikayat Patani*, telah disusun oleh beberapa orang cerdik pandai Melayu Patani yang kemudian telah disalin dalam beberapa versi. Tidak ada versi yang mencatatkan nama penulis sebenar. Menurut pengkajian Mohd. Yusuf Hashim dalam bab berikutnya *Hikayat Patani* merupakan fakta sejarah yang sahih menggambarkan zaman kegemilangan tamadun Patani.

Sastera Lisan Bercorak Nyanyian

Terdapat suatu bentuk nyanyian rakyat negeri Patani yang sering dinyanyikan sebagai hiburan masa lapang. Nyanyian ini menggunakan dialek tempatan berupa nasihat, teka-teki, panduan agama, keinsafan, dan unsur-unsur didaktik. Sastera lisan ini merupakan sebahagian daripada warisan tamadun dan kebudayaan Melayu Patani yang telah diperturunkan dari mulut ke mulut kepada suatu generasi yang lain, kadang-kadang berubah berdasarkan kesedapan penyampainya. Secara ringkas, nyanyian ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis dan tujuan mengikut peringkat usia dan matlamat penyampaianya. Umpamanya:

1. Nyanyian berbentuk pantun:

Ndo ndo tiak,
Tiak makan padi,
Anak duduk teriak,
Emak cari laki.

Ndo ndo tiak,
Kampung kapik,
Kera berjantai balik bukit,
Nasi sekepal taruh ke adik,
Mak lapar makan katik.

2. Nyanyian bercorak nasihat;

Anak-anak Nabi
Ada tujuh orang
Tiga lelaki

Empat perempuan
Kassim Abdullah Ibrahim Fatimah
Zainab Ummi Kalsom Siti Rokiah.

Nyiur manis condong ke kubur,
Luruh sebutir masakny hijau,
Bangun menangis di pintu kubur,
Sesal dunia tidak belajar.

3. Gambaran memuji sesuatu tempat dan keadaan-nya:

Kota Raja kota Patani,
Di Cabang Tiga namanya diberi;
Tengku Besar Raja Patani,
Keturunan Raja Kelantan terpuji.

Raja Seri Wangsa raja pertama,
Sultan Muhamad Syah raja kedua;
Mahligai ini kepunyaan raja,
Keturunan Patani raja utama.

4. Pantun dan gurindam yang dikaitkan dengan nama Patani:

Perahu lancang dari Patani,
Naik ke darat membeli kain;
Buah macang rupa kuini,
Rupanya sama rasanya lain.

Sirih kuning dari Patani,
Pinang muda dari Melaka;
Putih kuning anak Serani,
Ini membawa badan celaka.

Petikan dari *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*.

5. Syair bercorak sejarah:

Dengarlah tuan suatu madah,
Kisah baginda sultan di Kedah;
Negerinya ramai terlalu indah,
Isi negeri semuanya sudah.

Ismu baginda Sultan Maulana,
Ahmad Taju'd-din gelar rencana;
Ibni Sultan Abdullah yang ghana,
Bangsa di atas takhta kencana.

6. Syair orang tua-tua:

Zaman berzaman kita menderita,
Ditindas oleh pemerintah durjana;
Dibunuh dengan berbagai cara,
Dengan tak payah lagi dibicara.

Tahun Sembilan Belas Empat Puluh,
Ibu bapamu telah disuruh;
Memakai seluar buangkan sarung,
Jangan berkopiah jangan berkelubung.⁵⁴

54 Hassan Madmarn 1982. "Sastera Melayu dalam Masyarakat Melayu Minoriti, Perkembangan di Thailand, dalam Pertemuan Dunia Melayu '82".

6

ADAT DAN KEPERCAYAAN DALAM TAMADUN MELAYU PATANI

Budaya Adat

PERKATAAN adat berasal daripada istilah bahasa Arab iaitu *adah* yang bererti kebiasaan. Kebiasaan boleh ditakrif sebagai tingkah laku yang berterusan; yang bertentangan dengan kelaziman akan ditolak oleh masyarakat. Namun tingkah laku yang menjadi kelaziman itu akan menjadi kebiasaan. Kelaziman dan kebiasaan tingkah laku yang diterima oleh masyarakat secara bersama dinamakan adat. Maka adat juga boleh menjadi peraturan yang dihormati oleh masyarakat. R. van Dijk, seorang sarjana undang-undang Belanda, berpendapat bahawa adat adalah kesusilaan dan kebiasaan dalam segala lapangan hidup dan peraturan tingkah laku.

Tegasnya budaya adat menggambarkan ajaran dan amalan yang ditanggapi oleh anggota masyarakat tentang manusia dan dunia yang dialaminya.¹ Jelaslah pengertian budaya adat masyarakat Melayu merupakan kebiasaan, peraturan tingkah laku setiap individu dalam masyarakat Melayu itu sendiri yang seterusnya menjadi amalan keseluruhan masyarakat. Orang Melayu mengamalkan peraturan yang dipersetujui oleh masyarakat

1 Abdullah Siddik 1975. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

berdasarkan peraturan yang disampaikan secara lisan dan disebarakan kepada masyarakat dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi.

Orang Melayu Patani,² seperti juga di negeri-negeri lain di Semenanjung Melayu mempunyai suatu sistem budaya adat yang amat kompleks. Ahli-ahli antropologi fizikal menggolongkan keturunan Melayu penduduk peribumi Semenanjung sebagai Melayu-Polinesia, berkulit warna sawo matang, berbadan sederhana besar, serta tegap, bersopan, dan berbudi bahasa. Dari segi sejarah, keturunan Melayu-Polinesia adalah kelompok bangsa yang pernah aktif dalam dunia perdagangan dan pelayaran menguasai perairan luas Lautan Pasifik dan Hindi.

Pada zaman prasejarah orang Melayu mempunyai cara hidup dan sistem masyarakat yang tersendiri. Di samping itu mereka telah menerima berbagai-bagai perkembangan seperti pengaruh Hindu-Buddha sejak 1500 tahun yang lalu dan Arab-Parsi sejak 800 tahun yang lalu. Kuasa yang menjajahi bangsa Melayu, khususnya di Patani seperti Funan, Seriwijaya, Majapahit, dan Siam telah mencetuskan suatu rentetan peradaban atau tamadun Melayu yang unggul. Sejak kedatangan Islam, orang Melayu telah menerima pengaruhnya dalam menentukan budaya adat yang beridentiti tersendiri.

Kebudayaan Melayu yang pada mulanya berasaskan kepercayaan animisme mempunyai nilai sebelum kedatangan pengaruh asing. Setelah pengaruh itu meresapi masyarakat Melayu, mereka telah menilai dan meny-

2 Orang Melayu Patani tergolong di kalangan keturunan Melayu beragama Islam, berbahasa Melayu, dan mengamalkan adat resam budaya Melayu mendiami wilayah-wilayah Patani, Yala, dan Bangnara, di wilayah Songkhla di daerah Cenak, Tiba, Nathawi, dan Sebayu, di selatan Thailand. Penduduk Malaysia di negeri Perak, daerah Larut dan Selama, daerah Hulu Perak, di negeri Kedah daerah Sik, Baling, dan Padang Terap, di serata negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perlis, kesemuanya terutama di pantai barat Semenanjung masih menganggap mereka berketurunan Melayu Patani.

ring mana-mana yang berguna dan sesuai diterima oleh masyarakat. Oleh itu adat Melayu telah melalui pelbagai ujian, tetapi tidak pula terhapus bahkan disesuaikan pula dengan cara kehidupan mereka mengikut perubahan masa. Wujudnya adat istiadat Melayu itu sudah dapat membentuk masyarakat yang maju, di samping mempunyai sistem pemerintahan beraja, ekonomi, dan agama yang tersendiri. Pengaruh asing terhadap bangsa Melayu telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu bukanlah masyarakat yang primitif tetapi merupakan masyarakat yang maju dan sentiasa terbuka pada idea dan pemikiran luar.

Kebudayaan dan adat Melayu telah mengalami perubahan hasil daripada pertembungan dua masyarakat atau budaya menerusi proses asimilasi atau penyebatian perubahan masyarakat yang lainnya. Yang diwarisi adalah sesuai tanpa merosakkan identitinya dari zaman ke zaman hingga ke hari ini. Ia telah berkembang sekian lama daripada keadaan yang mudah menjadi agak rumit, mengalami perubahan dari semasa ke semasa akibat pertembungannya dengan pengaruh luar. Perkembangan dalam kemajuan hidup dan penyesuaian dengan keadaan alam sekeliling merupakan faktor utama perubahan dari dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Beberapa ciri tertentu budaya adat membezakannya daripada benda-benda atau gejala fizikal bukan budaya seperti sumber alam semula jadi ataupun naluri semula jadi semua kehidupan. Secara mudah kebudayaan dan adat adalah segala ciptaan dan warisan manusia bermasyarakat. Justeru itu lebih mudah digunakan konsep sosiobudaya kerana antara masyarakat dengan budaya adat amat sehati dan sukar membezakannya. Dalam pengertian yang luas dan mendalam konsep adat dapat digunakan bagi menyatukan segala jenis kebudayaan.

Antara lain adat ditegaskan melalui empat tahap:

1. **Adat yang sebenarnya adat.** Pengertiannya amat hampir dengan alam dan peraturan alam yang mutlak dan tidak dapat dinafikan lagi. Falsafah adat yang sebenarnya adalah seperti yang berikut:

Adat air cair, membasahi

Adat api panas, membakar.

2. **Adat yang diadatkan.** Pengertiannya merujuk perubahan dan pembaharuan yang perlu diubahsuai supaya perubahan dan pembaharuan itu dapat diterima dan dihormati bersama. Oleh itu persetujuan bersama amat perlu supaya setiap keputusan didukung bersama.
3. **Adat yang teradat.** Kebiasaan berperaturan dan tidak bertentangan dengan kebiasaan umum. Untuk membuat sesuatu keputusan, individu tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya. Setiap individu itu mesti bertindak berdasarkan persetujuan umum.
4. **Adat istiadat.** Tingkah laku yang dibuat secara bersama dan dipersetujui oleh semua pihak, umpamanya dalam upacara nikah kahwin, dan yang sebagainya.

Setelah kedatangan agama Islam, orang Melayu telah menerima Islam sebagai agamanya. Mereka mula menyedari antara hukum agama dengan pegangan adat. Kedatangan Islam tidaklah semata-mata menghapuskan adat istiadat Melayu, malah menggalakkan adat yang berfaedah dan tidak pula bertentangan dengan akidah Islam. Namun Islam telah berusaha menghapuskan budaya adat dan upacara yang membawa keburukan, pembaziran, dan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Amalan Adat Dalam Masyarakat Melayu

Sungguhpun sudah berabad-abad lamanya masyarakat

Melayu menerima Islam sebagai kepercayaannya, namun amalan serta ciri kebudayaan kesan daripada pengaruh Hindu-Buddha masih kukuh di kalangan orang Melayu. Orang Melayu Patani dan di negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung terus mengekalkan amalan ini hingga kadang-kadang tidak dapat membezakan yang mana kehendak adat dan yang mana kewajipan agama. Namun kesedaran Islam dan akidahnya telah mengubah dan menyesuaikan amalan dan kepercayaan itu agar tidak terpesong daripada landasan sebenarnya.³

Adat Melenggang Perut

Ini adalah adat yang dilakukan terhadap seorang isteri yang sedang mengandung tujuh bulan. Tujuannya untuk memudahkan kelahiran dan menjauhkan kecelakaan. Pelbagai peralatan diperlukan untuk menempah bidan dan peralatan mandi. Umpamanya lima hasta kain putih, tujuh helai kain lepas, semangkuk tepung tawar, sebiji telur ayam, pucuk pisang, sebiji kelapa dan pinang, sebilah pisau cukur, sikat, sudu, tangkuk, minyakurut, dan sebatang jarum. Peralatan mandi pula seperti selendang benang mentah, secupak beras kunyit, sebiji kelapa, setangkai mayang pinang, dua batang lilin, daun kelapa, kain putih dan bara api kemenyan, limau nipis dan air mandi dari tujuh telaga, bunga rampai dan beberapa keping duit syiling.

Dalam upacara ini perempuan yang hamil itu dibaringkan di atas tujuh helai kain batik lepas yang kemudian ditarik oleh bidan sehelai demi sehelai. Sebutir telur berjampi digolekkan di atas perut, bersama-sama dengan pisau cukur seolah-olah menebus rintangan yang menghalang kelahiran nanti. Kemudian bidan mengikat perut bagi mengelakkan daripada bala dan

³ Ismail Awang 1988. *Adat Orang-orang Melayu yang Bertentangan dengan Akidah Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

tanggung pula bertujuan mengaut rezeki. Daun pisang, pinang, dan kelapa berperanan menghalau segala hantu syaitan. Kelapa yang telah dikupas digolekkan perlahan-lahan di atas perut dari atas ke bawah sebanyak tujuh kali dan kali terakhir dilepaskan bebas sambil diperhati oleh bidan bagaimana kedudukan muka kelapa apabila terhenti, sama ada menghala ke atas atau ke bawah. Jika ke atas kononnya akan menerima anak lelaki dan ke bawah akan menerima anak perempuan.⁴ Seterusnya perempuan tersebut dimandikan dengan air bunga yang direndam di dalam air tujuh telaga dan pelbagai lagi upacara dilakukan oleh bidan hingga selesai melenggang perut.

Adat Sewaktu Bersalin

Apabila sampai masanya bayi dilahirkan, ia disambut oleh bidan dengan bacaan jampi mantera. Tali pusat bayi dipotong dengan menggunakan cincin emas. Jika bayi itu lelaki diazankan dan sekiranya perempuan dikamatkan, diikuti dengan bacaan doa selamat. Kemudian mulut bayi "dibelah" dengan manisan lebah menggunakan cincin emas yang dicelup dengan air pinang, buah tamar, pisang, ataupun air zam-zam. Ada yang mempercayai bahawa jika jari manis seseorang yang alim dimasukkan ke mulut bayi, apabila besar nanti dia akan bijak bercakap dengan bahasa yang manis, berlemah lembut, seperti juga percakapan orang alim tersebut.

Uri yang lahir bersama-sama dengan bayi itu juga dianggap bersemangat dan perlu diperlakukan dengan sempurna, biasanya dimasukkan ke dalam tempurung dan dicampurkan dengan sedikit garam lalu ditanam di

4 Mohamad Kasim dan Rahim Syam 1988. "Penghayatan Islam dan Amalan Adat Dalam Kehidupan Masyarakat Melayu", *Pustaka*. Jil. 1, Bil. 1.

tempat tertentu. Jika bayi itu lelaki, urinya ditanam di bawah rumah berhampiran tiang seri; dipercayai amalan begini membuat seseorang itu apabila dewasa nanti akan sentiasa mengingati keluarga biarpun ke mana dia pergi. Jika bayi itu perempuan, urinya akan ditanam di bawah pintu rumah kerana dipercayai apabila dewasa dia mudah dilamar orang. Mengikut sesetengah adat, dahi bayi akan ditanda pangkah dengan minyak yang bercampur serbuk arang kayu yang dijampi. Ini bertujuan untuk menjauhkan daripada dirasuk hantu syaitan.

Adat Bercukur Kepala

Selepas tujuh hari bayi dilahirkan, adat bercukur kepala diadakan. Kelengkapan yang disediakan dalam upacara adat bercukur adalah seperti yang berikut:

- (a) Bayi dipakaikan pakaian yang indah-indah.
- (b) Dulang yang berisi tiga mangkuk air, tepung tawar, beras kunyit, dan bertih.
- (c) Sebiji kelapa mumbang dipotong bahagian kepalanya berkelok-kelok dan potongannya dijadikan penutup. Air kelapa dibuang dan diganti dengan air sejuk lalu diletakkan di dalam batil. Biasanya buah kelapa ini dihiasi dengan lilitan rantai emas atau perak dan dihiasi.
- (d) Sesudah itu bayi akan dibawa menemui tetamu yang merenjiskan sedikit tepung tawar, menabur sedikit beras kunyit dan bertih. Akhirnya, imam serta tetamu yang dihormati akan menggunting sedikit rambut bayi lalu memasukkannya ke dalam air kelapa tadi. Bilangan tetamu yang menggunting rambut tadi hendaklah ganjil, iaitu tiga, lima, tujuh, dan yang seterusnya. Sebaik-baiknya ketika inilah bayi tersebut diberi nama: biasanya nama-nama anak lelaki yang baik dipilih daripada nama para nabi di samping

mengekalkan nama baka keturunan, misalnya Wan, Nik, Tengku, dan yang sebagainya yang banyak terdapat di Patani.⁵

- (e) Setelah selesai upacara itu barulah kepala bayi dicukur botak seluruhnya dan rambut itu dimasukkan ke dalam buah kelapa. Apabila selesai, buah kelapa akan ditanam di mana-mana kawasan halaman rumah bersama-sama dengan seponon anak kelapa sebagai tanda memperingati umurnya pada masa hadapan.

Adat Berpantang Selepas Bersalin

Biasanya ibu yang baru melahirkan anak berpantang selama 44 hari, ertinya makan dikenakan pantang, tidak boleh memakan sembarang makanan, membuat sembarang kerja, meninggalkan tempat tidur, melainkan selepas tujuh hari barulah dibenarkan bergerak sedikit. Orang Melayu Patani menyebut ibu yang sedang berpantang sebagai ibu di atas gerai, dan gerai biasanya diperbuat seperti pangkin daripada buluh. Dalam tempoh ini ibu dinasihatkan supaya banyak berehat. Tujuan berpantang ini adalah untuk kebaikan dan kesihatan ibu yang baru bersalin.

Dalam tempoh ini di pergelangan tangan bayi dipakaikan tali benang hitam sebagai tangkal, tujuannya melindungi daripada cacing, pelbagai penyakit, dan gangguan syaitan. Ikatan benang berjampi dikenakan juga di leher bayi supaya ia akan mengingati semangat roh nenek moyang yang akan bertindak memberi perlindungan.⁶ Ubat-ubatan yang digunakan berupa per-

5 Fraser, T.M., Jr. 1960. *RuSembilan: A Malay Fishing Village in Southern Thailand*. Ithaca, New York: Cornell Studies in Anthropology. Cornell University Press, hlm. 196.

6 Skeat, W.W. 1900. *Malay Magic*. London: MacMillan and Co., hlm. 332-52.

ubatan tradisional seperti akar kayu dan daun-daun. Selain itu ibu juga ditungku atau dituam perutnya sekali setiap hari selama dalam berpantang itu.

Setelah berakhirnya tempoh berpantang, diadakan kenduri menjemput sanak-saudara. Ibu dimandikan bersintuk limau serta dilangir sebagai tanda lepas pantang. Pada hari itu bebaslah si ibu menjalankan kerja rumah sebagaimana biasa dan tidak lagi takut pada segala pantang larang yang boleh mengakibatkan bentan kerana melanggar pantang.⁷ Satu lagi adat yang dilakukan terhadap bayi selepas pantang ialah menjejak kaki ke tanah dan dibawa berjalan-jalan membolehkan dia memandang langit, dan yang sebagainya. Dalam upacara ini kaki bayi terlebih dahulu dipijakkan ke dalam piring kecil berisi padi, beras kunyit, tanah, dan lain-lain yang dijampi, kemudian barulah kaki bayi itu dipijakkan ke tanah.

Adat Ikat Tali Tangan

Dalam masyarakat Melayu Patani untuk menjauhkan diri anak-anak daripada gangguan hantu syaitan, anak-anak itu dipakaikan tali tangan, dengan benang tiga warna putih, kuning dan hitam, *bole*, tangkal, dan yang sebagainya. Dalam upacara memakaikannya disediakan beberapa ruas tebu, sesisir pisang, dan beberapa biji ketupat. Sewaktu mengikatnya dikemanyankan dari hujung rambut hingga hujung kaki sambil menyeru nama beberapa kali agar terhindar daripada segala penyakit. Ada yang terus mengambil sebagai anak angkat atau mengubah namanya kerana tidak serasi. Sejurus kemudian diucapkan kata-kata menyerahkan semula anak itu supaya dipelihara dengan baik dan sempurna lalu dibaca doa selamat dan memakan pulut.

7 Syed Alwi Syeikh Al-Hadi, *op. cit.*, hlm. 18.

Adat Menyerah Anak Mengaji

Apabila umur anak menjangkau kira-kira enam atau tujuh tahun, sampailah masanya ibu bapa menyerahkan anaknya mengaji al-Qur'an kepada tuk guru. Sewaktu menyerahkannya dibawa bersama-sama muqaddam, sepotong damar atau minyak tanah sebotol, rotan sekerat ataupun lidi kelapa tujuh bilah. Juga barang-barang makanan seperti sepinggan pulut putih kuning, bertih, sesisir pisang, sirih pinang, dan sedikit wang. Tuk guru akan mengajar dari muqaddam hingga tamat al-Qur'an.

Adat Sewaktu Bersunat atau Masuk Jawi

Lazimnya sekumpulan kanak-kanak lelaki dalam lingkungan usia sebaya antara sepuluh hingga awal belasan tahun dikumpulkan atas persetujuan ibu bapa masing-masing untuk disunatkan bersama. Bagi memeriahkan majlis, kesemua kanak-kanak yang akan disunatkan itu dijunjung ke atas bahu lalu berarak keliling kampung. Sekiranya kanak-kanak itu daripada keluarga yang berada, diadakan perarakan di atas belakang gajah. Upacara perarakan kanak-kanak bergajah seperti yang terdapat di Patani ini, mengingatkan R.O. Winstedt akan unsur kepercayaan Hindu yang mengarak patung geroda Visynu di atas belakang gajah.⁸ Jari mereka diinai. Kemudian mereka duduk di atas kerusi yang dihias indah seperti pelamin dan mendapat layanan yang istimewa seperti pengantin lelaki. Mereka kemudian diberi makan pulut kuning dan nasi semangat oleh tuk mudim yang dijampi khusus untuk memulihkan semangat yang kian kencang debarannya untuk disunatkan.⁹ Beberapa

8 Winstedt, R.O. 1951. *The Malay Magician, Being Shaman, Saiva and Sufi*. London: Routledge and Kegan Paul, hlm. 111-4.

9 Fraser, T.M. *op. cit.*, hlm. 201-2.

peralatan bersunat disediakan seperti:

- (a) Kain putih panjang lima hasta.
- (b) Seekor ayam jantan (tidak di sesetengah tempat).
- (c) Sebiju buyung berisi air.
- (d) Batang pisang.
- (e) Sirih pinang selengkapnya di dalam piring.
- (f) Wang pengeras mengikut kadar sebanyak mana ikhlas daripada ibu bapa kepada tuk mudim.

Sesudah disunatkan bermulalah tempoh pantang larang terhadap makanan yang dianggap panas. Dilarang berjalan berkeliaran tidak tentu tujuan, umpamanya melangkah kulit kerang boleh menyebabkan bengkak atau lambat sembuh. Tuk mudim akan kerap melihat pesakitnya selama tiga hari berturut-turut dan memerhati luka yang semakin sembuh.

Adat Perkahwinan

Dalam istiadat perkahwinan orang Melayu yang beragama Islam, perkara yang paling penting ialah akad nikah atau ijab kabul. Upacara adat perkahwinan itu adalah mengikut kepercayaan dan kebudayaan sahaja bagi memeriahkan lagi, di samping memberitahu masyarakat dan sanak saudara bahawa pasangan yang dinikahkan itu sudah pun sah di sisi agama sebagai suami isteri.

Sebelum persetujuan dicapai untuk mengadakan perkahwinan mengikut adat resam orang Melayu Patani, wakil sebelah lelaki bertindak sebagai orang tengah merisik latar belakang keluarga terutama perangai dan kelakuan si gadis. Kemudian keluarga teruna menemui keluarga gadis membuka cakap menyatakan hasrat dan meminta persetujuan. Sewaktu pergi menentukan hari meminang, pelbagai kepercayaan mempengaruhi ke-

adaan ketika itu. Jika mereka tiba pada masa gadis sedang mandi atau membasuh, alamatnya baik dan bersesuaian jodohnya. Jika ketika gadis sedang masak kurang baik keadaannya. Begitu juga sewaktu perwakilan sedang dalam perjalanan, jika berlaku sesuatu bencana maka ini juga menandakan alamat yang tidak baik pertemuan jodoh berkenaan.

Setelah persetujuan dicapai, kedua-dua pihak memohon penangguhan memberi waktu persiapan meminang dan pihak keluarga gadis berkesempatan menyiasat latar belakang pihak teruna. Pada hari yang telah ditetapkan, satu rombongan kecil datang meminang membawa tepak sirih serta sebetuk cincin tanda pertunangan. Apabila pinangan diterima barulah perjanjian menetapkan belanja kahwin mengikut keadaan.¹⁰ Orang Patani menyebutnya isi kahwin, sesetengah tempat menyebutnya belanja tubuh, mas kahwin, mahar, dan yang sebagainya. Kedua-dua pihak juga bermuafakat menetapkan hari yang baik mengadakan majlis perkahwinan, umpamanya selepas musim menuai padi kerana ketika itu masalah kewangan dapat diatasi.

Hari perkahwinan orang Melayu Patani disebut hari "pulut" sahaja, semua sahabat handai, sanak saudara akan dijemput. Biasanya tiga hari sebelum hari "pulut", gigi si gadis bakal pengantin diasah supaya kelihatan sama, rambut siap berkundai atau memotong rambut berandam, bulu kening dicukur, bulu betis juga dicukur, dan apabila jatuh ditadah dan jika tersusun keadaannya maka difahamkan si gadis masih suci lagi. Bahkan si gadis disintuk limau kerana menurut kepercayaan dapat membuang geruh, sial, dan malapetaka. Setelah jemputan atau orang Patani menyebut "madah" disebarkan di serata ceruk kampung, tibalah hari berlangsungnya kenduri kahwin. Mengikut adat lama orang Melayu

¹⁰ Fraser, T.M., *op. cit.*, hlm. 206.

menghantar isi kahwin terlebih dahulu berasingan daripada upacara akad nikah. Barang-barang isi kahwin itu berupa:

- (a) Sirih junjungan, iaitu sirih yang digubah indah yang dinamakan sirih adat.
- (b) Tepak sirih berisi pinang yang sudah dikacip; gambir, tembakau, kacip, kapur yang setiap satu dikenakan pada tempatnya, iaitu mangkuk tembaga.
- (c) Wang isi kahwin atau belanja tubuh yang diletakkan di atas ceper.
- (d) Sebentuk cincin mengikut nilai kemampuan yang diletakkan di dalam cembul.
- (e) Kain dan baju lazimnya daripada jenis yang terbaik.
- (f) Bermacam-macam jenis kuih dan juadah.
- (g) Beberapa jenis buah-buahan.
- (h) Perinjis air mawar, lima helai daun sirih, sedikit minyak, beras kunyit, dan yang sebagainya.

Biasanya majlis ijab kabul dilangsungkan di rumah pengantin perempuan secara besar-besaran disertai upacara berinai pada waktu malam dengan menjemput keluarga terdekat. Setibanya pengantin lelaki, dia akan disambut dengan istiadat renjisan air mawar dan taburan beras kunyit.¹¹ Untuk mengelakkan sesuatu kejadian yang tidak diinginkan berlaku, seorang bomoh dijemput menghalau hantu jembalang dengan persiapan seperti bertih, beras kunyit, tepung tawar, dan benang panca warna. Seterusnya diadakan upacara adat memandikan kedua-dua pengantin dengan air berlimau bercampur

11 Winstedt, R.O. 1920. "Upper Perak Marriage Ceremonies", *J. of the F.M.S. Museums*, Jil. IX, hlm. 88-92. Upper Perak atau Hulu Perak sebelum tahun 1909 menjadi sebahagian daripada pemerintahan Kerajaan Melayu-Islam Patani.

bedak di samping meminta izin daripada semangat tanah dan air termasuk jin, jembalang tanah, dan puaka. Kemudian barulah pengantin lelaki memakai pakaian seperti pahlawan Melayu zaman dahulu, lengkap memakai bengkung, gendik punca berumbai, tengkolok yang dikenakan tajuk malai, sebilah keris, selempang sayap sandang, gelang tipis emas mencekak lengan sambil menyuap sekapur sirih.¹²

Bagi menambahkan seri wajah, jampi yang berikut akan dibaca:

Nasi minyak seimbang-imbang
 mari diimbang dengan tapak tangan,
 mu duduk seperti bulan
 mu berdiri seperti bintang
 mulah sebenar raja sehari
 hailah seri marilah seri
 kuseru seri naik ke mukaku
 dengan berkat Lailahailallah ...¹³

Selepas itu barulah pengantin diarak, sambil menyanyikan lagu-lagu berunsur Islam memuji keelokan pengantin. Turut sama dalam perarakan itu, bendera panji-panji atau bunga manggar, orang-orang perempuan membawa air mawar, beras kunyit, sirih, dan lilin. Setibanya kedua-dua mempelai, mereka hendaklah memijak bekas berisi air, batu cincin, dan kepingan wang yang disambut dengan taburan beras kunyit. Sesudah membaca doa selamat dilangsungkan adat bersanding lalu diikuti dengan adat menyuap nasi adat di bilik pengantin, memakan sirih, nasi semangat, membatalkan air sembahyang, dan mengenal antara satu sama lain. Upacara adat seperti berarak di tabir, mandi berhias,

12 *Ibid.*, hlm. 89.

13 Nabihah Haji Mohammed 1986. "Istiadat Perkahwinan dan Perbidanan Kedah", dalam *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*, Alor Star. Majlis Kebudayaan Melayu Negeri Kedah, hlm. 58-63.

mandi sampat atau mandi tolak bala, merupakan kepercayaan warisan adat Hindu Brahman.¹⁴ Menurut R.O. Winstedt adat ini yang berasal sejak zaman Kerajaan Melayu Hindu-Buddha Langkasuka atau Kerajaan Melayu purba yang pernah wujud di sekitar utara Semenanjung menjadi amalan penduduk Melayu Patani.¹⁵

Kemudian pada keesokan harinya, keluarga lelaki akan datang menjemput kedua-dua pengantin ke rumah pengantin lelaki. Sambutan seperti ini dinamakan "sambut mentah"; sekiranya diambil selepas tiga hari disebut "sambut masak". Apabila pengantin perempuan tiba di rumah pengantin lelaki, dia tidak dibenarkan memijak tanah kerana kononnya ditakuti menjadi sasaran jembalang tanah. Jadi kaki pengantin perempuan akan dibasuh dahulu dengan disiram air ke atas kaki yang dilapik dengan batu dalam dulang. Bertandang atau di sesetengah tempat disebut menyambut dilakukan secara besar-besaran juga mengikut kemampuan; kedua-dua mempelai diarak dan disandingkan mengikut istiadat yang sempurna. Bagi menyerikan lagi upacara majlis, pelbagai kesenian, kebudayaan, dan permainan rakyat diadakan.

Tentang istiadat perkahwinan diraja Patani, beberapa orang pengkaji dan penyelidik Inggeris seperti W.W. Skeat, T. Nelson Annandale, Richard Evans dan banyak lagi telah mengkaji kehidupan orang Melayu Patani pada tahun 1899-1900.¹⁶ Ketibaan rombongan ini pada 24 April 1899 tepat pada waktunya, iaitu pada hari ketiga selama tujuh hari tujuh malam, istiadat berlangsungnya perkahwinan kerabat diraja Tengku Besar, anakanda perempuan sulung Raja Patani Tuan Timur (1881-90)

14 Skeat, W.W., 1900, *op. cit.*, hlm. 385.

15 Winstedt, R.O., *op. cit.*, hlm. 91.

16 Skeat, W.W. 1953. "Reminiscences of the Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States, 1899-1900", *JMBRAS*. Jil. 26, bhg. 4.

dengan Tengku Zainal Abidin Raja Muda Kelantan. Mereka menyaksikan adat istiadat perarakan mempelai diraja, diiringi dengan 170 pohon sirih setinggi empat kaki bersama-sama dengan susunan daun sirih antara empat hingga sembilan baris. Di atas pohon-pohon sirih ini terdapat model burung-burung yang direka khusus berbentuk burung merak, pungguk, nuri, jentayu, dan yang sebagainya. Pohon-pohon sirih juga digubah indah dengan pelbagai rupa seperti bunga kemboja, teratai, seroja, dan bermacam-macam lagi.

Kemudian jari pengantin lelaki diinai. Dia kemudian dihias indah dengan pakaian kebesaran raja-raja Melayu Patani serta diiringi oleh dua orang pengapit di kiri kanan. Turut bersama dalam perarakan itu ialah sebanyak 39 orang penjawat istana yang ditugaskan membawa barang-barang seperti yang berikut:

- (a) Orang penganjur – dua orang penjawat.
- (b) Membawa kain dukun – empat orang penjawat.
- (c) Membawa kain tetapan – empat orang penjawat.
- (d) Membawa dian – 12 orang penjawat.
- (e) Bekas isi bara api – seorang penjawat.
- (f) Membawa tepak sirih – seorang penjawat.
- (g) Kendi berisikan air sejuk – seorang penjawat.
- (h) Bokor berisi kain – seorang penjawat.
- (i) Pedang diraja – dua orang penjawat.
- (j) Keris panjang diraja – dua orang penjawat.
- (k) Payung kebesaran negeri ubur-ubur merah – seorang penjawat.

Perarakan pengantin diraja yang diadakan pada waktu malam ini dihiasi dengan lapan buah lampu; empat di hadapan dan empat di belakang. Mempelai yang dipayungi dengan ubur-ubur merah itu tiba di perkarangan istana, dibawa menuju pelamin bagi melangsungkan upacara bersanding, atau orang Patani

menamakannya "beratur". Mereka dihiburkan dengan tarian inai bagi memeriahkan lagi majlis. Sesudah itu pengantin dibawa masuk ke bilik untuk upacara menyuap nasi semangat. Inilah catatan terakhir di saat-saat kejatuhan dan keruntuhan kesultanan raja-raja Melayu Patani pada tahun 1902 kemudian.

Adat Mendirikan Rumah

Orang Melayu dahulu begitu berhati-hati memilih tempat yang sesuai untuk mendirikan rumah baru, kemudian berusaha mencari tukang yang mahir untuk membinanya. Dalam hal ini, bomoh diperlukan bagi mencari ikhtiar menduga serta menilik tapak yang baik. Kelengkapan seperti tepung tawar, beras kunyit, bertih, dan kemenyan disediakan. Sesudah dijampi, direnjis-renjis sekitar kawasan tapak yang berkenaan. Sambil itu bomoh akan menyeru supaya penunggu atau puaka beredar dari situ dan jangan mengganggu anak cucu yang akan membina rumah. Diambilnya pula sebatang kayu dan diukur dengan tangan tuan rumah perempuan, diasap dan dikemenyankan lalu disukat di tapak rumah kemudian dipacak di situ sambil dibaca selawat nabi. Dinyalakan sebatang atau dua lilin di tepi kayu tersebut dan diletakkan sebiji buyung yang penuh berisi air dan ditudung dengan daun pisang. Ketika ini bomoh akan menyeru sekali lagi jembalang tanah, jika boleh menunjukkan tuah dan berkat kepada tuan tanah. Pada keesokan harinya kalau didapati air buyung berkeadaan melimpah dipercayai rumah yang akan dibina itu sejuk, sesuai serta murah rezeki, melimpah seperti air buyung. Kemudian kayu yang dipacak diurut beberapa kali sambil dijampi lalu diukur sekali lagi pada tangan tuan rumah perempuan. Kiranya didapati terpanjang sedikit maka akan beroleh berkat dan baik untuk dijadikan tapak rumah, jika terkurang eloklah mengubah tapak ke tempat lain.

Perbezaan warna tanah, rupa, dan rasa juga mempengaruhi beberapa bentuk kehidupan yang akan dihadapi oleh penghuni rumah.

- (a) Tanah berwarna hijau kuning, baunya hamis dan pedas, membawa erti akan memperoleh kekayaan harta dan bahagia hingga ke anak cucu.
- (b) Tanah berwarna merah rasanya masam membawa erti kebahagiaan berkeluarga terus didekapi sampai akhir hayat.
- (c) Tanah berwarna putih sesuai untuk mendirikan tempat kediaman manakala warna hitam adalah warna yang melambangkan kehancuran dan bencana kepada mereka yang ingin menetap di situ.
- (d) Jika warna-warna lain selain yang di atas dan baunya pula hanyir lagi busuk, keadaan di tempat itu tidak baik. Tanah yang sesuai adalah tanah warna putih, merah, kuning, hijau, dan kelabu.

Dipercayai juga bahawa sekiranya keadaan tanah berlubang-lubang, keluarga yang mendiaminya tidak kekal kerana kemungkinan berlaku kematian ataupun perpisahan dalam keluarga. Keadaan tinggi rendah serta arah juga menjadi ukuran penting dalam menyediakan tapak kediaman. Jika tanah rendah ke masyrik dan tinggi ke maghrib maka mereka akan memperoleh keuntungan. Kalau sebaliknya, mereka akan ditimpa kesusahan.

Setelah bersesuaian segalanya, diambil kayu mati ditandakan pada empat penjuru. Kemudian dicari pula ranting-ranting kayu dan ditimbunkan dalam ruang empat segi lalu dibakar. Setelah menjadi abu dikumpul dan ditudung. Pada keesokan hari bolehlah dibuka tudung dan melihat petunjuk serta alamat sama ada baik atau buruk. Sewaktu membakar unggunan kayu, jampi yang berikut dibaca:

Hei segala orang yang memegang tanah empat penjuru alam!

Kerana aku hendak berbuat rumah,
Jikalau baik tunjukkan alamat baik,
Jikalau jahat tunjukkan alamat jahat.

Petua Bulan untuk Mendirikan Rumah.

- | | |
|---------------------|--|
| <i>Muharam</i> | - Membawa kepada keruntuhan rumah tangga. |
| <i>Safar</i> | - Tuan rumah akan beroleh kekayaan. |
| <i>Rabiulawal</i> | - Akan berlaku kematian, iaitu tuan rumah akan meninggal dunia sesudah siap rumahnya dibina. |
| <i>Rabiulakhir</i> | - Hidupnya akan sentiasa bahagia dan sentosa. |
| <i>Jamadilawal</i> | - Tidak baik mendirikan rumah pada bulan ini kerana akan berlaku kerugian harta benda. |
| <i>Jamadilakhir</i> | - Membawa penyakit kepada kebahagiaan yang selama ini dikecapi sekeluarga. |
| <i>Syaaban</i> | - Orang-orang kenamaan dan pembesar menaruh kasih dan simpati kepada tuan rumah ini. |
| <i>Ramadan</i> | - Beroleh kekayaan jika didirikan rumah di bulan ini. |
| <i>Syawal</i> | - Alamatnya terbakar rumah dan bercerai kasih sekeluarga. |
| <i>Zulkaedah</i> | - Akan mendapat kesusahan. |
| <i>Zulhijjah</i> | - Jika mendirikan rumah di bulan ini beroleh kekayaan dan keuntungan |

Tiang seri juga membawa pengertian dan alamat sama ada baik ataupun buruk. Oleh itu hendaklah dipacak betul-betul pada hari yang baik iaitu waktu subuh sama ada hari Ahad atau Rabu. Ketika mendirikan tiang seri ambil mangkuk berisi air, letakkan di bekas tiang

seri dan diasapkan dengan kemenyan. Lihat pada keesokan harinya sama ada air itu busuk ataupun tidak. Menurut W.E. Maxwell kayu daripada jenis yang tidak baik akan mempengaruhi kehidupan keluarga, terutama sewaktu melahirkan bayi.¹⁷ Oleh itu kayu yang hendak digunakan akan ditepung tawar terlebih dahulu, yang dicampurkan bahannya dari rumput sambau, daun ganda rusa, pepanggi, dan daun nenjuang. Tatkala mendirikan tiang, tuan rumah perempuan hendaklah berpakaian cantik dan turut membantu. Ini dipercayai mengambil berkat semangat rumah. Tiang tersebut dibalut dengan kain tiga warna, putih di bawah, hitam di tengah dan merah di atas. Ada yang menambah dengan tujuh warna, iaitu kuning, hijau muda, biru, dan kelabu. Semasa menyediakan tetar tapak rumah, ditanam tahi besi, buah keras, beliong patah, dan kepingan duit emas atau perak di pelapit tiang.

Pelbagai adat dan kepercayaan telah dilakukan dalam upacara mendirikan rumah baru. Walau bagaimanapun amalan ini sudah banyak berubah dimakan zaman, yang tinggal hanya kenduri doa selamat.

Peranan Sirih Pinang dalam Adat Melayu

Mengikut Aziz Deraman, penggunaan sirih pinang merupakan pengaruh daripada kebudayaan Hindu.¹⁸ Ia terus menjadi pegangan adat dan dalam upacara tertentu terutama dalam pengubatan tradisi. Lalu menjadi simbol kemegahan bangsa Melayu menerusi peradabannya hingga wujudlah perkataan sekapur sirih sekacip pinang. Yasin Saini pula menulis bahawa memakan sirih adalah adat Hindu turun-temurun di kalangan orang Melayu

17 Maxwell, W.E. Jun 1881. "The Folklore of the Malays", *JSBRAS*. No. 7, hlm. 11-29.

18 Aziz Deraman 1975. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan, hlm. 52.

sejak dahulu. Bahkan sirih pinang mengambil peranan yang besar dan mendapat tempat yang istimewa dalam upacara adat istiadat Melayu.¹⁹ Di Patani terdapat pelbagai jenis sirih seperti "sirih setemu urat". biasanya digunakan untuk berubat, "sirih belulang" daunnya tebal sedikit dan ada jenis sirih kecil dan sirih besar. Jenis-jenis lain seperti "sirih ulu", "sirih Singgora", "sirih Sai" atau Teluban, dan yang sebagainya.²⁰ Seajar dengan penggunaan sirih itu maka lahirlah pula peralatan dan perusahaan tembaga membuat bekas sirih seperti cembur, cekeh, tempat pinang, kapur, pelur sirih, gobek, dan pelbagai lagi.

Sudah menjadi adat orang Melayu dalam masyarakat kampung menghidangkan cerana atau tepak sirih kepada tetamu yang berkunjung ke rumah sambil berbual kosong. Daripada hidangan ini akan menambahkan lagi hubungan keiranan ataupun persaudaraan sekampung. Sejarah negeri Patani yang tidak sepi dengan peperangan dan penentangan terhadap penjajah, sirih pinang juga dibekalkan kepada para pahlawan dan pejuang Melayu yang akan berhadapan dengan musuh. Ia sebagai perangsang dan semangat mencekalkan hati apabila menentang lawan. Peranan sirih bertambah penting digunakan sebagai *sirih pemanis* dan *sirih penyeri muka*. Penggunaan sewaktu menghadiri sesuatu keramaian, majlis perkahwinan, berjalan-jalan berserta serapah jampi bertujuan agar wajah berseri dan dipandang manis. Begitu juga sirih digunakan orang sebagai *sirih perengap* yang dijampi atau kemerap terlebih dahulu untuk melembutkan hati dan dipandang dengan perasaan belas. Sirih ini dimakan sambil membaca:

19 Yasin Saini 1962. *Adat Resam dan Kebudayaan Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran Brothers Ltd.

20 Skeat, W.W. 1953, *op. cit.*, hlm. 20.

Sangka bonda sangka marah,
 Lembut hati orang memandang kepada aku,
 Seperti lilin dilayur ke api,
 Sejuk hati seperti nasi dingin,
 Jangan sementara umat Muhammad,
 Gajah Putih kaki empat,
 Tunduk sujud kasih sayang di bawah tapak kaki kiri aku,
 Dengan berkat aku berkata, "Asyhaduallailahailallah".

Ada juga yang menggunakan sirih pinang sebagai pemutus ubat; ini dinamakan *sirih balas bomoh*. Dalam upacara ini daun sirih dijampi, diambil sepiak atau sehelai bercampur garam, dimakan oleh bomoh, dan sehelai lagi diberi kepada pesakit. Sekiranya upacara pemutus ubat ini tidak dilakukan, maka penyakit tersebut dikhuatiri berbalik semula. Dengan demikian peranan sirih dalam adat istiadat Melayu amat penting selain mengunyahnya sebagai satu tabiat digunakan menjadi sirih pengasih, sirih pembenci, sirih kirim perut, sirih hantar belanja kahwin, dan yang sebagainya. Bagi sirih ubat, airnya begitu penting untuk disembur sekeliling rumah atau tempat-tempat yang disyaki mengganggu. Ada pula sirih yang digunakan bertujuan simbolik atau sindiran yang mempunyai maknanya yang tersendiri, umpamanya sirih di dalam puan.

Kepercayaan Orang Melayu Patani

Masyarakat Melayu Patani amat terkenal dengan keteguhan dan ketakwaan mereka terhadap penghayatan akidah Islam. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelbagai kepercayaan yang mempengaruhi kehidupan mereka sehari-hari. Pada sekitar tahun 1901 seorang pakar antropologi budaya Universiti Edinburgh, T. Nelson Annandale, telah membuat kajian khusus tentang kepercayaan orang Melayu Patani. Menurut beliau terdapat empat jenis roh yang berbeza-beza dan pelbagai jenis hantu di samping bermacam-macam jenis

semangat yang menjalar dalam penghidupan manusia.²¹

Perkataan *nyawa* berasal daripada bahasa Sanskrit. Jelas Annandale, orang Patani mempercayai bahawa *nyawa* memberi nafas hidup seseorang manusia dan akan berakhir selepas kematian. Menurut seorang bidan di kampung Jalur,²² *nyawa* akan meresap masuk ke tubuh manusia dalam usia enam bulan sewaktu dalam kandungan ibu. Dalam kepercayaan orang Melayu ada yang menyatakan *nyawa* manusia yang telah mati akan menjelma menjadi pelbagai jenis hantu dan membawa kesan yang tidak baik terhadap penyakit manusia.

Perkataan *roh* pula berasal daripada bahasa Arab. Orang Patani mempercayai bahawa *roh* akan keluar dari tubuh seseorang sewaktu tidur lalu mengembara. Jika *roh* itu tidak kembali maka orang itu akan mati. Terdapat pelbagai cerita tentang orang yang mati sewaktu tidur. Di Kuala Bekah, Patani, seorang budak lelaki sedang tidur nyenyak di sebuah masjid tidak dapat bangun dari tidur kerana mukanya berlumuran selut. Apabila dicuci barulah dia bangun. Dipercayai *roh* yang keluar dari tubuh tidak dapat mengenali tuannya lalu merayau-rayau. Begitu juga jika mengejutkan orang yang sedang tidur dalam keadaan tergesa-gesa, ditakuti *roh* yang telah keluar dari tubuh seseorang tidak dapat kembali atau membuat kesilapan menyebabkan orang tersebut mendapat sakit dengan tiba-tiba.

Pemujaan *roh* nenek moyang merupakan satu lagi kepercayaan yang masih menjadi amalan orang Melayu. Sajian diberi dengan harapan *roh* yang berkenaan membawa kebaikan. Sajian biasanya berupa makanan se-

21 Annandale, N. 1903. "Religion and Magic Among the Malays of the Patani States", *Anthropology*. Pt. I, hlm. 88-104 Fasciculi Malayenses.

22 Kampung Jalur kini menjadi sebahagian wilayah Yala. Perkataan Yala berasal daripada perkataan Melayu Jalur, berlakunya perubahan demikian kerana orang Siam menyebut J berbunyi Y. Lihat Rattiya Salleh 1988, *op. cit.*, hlm. 43.

perti pulut putih kuning, telur ayam, bertih, dan yang sebagainya. Ada juga dilakukan dalam bentuk menjamu jiran atau mengadakan kenduri. Bomoh berperanan sebagai perantara menghubungi *roh* nenek moyang, hingga kadang kala keluarga terdekat boleh dirasuki *roh* menjadi tidak sedar diri dan meracau menyampaikan pesanan nenek moyang. Perbuatan yang tidak baik dilakukan di tempat tertentu yang masih keras adalah bersalahan dengan kehendak *roh* nenek moyang.

Perkataan *semangat* juga berasal daripada bahasa Sanskrit. Dalam kepercayaan Melayu lama, semangat dapat dimaksudkan dalam istilah dinamisme, merupakan suatu kekuatan yang tidak berperibadi, wujud dalam seluruh anggota manusia bahkan juga pada tumbuh-tumbuhan, tanah, besi, dan yang sebagainya. Ambil semangat umpamanya seseorang itu telah hilang ingatan dan meracau-racau. Untuk memulihkan semangat diri, bomoh diperlukan untuk menyeru; jika tidak dikhuatiri semangat itu akan hilang atau merajuk.

Konsep roh atau semangat ini, walau bagaimanapun, terlalu sukar dijelaskan, tetapi ia tetap berperanan penting dalam penghidupan dan perlakuan upacara keagamaan. Para pengkaji Barat mempunyai pandangan yang berbeza tentang semangat. Winstedt umpamanya beranggapan bahawa manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, batu, dan yang sebagainya mempunyai suatu tenaga berkuasa. Tidak ada tahap membezakan antara satu sama lain tetapi pada perkara tertentu di beberapa bahagian anggota manusia mempunyai semangat yang berlainan.²³ Wilkinson pula menyatakan bahawa semangat adalah ciri penghidupan yang penuh dengan ketakutan, kelemahan, dan sensitif. Ia akan meninggalkan tubuh manusia sewaktu tidur dan ketika itu mungkin dikuasai oleh orang lain.²⁴ Fraser pula berpendapat ba-

23 Winstedt, R.O. 1951, *op. cit.*, hlm. 16.

24 Wilkinson, R.J. *A Malay-English Dictionary*. 2 Jilid, cetakan semula.

hawa semangat berfungsi lebih jauh daripada itu, malah dapat mengukur daya kekuatan seseorang, terhadap perasaan cinta pada tanah air ataupun perkara-perkara kebaikan yang lain. Tanpa semangat seseorang itu akan hidup hanya mementingkan diri sendiri dan tidak lagi mempedulikan hal sekeliling. Kehilangan semangat berarti tiada daya yang bermaya dan lemah semangat akan membuat seseorang itu berasa lemah dan tawar hati. Dalam setiap upacara semangat yang berhubung dengan perkara tertentu, nasi semangat akan diadakan, yang dipercayai dapat menyelamatkan.²⁵

Pendapat-pendapat itu diperkukuh oleh bidan dari Kampung Jalur yang berpendapat bahawa semangat mula meresap ke dalam diri bayi sewaktu tali pusat diputuskan. Oleh sebab itu sewaktu memotong tali pusat, besi tidak digunakan, hanya sebilah pisau tajam yang diperbuat daripada buluh atau seutas benang hitam yang digunakan. Difahamkan bahawa penggunaan besi boleh menakutkan semangat namun benang hitam pula tidak membawa sembarang pengertian. Sewaktu kanak-kanak membesar, mereka akan terdedah pada pelbagai keadaan. Oleh itu semangatnya perlu dijaga bagi menghindarkan penyakit.

Semangat juga terdapat pada binatang dan tumbuhan. Yang sering diperkatakan ialah semangat padi. Apabila musim padi menguning, bomoh akan melakukan upacara menghormati semangat padi. Jika tidak, dipercayai pada musim akan datang tidak memberi hasil yang lumayan. Di samping itu, ia bertujuan untuk menjaga supaya padi dalam simpanan tidak lari ke tempat lain dan padi tidak akan cepat susut. Sewaktu mengambil semangat padi, perdunya hendaklah diikat dengan benang mentah. Selepas tiga hari tiga malam pada waktu senja ketika udara tenang, bomoh secara

Tokyo: Daito Syuppan Kabusiki Kaisha, hlm. 419.

25 Fraser, T.M., 1960, *op. cit.*, hlm. 171.

diam-diam sambil memandang ke arah rumpun padi lalu memanggil:

Hai, Merang Mesuk Nang Semulai,
Ni, bapa atau emak mari nak ambil bawa balik.

Winstedt menerangkan bahawa dalam upacara pemujaan semangat padi, pertama yang dicari ialah *raja padi*; buahnya putih, isinya berwarna kuning, tangkainya kuning kunyit, dan daunnya putih bersulam kuning. Kedua, *bendahara padi*; buahnya hitam, begitu juga warna daun dan batangnya. Ketiga, *menteri padi*; buah, daun, dan batangnya bersulam putih. Keempat, *padi tongkat mandah*; buahnya berkelar tetapi bukan ruas. Kelima, *padi bernama puteri bertudung*, keenam *padi tersenyum*, ketujuh *padi noleh*, kelapan *padi berdulang*, kesembilan *padi bersanding* dan kesepuluh *padi disarung*.²⁶

Di Patani, penjagaan semangat juga diamalkan di sekitar kawasan lombong. Seorang bomoh ditugaskan memanggil atau menyeru semangat. Pada sekitar tahun 1899 di suatu tempat bernama Berusong, daerah Reman, Patani, bersempadan dengan Hulu Perak dikatakan menghasilkan emas paling banyak di Semenanjung. Oleh itu kawasan yang kaya dengan bahan galian ini perlu diawasi semangatnya. Di kawasan ini dilarang memakai kasut, payung, atau membawa besi, membunuh binatang, burung terutamanya ular. Segala larangan ini berkaitan dengan pemujaan semangat dan setiap tujuh tahun sekali bomoh dijemput ke puncak bukit untuk menyeru semangat bijih dan galian lain supaya timbul. Sajian seperti seekor kerbau dikorbankan untuk menjamu makhluk-makhluk halus kononnya semoga ibu emas dan perak akan timbul dan tidak

26 Winstedt, R.O., 1929. "Ritual of the Rice-Field", *JMBRAS*. Jil. 7, bgh. 3, hlm. 437-47.

hilang begitu sahaja di air.²⁷

Orang Melayu Patani juga mempercayai *badi*. *Badi* dikatakan berasal daripada pengaruh kepercayaan Hindu. Walau bagaimanapun, kemunculan *badi* seperti juga kuasa ghaib yang lain telah banyak dipengaruhi oleh syaitan. Dipercayai bahawa jika seseorang itu mati dibunuh ataupun dengan sesuatu cara yang kejam maka badinya akan bergerak dan akhirnya menjadi hantu.

Binatang peliharaan tidak mempunyai *badi*, tetapi pelanduk, rusa, babi hutan, anjing, dan semua jenis monyet kecuali ungka dikatakan mempunyai *badi* dan semangat jahat. Rusa merupakan binatang yang paling kuat badinya, diikuti oleh pelanduk dan binatang yang lain. Burung reng, burung yang hanya memakan bangkai dikatakan mempunyai *badi* yang kuat hingga tidak ada sesiapa yang berani memukulnya. *Badi* ayam hutan pula dikatakan lebih berkesan daripada *badi* rusa. Daripada jenis reptilia, *badi* buaya putih dianggap keramat; ular kapak, ular berleher putih belakang hitam, ular tedung selur adalah antara binatang berbisa yang kuat badinya. Walau bagaimanapun orang Patani menganggap semua jenis binatang bisa mempunyai *badi*.

Sesiapa yang tersampuk *badi* binatang, keadaannya seperti orang gila. Jika terkena *badi* ayam hutan seseorang itu akan merangkak, berkokok, dan seperti mengibar-ngibarkan kepak. Terkena *badi* rusa pula menjadikan mangsanya bertindak liar, berlari merusuh ke tengah orang ramai sambil tunduk merempuh bagaikan dirinya bertanduk. Namun jika semangat dan iman seseorang itu kuat maka dia akan terhindar segala gangguan dan rasukan *badi*. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang sering memburu binatang persediaan seperti tangkal ataupun azimat digunakan untuk kesela-

27 Shaw, W. 1971. "Mining Superstition, Magic and Taboos", *Federation Museum Journal*. Jil. 26, hlm. 29-52.

matan diri. Bahkan ada yang sanggup membakar babi hutan untuk mendapatkan minyaknya kemudian dijampi menyeru *Pohon Pauh Tasik Jangi*, iaitu pusat segala lautan, untuk mengubati sesuatu penyakit ganjil.

Binatang seperti gajah dan badak tidak mempunyai *badi*. Binatang seperti harimau, harimau kumbang dan kucing hutan dipercayai tidak mempunyai *badi*, namun kesemuanya dianggap oleh orang Melayu mempunyai penggerun.

Kepercayaan orang Melayu Patani memperlihatkan unsur-unsur persamaan dengan kepercayaan bangsa lain di Afrika dan di tempat lain. Daripada pengaruh kebudayaan primitif yang digarapi kepercayaan Hindu maka wujudlah konsep nyawa, semangat, dan badi dalam pemikiran masyarakat setempat. Ini secara tidak langsung mempamerkan keunggulan tamadun Melayu Patani yang sudah berusia sejak zaman purba. Kedatangan Islam telah mengubah ataupun menambahkan kepercayaan tersebut kepada konsep yang lebih luas seperti roh, jin putih, keramat hidup, dan yang sebagainya. Semua unsur kepercayaan yang ada telah menjadikan adat resam dan kebudayaan Melayu Patani sebagai teras peradaban masa kini.

Perubatan Tradisional

Sistem kepercayaan dalam perubatan tradisional orang Melayu Patani pada praktiknya dapat digambarkan sebagai interaksi antara agama Islam, kepercayaan warisan, dan adat tradisional yang masih terdapat tinggalannya dalam penghidupan sehari-hari. Di samping usaha menyempurnakan hidup sebagai seorang Islam, terdapat juga ciri kepercayaan lama dan pengaruh yang bercorak animisme. Namun tradisi yang mencorakkan kebudayaan Melayu di Semenanjung daripada pelbagai unsur peradaban yang pernah dan sedang mempengaruhi kebudayaan Melayu telah banyak diperkatakan oleh

sarjana yang mengkaji masyarakat dan kebudayaan Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat pula pendekatan yang memperlihatkan bahawa di sebalik adanya unsur yang datang daripada pelbagai peradaban itu, terdapat semacam kesatuan struktur dan juga konsep yang membulatkan perbezaan unsur-unsur itu dalam kebudayaan Melayu.

Menurut Hood Haji Salleh, pengubatan amat rapat kaitannya dengan tamadun Melayu. Beliau melihat hubungan antara penyakit dengan tamadun itu seperti yang berikut:

1. Perubatan tradisional Melayu terkenal dengan sistem magiknya. Sistem ini mempunyai struktur yang khusus melambangkan sifat agresif masyarakat terhadap ancaman dari luar dan dari dalam. Lambang dalam sistem magik Melayu ini pula amat kuat.
2. Meskipun ia kuat dan teguh, perubatan tradisional Melayu adalah dinamis dan terbuka. Unsur moden tetap dipertimbangkan oleh sistem lama dan disesuaikan.
3. Konflik antara sistem perubatan tradisional dengan perubatan moden adalah penyesuaian ideologi antara kedua-dua kaedah. Yang ingin diatasi adalah masalah perbezaan ideologi pendidikan, bukan ideologi pengubatan.²⁸

Dalam perubatan tradisional, hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah peranan bomoh dan fungsinya di kalangan masyarakat kampung. Untuk menjadi seorang bomoh, seseorang itu mestilah memperoleh ilmu dengan cara menuntut atau belajar ataupun berguru. Satu cara

28 Hood Haji Mohd. Salleh 1988. "Perubatan Melayu Tradisi" dalam Ismail Hussein di, *Tamadun Melayu*. Jilid Dua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 798-812.

lagi ialah dengan mewarisi keturunan yang diperturunkan ilmu itu dari generasi ke generasi. Setelah sekian lama tekun dan sabar, datanglah kuasa ghaib yang diistilahkan sebagai ahli khutub, sejenis malaikat yang akan membantu bomoh dalam usaha perubatan. Ada juga mereka yang menjadi bomoh secara tidak disedari dan ilmu perubatan diturunkan oleh orang yang sudah mati, biasanya kepada waris terdekat. Ada yang memperoleh ilmu perbomohan daripada waris terdekat yang masih hidup, menggunakan jampi daripada ayat-ayat al-Qur'an bercampur bahasa Melayu. Dalam hal perubatan ini, makhluk ghaib merupakan kuasa luar yang bertindak sebagai pembantu bomoh.

Perkataan sakit bagi orang Melayu Patani membawa pengertian yang luas; ia melibatkan emosi dan fizikal. Secara kasar sakit dibahagikan kepada tiga keadaan, iaitu gangguan emosi, sakit tubuh badan, atau kedua-duanya sekali. Seseorang yang mengalami gangguan emosi adalah disebabkan rohani atau semangatnya lemah dicetuskan daripada benda-benda atau makhluk ghaib seperti hantu, syaitan, dan jin. Semangat seseorang itu boleh menjadi lemah ketika demam, sakit, atau semasa fikirannya melayang. Bagi mereka yang terkena buatan orang, rohanilah yang dipengaruhi, kerana ia boleh keluar dan masuk dari badan. Satu cara makhluk ghaib memasuki tubuh badan manusia ialah menerusi hujung-hujung jari, terutama jari hantu dan ada juga menerusi ubun kepala. Terdapat dua keadaan seseorang itu dirasuk hantu. Pertama, hasil perbuatan orang atau terkena. Kedua, perbuatan yang disengajakan seperti penggunaan ubat guna-guna, hikmat kerana sakit hati.

Ada pelbagai teknik pengubatan tradisional. Menerusi mimpi, penjelmaan seorang tua atau makhluk ghaib akan mengajar bomoh cara mengubati pesakitnya. Menurut merupakan fenomena seseorang bomoh berada dalam keadaan tidak sedarkan diri. Ini merupakan kemuncak cara pengubatan dalam kes tertentu. Dalam

keadaan tidak sedar diri ini, bomoh akan melakukan perlakuan yang ganjil di luar batasan manusia yang rasional. Ini jelas dalam upacara yang bercampur kuasa halus atau makhluk ghaib dalam memulihkan sesuatu penyakit. Walau bagaimanapun, ada yang menurun dalam keadaan disengajakan dan ada yang menurun kerana tidak sengaja. Keadaan ini berlaku mungkin kerana bomoh terlanggar pantang. Namun yang demikian, hampir setiap bomoh yang mengubat pesakitnya menggunakan jampi atau mantera. Ada doa atau jampi yang boleh digunakan untuk pelbagai jenis penyakit dan ada pula khas untuk penyakit tertentu sahaja. Yang istimewa, ayat-ayat al-Qur'an digunakan untuk semua jenis penyakit. Yang berikut ialah jampi membuat tangkal atau azimat:

As salam alaikum, kita tahu asal mu jadi,
 Asal peluh Nabi Muhammad,
 Jangan beri sakit demam,
 Jangan beri melulu, pening kelu,
 Jangan beri panas meradang,
 Jangan beri berketik gigi,
 Biar rimbung rapak sejuk dingin,
 Seperti karah cintamani,
 Anak burung cenderawasih,
 Jika meruat tiada layu!,
 Jika memagut tiada bisa!
 Dengan berkat Laillahaillallah ...²⁹

Di Patani terdapat kepercayaan bahawa ilmu perubatan bomoh yang diperturunkan di kalangan anggota keluarga asalnya daripada syaitan. Sesudah itu dipercayai bahawa anak cucu yang menjadi bomoh pada kemudian hari sewaktu mengubat pesakit akan menyeru, "Jika aku benar-benar keturunan bomoh, aku menyeru, datanglah!" Bagi penyakit tertentu kuatnya

²⁹ Skeat, W.W., 1953, *op. cit.*, hlm. 46.

bomoh akan menggunakan balai kecil atau peterana untuk berjamu hantu syaitan yang mengganggu dan membuat kacau. Segala hantu syaitan dan makhluk halus dalam ilmu pengubatan Melayu dikenali dengan pelbagai nama dan istilah. *Sulong Mak Bonda* difahamkan berasal daripada syaitan; *Sulong Ayob*, *Syaitan Tengah* dan *Syaitan Bongsu*. Semua unsur perimbangan ini pula dihubungkan dengan malaikat Mikael sebagai *Awang Jidin*, Israfil sebagai *Awang Maha*, Jibrael sebagai *Sidi Ali*, dan Israel sebagai *Budak Mamajang Payaraja*.³⁰

Dalam masyarakat Melayu kedudukan bomoh bukan sahaja penting dalam masyarakat malah mempunyai jawatan dalam istana serta alat perjawatan kebesaran. Unsur-unsur Islam pula diterapkan dengan sebutan nabi-nabi umpamanya,

Nabi Noh yang memegang Bumi,
Nabi Alias yang memegang Kayu,
Nabi Khidir yang memegang Batu,
Nabi Sulaiman memegang segala yang bernyawa.

Pengaruh Hindu juga telah meninggalkan kesan dalam perubatan Melayu. Hingga ke hari ini falsafah perubatan klasik *Ayurveda* dari India meresapi perubatan tradisi Melayu.³¹ Suatu mantera yang mengatakan bahawa urutan bomoh itu pertamanya daripada *Siva*, kedua daripada *Nur Muhammad*, ketiga daripada *Lukman al-Hakim*, dan keempat baru sampai kepada bomoh itu sendiri. Secara tidak langsung asal usul bomoh Melayu telah pun melalui ciri-ciri tersebut dan unsur-unsur itu sendiri telah memperkaya kebudayaan

30 Sila lihat penerangan khusus tentang peranan bomoh dan fungsinya di kalangan orang-orang Melayu Patani dalam Fraser, T.M., 1960, *op. cit.*, hlm. 168-91.

31 Colley, F.C. 1978. "Traditional Indian Medicine in Malaysia", *JMBRAS*, Jil. 51, bhg. 1, hlm. 77-109.

Melayu. Ini menunjukkan betapa purbanya jawatan bomoh. Dengan yang demikian tinggalan dari zaman Gangsa tentang shamanisme masih kelihatan tetapi yang diamalkan oleh penduduk Melayu Semenanjung telah banyak dipengaruhi oleh unsur Hindu dan Islam. Kesan zaman peradaban purba masih wujud seperti mengadakan upacara pemujaan yang menghubungi makhluk luar biasa, seperti yang terdapat dalam upacara berjamu menerusi peterana di Patani.

Kebolehan pengubatan tradisi bomoh Melayu pula tidak boleh disangkal atau ditolak begitu sahaja. Ini terbukti dengan keupayaan mereka mengubati pelbagai jenis penyakit yang selama ini menjadi kajian pengubatan moden.³² Ilmu perbomohan pula tidak semuanya bergantung pada kuasa luar biasa dalam konsepnya, walaupun ini merupakan dasar yang utama. Kebolehan menguasai semangat, berhubung dengan hantu jem-balang, dan menggunakan benda-benda yang dipercayai mempunyai kuasa magik adalah antara prinsip utama aktiviti bomoh Melayu. Sebahagian daripada ilmu itu adalah pengetahuan tentang khasiat akar kayu dan barang beracun, cara berbekam, mengurut, dan membetulkan tulang yang patah atau terseliah, menjaga dan membetulkan perseimbangan unsur-unsur api, air, angin, dan tanah dalam badan manusia, ataupun cara menjaga kesihatan yang dasar. Umumnya, masyarakat Melayu sedar dan mengetahui perbezaan antara perlakuan dengan pemikiran yang diterima oleh agama Islam dan yang menjadi tegahannya. Ia juga sedar tentang wujudnya kepercayaan warisan dan ada antaranya amat bertentangan dengan Islam.

Kepercayaan Melayu tradisi bercorak animisme mempercayai bahawa tempat-tempat tertentu mempu-

32 Ungku Omar Ahmad 1968. "Tropical Medicine in Malaysia: A Mixture of Magic, Myth and Modern Medicine", dalam *International Symposium on Tropical Disease of Southeast Asia*. Jepun, 28 Nov. 1968.

nyai penunggu atau penghuni daripada golongan makhluk luar biasa, tetapi kepercayaan seperti ini bercanggah dengan ajaran Islam. Dalam tanggapan umum, keramat diterima sebagai ciri kepercayaan dalam lingkungan agama Islam, dan konsepnya sesuai dengan konsep penunggu. Salah satu hasilnya ialah menghiaskan tempat penunggu dengan kain kuning, putih dan yang sebagainya. Konsep yang digolongkan oleh Edward B. Tylor ini terdapat dalam upacara memberi makan hantu, menyemah pantai, dan yang sebagainya. Terdapat juga beberapa idea perubatan berupa ilmu ghaib yang dikenali sebagai sihir asalnya dari kitab-kitab tib dan tradisi Parsi dan India. Kepercayaan ini terus hidup disesuaikan pula dengan kehendak agama.³³ Menghapuskan ciri-ciri yang bertentangan dengan ajaran Islam ini bukan mudah dilaksanakan, kerana kewujudan perbomohan adalah sebahagian daripada kehidupan orang Melayu yang beragama Islam.

R.J. Wolff pernah mengusulkan bahawa jikalau perubahan moden hendak diterima sepenuhnya maka perlulah sesuatu masyarakat itu diperkenalkan atau dibiasakan bukan sahaja pada peralatan baru dan teknik yang lebih berkesan tetapi cara pemikiran yang boleh diterima tentang penyakit, sebab-sebab dan cara mengubatnya.³⁴ Paul C.Y. Chen pula melihat kebudayaan Melayu telah mempengaruhi pola pandangan serta mewujudkan dari dalam kebudayaan itu sendiri penerangan, dan ini memberi rasa selamat kepada masyarakat kampung. Perubahan kebudayaan yang berlaku dengan pengislaman orang Melayu tidak menghapuskan

33 Mohd. Taib Osman 1977. "Perbomohan: Satu Aspek World-view dalam Kebudayaan Melayu", dalam Zainal Kling, *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, hlm. 3-30.

34 Wolff, R.J. 1965. "Modern Medicine and Traditional Culture: Confrontation on the Malay Peninsular", *Human Organisation*, Jil. 24, Bil. 4.

perubatan tradisional bomoh. Soal penyakit dan cara pengubatanannya masih sama, tetapi sekarang mempunyai satu sistem pengubatan moden, alternatif dalam hal penyakit dan perubatannya. Jika seseorang pesakit terus berjumpa doktor atau ke hospital, tetapi belum juga pulih, dia akan berjumpa bomoh pula sebagai satu ikhtiar.

Adat dan Kepercayaan Nelayan dan Pelaut Patani

Kebanyakan penduduk yang mendiami pesisiran pantai memanjang dari utara ke selatan di bahagian timur Patani terdiri daripada para nelayan dan pelaut. Biasanya mereka menangkap ikan pada waktu malam. Walau bagaimanapun, para nelayan ini mempunyai isyarat yang tersendiri seperti *bintang pagi* menandakan waktu dini hari untuk bersiap pulang, *bintang selatan* sebagai isyarat kepada mereka yang belayar jauh ke utara arah ke Singgora. Biarpun bintang di langit dijadikan pedoman pelayaran, namun Bukit Besar atau Bukit Inderagiri yang tingginya melebihi paras 3500 kaki yang terdapat di Patani dijadikan tanda pelayaran. Dipercayai bahawa tuah sesebuah perahu bergantung pada ukuran besar dan panjang. Segala bentuk ukiran, lukisan, dan hiasan perahu nelayan Patani pula, menurut D.G.E. Hall menggambarkan rupa kapal kenderaan diraja pada zaman Kerajaan Seriwijaya menguasai Patani.

Puja Pantai

Puja pantai merupakan suatu upacara yang dilakukan khususnya oleh para nelayan dan pelaut di pantai timur Semenanjung terutama di negeri-negeri Melayu Patani, Kelantan, dan Terengganu. Walau bagaimanapun, upacara yang berunsur pemujaan menurut prinsip kebudayaan agama Hindu ini adalah bertentangan dengan agama Islam dan kini jarang dilakukan lagi. Upacara

meriah ini diadakan di tepi pantai setiap empat atau tujuh tahun sekali dengan tujuan menolak bala atau malapetaka di laut sambil bersuka ria. Mengikut kepercayaan, puja pantai ini kononnya bertujuan untuk menunaikan perjanjian antara seorang raja dengan seorang puteri di dasar laut pantai yang berkenaan. Daripada perkahwinan itu baginda beroleh tiga orang putera. Apabila dewasa ketiga-tiganya ingin melihat dan melawat alam dunia. Oleh sebab itu juga dikatakan nelayan dan pelaut memberi korban seekor kerbau balar sebagai kenaikan mereka. Jika tidak ditunaikan perjanjian ini, akibatnya sesuatu bencana di laut akan menimpa ataupun hasil tangkapan mereka tidak akan memuaskan.

Peranan bomoh adalah penting dalam upacara pemujaan yang berlangsung selama empat hari berturut-turut ini. Pada hari pertama, seekor kerbau balar berumur lebih kurang tiga tahun akan direnjis, ditepung tawar, dan ditaburkan dengan beras kunyit berserta serapah jampi. Kemudian tanduknya akan disimpulkan dengan pita-pita kain putih, lalu kerbau tersebut diarak dengan panji-panji diiringi dengan bunyi-bunyian paluan gong dan gendang menuju ke gigi air. Sampai di sini badan kerbau itu dilumuri dengan air laut sambil bomoh berjampi dan kemudian berarak sepanjang pantai. Bagi menambahkan kemeriahan upacara ini, pelbagai jenis hiburan kebudayaan orang Melayu Patani seperti wayang kulit, makyung, main puteri, dan menora diadakan. Pada hari ketiga, pada waktu senja kerbau balar tersebut disembelih di tepi pantai. Setelah dilapah kulitnya, disikan dengan sabut dan dijahit semula menyerupai kerbau hidup. Pada hari keempat sesudah bomoh menjampi patung kerbau itu lalu dibawa ke tengah laut bersama-sama dengan sebuah balai kecil atau peterana yang berisi kelengkapan ramuan dan dihanyutkan ke tengah laut sambil mengharapkan sembarang pekerjaan di laut dan terhindarlah daripada malapetaka laut dan bencana yang tidak baik.

Puja Ikan

Pada masa ini masih terdapat dua keluarga Patani yang mengamalkan upacara puja ikan. Keluarga *ikan layang-layang* dan keluarga *ikan gemuk* dan ada juga keluarga *ikan paus*. Walaupun demikian, kedua-dua keluarga menceritakan kisah yang hampir sama tentang bagaimana asal usul puja ikan ini terjadi di kalangan keturunan mereka. Menurut ceritanya keturunan nenek moyang berasal daripada raja-raja Bugis yang sedang dalam pelayaran; tiba-tiba bahtera yang dinaiki oleh mereka pecah lalu karam menyebabkan kebanyakan penumpang dan anak-anak kapal lemas. Kemudian mereka ternampak seakan-akan batang kayu hanyut terapung-apung lalu berpaut padanya dan akhirnya tersadai di tepi pantai. Sejurus kemudian barulah mereka menyedari bahawa yang disangkakan batang kayu itu sebenarnya *ikan lelayang* atau *ikan gemuk* atau *lemuk*. Daripada itu maka nenek moyang mereka telah bersumpah dan mengingatkan anak cucu mereka supaya jangan memakan ataupun membunuh ikan jenis tersebut. Sekiranya dilakukan, akan mendapat sakit atau menerima bencana yang tidak baik.³⁵

Walau bagaimanapun, keluarga yang terlibat mengakui keturunan mereka adalah penduduk asal Patani turun-temurun. Kaum keluarga *ikan lelayang* ditemui di tepi pantai di sebuah perkampungan kecil. Terdapat juga kepercayaan dan amalan yang sama dalam keluarga *ikan kekacang* di daerah Jering, Patani, yang dikatakan berasal dari Kelantan. Kepercayaan puja ikan di Patani kebanyakannya ditemui di kalangan mereka yang berketurunan Bugis. Ini kerana mungkin pada suatu masa sewaktu negeri Patani menjadi pelabuhan terpenting, banyak orang Bugis datang berniaga dan menetap di situ.

35 Annandale, N. 1903. "Primitive Beliefs and Customs of the Patani Fisherman", *Fasciculi Malayenses. Anthropology* Pt. I, hlm. 73-88.

Puja Buaya

Selain ikan terdapat juga keturunan kaum keluarga di Patani yang melarang membunuh atau menangkap buaya. Kaum keluarga Lomak yang tinggal di tepi Sungai Patani, di Kampung Parit yang dikenali juga sebagai Kampung Petioh adalah keluarga yang dilarang membunuh dan menangkap buaya. Menurut ceritanya, keluarga Jusuf mempunyai enam orang anak perempuan, iaitu Betimor, Bedjitam, Berbunga, Mek Sening, dan dua orang lelaki iaitu Mat Mi dan Pandak. Mereka tinggal di tepi sungai serta mengharapkan sungai tersebut sebagai sumber penghidupan. Pada suatu hari anak perempuannya, Betimor, mandi di sungai dan didapati telah hilang tenggelam di dalam air; yang tinggal hanyalah buih-buih putih di permukaan air dan sebilah pisau di tepi tebing sungai. Kejadian ini sungguh menghairankan hingga menggemparkan; penduduk kampung lalu dikerah untuk mencarinya. Tiga hari selepas peristiwa kehilangan itu, Jusuf mendapat mimpi bahawa anak perempuannya yang hilang itu telah bertukar menjadi seekor buaya dan mestilah diseru dengan nama *Tuk Seri Lam*. Jusuf kemudian menyediakan nasi kunyit, nasi merah, bertih, seekor ayam putih, dan beberapa batang lilin ke tempat kejadian tersebut di tepi tebing sungai. Beberapa ketika kemudian muncullah Betimor yang telah bertukar keseluruhannya menjadi seekor buaya, lalu menghampiri Jusuf. Selepas itu Betimor atau *Tuk Seri Lam* turun semula ke sungai dan hilang ke lubuknya yang dinamakan Ampat Palam.

Seorang perempuan tua yang ditemui mengakui keturunan Mat Mi, iaitu adik lelaki Betimor, menceritakan cerita ini. Menurutnya keluarga mereka mengenangi *Tuk Seri Lam* sebagai *Datuk*. Pada masa-masa yang lalu keluarga mereka mengadakan pelbagai upacara dan korban bertujuan menjamu buaya-buaya di Sungai Patani, tetapi kini kepercayaan yang kurafat itu

telah lama ditinggalkan. Namun mereka tetap percaya bahawa *Tuk Seri Lam* mempunyai hubungan dengan keturunan sang buaya, dan berhubungan dengan buaya putih yang dianggap keramat. Keramat buaya putih dikatakan bertalian keluarga dengan buaya jenis lain; seperti juga binatang-binatang yang dianggap keramat ia tidak mencederakan manusia kecuali dalam sesuatu hal yang tertentu. Jadi keturunan dan kaum keluarga Betimor ini ditegah sama sekali menangkap, menyeksa mahupun membunuh buaya. Menurut kepercayaan jika sanak saudara mereka jatuh sakit atau menerima malapetaka yang tidak baik, upacara korban diadakan dengan berjamu sambil menyeru, "Datuk Seri Lam, cucumu meminta agar hilang daripada sakit, pulang pulih seperti sedia kala". Tempat *Datuk* bertukar menjadi buaya di tepi tebing sungai dianggap sebagai keramat dan setiap permintaan dan hajat akan dilakukan di situ.

Semangat Perahu

Para nelayan dan pelaut Melayu Patani mempercayai bahawa setiap perahu ataupun kapal mempunyai semangatnya yang tersendiri yang dinamakan *mayur* perahu. Keadaan ini membuat perahu jelas dilihat dan mempunyai bunyi tertentu sewaktu dalam pelayaran. Bunyi ini pula membuat para nelayan berasa senang hati dan bernasib baik kerana terbukti perahu kegunaan mereka mempunyai semangat *mayur* yang kuat. Sama ada bernasib baik atau tidak sewaktu turun ke laut menangkap ikan juga adalah bergantung pada kekuatan semangat perahu. Jika lemah, segala daya keyakinan mengharungi gelora lautan akan turut mempengaruhi para penumpang dan tuannya. Pada masa inilah bomoh ikan akan memulihkan semangat perahu dengan memberi nasi manis bercampur air garam yang diletakkan di kemudi. Sewaktu perahu hendak dilancarkan ke air,

diadakan kenduri khas dan upacara jamuan seperti kambing, ayam putih, dan yang sebagainya. Pada masa yang sama bomoh akan menyeru *mayur* perahu dan makhluk halus yang lain lalu dibiarkan di tepi pantai ketika bulan cerah mengambang. Kemudian dilimau dan ditepungtawarkan, kononnya akan terhindarlah segala gangguan hantu laut.

Biasanya pekerjaan ini dilakukan pada hari Jumaat bagi mengambil berkat. Difahamkan bahawa pada hari tersebut pelbagai jenis makhluk halus begitu agresif dan mempunyai daya kekuatan yang berlebihan. Ada juga nelayan yang menaburkan beras kunyit memohon kekuatan semangat *mayur* ini dan membiarkannya di tepi pantai selama seminggu. Walau bagaimanapun, ada juga yang mempercayai bahawa semangat atau *mayur* perahu itu akan datang sendiri meresapi perahu atau kolek dengan tidak payah melalui sesuatu upacara ritual.

Hantu Laut

Jika berlaku sesuatu bencana di tengah laut, dipercayai bencana itu ada hubungan dengan hantu-hantu atau jin laut. Nelayan dan pelaut Melayu Patani beranggapan bahawa terdapat pelbagai jenis dan nama mengikut kekuatan tahap penyakit yang diakibatkan olehnya. Apabila berlaku penyakit atau bencana mereka terpaksa memulangkan ikan-ikan tangkapan kepada hantu-hantu laut ini supaya mereka tidak diganggu lagi. Mendapat sakit atau sembarang gejala yang tidak baik boleh menyebabkan ikan-ikan lari dari jaring ataupun jerung akan merosakkan jaring mereka. Oleh itu setiap perahu baru sebelum dilancarkan sesudah bulan purnama penuh, dilimau dan ditepungtawarkan serta dihiasi dengan bunga semata-mata bertujuan menjauhkan hantu laut daripada membuat kacau. Upacara *puja pantai*, seperti yang telah diterangkan, dianggap penting dapat mem-

beri perlindungan. Dipercayai bahawa bomoh ikan juga ada memelihara hantu laut bagi menjayakan sesuatu pekerjaan sebagai pelindung. Bomoh mestilah mematuhi pantang larang dan menjamu hantu-hantu laut dengan sebanyak 40 biji telur ayam serta makanan lain setiap kali terdapat masalah dan gangguan di laut.

Menurut sumber cerita yang boleh dipercayai, hantu laut biasanya berada di tiang-tiang perahu atau kapal ataupun di air yang kotor. Selain upacara yang telah disebutkan, amalan seperti menggantung daun kelapa atau pinang yang diikatkan dengan beberapa helai kain putih dan merah pada haluan perahu juga dilakukan untuk menghalau hantu. Selain hantu laut, para nelayan Melayu juga mempercayai bahawa *hantu pantai* boleh mengakibatkan seseorang itu mendapat sakit seperti orang gila babi.

Pantang Larang di Laut

Perkataan pantang adalah istilah yang lahir daripada ciri penghidupan bermasyarakat yang sama pengertiannya dengan konsep *tabu*. Melanggar pantang adalah penyelewengan daripada peraturan adat. Orang Melayu Patani seperti juga penduduk lain di Semenanjung Melayu amat tebal pantang larangnya. Jika ada kematian di sesebuah kampung nelayan, pada hari berikutnya tiada siapa yang turun ke laut. Dipercayai bahawa jika ada antara nelayan yang turun ke laut, dia kelak akan menerima nasib yang tidak baik ataupun kemungkinan akan menemui sesuatu bencana di laut.

Bagi mengelakkan keadaan yang tidak baik, gangguan, dan yang sebagainya maka mereka mempunyai isyarat tertentu sesama sendiri. Begitu juga istilah dan bahasa terbalik dan ganti nama tertentu digunakan bertujuan menyeru atau menyebut sesuatu bahaya di laut. Bahasa Laut Patani berbeza daripada bahasa kebiasaannya. Mungkin sesama nelayan atau pelaut sahaja

yang dapat memahaminya.

Bahasa Melayu	Bahasa Laut Patani
kerbau	cehweh mu-ah
orang mati	cinerang batang
buaya	cehweh gigi jarang
itik	topang
anjing	cehweh king
gajah	cehweh utut
kaki	cehweh kura
ayam	bibaw
cicak	cehweh cak
cepat	mara-mara
kuda	cehweh deras
kera atau lotong	cehweh ekor panjang
beruk	cehweh keriah
biawak	cehweh pedan
lembu	cehweh bong
ikan lembu	ikan bong
burung gemala lembu	burung gemala bong
babi	cehweh tuk gong
tikus	cehweh ci
hantu laut	cehweh
kambing	cehweh beh
ular	cehweh akar
ular laut	cehweh leret
jurumudi	jeragan
harimau	cehweh jalur
paling	mandang
anak burung nasar	cehweh kangah atau cehweh kepala bubuh

Tidaklah diketahui bagaimana bahasa terbalik ini digubah atau direka. Kemungkinan ia berasal daripada unsur-unsur bahasa Siam Singgora bercampur dengan bahasa Orang Asli.

Unsur Pengajaran dalam Kepercayaan Tradisional

Setiap bangsa mempunyai pantang larang dan petuanya yang tersendiri. Dalam masyarakat Melayu tradisi ter-

dapat banyak unsur pendidikan yang bertujuan mengajar masyarakat seluruhnya. Selain pantang larang, pe-tua, dan yang sebagainya konsep seperti bahasa kiasan, adat, simpulan bahasa, pepatah, perbilangan, dan bermacam-macam lagi menjadi simbol yang menasihati bangsa Melayu. Begitu juga di kalangan masyarakat berketurunan Melayu di Patani, terdapat banyak pantang larang yang meliputi adat istiadat, upacara, dan juga perkara-perkara yang biasa dilakukan dalam aktiviti harian. Perkataan *pantang* membawa maksud tegahan daripada melakukan sesuatu kerana dipercayai akan membawa akibat yang buruk, manakala perkataan *larang* pula membawa erti tegahan daripada melakukan sesuatu kerana kuasa undang-undang atau peraturan. Meskipun perkataan *pantang* dan *larang* mempunyai pengertian yang berbeza tetapi sering kali kedua-duanya digunakan sebagai satu istilah daripada kata majmuk yang membawa maksud peraturan.

Jelas Nik Safiah Karim, oleh sebab terlalu banyak pantang larang dan bercampur pula dengan kepercayaan karut serta tahyul, jadi sukar untuk membezakannya. Ini disebabkan ia menjadi sebatih hingga kekal kepercayaan tersebut dan terikut-ikut menjadi pantang larang lantaran terus kekal berakar umbi hingga ke hari ini. Tujuannya supaya anak mereka berkelakuan baik, tetapi oleh sebab terlalu kuat kepercayaan itu hingga perkara yang ganjil pun dianggap pantang larang atau pantang tuk nenek daripada masyarakat tradisi.³⁶ Daripada situ wujudlah perbilangan adat yang berbunyi, menambat kerbau dengan talinya manakala menambat perangai anak-anak dengan pantang larangnya.³⁷ Bahkan pepatah Melayu pula menegaskan lagi, dari buah dikenali pohonnya, yang menyarankan ibu bapa supaya

36 Nik Safiah Karim 1964, *op. cit.*

37 Haji Mohd. Sidin 1955. *Budaya Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran Brothers, hlm. 6.

mendidik anak-anak mereka berbahasa dan beradab sopan di samping memelihara ciri-ciri kesusilaan dalam tamadun bangsa Melayu.

Pantang larang menjadi amalan sejak zaman peradaban primitif. Ia dikatakan wujud daripada konsep *tabu* yang terbentuk akibat kepercayaan terhadap kekuatan kuasa ghaib. Namun pada zaman Islam, orang Melayu mempercayai pantang larang kerana ia membawa pengertian sesuatu yang ditegah, tidak boleh dibuat, tidak boleh dimakan, tidak boleh disebut, dan yang sebagainya.³⁸ Hidup yang dipenuhi dengan pantang larang ini bermula terutamanya di kalangan ibu-ibu yang sedang hamil. Larangan juga dikenakan kepada si ayah. Hinggalah selepas melahirkan anak, seseorang itu dikatakan berada dalam pantang selama 44 hari. Tujuan berpantang adalah untuk kebaikan terutama kepada si ibu.

Anak-anak juga ada pantang larangnya. Umpamanya sejak bayi lagi dilarang memandang ke langit, ditakuti terpandang hantu syaitan. Pada waktu senja kanak-kanak juga dilarang berkeliaran. Pelbagai lagi larangan yang dikenakan terhadap kanak-kanak tujuannya adalah untuk pengajaran dan kebaikan.

Di samping pantang larang, terdapat petua yang berbentuk nasihat, peraturan, atau strategi bagi menguruskan kehidupan sehari-hari. Petua-petua ini telah diwarisi dari zaman ke zaman, sebagai suatu warisan budaya. Petua Melayu selain ciptaan orang Melayu, juga telah meminjam daripada budaya lain ekoran pertembungan kebudayaan yang terdapat di alam Melayu.³⁹ Namun tiap-tiap petua mempunyai fungsinya tersendiri bergantung pada jenisnya sama ada berhubungan dengan kesihatan, sosial, kepimpinan, hidup bermasyara-

38 Ahmad Mahmud, *op. cit.*, hlm. 158.

39 Hashim Awang A.R. 1988. "Petua: Khazanah Ilmu Budaya Melayu", *Budaya*. Jil. 10, Bil. 12 Disember 1988, hlm. 42-3.

kat, atau pelbagai lagi dengan harapan membawa kesejahteraan hidup. Petua adalah suatu amalan. Ia mesti diamalkan mengikut keperluan petua itu. Ada petua yang memerlukan pengalaman yang berterusan. Ada yang memerlukan keyakinan. Sekiranya kurang yakin, mengikut kepercayaan orang Melayu, seseorang itu tidak akan menikmati manfaatnya. Petua juga mementingkan kesungguhan dalam mengamalkannya kerana amalan yang dilakukan secara sambil lewa tidak akan mendatangkan hasil. Petua merupakan khazanah ilmu yang membayangkan tanggapan, pandangan, dan fahaman masyarakat Melayu tradisi tentang kehidupan yang sempurna. Dengan yang demikian segala sifat yang berunsur pelajaran itu akan melahirkan masyarakat masa kini yang teratur dan saling hormat-menghormati, kesan tunjuk ajar dan pantang larang itu.

Menerusi kesusasteraan seperti cerita-cerita dongeng mitos dan legenda, hikayat, penglipur lara menerusi lisan telah diciptakan pula pelbagai jenis pantun, gurindam, syair, seloka dan bentuk puisi lama yang lain. Semuanya membawa unsur pengajaran. Masyarakat Melayu Patani pula tidak akan melupakan syair nasihat karangan al-Syeikh Wan Ahmad Mohamad Zain al-Patani, seorang ulama terkenal selaras dengan perkembangan tasawuf dan tarekat pada masa itu. Yang berikut adalah contoh petikan syair beliau:

Hai saudara yang berkehendakkan akan untung,
Dengar dengan berkira-kira dan berhitung,
Akan pesanan yang di dalam ini pantun,
Jadi kamu segala orang yang muttakin.

Mengaji kamu akan syarak supaya sah,
Tauhid kamu taat kamu dengan sarih,⁴⁰
Usaha kau gagal haramnya muttadhih,⁴¹
Daripada guru-guru yang alamin.

40 Sarih ertinya bersih tiada bercampur.

41 Muttadhih ertinya nyata jelas.

Kemudian masuk kamu ke tarekat,
 Dengan guru alami zahir dan hakikat,
 Jangan kepada guru yang makrifatnya singkat,
 Telah banyak sesat-menyestat yang mufsidin.⁴²

Harap hamba ikhwan terima akan dia,
 Jika tidak, tidak juga sia-sia,
 Barang baik mesti taruh ke orang mulia,
 Ia Kullu Zikra Nafi'un Lil Mu'minin.⁴³

42 Mufsidin ertinya binasa atau orang membuat kerosakan.

43 Fa Kullu Zikra Nafi'un Lil Mu'minin ertinya tia-tiap peringatan adalah berguna bagi orang-orang yang beriman. Demikianlah syair petikan daripada *Sufi dan Waliatallah* oleh Al-Alim al-Alamah Syeikh Wan Ahmad bin Mohamad Zain bin Mustapha al-Fatani. Diperbaharui oleh cucundanya Wan Mohamad Shaghir Abdullah. Lihat Hassan Madmarn, "Sastera Melayu dalam Masyarakat Melayu Minoriti, Perkembangan di Thailand", dalam *Pertemuan Dunia Melayu* 82, *op. cit.*, hlm. 297-315.

7

MELAYU PATANI DAN TAMADUN MASA KINI

Implikasi Tamadun Melayu

BERMULA pada tahun 1902, segala urusan pentadbiran dalam pemerintahan negeri Melayu Patani telah dipusatkan di kota Bangkok apabila raja-raja Melayu Patani gagal mempertahankan kedaulatan Kesultanan Kerajaan Islam Patani Darul Makrif yang telah dikesan kewujudannya sejak abad ke-14 lagi. Sejak itu juga jelas Thomas M. Fraser, tentera Siam telah dihantar ke Patani dan pegawai-pegawai kerajaan dari Bangkok telah bertindak mengambil alih tugas dan semua fungsi politik dan pentadbiran yang selama ini dikuasai oleh raja-raja Melayu dan para pembesarnya. Seterusnya negeri Patani telah dipecahkan kepada pentadbiran yang berupa wilayah atau *cangwad* seperti sistem yang wujud di seluruh negara Siam. Maka muncullah wilayah-wilayah yang dikenali sebagai wilayah Patani, Jalor atau Yala, dan Menara atau Narathiwat. Ini memperlihatkan keadaan yang masih ketara sifat penjajahan terhadap suatu keturunan bangsa yang berbeza sama sekali dari segi jalinan kebudayaan dan kehendak aspirasi agama. Untuk itu tambah T.M. Fraser lagi:

... because they were, in a sense a conquered people and because a system of government suitable for Thai villages was imposed upon their culturally different society, the

*Malays tended to dislike and fear the power of the men who were sent to administer them.*¹

Pada tahun 1909 pula tercipta perjanjian yang mengukir sempadan antara dua kuasa penjajah, iaitu Siam dan Inggeris, tanpa direstui oleh penduduk keturunan Melayu setempat. Perjanjian sempadan yang berkenaan menjadikan negeri Melayu Patani sebahagian daripada selatan Siam.

Perkembangan sejarah dan pengalaman tamadun masih segar dalam pengetahuan bahawa bangsa Melayu Patani telah dijajah. Sifat kebencian ini ditentang bukan sahaja terhadap penjajahan Siam tentang hal-ehwal politik dan pentadbiran yang dianggap sebagai rampasan dan pencerobohan, yang paling ditentang ialah penindasan terhadap integrasi kebudayaan dan agama Islam yang semakin dinodai kesuciannya. Sungguhpun pelbagai usaha dilancarkan oleh pihak berkuasa pemerintah yang cuba mengetepikan pengalaman itu, namun ciri perbezaan yang terdapat di kalangan keturunan bangsa Melayu dan Siam itu ternyata memberi gambaran masa silam yang tidak serupa. Biar bagaimana sekalipun didedahkan fahaman akan kebesaran sejarah dan tamadun orang Siam, kepada masyarakat Islam di selatan negaranya, ketrampilan tamadun Melayu Patani tetap dikenang.

Gambaran masa silam yang pernah dilalui membuktikan tahap ketamadunan yang dicapai yang menjadikan Patani sebagai pusat peradaban Melayu yang terkemuka merangkumi seluruh Semenanjung Melayu pada suatu masa dahulu. Para penyelidik, sarjana Barat, dan juga pengkaji budaya tempatan masa kini di Semenanjung mendapati bahawa tamadun Patani telah banyak melahirkan dan membekalkan warisan tamadun dalam bentuk kesenian dan kebudayaan. Asal usul pengajian

1 Fraser, T.M., *op. cit.*, hlm. 93.

pondok menerusi tamadun Islam, asal usul tarian klasik Melayu seperti tarian asyik, tarian inai, persembahan drama tari makyung, seni bina, dan seni ukir, permainan gasing leper, dan bermacam-macam lagi telah dikesan berasal dari Patani. Budayawan Melayu yang paling banyak mengkaji tamadun Melayu Patani ialah Mubin Sheppard. Malah tentang pakaian tradisi kaum bangsawan di kalangan raja-raja Melayu beliau menambah:

*Traditional Malay dress has been worn with distinction by men of rank in the Malay Peninsula for many hundreds of years. Though it was described in detail in the Malay Annals (Sejarah Melayu), it did not originate in Malacca, and was probably evolved in the Malay Kingdom of Patani and Ligor centuries before Malacca was founded.*²

Begitu juga penggunaan perahu di laut yang biasanya digunakan oleh para nelayan telah ditemui oleh Raymond Firth dalam kajiannya tentang penghidupan pelaut, adalah berasal dari Patani. Jelasnya lagi, "*the kolek buatan barat as its name implies (kolek of northern building), was originally introduced from Patani.*"³ D.G.E. Hall pula membayangkan seni ukiran dan lukisan indah yang terdapat pada bentuk perahu jenis tersebut yang merupakan warisan tamadun Melayu Patani pada zaman Langkasuka sewaktu pengaruh Majapahit menguasai Semenanjung. Hal ini diperkuat oleh kenyataan R.O. Winstedt bahawa negeri-negeri Melayu seperti Patani, Kelantan, dan Kedah mempunyai kesan pengaruh kebudayaan Hindu Majapahit yang menguasai Seriwijaya dan jajahannya termasuk Semenanjung pada sekitar tahun 1338-65 M.⁴ Keberkesanan paling nyata ditinggalkan oleh pengaruh Hindu daripada

2 Sheppard, M., *Taman Indera*, op. cit., hlm. 107.

3 Firth, R., 1946. *Malay Fishermen: Their Peasant Economy*. London: Trench, Trubner and Co., hlm. 46.

4 Winstedt, R.O., *The Malays: A Cultural History*, op. cit., hlm. 20.

Kerajaan Jawa kuno Majapahit dalam kesenian Melayu terutama di Patani yang terkumpul sebagai pusat tamadun dan peradaban masa silam. Penerangan R.J. Wilkinson akan kekagumannya terhadap bentuk hulu *keris Patani* atau *keris pekaka* amat jelas mempunyai pengaruh kebudayaan Jawa. Menurut beliau:

*Even in Patani, where the kris has some points that at first sight might appear anomalous, closer inspection will reveal affinities with the Javanese sheath, a Javanese name for the smith and Javanese names for the best knowns pattern.*⁵

Dengan penghijrahan penduduk setiap kali berlaku peperangan atau penguasaan politik maka tamadun Patani telah tersebar luas ke negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, dan Pahang. Pada zaman kegemilangannya Empayar Patani merangkumi seluruh utara pantai timur Semenanjung. Pengembara Inggeris Kapten Alexander Hamilton sewaktu mengunjungi Patani pada tahun 1718 menyatakan bahawa ketika itu Patani menguasai 43 buah jajahan termasuk Kelantan dan Terengganu. Oleh sebab seorang puteri Patani telah dikahwinkan dengan putera mahkota Johor maka Terengganu telah dimerdekakan seiring dengan perantikan putera mahkota tersebut sebagai sultan Terengganu, ini menjadikan Patani 42 buah jajahan sahaja.

Hingga ke hari ini kebudayaan Melayu Kelantan dan Terengganu amat menyerupai budaya Melayu Patani. Kelantan umpamanya adalah negeri Melayu yang mempunyai kesenian dan kebudayaan yang unik yang diwarisi daripada kesenian tamadun Melayu Patani. Persembahan makyung, permainan gasing, rebana, wau, dan berbagai-bagai lagi dikatakan berasal dari Patani. Hal ini dapat dilihat dari segi pertalian sejarah dan hubungan rapat antara Patani dengan Kelantan yang

5 Wilkinson, R.J., 1920. *Papers on Malay Subjects*, Singapore, hlm. 37.

sering dianggap sebagai saudara kembar. Rakyat Kelantan, bahkan Kesultanan Melayu Kelantan turun-temurun merupakan bekas warga Patani yang melarikan diri sewaktu meletus peperangan dengan Siam. Hubungan dan pertalian darah dengan keturunan ini begitu kukuh. Apabila berlaku serangan Siam terhadap Patani ataupun tercetus sesuatu pemberontakan menentang Siam, masyarakat Melayu Kelantan yang pertama yang memberi sokongan. Ini berdasarkan sifat persaudaraan itu sendiri yang terserap dalam kehidupan, kebudayaan mahupun persaudaraan Islam antara Melayu Patani dengan Melayu Kelantan. Terengganu pula banyak ditentukan oleh pertembungan antara budaya Melayu Patani dengan Johor yang memberi implikasi yang besar dalam pembinaan kebudayaan masyarakat Melayu Terengganu.

Dalam satu kajian tentang sosiobudaya masyarakat Melayu Kelantan, beberapa orang sarjana dari Kelantan mendapati bahawa beberapa aspek kebudayaan Melayu Kelantan sememangnya berasal dari Patani. Keturunan Melayu yang mempunyai pangkal nama *Wan* atau *Nik* dikatakan berasal daripada keturunan Melayu Patani.⁶ Ismail Hussein dalam leluconnya menyatakan, dialek bahasa Melayu berasal dari Patani mengikut perkembangan satu aliran yang turun melalui Kelantan menjadi dialek Kelantan, melalui Terengganu menjadi dialek Terengganu, dan aliran itu turun lagi tetapi lebur di Pahang, dan satu aliran lagi turun melalui Kedah menjadi dialek Kedah yang mempunyai keistimewaannya yang khusus dan turun ke Perak tetapi lebur di Slim River.⁷

6 Lihat Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusof, dll., 1985. "Kelantan dalam Perspektif Budaya: Satu Kumpulan Esei", Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

7 Lelucon atau sketsa yang dibuat oleh Prof. Datuk Ismail Hussein ini dinyatakan oleh beliau dalam majlis "Temu Budayawan Kedah" dan "Forum Sarjana Kedah" sempena penyerahan Koleksi Ismail Hussein di Seminar Dunia Melayu, 24-25 Januari 1988, Universiti Utara Malaysia.

Berkemungkinan juga pengaliran dialek bahasa Melayu yang dikatakan berasal dari Patani itu bukan sahaja berlaku dalam dialek tetapi juga turut berkembang dalam tamadun dan kebudayaan yang kemudian menjadi teras kebudayaan keturunan Melayu masyarakat Semenanjung Malaysia umumnya.

Masalah Integrasi Budaya

Beberapa dekad setelah Patani dijajah oleh Siam, masyarakat peribumi berketurunan Melayu mula berasa gelisah apabila Field Marshall Phibun Songgram dilantik menjadi perdana menteri Siam yang ketiga. Kegelisahan ini bukan sahaja dirasakan sesudah Patani kehilangan hak politik dan pentadbiran tetapi disebabkan oleh tindakan Phibun Songgram sendiri yang kuat fahaman kebangsaan Siam hingga kemudian merangkap menteri pertahanan, menteri dalam negeri, dan menteri luar negeri, maka ketiga-tiga kementerian yang penting ini disalurkan hingga berjaya mendekatkan angkatan tentera Siam dengan semua gabenor wilayah pentadbiran. Kedudukan ini adalah penting dalam melancarkan dasar pemerintahan bagi mengubah fikiran rakyat negara Siam di dalam mahupun di luar negeri. Rakyat Siam digesa mencintai negaranya. Mereka sudah lama menyebut bumi Siam sebagai Muang Thai yang bererti bumi orang bebas. Jadi pada 24 Jun 1939 dengan rasmi nama tersebut telah diisytiharkan. Rejim Phibun berkuasa menerajui negara Thai sebanyak dua kali, iaitu dari tahun 1938-44 dan 1947-57, tempoh tersebut meninggalkan kepedihan di kalangan masyarakat Melayu umat Islam Patani bahkan dasarnya itu menjadi benih untuk meneruskan matlamat yang sama dalam usaha pihak pemerintah mengintegrasikan kebudayaan penduduk negara Thai.

Bagi mendapatkan publisiti dunia luar akan kejayaan pembaharuan dasar Phibun Songgram, kempen kebu-

dayaan Ratthaniyom Thai telah diperkenalkan dan dipraktikkan seluas-luasnya di kalangan rakyat jelata. Phibun memulakan amalan sosial dengan menyebarkan risalah tentang cara dan amalan meniru ciri kehidupan secara Barat serta diterbitkan juga penerangan tentang sokongan kerajaannya dalam menjayakan kempen tersebut. Dalam penerangan itu, kaum lelaki dan perempuan digesa memakai seluar panjang, berbaju kemeja, berkasut, bertopi, dan berpakaian kemas serta mengambil unsur penghidupan ala Barat untuk dijadikan amalan harian. Usaha juga dipergiatkan supaya menghentikan tabiat kebiasaan seperti memakan sirih. Sistem pendidikan yang bertujuan mengubah fikiran generasi baru telah dikawal ketat oleh Kementerian Pendidikan Thai. Semua sekolah dikehendaki menggunakan sukatan pelajaran Siam. Buku dan peperiksaan mesti mengikut garis yang ditentukan oleh kementerian dan semua guru terpaksa didaftarkan. Di samping itu pergerakan yang menyamakan kepercayaan agama rakyat dan perasaan cinta pada tanah air telah dipertingkatkan. Dengan itu penganut yang bukan beragama Buddha tidak mendapat tempat dalam perkhidmatan kerajaan bahkan boleh kehilangan jawatan ataupun harapan kenaikan pangkat.⁸

Yang paling berasa kehambaran akibat kempen pelancaran rejim Phibun ini ialah masyarakat Islam Melayu Patani kerana mereka kini berasa benar-benar tercabar supaya menganuti suatu resam penghidupan Barat yang lebih rendah daripada pandangan Islam serta tamadun Melayu sendiri. Golongan ulama berasa cukup gelisah apabila dilarang memakai serban di kepala yang akan diganti dengan topi. Bahasa Melayu diharamkan diajar di sekolah, ditegah sama sekali penggunaannya di pejabat

8 Hall, D.G.E. 1979. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 973.

kerajaan, terutama dalam urusan rasmi. Bukan setakat itu sahaja nama orang Melayu mesti ditukarkan dengan nama Siam, begitu juga dengan nama tempat yang dahulunya dalam sebutan atau ejaan Melayu ditukar dengan sebutan dan ejaan Siam.

Kegiatan agama Islam telah disekat kerana Buddha adalah agama rasmi negara. Sejak itu banyak orang Islam telah dipaksa menyembah berhala Buddha supaya menukarkan agama mereka. Semua jawatan tinggi dalam perkhidmatan awam, polis, tentera, serta peluang pelajaran tidak diberi kepada orang Melayu-Islam. Justeru itu sejak pelancarannya di wilayah-wilayah Islam Patani keresahan masyarakat Melayu timbul di mana-mana. Keadaan ini telah mencetuskan beberapa kejadian keganasan antara pasukan polis Thai dengan orang Patani yang menganggap kesucian agama Islam telah dicabuli dan adat resam dalam kebudayaan dan tamadun bangsa tinggalan nenek moyang telah dinodai di bumi yang pernah menjadi pusat tamadun dan peradaban Melayu.

Bahasa Melayu Patani

Dari segi sejarah penggunaan bahasa Melayu di kalangan masyarakat Islam wilayah-wilayah Patani (termasuk wilayah Yala dan Menara), wilayah Singgora, Setul, Terang, Gerahi, dan wilayah-wilayah lain di sekitar Segenting Kra sudah pun menjangkau usia beribu-ribu tahun. Ini terbukti sejak kewujudan Kerajaan Melayu Langkasuka dan Tambralingga pada awal abad Masihi yang meliputi daerah yang berkenaan. Bahasa Melayu berasal daripada rumpun bahasa Austronesia dan proses penyebaran awalnya bermula daripada bahasa Melayu Sanskrit di Sumatera, ketika Kerajaan Melayu Seriwijaya menguasai bumi Semenanjung telah berkembang di kalangan penduduk negara kota Langkasuka dan Tambralingga bersama-sama dengan perubahan tamadun

yang dicapai pada masa itu. Pada sekitar abad ke-13 M. apabila tekanan penjajahan Siam Sukhothai memulakan ancamannya, negeri-negeri kecil Melayu tersebut telah ditawan satu per satu, dan seterusnya penggunaan bahasa Melayu menerima tekanan yang hebat.

Di sepanjang tempoh kemunculan Kerajaan Melayu-Islam Patani Darul Makrif merangkumi enam abad lamanya, bahasa Melayu Patani mencapai tahap gemilang dan turut berperanan sebagai *lingua franca* di kalangan para pedagang yang menyebarkan Islam. Seajar dengan itu pada abad ke-18 dan ke-19 bahasa Melayu Patani menjadi bertambah penting sebagai bahasa ilmu yang meningkatkan Patani sebagai pusat tamadun kesusasteraan Melayu-Islam menerusi karya kitab-kitab agama oleh para ulama dan penggunaannya yang meluas sebagai rujukan hingga ke negara-negara Timur Tengah dan Afrika Utara. Walau bagaimanapun segala kemegahan itu tercemar apabila negeri Melayu Patani dimasukkan menjadi sebahagian daripada negara Siam. Sejak itu kepentingan bahasa Melayu Patani semakin diabaikan oleh pentadbiran pusat di Bangkok. Langkah menghapuskannya telah menerima tentangan yang hebat daripada masyarakat Melayu Patani apabila percubaan dibuat menerusi pelancaran Akta Pelajaran Siam pada tahun 1923. Usaha penekanan yang lebih berkesan dilaksanakan pula dalam pentadbiran rejim Phibun dengan mengharamkan bahasa Melayu diajarkan di sekolah ataupun penggunaannya dalam urusan rasmi kerajaan.⁹

Oleh sebab bahasa Thai menjadi bahasa rasmi negara, maka setiap rakyat menggunakannya. Untuk itu pelbagai cara telah digunakan bagi meningkatkan taraf kesedaran rakyat ke arah penggunaan bahasa negara

9 Mohd. Zambari A. Malek 10 Mac 1988. "Bahasa Melayu Patani Kian Pupus", *Berita Harian*.

terutama di kalangan kaum minoriti yang berbahasa lain. Dengan membiarkan sesuatu kaum mengamalkan bahasa ibundanya sendiri akan menjadi penghalang usaha kerajaan untuk menghidupkan perpaduan yang bersifat kenegaraan, terutama jika kaum atau masyarakat yang berlainan bahasa itu terlibat dalam krisis politik yang mengancam kedaulatan negara. Oleh itu sistem pendidikan memainkan peranan yang penting dalam usaha mengatasi masalah bahasa. Bahasa Thai telah dijadikan bahasa pengantar di sekolah tetapi di wilayah-wilayah Patani bahasa Melayu dan Arab tetap mendapat tempat di kalangan para pelajar dan masyarakatnya. Sehubungan ini banyak sekolah agama berbentuk pondok telah diserapkan mengikut kehendak yang diselaraskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Thai. Perubahan ini membawa kesan pada penggunaan buku teks agama Islam yang telah diterjemahkan ke bahasa Thai mengikut kurikulum yang ditentukan.

Satu lagi rancangan pihak pemerintah ialah melancarkan projek menghapuskan buta huruf bahasa Thai yang ketara di kalangan orang Melayu di peringkat dewasa. Pelaksanaan ini dibuat secara besar-besaran bagi mereka yang tidak pandai membaca dan menulis bahasa Thai walaupun berkemampuan dalam bahasa Melayu dan Arab. Sungguhpun keseluruhan media massa dikawal oleh kerajaan yang disampaikan dalam bahasa Thai, seperti radio, televisyen, akhbar, majalah, dan yang sebagainya, kemudian diikuti dalam bahasa Inggeris, Cina, dan terlalu sedikit dalam bahasa Melayu (lebih kurang 3% sahaja). Menerusi bahasa Melayu beberapa rancangan disiarkan oleh stesen tempatan dalam dialek bahasa Melayu Patani. Penyampaian dengan menggunakan bahasa Melayu standard tidak dapat difahami oleh masyarakat kampung. Selain itu penggunaan bahasa Melayu terdapat dalam penerbitan majalah bertajuk *Utusan Thai Selatan* yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam bentuk dwi-

bahasa, yakni bahasa Melayu dan bahasa Thai bagi penyebaran berita di wilayah-wilayah yang penduduknya Melayu. Walau bagaimanapun akhbar berbahasa Melayu masih belum dibenarkan oleh pihak berkuasa kerajaan.

Tokoh akademik Thai dari Universiti Chulalongkorn, Arong Suthasasna, terus mengkritik langkah pihak Kerajaan Thai memberi tekanan pada bahasa Melayu Patani ini. Alasannya, bahasa memainkan peranan yang amat penting sebagai alat komunikasi, malah ia juga sebagai bahasa perantaraan bagi memperkenalkan identiti sesuatu bangsa. Bahasa yang berlainan dengan sendirinya menunjukkan kepercayaan dan cara hidup sesuatu kelompok masyarakat adalah berlainan. Sehubungan ini, katanya, bahasa Melayu dianggap oleh masyarakat Islam Patani sebagai bahasa agama kerana ia dijadikan bahasa pengantar di sekolah agama pondok sejak beratus-ratus tahun dengan penggunaan kitab-kitab agama berbahasa Melayu. Dengan itu masyarakat Islam keturunan Melayu di wilayah-wilayah Patani memandang berat terhadap masalah bahasa dan pencekaman yang sedang dihadapi. Jelas beliau lagi, bahasa Melayu dan penuturannya di wilayah-wilayah tersebut telah wujud sebelum bentuk huruf tulisan Thai sendiri direka pada zaman Sukhothai, hingga pengaruh bahasa Melayu terdapat dalam kesusasteraan Thai sendiri. Jadi, sungguh aneh jika bahasa Melayu Patani yang digunakan oleh masyarakat Islam selatan Thai dipaksa untuk dilupakan.¹⁰

Penggunaan bahasa Melayu Patani yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu loghat atau dialek Melayu Kelantan kini semakin berkurangan kerana tekanan kuasa pemerintah. Melalui media massa, generasi muda terutama yang menghadapi kelemahan bahasa

¹⁰ Suthasasna, A., *op. cit.*

mungkin tidak mengetahui sebenarnya mereka turut terpengaruh dengan pendedahan dan penonjolan rencana serta rancangan media massa yang menyebabkan mereka berasa megah dan memuliakan bahasa asing dalam perbualan sesama sendiri tanpa menyedari keunggulan dan ketinggian bahasa ibunda. Ini ditambah dengan program asimilasi yang mengakibatkan penggunaannya bercampur-aduk dengan pengaruh bahasa Thai dialek Bangkok, khususnya istilah Thai yang berkaitan dengan urusan pentadbiran dan yang sebagainya, menjadikan bahasa Melayu itu semakin lemah. Kini sudah terdapat banyak keluarga Melayu di wilayah-wilayah Patani, Yala, dan Narathiwat yang dahulunya begitu kukuh dan jitu berbahasa Melayu tetapi sesudah berkedudukan tinggi, mereka berbangga pula dengan bahasa Thai dalam pergaulan harian mereka. Keadaan ini telah menunjukkan kejayaan pihak pemerintah dalam usaha integrasi nasional di kalangan masyarakat Melayu.

Yang menyedihkan ialah tidak ada sembarang pertubuhan bahasa di peringkat kampung dan daerah untuk membendung kemerosotan dan pencemaran bahasa Melayu Patani, malah keadaannya terus terbiar tanpa pemeliharaan yang sempurna. Inilah yang menjadi suatu kebimbangan. Golongan kecil yang mahu mempertahankan bahasa ibunda ini ternyata tidak berdaya menahan arus perkembangan bahasa Thai yang ditetapkan oleh pemerintah sebagai alat penyatuan rakyat negaranya. Bahasa Thai merupakan bahasa nasional, perantaraan yang wajib di pejabat, sekolah, malah sudah menjalar ke rumah, sekolah agama, dan masjid. Golongan tersebut berasa tidak ada harapan lagi untuk mempertahankan bahasa warisan nenek moyang mereka kerana pemerintah memperuntukkan bahasa Thai sebagai bahasa negara yang diberi nilai ekonomi dan status yang cukup tinggi. Dengan itu bahasa Melayu bagi masyarakat Islam Patani di selatan Thai sedang

mengalami kepupusan.

Hal ini terjadi kerana tindakan kerajaan pusat di Bangkok membunuh bahasa lain selain bahasa Thai. Akibat penindasan dan penekanan ini, golongan yang mempunyai kesedaran telah menubuhkan Majlis Bahasa Melayu Patani (MBMP) pimpinan Yang Dipertuanya Syed Abdullah Al-Jeffri. Gerakan MBMP itu pun hanya berlandaskan adanya Cawangan Bahasa Melayu, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan, kampus Prince of Songkhla Nakhon University, Patani. Menurut Yang Dipertuanya, bahasa Melayu bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam itu sedang menghadapi kehancuran kerana kurangnya bahan bacaan berbahasa Melayu.

Masalah Sosiobudaya

Sewaktu Patani menjadi sebahagian daripada wilayah selatan Thai, penduduk keturunan Melayu yang mendiami kawasan tersebut berjumlah 95%. Namun keadaan ini sudah jauh berubah; penduduk Melayu di wilayah-wilayah Patani 78%, Yala 61%, dan Narathiwat 78% sahaja. Ini disebabkan penghijrahan penduduk keturunan Thai-Buddha yang dibawa masuk oleh pihak kerajaan bagi memecahkan kepadatan masyarakat Melayu-Islam. Wilayah Patani sahaja dicatatkan mempunyai penduduk yang paling banyak, iaitu kira-kira 467 517 orang dengan jumlah purata sebanyak 232 orang untuk kawasan 1 km persegi, catatan pada akhir bulan Oktober 1984. Program yang dinamakan *Skim Nikhom Sang Kon Eng* atau Rancangan Keluarga Setia diperkenalkan untuk memindahkan penduduk Thai-Buddha di daerah timur, utara, dan barat Thai untuk mengisi tujuh kawasan rancangan yang sedemikian di wilayah kepunyaan bangsa Melayu ini. Menurut Timbalan Pengarah Kebajikan Masyarakat Thai, Ararm Suthpintoo, matlamat pihak kerajaan ialah menempatkan seramai 250 000

orang yang kebanyakannya bekas tentera dan anggota polis Thai. Antara tahun 1960–70 jumlah migrasi penduduk mengikut skim tersebut ialah di wilayah Patani 21 812 orang (10.99%), wilayah Yala 26 150 orang (4.43%), dan wilayah Narathiwat 15 971 orang (2.06%). Walau bagaimanapun jumlah ini semakin meningkat.

Masyarakat Islam Patani sama sekali tidak menyetujui dasar kerajaan ini. Mereka menganggap penempatan ini sebagai satu dominasi asing. Apakah tujuan penghijrahan beramai-ramai ini? Adakah di Patani tidak cukup tenaga pekerja sedangkan terdapat banyak pemuda yang terpelajar dan pengangguran yang semakin bertambah. Dasar ini juga menggambarkan sikap kerajaan yang bertindak tanpa sembarang rundingan dan persetujuan untuk menjaga perasaan warganegara yang beragama Islam. Saudara Ahmad Idris memberi sebab-sebab pemindahan ini seperti yang berikut:

1. Peluang pekerjaan – peluang pekerjaan seperti buruh kasar, kakitangan sektor awam atau swasta, perkhidmatan dalam angkatan keselamatan polis dan tentera.
2. Ekonomi – pembabitan dalam sektor perniagaan, menubuhkan syarikat, perusahaan kilang perladangan, dan yang sebagainya.
3. Sosial – motifnya seperti perkahwinan, mengikut keluarga, atau kawan-kawan, dan yang sebagainya.

Kesan migrasi penduduk keturunan Thai-Buddha ke kawasan bekas negeri Melayu Patani telah meningkatkan jumlah penduduk bukan Islam dengan pesatnya. Perubahan ini telah menimbulkan persekitaran yang mempengaruhi psikologi dan nilai sosial. Pertembungan dua bahasa dan budaya antara Melayu dengan Thai ini telah mendorong kejayaan proses integrasi. Maka terjel-

ma dan lahiriah perubahan kebudayaan dan beberapa istilah bahasa tempatan.¹¹ Golongan berpelajaran Thai atau kakitangan jabatan kerajaan umpamanya mempunyai hubungan yang rapat dengan kaum yang berbudaya lain hingga ada yang mengambil kebudayaan asing yang berasaskan Barat itu sebagai ciri budayanya sendiri. Walau bagaimanapun sebilangan besar mereka terpaksa patuh dan setia pada tugas dan majikan.

Dalam pada itu tidak kurang pula penduduk peribumi Patani yang berketurunan Melayu Islam ini berpindah keluar meninggalkan tanah tumpah darah mereka berdasarkan beberapa sebab yang utama:

1. Pelajaran – pusat-pusat pengajian tinggi tidak terdapat di wilayah-wilayah berbahasa Melayu. Oleh itu sebahagian besar pelajar Melayu-Islam terpaksa berhijrah untuk melanjutkan pengajian sama ada di ibu negara ataupun institusi pengajian di luar negeri.
2. Politik – pembabitan umat Islam Patani atas kesedaran Islam terhadap tanah air yang dijajah dan ditindas menyebabkan banyak antara mereka yang terpaksa lari meninggalkan kampung halaman hidup bersembunyi mendapatkan perlindungan sama ada di negara jiran ataupun negara-negara Asia Barat.
3. Ekonomi – perpindahan yang disebabkan oleh desakan ekonomi di kalangan masyarakat Islam di Patani, Yala, dan Menara ini berkaitan rapat dengan peluang pekerjaan dan mata pencarian. Kawasan tengah negeri Thai, dan negara jiran seperti Malaysia, begitu juga negara Arab Saudi terutama kota suci Makkah menjadi tumpuan masyarakat Islam yang berbahasa Melayu ini.

11 Burr, A. 1976. "Religious Institutional Diversity-Social Structural and Conceptual Unity: Islam and Buddhism in Southern Thai Coastal Fishing Village", *Siam Society Journal*. Jil. 69, hlm. 183-215.

Mengulas masalah yang menjadi gejala sosiobudaya ini, Arong Suthasasna menyatakan bahawa sebenarnya pengaruh Thai terhadap wilayah-wilayah Patani dan Setul hanya ketara pada abad kebelakangan ini. Ia hanya mempengaruhi hal-ehwal pentadbiran sahaja, tidak mempengaruhi bidang kebudayaan dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam. Pengaruh yang benar-benar menguasai kebudayaan mereka datangnya daripada saudara-mara mereka sendiri di Malaysia. Buktinya perkara-perkara seperti kegiatan agama Islam, bahasa Melayu, adat istiadat, dan hampir semua aspek kehidupan, baik nama tempat adalah dalam bahasa Melayu. Ini menyebabkan penduduk Islam sentiasa memikirkan bahawa mereka mempunyai warisan sejarah dan tamadun yang tersendiri, malah sama sekali amat berbeza daripada sejarah orang Siam-Thai. Ini adalah faktor yang sering mencetuskan pertikaian politik dan sosiobudaya antara masyarakat Melayu yang beragama Islam dengan masyarakat Thai yang beragama Buddha.

Walaupun begitu terdapat pemimpin politik dan masyarakat Thai terutama perancang dan pelaksana undang-undang di Bangkok yang sering memandang keempat-empat wilayah Islam, Patani, Yala, Narathiwat, dan Setul dengan pengertian yang serong. Jika terlihat oleh mereka sesuatu yang menyolok perasaan, mereka lantas dengan terburu-buru mahu menukarkannya serta menggubal peraturan atau undang-undang pemerintah yang mesti dipatuhi.

Perbezaan sosiobudaya ini terlalu sensitif berdasarkan isu Melayu dan Islam yang mudah sekali mencetuskan semangat perkauman kerana ini adalah perkara lumrah dalam naluri yang memang wujud dalam setiap masyarakat. Tentang bahasa Melayu pula tegas tokoh akademik Universiti Chulalongkorn ini, umat Islam di selatan Thai sudah menggunakan bahasa Melayu sejak dahulu kala lagi. Jadi sudah tentu bahasa ini begitu

kukuh tertanam dalam pemikiran mereka. Semua sastera Melayu klasik, perumpamaan, falsafah, dan yang sebagainya berhubung rapat dengan bahasa Melayu. Jadi sungguh aneh dan mustahil tindakan kerajaan menghapuskan bahasa Melayu lalu memaksa mereka melupakan bahasa ibunda kerana tindakan demikian seolah-olah memaksa mereka membuang identiti mereka. Pemerintahan Thai berasa tidak senang jika masyarakat Islam di selatan negaranya mengaku diri mereka sebagai orang Melayu; mereka mahu orang Islam itu mengaku diri mereka sebagai orang Thai. Tanggapan begini amat tidak berasas kerana bahasa Thai bukan peradaban yang diwarisi dan dituturkan oleh nenek moyang orang Patani.

Ada pula di kalangan penduduk di wilayah-wilayah kontroversi ini tidak dapat memisahkan antara Melayu dengan Islam. Jika disebut Melayu bererti juga Islam. Jika pihak pemerintah kerajaan Bangkok masih berdegil ingin menjadikan orang Melayu Patani sebagai warganegara yang bersifat Thai tanpa mengkaji perbezaan agama, bahasa, dan kebudayaan maka selama itulah mereka akan mengalami kegagalan khususnya pentadbiran di wilayah-wilayah Islam Patani, menurut Arong Suthasasna.

Masalah Sosiopolitik

Perjuangan politik mengembalikan hak kedaulatan Kerajaan Melayu-Islam Patani sebenarnya bermula sejak tahun 1786 lagi setelah kekalahan Patani di tangan Siam. Namun perjuangan itu lebih merupakan siri peperangan dan pemberontakan tradisi dalam menghadapi ancaman Siam. Perjuangan politik berteraskan Islam dan nasionalisme pula bermula apabila raja-raja Melayu Patani gagal mempertahankan kuasa pemerintahan mereka. Raja Patani yang terakhir Tengku Abdul Kadir Kamaruddin ibni Al-Marhum Sultan Sulaiman Syarif-

fuddin Syah begitu gigih berusaha agar negeri Melayu Patani tidak diserahkan menjadi sebahagian daripada negara Siam. Baginda telah dipenjarakan kerana membangkang tindakan dan campur tangan pentadbiran Bangkok ketika itu yang cuba merampas kedaulatan raja-raja Melayu Patani.

- (i) Kerajaan Siam cuba menghapuskan segala adat resam orang Melayu Patani yang beragama Islam itu bersabit dengan perundangan atau hukum-hukum keadilan, jenayah, harta benda, dan lain-lain lagi.
- (ii) Kerajaan Siam cuba melaksanakan ajaran agama Buddha di kalangan umat Islam Patani.
- (iii) Kerajaan Siam sengaja melalaikan hukuman ke atas orang Islam yang tidak menunaikan fardu sembahyang Jumaat serta bantuan kebajikan seperti penjagaan masjid.
- (iv) Perbuatan jenayah orang Siam terhadap anak-anak gadis Islam, seperti perkosaan dan yang sebagainya.
- (v) Campur tangan pesuruhjaya Siam dalam urusan kutipan cukai kepala bagi memungut perbelanjaan ufti bunga emas dan perak yang mesti dihantar ke Bangkok, begitu juga dalam pungutan cukai garam.

Semenjak Perjanjian Inggeris-Siam ditandatangani pada tahun 1909 yang menyebabkan Patani berada di bawah kuasa Siam, masyarakat Melayu tersebut telah menghadapi krisis identiti yang hebat. Walaupun ditentang oleh masyarakat tempatan untuk mengekalkan identiti Melayu namun ahli-ahli birokrat yang dibiayai oleh kerajaan di wilayah-wilayah yang berkenaan telah menggunakan pelbagai taktik untuk menghapuskannya. Tekanan pertama yang digunakan oleh mereka ialah enggan merujuk masyarakat tempatan sebagai *orang*

Melayu tetapi sebaliknya dirujuk dalam urusan rasmi kerajaan di dalam dan di luar negara sebagai *Thai Muslim* atau *Thai Islam* atau *Orang Thai yang menganut Islam*. Yang paling menimbulkan kemarahan ialah apabila orang Melayu Patani disebut sebagai *khaek* yang bererti penumpang. Kalimat ini merupakan suatu penghinaan pada penduduk peribumi yang dianggap sebagai penumpang di tanah airnya sendiri. Mereka lebih rela dan bersetuju jika disebut sebagai *orang Melayu* atau *orang Islam* ataupun *Islam Patani* yang dapat membawa fahaman yang sama dengan penduduk *Melayu-Islam* seperti warganegara yang mendiami Malaysia dan Indonesia.

Selepas berakhir Perang Dunia Kedua, pada tahun 1946 ketegangan kaum telah mencapai kemuncaknya. Dalam usaha untuk meredakan keadaan, masyarakat Melayu yang sekian lama ketandusan pemimpin telah bangun menuntut semula hak mereka menerusi Tengku Abdul Jalal, ahli Parlimen juga selaku Setiausaha Pertubuhan Fajariah di Teluban. Ini diikuti oleh Tuan Guru Haji Sulong yang menubuhkan pertubuhan *Semangat Patani*. Haji Sulong telah mengemukakan tujuh tuntutan asas kepada pentadbiran Bangkok:

1. Perlantikan seorang pemimpin dengan kuasa penuh untuk mentadbir empat wilayah selatan dan pemimpin tersebut mesti orang Melayu yang beragama Islam dan berwibawa.
2. Kutipan cukai tanah dan yang sebagainya hendaklah dilaburkan dalam lingkungan wilayah-wilayah setempat sahaja.
3. Bahasa Melayu mesti menjadi bahasa pengantar atau perantaraan dalam semua sekolah bantuan penuh kerajaan.
4. Masyarakat Melayu tempatan mesti memenuhi kuota 90 peratus daripada kakitangan kerajaan.
5. Bahasa Melayu di samping bahasa Thai hendak-

- lah digunakan sebagai bahasa rasmi di wilayah-wilayah yang berkenaan.
6. Penubuhan sebuah Majlis Agama Islam yang berkuasa menentukan dan melaksanakan undang-undang Islam dan budaya Melayu di bawah bidang kuasa pemimpin wilayah.
 7. Penubuhan mahkamah syariah yang berkecuali dan di luar bidang kuasa mahupun pengaruh mahkamah awam Thai.

Tuntutan yang lebih menentukan kuasa autonomi masyarakat Melayu-Islam ini sudah tentu ditolak sama sekali oleh pihak berkuasa Bangkok. Sebaliknya Haji Sulong bersama-sama dengan para pengikutnya yang membuat bantahan itu telah diberkas kerana dituduh cuba menyebarkan dakyah anti-Thai. Berita penangkapan itu telah mencetuskan pemberontakan di Dusun Nyior menyebabkan beratus-ratus orang menjadi korban keganasan pasukan keselamatan Thai dan beribu-ribu orang pula yang lari berhijrah memasuki Tanah Melayu.

Kegagalan itu tidak pula melemahkan semangat perjuangan politik golongan yang dianggap oleh negara luar sebagai minoriti Islam selatan Thai. Ada antara mereka yang mahu memikul tanggungjawab dalam suasana yang tertekan dan tertindas itu kerana mereka tidak mempunyai pilihan lain selain turut berjuang menuntut kemerdekaan Patani menerusi gerakan pembebasan Islam. Sejak itu wujudlah keadaan huru-hara di wilayah-wilayah Islam Patani, Yala, dan Narathiwat dengan siri pertempuran sengit antara pasukan keselamatan seperti polis dan tentera Thai untuk menghancurkan perjuangan politik Islam yang menentang kerajaan pusat ini. Semakin kuat operasi pihak berkuasa kerajaan menumpaskan gerakan bawah tanah orang Melayu Patani ini, semakin bersemangat lagi tentangan yang diberi oleh anak-anak watan yang sudah cukup insaf dengan penjajahan. Untuk mengabui dunia dan

negara luar, perjuangan orang Melayu Patani telah digembar-gemburkan dengan propaganda komunis yang kebetulan pula tidak jauh dari pangkalan atau kubu gerila Islam Patani.

Wilayah-wilayah yang pernah menjadi tumpuan para pelajar Islam seluruh Nusantara menuntut ilmu, malah menjadi pusat tamadun dan peradaban Melayu-Islam Semenanjung, kini menjadi medan pembunuhan dipenuhi dengan kejadian yang ngeri dan menakutkan yang saban hari dilaporkan berlaku di sana sini. Pasukan keselamatan Thai dalam operasi mereka memberkas saki baki pejuang Islam sering melakukan kezaliman dan menganiaya penduduk Melayu ini. Jeritan penderitaan di segenap pelosok negeri Melayu yang dijajah oleh Siam tidak ada pembelaan sehingga penduduk kampung yang tidak tahu-menahu tentang politik dan perjuangan turut menjadi mangsa.

Wilayah-wilayah Islam Patani mencatatkan kadar jenayah kematian yang paling tinggi jika dibandingkan dengan wilayah lain sejajar dengan negara Thai sebagai negara yang merekodkan kadar paling tinggi kes yang seumpama itu di kalangan negara Asia. Tahun 1987, terdapat sebanyak 3095 kes pembunuhan (52.7%) dan daripada jumlah itu sebanyak 1646 kes (29.1%) dilaporkan berlaku di wilayah-wilayah Melayu-Islam Patani, Yala, dan Narathiwat. Namun tempoh antara Januari-Jun 1988 terdapat 162 kes pembunuhan di wilayah berkenaan jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.¹² Angka-angka tersebut adalah sebagai contoh yang dapat membayangkan perihai pembunuhan yang dilakukan ke atas umat Islam Patani.

Oleh itu masyarakat Melayu setempat semakin hilang kepercayaan terhadap kerajaan, undang-undang, orang Thai yang beragama Buddha. Dan yang paling

12 *Utusan Malaysia*, 2 September 1988.

ditakuti ialah terhadap pasukan tentera dan polis yang berpakaian seragam yang sering mencetuskan keganasan di sana sini akibat perbezaan bahasa, budaya, dan agama. Maka wujudlah pula keadaan berkelompok antara birokrat yang memerintah dengan rakyat yang diperintah yang menimbulkan perasaan curiga-mencurigai. Wakil rakyat yang terdiri daripada orang Melayu-Islam yang dipilih dalam percaturan politik tempatan untuk memperdebatkan masalah yang tercetus di Parlimen Thai sering berasa resah akibat kecaman rakyat di satu pihak dan tindakan kerajaan di satu pihak yang lain. Sebagai rakyat mereka tetap mendesak pihak berkuasa Kerajaan Bangkok menitikberatkan pembangunan di wilayah-wilayah mereka di selatan negara. Mereka menyuarakan bahawa pemuda Melayu telah ditangkap oleh pihak berkuasa Thai tanpa alasan yang munasabah. Amaran juga diberi kepada kerajaan tentang penyalahgunaan kekuatan pasukan tentera dan polis yang mengganggu keselamatan orang awam di kampung-kampung.

Pada keseluruhannya ahli Parlimen Thai dari wilayah-wilayah Melayu sentiasa menekankan persoalan dua isu besar. Pertama, ditimbulkan keadaan ketidakstabilan kerajaan tentera dan kerajaan awam yang silih berganti pucuk pimpinannya di Bangkok yang terus-menerus menindas penduduk Islam Patani. Kedua, tentang pembunuhan beramai-ramai yang sewenang-wenangnya dilakukan oleh tentera dan polis Thai yang kecewa dan melepaskan perasaan marah dan dendam terhadap masyarakat Islam. Mereka juga mendesak supaya dihentikan pengiriman angkatan bersenjata yang kononnya oleh Kerajaan Thai untuk menghapuskan pengganas komunis di selatan, tetapi menumpukan pembangunan ekonomi dan keperluan asas rakyat, kemudahan sosial, kebebasan mempelajari bahasa Melayu, dan meningkatkan ketinggian dakwah Islam. Di samping itu mereka juga membangkitkan semula

undang-undang pentadbiran Islam tahun 1945 yang sudah lapuk dan perlu diubah suai serta diperbaharui.

Di samping tekanan yang mencengkam, orang Melayu umat Islam Patani tidak terlepas pula daripada projek demi projek yang dilancarkan oleh kerajaan pusat bagi mengintegrasikan negeri Melayu yang dijajahnya ini. Antaranya ialah projek transformasi institusi pengajian pondok. Projek ini bertujuan mengubah bentuk institusi pondok kepada sekolah agama persendirian (Rong-rianrat Sonsasana Islam) di bawah pengawalan Kementerian Pendidikan Thai. Kini hampir semua pondok di wilayah-wilayah yang terlibat itu sudah berubah wajah keasliannya. Perubahan itu menyebabkan banyak sekolah agama terpaksa ditutup kerana tidak mampu lagi mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Kerajaan Thai.

Mengikut laporan kerajaan, sebanyak 146 buah sekolah agama Islam ditutup sejak tahun 1984 dan hanya 202 buah sahaja yang masih beroperasi hingga sekarang ini. Projek peningkatan pendidikan Thai di kalangan penduduk Melayu adalah satu lagi program ke arah integrasi. Antara 1972-76, purata peruntukan tahunan untuk pendidikan sekolah rendah di wilayah-wilayah Melayu Patani, Yala, dan Narathiwat meningkat 40%, sekarang hampir di segenap kampung terdapat sekolah berbahasa pengantar Thai. Sekolah tadika Thai yang biasanya jarang ditemui di kawasan pedalaman Thai di wilayah lain juga turut bertambah bilangannya di ketiga-tiga wilayah itu, di samping sekolah rendah dan menengah. Menurut perangkaan pihak kerajaan hingga tahun 1984, sebanyak 141 495 pelajar Melayu memasuki sekolah berbahasa Thai manakala hanya 40 087 orang sahaja yang belajar di sekolah agama.

Projek skim *Nikhom Sang Kong Eng* (wilayah berdikari) juga adalah program yang bertujuan mengimbangi bilangan penduduk keturunan Thai dan Melayu di wilayah yang jumlah penduduk Melayunya lebih besar.

Penempatan orang Thai-Buddha di kawasan Melayu dibuat secara beransur-ansur dan ditumpukan di kawasan pedalaman. Serentak dengan pemindahan itu, pihak berkuasa Thai menggalakkan orang Thai dari utara dan tempat-tempat lain datang bekerja di wilayah-wilayah Islam selatan, terutama para nelayan yang akan diberi subsidi memiliki kemudahan menangkap ikan, bot besar yang dilengkapi peralatan moden. Projek *Pra-rajdamri* yang dikendalikan oleh keluarga diraja Thai termasuk juga dalam program pembangunan di bawah tema integrasi. Ia bertujuan memberi pertolongan kepada masyarakat tempatan dalam pelbagai aspek, khususnya pertanian dengan membina tali air dan yang sebagainya. Kemudian projek *Tai Romyen* (kebahagiaan selatan) dikendalikan oleh pihak tentera yang dipimpin oleh pegawai tertinggi pemerintah keselamatan wilayah-wilayah Islam Jeneral Harn Leenanond, yang bertujuan merapatkan jurang antara pegawai-pegawai kerajaan Thai dengan masyarakat Melayu tempatan. Salah satu masalah yang cuba diatasi ialah penyalahgunaan kuasa oleh pihak pegawai tadbir tempatan yang sering disebut sebagai pengaruh hitam (*dark influence*) terutama perbuatan rasuah yang berleluasa di kalangan mereka. Sepanjang tanggungjawab Jeneral Harn, wilayah-wilayah Islam Patani, Yala, dan Narathiwat yang sentiasa bergelora dengan keganasan itu dikatakan mencapai keamanan dan kestabilan selama tempoh dua tahun beliau berkuasa yang berakhir pada 10 Oktober 1983.

Namun semua projek yang dinyatakan adalah sebahagian daripada projek induk yang berusaha ke arah meningkatkan tahap integrasi masyarakat Melayu minoriti dengan ciri kehidupan masyarakat Thai. Kesetiaan orang Melayu di selatan Thai yang masih berbelah bahagi, iaitu pada negara Thai yang dianggap kepunyaan mereka dan kepada bangsa Melayu yang menjadi identiti mereka sebenarnya. Kesetiaan yang tidak sepenuh hati ini menjadi asas kegiatan politik yang boleh menjejaskan

kestabilan politik wilayah selatan ini. Tidak semua projek integrasi yang dilancarkan mencapai kejayaan sepenuhnya, kerana beberapa sebab:

1. Kegagalan para pegawai Thai tempatan menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.
2. Kekurangan anggaran belanjawan negara.
3. Wujudnya perasaan curiga dan prasangka antara pegawai Thai tempatan dengan masyarakat Melayu-Islam.
4. Beberapa masalah yang tercetus di kalangan masyarakat tersebut yang hanya boleh diselesaikan sendiri tanpa campur tangan pihak berkuasa kerajaan yang tidak memahami kehendak dan aspirasi penduduk.¹³

Ciri ketidakserupaan ini adalah alasan yang menyebabkan kegagalan pihak Thai mentadbir dan menguasai politik serta masalah sosial Patani. Penjelasan M. Ladd Thomas adalah tepat; katanya:

There is very little social intercourse between Thai Muslims and the relatively few Thai Buddhist living in these provinces. In part, this is due to the different languages used by the two communities. A second reason lies in some of the religious beliefs and practices of the Thai Muslims. A third reason is the fear of Thai Muslims that social interaction with Thai Buddhists would have the effect of encouraging their children to accept features of the Thai culture, thereby facilitating assimilation and the destruction of their Malay heritage. And a fourth reason is that some Thai Buddhists are prone to view the Thai Muslims as being culturally and socially inferior, speak of (as well as to) them in condescending manner, and avoid contact with them whenever possible.¹⁴

13 Wan Abdul Kadir Che Man 1989. "Harapan Baru di Selatan Thai Bukan Projek Baru", *Berita Harian*. 6 September 1989, him. 10.

14 Ladd, T.M. 1985. "Cultural Factors Affecting the Rural Development

Pada 9 Februari 1989 satu lagi projek yang dinamakan *Harapan Baru* telah dilancarkan oleh pihak tentera darat Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Thai, Jeneral Chavalit Yongchaiyudh, untuk mengintegrasikan masyarakat Melayu Patani ke dalam negara Thai. Projek yang pertama kalinya dinamakan dalam bahasa Melayu ini, isi dan tujuannya tidaklah terlalu berbeza dengan projek-projek yang lain selama ini. Jika ada pun perbezaannya hanyalah dari segi pendekatan, iaitu pada nama Melayunya dan kempennya yang dibuat secara besar-besaran oleh penaja bagi mendapatkan publisiti sebelum projek bermula untuk mengatasi masalah penentangan golongan birokrat tempatan yang tidak senang dengan apa sahaja projek yang mungkin menjejaskan kepentingan kuasa mereka. Namun tujuannya yang lebih penting ialah untuk mengurangkan perasaan curiga orang Melayu Patani terhadap langkah yang diambil oleh Kerajaan Thai. Adalah diyakini bahawa projek *Harapan Baru* akan terhad kejayaannya jika perhatian ditumpukan hanya pada penyelesaian masalah tertentu sahaja. Masalah masyarakat Melayu-Islam di selatan Thai adalah masalah turun-temurun dalam suatu sistem penjajahan. Penyelesaiannya tidak akan tercapai tanpa mengira segala aspek yang menjadi ciri masyarakat moden, seperti sejarah, kebudayaan, dan hak untuk menentukan cara hidup sendiri.¹⁵

Kebanyakan para pemimpin masyarakat Melayu baik yang pro-kerajaan mahupun yang menentangnya tidak dapat memastikan adakah perubahan yang akan dilaksanakan atau kemudahan yang akan dinikmati daripada projek *Harapan Baru* itu benar-benar berkesan dan boleh memberi manfaat kepada umat Islam.¹⁶ Se-

Interface of Thai Bureaucrats and Thai Muslim Villagers", *Contemporary Southeast Asia*. Jil. 7, No. 1, Jun 1985, hlm. 1-12.

15 Wan Abdul Kadir Che Man, *op. cit.*

16 Wartawan akhbar *Utusan Malaysia* Rozaid Abdul Rahman, telah membuat

bagai rumusannya Rozaid Abdul Rahman membahagikan masyarakat Melayu umat Islam Patani di selatan Thai kepada empat golongan. Pertama, golongan yang menyokong kerajaan. Kedua, golongan yang menyokong kerajaan kerana inilah satu-satunya cara mendapatkan faedah bagi masyarakat Islam. Ketiga, golongan yang langsung berdegil dan tidak mahu tunduk pada kerajaan, dan keempat, golongan yang tidak mahu mengambil tahu langsung.

Walau bagaimanapun golongan yang terbesar adalah mereka yang menyokong kerajaan untuk faedah umat Islam dan golongan yang tidak peduli tentang politik dan perjuangan. Golongan yang menyokong demi faedah masyarakat Islam ini terdiri daripada pengetua Majlis Agama Islam: kadi, hakim syariah, pentadbir sekolah agama, dan juga kakitangan yang merasai faedah kerajaan. Dalam pada itu golongan yang paling membimbangkan keseluruhan masyarakat Islam ialah golongan yang tidak mahu tahu langsung dengan nasib bangsa dan tanah air yang terjajah. Mereka ada kalanya senang dipujuk dan dengan bersikap begitu menyebabkan interaksi sesama sendiri menjadi sukar sekali.

Sungguhpun wilayah-wilayah Patani bekas negeri Melayu yang subur dengan kepadatan penduduknya dapat membekalkan sebanyak 35% pendapatan per kapita keluarga negara Thai tetapi hanya 2% sahaja dilaburkan untuk kemajuan umat Islam Patani. Kemunduran ini terlihat daripada keturunan Melayu di wilayah Patani: kaum petani golongan yang terbesar iaitu 74.25%, peniaga 3.16%, nelayan 9.05%, dan kakitangan kerajaan hanya 1.56%. Di wilayah Yala pula keturunan Melayu yang menjadi petani 64.31%, peniaga 10%, pekerja biasa 17.89%, dan kakitangan awam hanya 7.72%.

liputan hampir setiap hari mulai Isnin 24 Julai hingga Selasa 1 Ogos 1989 tentang masalah masyarakat Melayu selatan Thai tentang projek *Harapan Baru*.

Di wilayah Narathiwat juga peraturannya hampir sama, begitu juga bidang perniagaan kecil orang Melayu mencapai 10%. Keseluruhannya terdapat hanya 3% sahaja orang Melayu yang diterima bekerja sebagai kakitangan kerajaan. Ini disebabkan masyarakat Melayu masih curiga terhadap kerajaan dan apabila wujudnya sikap prajudis ini mereka enggan mempelajari bahasa Thai yang menyebabkan mereka sukar diterima sebagai kakitangan kerajaan.

Walau bagaimanapun orang Melayu Patani rata-rata masih tidak mahu menerima hakikat bahawa mereka adalah rakyat Thai sebenar-benarnya lantas menuntut pembebasan dan kemerdekaan. Tuntutan ini dibuat berdasarkan kebenaran hak mutlak dan pertuanan peribumi Melayu Patani yang masih boleh dibuktikan daripada hal-hal yang berikut:

1. Fakta sejarah pemerintahan Kerajaan Melayu-Islam Patani Darul Makrif yang berdaulat, perhubungan politik, ekonomi, dan perdagangannya dengan negara-negara luar.
2. Kesan peninggalan warisan sejarah dan tamadun serta Kesultanan Melayu Patani yang masih boleh dilihat hingga masa ini melambangkan kemerdekaan sebuah negara.
3. Kelainan etnik penduduk, bahasa pertuturan, tulisan, agama yang dianuti, dan sosiobudaya.

Dasar Pemerintahan Thai Terhadap Rakyat Patani

Pencabulan Hak Kemanusiaan

Lebih 80% penduduk yang mendiami wilayah-wilayah Patani terdiri daripada orang Islam. Kedudukan ini telah disabotaj dan dieksplotasi dengan begitu ketara terutama dalam pemerintahan Phibun Songgram. Dasar ini terus diamalkan dan diikuti dengan cara yang agak

berdiplomasi. Walau bagaimana juga sekalipun, cara pelaksanaannya tetap pedih dan sama sahaja dirasakan oleh umat Islam Patani. Antara tindakan yang pernah diambil:

- (i) Orang Islam dilarang berkumpul walaupun untuk bersembahyang Jumaat.
- (ii) Orang Melayu-Islam dipaksa meninggalkan amalan adat resam Melayu-Islam, sebaliknya mengamalkan cara hidup yang diperkenalkan dari Bangkok.
- (iii) Orang Islam dilarang mengadakan perayaan agama kecuali pada hari-hari raya sahaja.
- (iv) Sekolah agama dan pondok telah diarahkan tutup kecuali sekolah yang dianjurkan oleh pemerintah.
- (v) Buku teks agama Islam yang berbahasa Arab dan Melayu telah dilarang penggunaannya dan digantikan dengan buku teks yang diterjemahkan ke bahasa Thai.
- (vi) Bahasa pengantar di sekolah agama dan pondok yang dahulunya berbahasa Arab dan Melayu telah dipaksa tukar ke bahasa Thai sebagai ganti.
- (vii) Buku agama terjemahan ke bahasa Thai telah dicetak dengan lambang berhala Buddha di kulit buku serta kaedah dan pembelajaran mengikut dasar Kementerian Pendidikan Thai.
- (viii) Patung berhala Buddha telah ditempatkan di sekolah rendah dan menengah Thai, walaupun 70% atau 80% murid beragama Islam. Unsur-unsur ini juga telah cuba diserapkan ke sekolah agama dan pondok.
- (ix) Pembangunan dakwah Islam di wilayah-wilayah Patani secara langsung terletak pada inisiatif umat Islam semata-mata. Pihak pemerintah tidak ada sembarang perancangan yang khusus

untuk pembangunan identiti Islam. Sumbangan dan bantuan ala kadar pernah diberi bermotif politik bagi tujuan propaganda ataupun untuk mengabui dunia luar tentang hak kebebasan beragama di ketiga-tiga wilayah yang berkenaan.

- (x) Bantuan kewangan bagi tujuan pembangunan Islam yang dibiayai oleh negara Arab Jama-hiriyah Libya dan Negara Arab Saudi telah di-selewengkan dan disalahgunakan. Hanya 30% sahaja yang benar-benar dialirkan untuk tujuan pembangunan Islam, sedangkan selebihnya di-pergunakan untuk kepentingan institusi penga-jian Thai.

Pencabulan Bangsa dan Bahasa Melayu

Dalam usaha pihak kerajaan menghapuskan identiti peribumi bangsa Melayu Patani dan bahasanya, maka dasar yang amat provokatif seperti yang berikut telah dilancarkan:

- (i) Mengharamkan penubuhan institusi pengajian dan pelajaran bahasa Melayu sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah, ataupun tinggi.
- (ii) Mengharamkan sembarang penerbitan akhbar atau majalah berbahasa Melayu yang bercorak sastera rakyat peribumi.
- (iii) Melarang dilahirkan apa juga jenis badan, per-tubuhan, dan yang sebagainya yang dianjurkan oleh masyarakat Melayu kecuali anjuran atau campur tangan pihak berkuasa kerajaan.
- (iv) Membawa masuk seberapa banyak penduduk keturunan Thai dari utara, barat, dan timur Thai menetap di wilayah-wilayah Islam di selatan. Ini bertujuan menghapuskan identiti dan majoriti

- rakyat asal peribumi Melayu Patani.
- (v) Menukarkan nama Islam kepada nama Thai, manakala anak-anak yang baru lahir dipaksa dinamakan dengan nama Thai ataupun nama Buddha.
 - (vi) Nama tempat sejak zaman dahulu lagi dikenali oleh masyarakat tempatan dan sejarahnya mengikut nama atau sebutan lidah Melayu, kini telah ditukarkan kepada nama Thai sama ada secara langsung ataupun merupakan terjemahan perkataan asal.
 - (vii) Dalam istilah kewarganegaraan Thai, bangsa Melayu telah dihapuskan sama sekali, walaupun ia merupakan suatu kelompok yang masih wujud dalam kawasan penduduk yang mempunyai identiti tersendiri sebagai peribumi dan hak pertuanan ke atas bumi Patani.

Pencabulan Hak Awam

Orang awam iaitu penduduk Melayu Patani sentiasa dalam keadaan dilema dan terdedah pula pada pelbagai ancaman kekejaman lantaran kerajaan tempatan dan Bangkok kerap mengamalkan sikap tidak menghormati hak awam. Antara tindakannya yang sangat popular ialah:

- (i) Mengenakan hukuman mati atau bunuh begitu sahaja ataupun dipenjarakan tanpa dihadapkan ke muka pengadilan ke atas sembarang kes yang disyaki di kalangan orang Melayu-Islam, sama ada kes bersabit dengan perjuangan pembebasan ataupun jenayah.
- (ii) Pembunuh upahan, penjenayah dan pasukan khas yang tidak beruniform yang didalangi oleh pemerintah tempatan sentiasa bergerak cergas untuk bertindak ke atas sesiapa sahaja yang

- cuba mempertikaikan arahan atau tindakan pihak berkuasa kerajaan tempatan mahupun pentadbiran Bangkok. Mereka terdiri daripada penjenayah yang diberi perlindungan undang-undang dan jaminan keselamatan oleh kerajaan. Sejak tahun 1975-85 lebih 30 000 orang awam di kalangan orang Melayu telah dibunuh atau hilang begitu sahaja tanpa dapat dikesan.
- (iii) Pihak berkuasa tempatan menerusi anggota polis, tentera, *osa*, dan *nopapa* (sukarelawan) dibenarkan menindas, mengugut, bahkan membunuh orang Melayu yang disyaki menentang Kerajaan Thai atau yang menolong perjuangan gerila Islam Patani.
 - (iv) Perlantikan ketua kampung (*naiban*), penghulu (*kamnan*), terdiri 70% daripada kalangan bekas penjenayah yang direstui oleh penguasa tempatan dan Bangkok.
 - (v) Penguasa tempatan, pegawai polis, tentera, kakitangan Jabatan Awam dan lain-lain sentiasa mencari kepentingan diri. Rasuah juga menjadi punca kegelisahan dan keadaan tidak tenteram masyarakat Islam setempat.
 - (vi) Di daerah-daerah tertentu terdapat kegiatan memasang jerangkap samar (*boby-trap*) di jalan-jalan menuju dusun buah-buahan pada musim buah bertujuan menakut-nakutkan orang kampung. Perlakuan ini dibuat sebagai amaran dan balas dendam kerana sokongan orang kampung terhadap para pejuang pembebasan. Pada masa yang sama mereka berleluasa mengaut hasil dusun buah-buahan kampung untuk faedah diri dan ketua mereka.
 - (vii) Rancangan integrasi nasional kerajaan lebih merupakan daya penghapusan identiti masyarakat Melayu peribumi Patani. Dalam hal ini mereka telah berjaya mensiamkan dan mem-

- buddhakan sebahagian besar penduduk keturunan Melayu di sebelah utara, bermula dari Segenting Kra hingga memasuki wilayah-wilayah Patani.
- (viii) Dalam pertumbuhan ekonomi negara, ternyata Kerajaan Thai telah mengambil sikap tidak menggalakkan pertumbuhan ekonomi di kalangan masyarakat Islam. Lapangan perindustrian dan sistem teknologi adalah sesuatu yang asing bagi mereka. Masyarakat Islam Patani masih kekal dengan cara dan corak kehidupan lama terutama di sektor pertanian dan perikanan serta kemiskinan dan penderitaan yang tidak pernah dibela.
 - (ix) Rancangan pembangunan ekonomi desa atau skim *nikhom*, lebih merupakan satu rancangan perampasan hak rakyat peribumi Patani kerana pada asalnya tanah-tanah yang telah diberi hak milik atau yang masih dalam proses mendapatkan hak milik telah dirampas tanpa sembarang pampasan atau ganti rugi ialu menjadikan kawasan rancangan *nikhom*, yang hanya 30% sahaja diperuntukkan kepada orang Melayu, manakala 70% lagi diperuntukkan kepada pendatang keturunan Thai yang memenuhi kuota rancangan tersebut. Rancangan ini juga bertujuan mengimbangi kepadatan penduduk Islam keturunan Melayu dengan orang Buddha keturunan Thai yang kemudian secara automatis akan menghapuskan majoriti bangsa Melayu di tanah airnya sendiri.
 - (x) Tidak pernah ada dasar atau rancangan pembangunan dan pengagihan ekonomi secara adil. Kekayaan dan hasil mahsul khazanah bumi Patani telah dikaut dan diangkut ke Perbendaharaan Bangkok tanpa menilai pembangunan setempat. Adalah ditaksirkan Patani mem-

bekalkan sebanyak 35% pendapatan per kapita keluaran negara Thai, hanya 2% sahaja diburukkan untuk pembangunan rakyat Patani.

- (xi) Dasar mengetepikan anak Melayu dalam bidang pentadbiran, perkhidmatan awam, kepegawaian dalam perkhidmatan anggota polis dan tentera adalah satu lagi bentuk pencabulan.

Berdasarkan ciri yang telah disebutkan, terdapat golongan ketiga yang berdegil dan tidak mahu tunduk di bawah kerajaan, seperti yang dikatakan oleh Rozaid Abdul Rahman. Mereka sekian lama hidup dalam penjajahan malah amat arif memikirkan dasar kerajaan ke atas penduduk Islam. Untuk itu mereka lebih bersetuju ke arah memerdekakan Patani untuk mengembalikan kedaulatan bangsa yang sudah tercemar. Berkemungkinan besar mereka ingin mengibarkan panji-panji Islam dalam barisan pemisahan untuk:

- (i) Menubuhkan Republik Islam Patani Darul Makrif berlandaskan hukum al-Quran, sunnah Rasulullah, ijtihad al-Salaf, dan ulama al-Salihin.
- (ii) Menghidupkan sebuah masyarakat yang mengamalkan kebebasan bagi semua penduduk.
- (iii) Meningkatkan perkembangan agama Islam dan realitinya pada identiti bangsa Melayu dan kebudayaannya.
- (iv) Menghormati pengisytiharan piagam yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan prinsip Persidangan Bandung 1955 oleh negara-negara Afro-Asia.
- (v) Menyokong gagasan dan prinsip perpaduan negara-negara Islam didukung oleh Persidangan Negara-negara Islam (OIC).
- (vi) Menghormati piagam gerakan negara-negara berkecuali.
- (vii) Menyokong prinsip yang diamalkan oleh ne-

gara-negara ASEAN dalam menghormati kawasan zon Aman, Bebas, dan Berkecuali.

Patani Dalam Pemulihan Dunia Melayu

Konsep dunia Melayu yang dirujuk pada wilayah budaya dan geopolitik negara Malaysia dan Indonesia memang sudah lama digunakan oleh para sarjana Barat. Antara nama-nama yang paling awal digunakan oleh orang China ialah *Kun-lun*, orang India kuno menyebut *Su-varnabhumi*, *Suwarnadwipa*, *Kanakabumi*, dan *Java-dwipa*, orang Maslehi Yunani menyebut *Jabadio* (*Golden Chersonese* bagi bumi Semenanjung) dan orang Arab pula menyebut Al-Jawi atau Tanah Jawi. Penulis Barat merujuknya sebagai *The Malay World*, *The Malay Archipelagoes*, *The Malay-Polynesian World*, Malaysia, dan yang sebagainya. Di kalangan orang Melayu sendiri wujud pula istilah Tagaroa atau Tagalog ataupun orang Tenggara, Tanah Jawi, Gugusan Kepulauan Melayu, Alam Melayu, Melayu Raya, dan kini Dunia Melayu atau Nusantara sahaja.

Apabila penggunaannya sudah begitu umum dan meluas, tentulah penggunaan ini mempunyai asas yang kukuh. Dari sudut antropologi tentulah pula linguistiknya yang merupakan alat komunikasi daripada rumpun bahasa yang sama disebut bahasa Austronesia, serta beberapa persamaan daripada sistem politik dan kebudayaan. Beberapa kajian dan penyelidikan telah menunjukkan bahawa sejak ribuan tahun sebelum zaman Masihi, bangsa Melayu-Polinesia penduduk dunia Melayu ini telah membentuk tamadun dan peradabannya yang tersendiri. Penemuan sisa tengkorak jenis Homo *Mejokertensia* dan Papua Melanosoid di beberapa tempat membuktikan adanya kehidupan yang sezaman atau kontemporari dengan manusia purba di benua-benua lain. Pengaruh dunia Melayu bukan sahaja terbatas pada negara-negara di bumi Asia Tenggara sahaja, ia tersebar

lebih luas dari itu.¹⁷ Ada bukti yang menunjukkan tamadun bangsa Melayu berkembang hingga Malagasi atau Madagascar di pantai benua Afrika di sebelah barat, sampai ke Kepulauan Paskah di Lautan Pasifik (kira-kira 40 batu berhampiran Amerika Selatan) di sebelah timur. Orang Melayu yang juga dikatakan sampai ke New Zealand di sebelah selatan hingga Taiwan serta Kepulauan Okinawa dan Hokkaido di Jepun (dengan penduduk aslinya Ainu) di sebelah utara, adalah keturunan suku Melayu-Polinesia. Seorang ahli antropologi Inggeris menggambarkan bahawa suku kelompok tersebut adalah penjajah yang dominan:

*... The world's greatest colonizers, spreading eventually as far westward as Madagascar, eastward to Easter Island, northward to Hawaii, and as far south as New Zealand.*¹⁸

Dengan kawasan yang begitu luas, maka tidak hairanlah tamadun Melayu amat kaya dengan kebudayaan serta ciri-cirinya yang tersendiri. Catatan bertulis menjelaskan tamadun Melayu sudah wujud sejak abad pertama Masihi hingga kini dan tinggalan sejarahnya cukup banyak untuk diwarisi. Ia tidak hanya dibina atas asas kebendaan semata-mata tetapi berasaskan kerohanian, pemikiran, dan keilmuan. Oleh sebab kedudukan dunia Melayu yang amat strategis, maka pencapaian tamadunnya banyak menimba unsur-unsur daripada tamadun India, Parsi, China, Islam, dan Barat; semua ini telah memperkaya tahap peradaban itu sendiri.

Dunia Melayu mempunyai sejarah yang gemilang sebelum kedatangan kuasa asing di rantau ini. Tercatat

17 Wan Hashim Wan Teh, "Dunia Melayu dan Tersebar Luasnya Rumpun Bangsa Melayu", kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Dunia Melayu*, 24-25 Januari 1988 Universiti Utara Malaysia, Bandar Darulaman, Kedah.

18 Gathercole, P., "Pacific Adventure", *The UNESCO Courier Civilizations of the Sea*, Disember 1983.

dalam sejarah bahawa ia merupakan pusat peradaban atau tamadun yang tinggi, pusat kebudayaan dan perkembangan ilmu pengetahuan, dan pusat perdagangan yang penting. Selaras itu lahir pula negarawan, pahlawan, ahli pelayaran dan peneroka, tokoh agama, sasterawan, dan ahli falsafahnya. Kedatangan kuasa Barat bukan sahaja telah menyenyapkan dunia Melayu daripada lembaran sejarahnya yang gemilang itu tetapi juga telah menodai bangsa Melayu hingga dunianya merupakan interpretasi mengikut kaca mata penjajah. Bukan sahaja telah dijajah dari segi politik, diperas pula ekonomi malah cara pemikiran dan nilainya disogok dengan pendapat menurut penilaian mereka. Bangsa Melayu hampir hilang teras identitinya dan dunia Melayu hampir lenyap daripada sejarahnya.

Keruntuhan politik dunia Melayu bukan kerana ne-nek moyang pada masa lalu tidak bersemangat dan tidak berani. Ia berlaku kerana orang Melayu berhadapan dengan bangsa yang lebih tinggi ilmu pengetahuan dan teknologinya dan ditipu helah kemudian disemai dengan bibit perpecahan supaya orang Melayu tidak boleh bersatu padu. Dengan cara yang halus, bangsa asing telah dapat menguasai fikiran hingga mereka memandang rendah terhadap diri sendiri dan kepada apa sahaja yang ada. Bangsa penjajah lebih menonjolkan ketinggian kebudayaan mereka supaya kita lebih mementingkan seni dan budaya, warisan dan sejarah, sementara ilmu pengetahuan, ekonomi, dan politik dipisahkan supaya tidak diberi perhatian agar bangsa Melayu menjadi lemah. Orang Melayu juga disogokkan dengan nilai dan kebudayaan penjajah supaya akhirnya hilang identiti mereka dan menyanjung tinggi apa yang ada pada penjajah.

Sekarang perlulah bangsa Melayu membebaskan diri daripada segala bentuk pengaruh yang melemahkan itu. Yang penting di sini ialah memupuk semula nilai dan keperibadian Melayu yang mempunyai dinamismenya

sendiri. Dengan perkataan lain orang Melayu perlu menebus semula maruah sebagai satu rumpun bangsa yang berkeperibadian tinggi dan berkeupayaan menjadi manusia yang maju dalam semua bidang.¹⁹

Dalam hal ini, wilayah-wilayah Melayu selatan Thai merupakan sebahagian daripada dunia Melayu di Semenanjung yang sedang mengalami krisis identiti yang amat kritikal. Kawasan yang disebut *Phak Tai* panjangnya kira-kira 1672 km meliputi kawasan 70 189 km persegi didiami oleh seramai 6.1 juta penduduk (12.3%) daripada jumlah penduduk Thai. Bermula dari Segenting Kra, kawasan yang mengalami pertumbuhan tamadun awal negara kota itu meliputi 14 buah wilayah iaitu, Chumphon, Ranong, Suratthani, Nakhorn Sri Thammarat, Krabi, Phang Nga, Phuket, Trang, Phattalung, Songkhla, Patani (termasuk Yala dan Narathiwat), dan Setul (asalnya sebahagian daripada Kedah). Wilayah-wilayah yang padat dengan penduduk Melayu dan masih menyamakan kebudayaan Melayu seperti di wilayah Patani, Yala, Narathiwat, dan sesetengah daerah di Setul dan Songkhla.

Menurut pendapat Rattiyah Salleh, seorang sarjana tempatan yang cukup yakin bahawa kemunduran kebudayaan bangsa akan memundurkan bangsa dan negaranya kerana ia adalah simbol identiti sesuatu bangsa. Tegasnya lagi, oleh sebab orang Melayu di selatan Thai itu sendiri telah merumuskan bahawa kebudayaan Melayu menjadi milik masyarakat berketurunan dan berbahasa Melayu. Jika mereka sengaja melupakan budaya warisan itu maka kesedaran mereka sebagai bangsa turut hilang dan luput akhirnya. Fenomena ini amat membimbangkan kerana unsur-unsur begini sudah wujud dan menjalar dalam masyarakat Melayu di wilayah-

19 Merupakan sebahagian daripada teks ucapan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Perasmian Pertemuan Dunia Melayu 1982, 18-21 Disember 1982, Melaka.

wilayah Patani yang selama ini dikenali kukuh mempertahankan warisan Melayunya, terutama yang mendiami sekitar bandar-bandar kecil yang sepatutnya menghalang kerana mereka dianggap sebagai kumpulan pemimpin. Tetapi kini ditemui masyarakat Islam yang sudah berbahasa Thai mahupun dalam pergaulan harian serta telah dipesongkan fahaman bahawa setiap yang dikatakan pemodenan atau kemajuan itu datang-nya daripada bahasa Thai.

Dalam pada itu konsep Melayu dalam pengertian masyarakat Islam di Patani telah berubah, mereka tidak dapat mengasingkan antara bahasa dengan bangsa malah menurut dialek tempatan *baso-nayu* membawa maksud bahasa atau bangsa Melayu. Lebih jauh dari itu kemelayuan tidak dipentingkan lagi, yang muncul di tengah masyarakat ialah Islam hingga timbul kekeliruan terutama dalam urusan rasmi pihak kerajaan yang tidak dapat membezakan antara kebudayaan Melayu dengan prinsip agama Islam. Oleh itu mereka menggolongkan permainan rakyat seperti wayang kulit, makyung, tarian zapin, dan yang sebagainya sebagai kebudayaan Islam.²⁰

Dalam perspektif dunia Melayu yang luas, Malaysia merupakan negara induk yang terkuat dan terakhir mempertahankan tradisi Melayu-Islamnya dalam bentuk yang agak murni. Di sini masih berlanjutan tradisi raja-raja yang didampingi oleh adat istiadat, budi bahasa, kesenian, dan dialek Melayu, serba ketaatan pada agama yang menjadi tradisi Melayu-Islam. Negara ini merupakan salah satu tanah asal usul bahasa dan budaya Melayu, yang walaupun perjalanan sejarahnya terganggu oleh penjajahan Barat, tetapi kelangsungannya tidak pernah terputus. Demikian ditegaskan oleh Ismail Hus-

20 Rattiyah Saleh 1989. "Kebudayaan Melayu dan Kebudayaan Thai di Selatan Thai: Asimilasi dan Integrasi", *Tamadun Melayu*, Jil. Dua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

sein seorang tokoh yang ingin membina kebanggaan terhadap warisan kebudayaan Melayu bukan sahaja dalam pengertian yang kecil di negara Malaysia, tapi warisan dalam pengertian yang maha luas di seluruh dunia Melayu, termasuk selatan Thai.

Menyentuh tentang bahasa Melayu dan nasib bangsanya di selatan negara Gajah Putih itu beliau menerangkan keadaannya agak sulit sedikit. Politik dan ekonomi Thai belum begitu stabil dan negaranya begitu besar, jadi ada semacam ketakutan di kalangan pemerintah terhadap golongan minoriti berbahasa Melayu. Jadi kedudukan bahasa dan kebudayaan Melayu agak membimbangkan. Masa depannya dapat diramal, diteka tetapi pada peringkat sekarang ada percubaan yang cukup kuat oleh pihak Bangkok untuk membina Kesatuan Kebudayaan Nasional. Dengan sendirinya bahasa Thai akan didominasi. Mungkin tidak ada kebebasan yang luas yang diberi untuk pembinaan bahasa Melayu. Tegas Ismail Hussein lagi, kemungkinan orang Melayu di selatan Thai khususnya di wilayah-wilayah Patani akan hilang identiti lantaran pengaruh dan tekanan politik pemerintah memang ada, tetapi jelasnya tidak semudah itu. Sekiranya negara Thai sudah yakin dengan kekuatan kesatuan nasionalnya, mereka tidak akan terancam dengan warna Melayu di selatan, malah dapat mengikat tali persaudaraan dengan dunia Melayu di selatan; ini yang diharapkan akan terjadi. Walau bagaimanapun ada proses asimilasi yang 100% menyebarkan masyarakat Melayu di Patani ke dalam kebudayaan nasional Thailand.²¹

Galakan juga diberi melalui saluran rasmi seperti bantuan untuk membina Pusat Pengajian Melayu di samping galakan kepada sarjana Melayu Patani untuk

21 Ismail Hussein 1988. "Sastera Melayu Kurang Dinamik," dalam Ismail Hussein, *Segugus Pandangan dan Harapan*. Alor Setar: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, hlm. 134.

ikut serta dalam pertemuan di Malaysia, seperti siri perbincangan seperti Pertemuan Dunia Melayu, Seminar Dunia Melayu, Hari-hari Sastera setiap tahun, Dialog Utara, Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Persidangan Tamadun Melayu, Pertemuan Sasterawan Nusantara, dan yang sebagainya. Seminar Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan, yang berlangsung di Takengon, Aceh Tengah, Indonesia pada 20–24 Januari 1986 umpamanya turut dihadiri oleh perwakilan dari Patani. Kesempatan ini para sarjana perwakilan dari Patani dapat melahirkan nasib masyarakat Melayu yang beragama Islam sebagai golongan minoriti pertama tentang perkara yang bersangkutan dengan bahasa, pendidikan, kebudayaan tetapi belum lagi berani membicarakan isu sosiopolitik semasa dalam perjuangan segolongan umat Islam di sana. Mohd. Taib Osman melihat sekitar tahun empat puluhan dan lima puluhan pergerakan pemisah dan kemerdekaan Patani serta wilayah-wilayah Melayu yang lain telah mencapai kelantangan yang hebat. Katanya, pengajian tentang ciri-ciri budaya yang melampaui batas-batas sosiopolitik sekarang, yang masih kuat menunjukkan persamaan, seperti mengkaji sastera Melayu klasik semestinya meliputi wilayah-wilayah selatan Thai.²²

Demi mengeratkan hubungan bahasa dan budaya pula, pada 13–14 Jun 1985 pihak GAPENA (Gabungan Penulis Nasional), ASASI (Angkatan Sasterawan Nasional Kedah), dan 3P (Perlis) telah mengadakan kunjungan ke Institute of Islamic Studies, kampus Prince Songkhla University, Patani. Ini diikuti dengan majlis forum bertajuk “Kerjasama Malaysia dan Selatan Thailand dari segi Pengembangan Bahasa Melayu”. Yang Dipertua Majlis Bahasa Melayu Patani atau MBMP berpendapat bahawa ada sedikit masalah yang boleh meng-

22 Mohd. Taib Osman, *op. cit.*, hlm. 62–83.

akibatkan kemunduran penggunaan bahasa Melayu di kalangan orang Melayu Patani terutama di kalangan generasi muda. Kebelakangan ini bukan sahaja ia tidak dapat tumbuh dengan subur malah banyak orang Melayu yang meninggal dunia. Ahmad Darma pula menyatakan bahawa tujuan MBMP ditubuhkan adalah untuk membina dan memperkembangkan bahasa Melayu, namun banyak memerlukan bimbingan GAPENA untuk memberi rangsangan dalam kegiatannya. Beliau amat menaruh harapan pada kerjasama dua hala dalam rangka untuk dapat membina dan mengembangkan bahasa Melayu di selatan Thai. Mohamad Yusuf Hassan melihat kepentingan Patani dan hubungannya dengan orang Melayu di utara Semenanjung Malaysia. Menurut Patani adalah pusat ilmu yang dipenuhi dengan pondok dan sekolah agama dan pernah menjadi tumpuan penuntut Islam dari seluruh Nusantara atau dunia Melayu. Patani adalah tempat terhasilnya kitab agama oleh ulama-ulama Patani. Yang menarik, Patani telah memberi satu implikasi yang cukup besar pada perkembangan kesusasteraan Melayu di Malaysia. Beliau telah menggariskan bentuk kerjasama dua hala Malaysia-Patani bagi kegiatan:

1. Mengadakan kunjungan muhibah sastera dan budaya dari semasa ke semasa.
2. Kitab-kitab agama hasil tulisan tokoh-tokoh agama Patani hendaklah dikumpulkan dan disimpan dengan baik. Ini dapat dibuat kajian lanjut serta dipamerkan kepada masyarakat di kedua-dua negara.
3. Menghadihkan buku terbitan Malaysia kepada Majlis Bahasa Melayu Patani (MBMP).
4. Akan menyiarkan karya-karya sastera penulis-penulis Patani yang berbakat dalam media massa di Malaysia.

Demikian antara pemulihan untuk menampilkan Patani kembali dalam dunia Melayu yang dinaunginya malah untuk menonjolkan lagi Melayu di Patani, persidangan atau pertemuan seumpama di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa hendaklah dianjurkan di Patani bagi menambahkan realitinya sebagai sebahagian daripada dunia Melayu.

Namun keadaan ini agak aneh dan tidak dapat bergerak. Sedang dunia Melayu menarik Patani bersama keluarga dan sanak saudaranya yang hanya mampu memperkatakan hal-hal tamadun dan kebudayaan Melayu sejagat, pihak kerajaan Thai pula sedang giat melaksanakan cita-citanya menghapuskan identiti Melayu di kalangan umat Islam. Tegas Perdana Menteri Thai Prem Tinsulanonda:

No one can claim that Thai Muslims want to separate themselves from the kingdom of Thailand. When the idea of separatism has been discarded, what we must do is to make them feel that they are Thai in every way except religion.²³

Jadi, dari sudut apa hendak diimpikan kewujudan dunia Melayu; adakah sudut budaya, bahasa, sastera, atau politik? Tentulah amat membanggakan apabila Ismail Hussein menyatakan, ia membina kesedaran yang luas bukan sahaja terhadap masalah bahasa dan sastera, tetapi juga terhadap masalah kebudayaan, sejarah, dan pelbagai macam masalah politik yang luas. Dunia Melayu akan hanya wujud dengan penuh keyakinan baik dalam masa yang singkat mahupun dalam jangka masa yang panjang apabila masalah politik ditekankan dan diambil kira. Politiklah sebenarnya dapat menentukan segala-gala dalam pemerintahan sesebuah negara, apalagi sesebuah negara itu berlandaskan sis-

²³ Kenyataan akhbar *Bangkok Post* yang disiarkan oleh akhbar *Straits Times* naskhah Singapura 6 Mac 1987.

tem demokrasi. Kuasa demokrasi sebenarnya hanya akan memberi ruang kepada yang menang dan kemenangan ini pula bergantung pada majoriti sesuatu bangsa. Kira-kira 15% daripada penduduk berbahasa Melayu yang berjumlah 200 juta di dunia Melayu bukan sahaja lemas sekarang, tetapi kemungkinan ada Melayu yang tidak lagi mengenali Melayunya. Negara Arab sudah cukup dijadikan contoh; betapa pun negara-negara Arab luas dan berpengaruh, tetapi dengan sistem politik yang berlainan, maruah dan kekuatan Arab itu dengan sendirinya telah jatuh.²⁴

Justeru itu apa yang berlaku di Patani perlu dihubungkan penelitiannya berdasarkan faktor-faktor sejarah dan politik. Sebagai sebuah negeri Melayu tulen yang mengalami masa silamnya menerusi ciri-ciri peradaban bangsa Melayu Semenanjung, kedudukan Patani terus dipengaruhi oleh arus dunia Melayu-Islam Nusantara. Jelas Peter G. Gowing:

*The Muslims of the Southern Thailand have their roots in the Malay World, and owe much to the Islamic civilization of Arabia and the Middle East. Without noting that the arts and manufactures, music and dancing, language and literature, dress and life-ways are similar, if not practically identical, to those of neighbouring Malaysia and Indonesia. Indeed, those borders were more or less imposed by Western colonial powers and had the effect of imposing Thai nationality on people who were, and are, integral to the Malay World.*²⁵

Oleh sebab itu sewaktu masalah politik Patani memuncak hingga ke pengetahuan meja perundingan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1948 ia tetap dikenali sebagai *fairyland of Malay romance and*

24 Azizi Haji Abdullah 1986. "Dunia Melayu Impian yang Tak Mungkin Tercapai", *Berita Minggu*. 17 April 1988, hlm. 6.

25 Gowing, P.G. 1978. *Moros and Khaek: the Position of Muslim Minorities in the Philippines and Thailand*. Southeast Asian Affair 1978, Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, hlm. 27-40.

*the famous kingdom in Malaya.*²⁶ Adalah diharapkan sesudah perletakan senjata pengganas komunis dalam PKM, keamanan akan pulih di wilayah-wilayah Patani. Daripada kestabilan itu pula dalam menghadapi dekad 90-an dan di ambang abad ke-21 masyarakat Islam keturunan Melayu berkenaan dapat membina kesinambungan tamadun yang pernah dicapai olehnya sebagai sebuah negara, suku bangsa, dan bahasa yang tersendiri.

26 Whittingham-Jones, B. 1948. "Patani Appeals to UNO", *Eastern World*. Jil. 2, No. 4, hlm. 4-5.

THE JOURNAL OF THE AMERICAN MEDICAL ASSOCIATION
PUBLISHED WEEKLY
CHICAGO, ILL., MAY 1, 1919
Vol. 27, No. 19
Subscription price, \$5.00 per annum in advance.
Single copies, 15 cents.
Entered as second-class matter, May 2, 1917.
Acceptance for mailing at special rate of postage provided for in Act of October 3, 1917.
Postage paid at Chicago, Ill.
Copyright, 1919, by American Medical Association
Published by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hadi Haji Hassan 1952. *Sejarah Alam Melayu*. The Malay School Series No. 7. Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu.
- Abdul Latif Hamidong 1987. "Peranan Pondok dalam Mengembangkan Bahasa Melayu di Selatan Thailand", dalam *Sastera Melayu dan Tradisi Kosmopolitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif Hamidong 1989. "Insituti Pondok dalam Tradisi Budaya Ilmu", dalam Ismail Hussein, dll., *Tamadun Melayu Jilid Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman al-Ahmadi 1980. "Sastera Melayu dan Islam" dalam *Kesusasteraan Melayu dan Islam: Suatu Pertembungan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Abdul Rahman al-Ahmadi 1988. *Sejarah dan Kebudayaan Campa*. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur: Ecole Francaise D'estreme-Orient.
- Abdul Rahman al-Ahmadi 1989. "Pokok Pemikiran Haji Mohammad Yusuf bin Ahmad al-Kenali", *Tamadun Melayu Jilid Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman al-Ahmadi. "Sejarah Hubungan Kelantan/Patani dengan Sulawesi Selatan", dalam *Warisan Kelantan III*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Rahman Haji Abdullah 1985. *Asia Tenggara Tradisional: Politik dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Abdullah al-Qari 1967. "Pujangga Syekh Daud Patani", *Dian Daijes*. Bil. 10, tahun V, edisi Jawi.
- Abdullah al-Qari, Wan Ahmad Patani dan Karangannya., *Jabatan Sejarah*, Universiti Malaya.

- Abdullah Mohamed (Nakula) 1981. *Keturunan Raja-raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abu Bakar Hamzah 1972. *Sejarah Kebudayaan Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abu Musa al-Banjari 1979. "Pertumbuhan Peradaban Islam di Alam Melayu", *Dian Daijes*. Bil. 123.
- Achdiat K. Mihardja 1977. *Polemik Kebudayaan*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Ahmad Ibrahim 1973. *Malaysian Legal History*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Ahmad Idris 24-25 Januari 1988. "Patani dalam Konteks Dunia Melayu". Kertas kerja Seminar tentang Dunia Melayu, Universiti Utara Malaysia, Kedah Darulaman.
- Anan Watananikorn 1985. *Lae Lang Muang Tani* (Tracing the Past of Patani) Patani: Center for Southern Thailand Studies.
- Annandale, N. 1903. "Religion and Magic Among the Malays of the Patani States", dalam *Fasciculi Malayenses* (Antropology Part I), University Press of Liverpool, hlm. 89-104.
- Annandale, N. 1903. "Notes on the Popular Religion of the Patani Malays", *MAN*. No. 12-13, hlm. 27-8.
- Annandale, N. 1903. "Primitive Beliefs and Customs of the Patani Fishermen", dalam *Fasciculi Malayenses*, hlm. 73-88.
- Asmah Haji Omar 1969. *The Nature of Tamil Loanwords in Malay*. Proceedings of the First International Conference Seminar of Tamil Studies, Jil. 2, Kuala Lumpur.
- Awang Had Salleh 1977. "Institusi Pondok di Malaysia" dalam Zainal Kling, *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Aziz Deraman 1975. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Bailey, C. dan Miksic J.N., 1985. *History of the Malay Kingdom of Patani*. Southeast Asia Series No. 68. Athens: Ohio University Center for International Studies. Merupakan terjemahan daripada tulisan Ibrahim Syukri 1958. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Pasir Putih, Kelantan.
- Bangnara, A. 1977. *Patani Dahulu dan Sekarang*. Patani: Panel Penyelidikan Angkatan Al-Fatani.
- Beg, M.A.J. 1980. *Islamic and Western Concept of Civilization*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Birch, E.W. 1909. "My Visit to Klian Intan", *JSBRAS*. No. 54, hlm. 137-46.

- Blusse, L. 1979. "Inpo: Chinese Merchants in Patani, A Study of Early Dutch-Chinese Relation", dalam *IAHA. 7th Conference Proceedings*, Bangkok, Thailand.
- Bougas, W.A. 1986. "Some Early Islamic Tombstone in Patani", *JMBRAS*. Jil. 59, bgh. I, hlm. 85-112.
- Bougas, W.A. 1988. *Islamic Cemeteries in Patani*. Kuala Lumpur: The Malaysian Historical Society.
- Bowen, J. 1922. "Note on Pattani Guns and Foundry Site", *Journal of the Siam Society*. Jil. 15, bgh. II, hlm. 103-4.
- Braddell, R. 1936. "Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca", *JMBRAS*. Jil. 14, bgh. III, hlm. 10-71.
- Braddell, R. 1950. "Notes on Ancient Times in Malaya", *JMBRAS*. Jil. 23, bgh. I, hlm. 1-35.
- Braddell, R. 1954. "Malaya's Ancient Past", *Malayan Historical Journal*. Jil. 1, No. 1, hlm. 32-5.
- Briggs, P.L. 1950. "The Khmer Empire and the Malay Peninsula", *Far Eastern Quarterly*. Jil. 9, hlm. 256-305.
- Buckhill, J. 1923. "Observations on Some Coins Obtained in Malaya", *JMBRAS*. Jil. 1, bgh. II, hlm. 212-6.
- Bunnag, T. 1978. *The Provincial Administration 1892-1915*. East Asia Historical Monograph, Kuala Lumpur.
- Burr, A. 1976. "Religious Institutional Diversity-Social Structural and Conceptual Unity: Islam and Buddhism in Southern Thai Coastal Fishing Village", *Society Journal*. Jil. 69, hlm. 183-215.
- Buyong Adil 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil 1972. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil 1974. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cameron, W. 1883. "On the Patani", *JSBRAS*. Jil. 11, hlm. 123-42.
- Chabap Luang Prasoe 1964. *Phrathe Pongsawadan Krung Kao*, Fine Arts Department, Bangkok.
- Chandran J. 1971. "Perjanjian 1909 antara Inggeris dengan Siam serta Latar Belakangnya", *JEBAT*. Bil. 1 1971/72.
- Chandran, J. 1968. "Three Agreements Relating to the Northern Malay States Concluded in 1896, 1897 and 1899", *Peninjau Sejarah*. Jil. 3, hlm. 52-62.
- Chatterji, S.K. 1975. "Pengaruh Bahasa Sanskrit Dalam Bahasa-

- bahasa Asia", *Dian Daljes*. Bil. 74, tahun XIV, hlm. 67-72.
- Chusiri Chamoraman 1985. *Research on the Findings in Art and Archeology at the Ancient City of Yarang, Patani in Order to Study Them as Historical Sources*, Nakhon Pathom: Department of History, Silpakorn University.
- Coedes, G. 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Collings, H.D. 1938. "A Pleistocene Site in the Malay Peninsula", *Nature*. Jil. 142, No. 2595.
- Cortesao, A. 1944. *The Suma Oriental of Tomes Pires*. 2 jilid, The Hakluyt Society, siri kedua, London.
- Cushman, J.W. dan Milner, A.C. 1979. "Eighteenth and Nineteenth Century Chinese Accounts of the Malay Peninsula", *JMBRAS*. Jil. 52, bhg. 1.
- Damrong Rachanuphap 1965. *Tamnan Lakhon Ruang Inau*. Edisi keempat. Khlang Witthaya, Bangkok.
- Dhani Nivat, P. 1947. *Siamese Versions of the Panji Romance*. Leiden: India Antique.
- Evans, Ivor H.N. 1927. *Ethnology and Archaeology of the Malay Peninsular*. London: Cambridge University Press.
- Evans, Ivor H.N. 1932. "A Note on the Kingfisher Keris", *Journal of the F.M.S. Museums*. Jil. 15, hlm. 137-8.
- Evans, Ivor H.N. 1970. *Studies in Religions, Folklore and Custom in British Borneo and the Malay Peninsula*. London: Frank Cass & Co.
- Everitt, W.E. 1955. "The Reman Mines at Intan", *Malayan Historical Journal*. Jil. 2, hlm. 104-7.
- Fatimi, S.Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapura: Malaysian Sociological Research Institute.
- Firth, R. 1943. *Housekeeping Among Malay Peasants*. Monographs on Social Antropology No. 7. London School of Economics, London.
- Firth, R. 1946. *Malay Fisherman: Their Peasant Economy*. London: Kegan Paul, Trench, Trubner and Co.
- Fraser, T.M. 1960. *RuSembilan: A Malay Fishing Village in Southern Thailand*. New York: Cornell Studies in Anthropology, Cornell University Press.
- Frazer, J.G. 1941. *The Golden Bough: A Study in Magic and Religion*. Jil. 1. New York.
- Gervaise, N. 1690. *Histoire Naturelle et Politique du Royaume de Siam*. Edisi kedua. Paris.
- Gungwu, W. 1958. "The Nanhai Trade: A Study of the Early History of

- Chinese Trade in the South China Sea", *JMBRAS*. Jil. 31, bgh. II.
- Haemindra, N. 1976. "The Problems of the Thai-Muslims in Four Southern Provinces of Thailand", *Journal of Southeast Asian Studies*. Jil. 6.
- Haji Mohamad Sidin 1955. *Budaya Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran Brothers.
- Haji Mohamad Sidin 1964. *Asal Usul Adat Resam Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Halim, N.A. 1988. "Atap Rumah Melayu", *Dewan Budaya*. Jil. 10, Bil. 12, hlm. 69-70.
- Halim, N.A. 1988. "Dinding Rumah Melayu", *Dewan Budaya*. Jil. 10, Bil. 11, hlm. 59-61.
- Halim, N.A. 1989. "Bumbung Rumah Melayu", *Dewan Budaya*. Jil. 11, Bil. 6, hlm. 64-5.
- Hall, D.G.E. 1973. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Hassan 1979. *Islam dan Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution.
- Hamdan Hassan 1980. "Pertalian Pemikiran Malaysia-Aceh", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Hamdan Hassan 1980. "Sastera Melayu dan Islam", dalam *Kesusasteraan Melayu dan Islam: Suatu Pertembungan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Hamilton, A.W. 1922. "The Old Kedah-Patani Trade-route", *JRAS*. No. 86, hlm. 389-92.
- Hamilton, A. 1927. *A New Account of the East Indies*. 2 Jilid. Edinburgh.
- Hamka 1971. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hassan Madmarn 1984. "Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Selatan Thailand", dalam *Bahasa dan Sastera Nusantara: Sejarah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Madmarn 1987. "Sastera Melayu dalam Masyarakat Melayu Minoriti: Perkembangan di Thailand", dalam *Pertemuan Dunia Melayu '82*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawash Abdullah 1979. *Perkembangan Ilmu Tasawuf dan Tokoh-tokohnya di Nusantara*. Indonesia: Al-Ikhlas.
- Hoebel, E.A. 1966. *Anthropology: The Study of Man*. Edisi ketiga. University of Minnesota, U.S.A.: McGraw-Hill Book Co.
- Hseu Yun-ch'iao 1946. *Pel-ta-nien Shih*. (Sejarah Melayu). Singapura.

- Ibrahim Syukri 1958. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Pasir Putih, Kelantan. Edisi Jawi.
- Ihsan Hardiwijaya Ibaga 1979. "Ulama dan Sistem Pondok di Kelantan Abad ke-19", *Dian Diajes*. Bil. 120, tahun XVII.
- Ihsan Hardiwijaya Ibaga 1981. "Wilayah Patani Rapat dengan Pantai Timur", *Watan*. Bil. 11.
- Ismail Awang 1988. *Adat Orang-orang Melayu yang Bertentangan dengan Akidah Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Ismail Hamid 1985. *Peradaban Melayu dan Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ismail Hamid 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein 1988. *Ismail Hussein: Segugus Pandangan dan Harapan*. Susunan Ahmad Fawzi Basri dan Abdul Rahman Aziz. Alor Setar, Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- Karma Yuda, O.S.H. 1989. "Pencak Silat, Seni Bela Diri Rumpun Melayu dan Perkembangannya", dalam *Tamadun Melayu Jilid Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasetsiri, C. 1976. *The Rise of Ayudhya: A History of Siam in the Fourteenth and Fifteenth Centuries*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kassim Ahmad 1960. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kassim Ahmad 1973. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo, K.K. 1988. "Patani During the Turn of the 20th Century: A Malayan Perception", *JMBRAS*. Jil. 61, bhg. I hlm. 87-116.
- Kiernan, V.G. 1956. "Britain, Siam and Malaya: 1875-1885", *Journal of Modern History*. Jil. 28 No. 1, hlm. 1-20.
- Koch, M.L. 1977. "Patani and the Development of Thai State", *JMBRAS*. Jil. 50, bhg. II, hlm. 69-88.
- Ladd, T.M. 1985. "Cultural Factors Affecting the Rural Development Interface of Thai Bureaucrats and Thai-Muslims Villagers", *Contemporary Southeast Asia*. Jil. 7, No. 1, hlm. 1-12.
- Liaw Y.F. 1978. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Linehan, W. 1947. "Note on Sai", *JMBRAS*. Jil. 20, bhg. II.
- Louis, H. 1894. "On the River Telubin", *Geographical Journal*, Jil. 4, hlm. 219-37.
- Mangemba, H.D. 1975. *Kenallah Sulawesi Selatan*. Jakarta: Timun Mas.
- Matheson, V. dan Hooker, M.B. 1988. "Jawi Literature in Patani: The

- Maintenance of an Islamic Tradition", *JMBRAS*. Jil. 61, bhg. 1 hlm. 1-86.
- Maxwell, W.E. 1881. "The Folklore of the Malays", *JSBRAS*. No. 7, hlm. 11-29.
- Mills, J.V. 1938. "Two Dutch-Portugese Sea-fights", *JMBRAS*. Jil. 16.
- Moens, J.L. 1939. "Srivijaya, Yava en Kataha", *JMBRAS*. Jil. 15, bhg. II.
- Mohamad Abu Bakar 1974. "Sayyid Abdul Rahman bin Muhamad al-Ildrus (Tuk Ku Paloh)". Latihan ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Abu Bakar 1989. "Dari Pusat ke Pinggiran Masa Kini dan Masa Depan Pondok di Malaysia", *Tamadun Melayu Jilid Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad bin Jusoh 1983. "Seni Ukir: Satu Kajian Umum", dalam Khoo Khay Kim, *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Mohamad Dahlan Mansoer 1979. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Ishak Abdul Aziz 1980. "Istana Raja-raja Melayu". *Dian Daijes*. Bil. 128, tahun XIX.
- Mohamad Kassim dan Rahim Syam 1988. "Penghayatan Islam dan Amalan Adat dalam Kehidupan Masyarakat Melayu", *PUSTAKA*. Jil. 1, Bil. 1.
- Mohamad Othman El-Muhamady 1970. *Peradaban Dalam Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Mohamad Zamberi A. Malek 1985. "Patani sebagai Pusat Peradaban Melayu". *Mastika*. Bil. 10, tahun ke-46, hlm. 117-20.
- Mohamad Zamberi A. Malek 1985. "Perkembangan Dakwah Islamiah di Patani", *Dakwah*. Bil. 98, tahun IX, hlm. 30-2.
- Mohamad Zamberi A. Malek 1988. "Lokasi dan Sistem Politik Negara. Kota Langkasuka: Menurut Beberapa Catatan", *SARI*. Jil. 6, hlm. 47-55.
- Mohamad Zamberi A. Malek 1988. "Tamadun Awal Segenting Kra", Seminar Masyarakat Melayu Segenting Kra, 1 Julai 1988, Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesenian Melayu (IBKKM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd. Ghouse Nasuruddin 1989. "Bentuk dan Struktur Teater Melayu Tradisi dan Kesenambungannya Teater Sezaman Kini", *Tamadun Melayu Jilid Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman 1974. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Federal Publications Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman 1983. *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Taib Osman 1988. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman 1988. *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman 1989. *Malay Folk Beliefs: An Integration of Disparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusuf Hashim 1988. "Hikayat Patani", dalam *Persejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Moreland, H. 1934. *Peter Flores: His Voyage to the East Indies in the Globe, 1611-1615*. Hakluyt Society Series II, Jil. 74, London.
- Mohammad Naguib al-Attas, Syed 1984. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasir, M. 1977. "Negeri-negeri Purba di Asia Tenggara", *Dian Daijes*. Bil. 97, hlm. 50-8.
- Newbold, T.J. 1839. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*. 2 jilid. London.
- Nik Safiah Karim 1985. *Kelantan dalam Perspektif Budaya: Satu Kumpulan Esei*. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, dll. 1964. *Kajian Kebudayaan Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Dian.
- Noone, R.O. 1948. "Notes on the Kampung, Compounds and Houses of the Patani Village of Banggul Ara, in the Mukim of Batu Kurau Northern Perak", *JMBRAS*. Jil. 21, bgh. I, hlm. 124-47.
- O'Connor, S.J. 1968. "Si Chon: An Early Settlement in Peninsular Thailand", *Journal of Siam Society*. Jil. 56, hlm. 1-18.
- Praphan Ruangnarong 1988. *Kebudayaan Selatan Thailand*. Siri kedua. Center of Southern Thai Studies, Patani: University Songkhla Nakhri.
- Rahmat Saripan 1979. *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Hassan Raja Noor 1972. "Pola-pola Historiografi Tradisional dalam Pensejarahan Melayu", *JEBAT*. Bil. 2, hlm. 16-24.
- Rattiya Salleh 1988. *Panji Thai dalam Perbandingan dengan Cerita-cerita Panji Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rentser, A. 1936. "A Note on Kelantan Gold Coin", *JMBRAS*. Jil. 14, bgh. III.
- Rentser, A. 1947. "A Historical Notes on the Northeastern Malay States", *JMBRAS*. Jil. 20, bgh. I, hlm. 23-36.
- Roolvink, R. 1971. "Kebudayaan, Istilah dan Pengertian", dalam Abdul Karim Haji Abdullah, *Soal-soal Kebudayaan*. Kuala Lum-

- pur: Petaling Jaya.
- Saad Syukri Haji Muda 1971. *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Scupin, R. 1980. "Islam in Thailand Before the Bangkok Period", *Journal of Siam Society*. Jil. 68, No. 1, hlm. 55-71.
- Scupin, R. 1980. "The Politics of Islamic Reformism in Thailand", *Asian Survey*. Jil. 20, No. 12, hlm. 1223-35.
- Shaari Awang Besar 1986. "Kehidupan Masyarakat Darat di Kedah", dalam *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.
- Shaw, W. 1971. "Mining Superstition, Magic and Taboos", *Federation Museum Journal*. Jil. 26, hlm. 29-52.
- Sheehan, J.J. 1934. "XVIIth Century Visitors to the Malay Peninsular", *JMBRAS*. Jil. 12, bgh. II.
- Shellabear, W.G. 1967. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sheppard, M. 1967. "A Recording of the Makyung", *Federation Museum Journal*. Jil. XII, hlm. 55-103.
- Sheppard, M. 1971. "Pertukangan Wau, Gasing dan Patung-patung Wayang Kulit", dalam *Asas Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Sheppard, M. 1971. "Seni Bina Asli yang Terdapat di Tanah Semenanjung", dalam *Asas Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Sheppard, M. 1972. *Taman Indera: Malay Decorative Arts and Pastimes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sheppard, M. 1973. "Menora in Kelantan", *JMBRAS*. Jil. 46, bgh. I, hlm. 161-70.
- Skeat, W.W. 1898. "Some Records of Malay Magic, by An Eye Witness", *JSBRAS*. No. 31, hlm. 1-42.
- Skeat, W.W. 1953. "Reminiscences of the Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States, 1899-1900", *JMBRAS*. Jil. 26, bgh. IV.
- Skinner, C. 1983. "Malay Mission to Bangkok During the Reign of Rama II", *JMBRAS*. Jil. 56, bgh. II, hlm. 135-140.
- Smith, G.V. 1977. *Dutch Seventeenth Century in Thailand*. Center for Southeast Asian Studies, Occasional Paper No. 16, Northern Illinois University.
- Suthasasna, A. 1982. "Latar Belakang Wilayah Selatan Thai", *Dian Daijes*. Bil. 144, tahun XXI, hlm. 11-8.
- Suwannathat-Pian, K. 1988. "Kelantan and Patani The Seven Principalities: The Failure of Tributary Relation", dalam *Thai Malay*

- Relations: Traditional Intra-regional Relations from the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*. Singapura: East Asian Historical Monographs, Oxford University Press.
- Syakrani Haji Abdullah 1976. *Sejarah Patani Purba: Di Manakah Negara Langkasuka*. Naskhah Rusembilan Bil. 1 Tahun 3 (Mac-Apr), hlm. 12-88, Fakulti Pendidikan, Prince Songkhla Nakhri University, Patani.
- Syed Alwi Sheikh al-Hadi 1986. *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teeuw, A. dan Wyatt, D.K. 1970. *Hikayat Patani and the Story of Patani*. Koninklijk Instituut Voor Taal-, Land-en Volkenkunde, The Hague.
- Tylor, E.B. 1874. *Primitive Culture: Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art and Customs*. Jil. 1. New York.
- Ungku Omar Ahmad 1968. "Tropical Medicine in Malaysia: A Mixture of Magic, Myth and Modern Medicine", dalam International Symposium on Tropical Disease of Southeast Asia. 28 November 1968. Tokyo.
- Vella, W.F. 1957. *Siam Under Rama III 1824-1851*. Association for Asian Studies. New York.
- Vliet, J.V. 1938. "Historical Account of Siam in the 17th Century", *Journal of Siam Society*. Jil. 30, bgh. II, hlm. 95-154.
- Wales, H.G.Q. 1974. "Langkasuka and Tambralinga Some Archaeological Notes", *JMBRAS*. Jil. 47, bgh. I, hlm. 15-40.
- Wales, H.G.Q. 1976. *The Malay Peninsula in Hindu Times*, London Quartich Ltd.
- Wan Hashim Wan Teh 1978. *Malay Peasant Community in Upper Perak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohamad Shagir Abdullah 1977. "Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani", *Dian Daljes*. Bil. 97, tahun XVII, hlm. 103-13.
- Wan Mohamad Shagir Abdullah 1989. *Syeikh Daud bin Abdullah al-Patani: Ulama dan Pengarang Terbesar Asia*. Selangor: Penerbit Hizbi.
- Wan Mohamad Shagir Abdullah. *Sejarah Ringkas al-Alim al-Allamat al-Syeikh Ahmad bin Mohamad Zain Al-Patani*. Yala: Sahabat Press.
- Wavell, S. 1964. *The Naga King's Daughter*. London: George Allen and Unwin.
- Welch, D.J. dan McNeill, J.R. 1989. "Archaeological Investigations of Patani History", *Journal of Southeast Asian Studies*. Jil. 20, No. 1, hlm. 27-41.

- Wheatley, P. 1961. *The Golden Khorsenes*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Wheatley, P. 1964. *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times*. Singapura: Eastern University Press.
- Winstedt, R.O. 1911. "The History of the Peninsula in Folk Tales", *JSBRAS*. No. 157, hlm. 183-8.
- Winstedt, R.O. 1920. "Upper Perak Marriage Ceremonies", *Journal of the F.M.S. Museums*. Jil. IX, hlm. 88-92.
- Winstedt, R.O. 1928. *A Patani Version of the Ramayana*. Fesstbundel Bataviaasch Genootschap, 1778-1928, Deel II, Batavia.
- Winstedt, R.O. 1929. "Ritual of the Rice-Field", *JMBRAS*. Jil. 7, bgh. III, hlm. 437-47.
- Winstedt, R.O. 1950. *The Malays: A Cultural History*. London.
- Winstedt, R.O. 1951. *The Malay Magician, Being Shaman, Saiva and Sufi*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Winstedt, R.O. 1961. "History of Classical Malay Literature". *JMBRAS*. Jil. 31, bgh. III.
- Wolters, O.W. 1958. "Tambralingga", *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*. Jil. 21, No. 3, hlm. 587-607.
- Wu Zong Yu 1989. "Pengajian Bahasa Melayu dalam Situasi Komuniti Tanpa Bahasa", dalam *Tamadun Melayu Jilid Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wyatt, D.K. dan Bastin, J.S. 1967. "A Thai Version of Newbold's Hikayat Patani", *JMBRAS*. Jil. 40, bgh. II, hlm. 16-37.
- Wyatt, D.K. dan Bastin, J.S. 1968. *Mainland Powers on the Malay Peninsula, A.D. 1000-1511*. International Conference on Asian History. 5-10 Ogos 1968. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Kertas No. 63. Kuala Lumpur.
- Wyatt, D.K. dan Bastin J.S. 1975. *The Crystal Sands: The Chronicles of Nagara Sri Dharmaraja*. Data Paper No. 98, Ithaca: Cornell University Press.
- Yasin Saini 1961. *Adat Resam dan Kebudayaan Melayu*. Penggal II. Pulau Pinang: Sinaran Brothers Ltd.
- Zainal Abidin Abdul Wahid 1983. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling 1987. "Konsep Kebudayaan Kebangsaan", dalam *Pertemuan Dunia Melayu '82*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuraina Majid 1989. "Kota Tampan, Perak: Penentuan Sebagai Tapak Bengkel Kerja Paleolitik Pada Akhir Zaman Plestosin", dalam *Tamadun Melayu Jilid Dua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

INDEKS

- Abasiyah, Kerajaan, 104
 Abbas bin Abdul Mutalib, Sayidina, 31
 Abdul Kadir Sela Budi, 124
 Abdul Latif Hamidong, 109
 Abdul Rahman Abdul Mubin, 112
 Abdul Rahman al-Ahmadi, 30
 Abdul Rahman, Haji, 94
 Abdul Wahab Sadenreng Daeng Bunga Bugis, Syeikh, 121-2
 Abdullah Al-Jeffri, Syed, 247
 Abdullah al-Qari, 113
 Abdullah bin Haji Ibrahim al-Fatani, al-Jaby, 125
 Abdullah Mohamad Abdul Wahab, 136
 Abdullah, sultan, 6
 Abdus-Samad al-Palembangi, Syeikh, 121-3
 Abdus-Samad bin Muhammad Samman an-Nufi al-Fatani, Syeikh, 127
 Abu Shuja, 103
 Aceh, 37, 58, 60, 95, 112, 171, 275
 adat, 2, 80, 150, 176, 189-234, 250, 273
 ... ketimuran, 162
 perbilangn, 231
 resam ..., 88, 134, 216, 242, 252, 259, 263
 Afrika, 270
 bangsa, 216
 utara, 95, 243
 Afro-Asia, 268
 agama, 15, 73, 92-3, 96-8, 103, 122-3, 129-131, 137, 172, 182-3, 186, 192, 199, 235-6, 241-2, 245, 251, 256, 264
 perbezaan, 2, 277
 sekolah, 257, 276
 tatacara, 104
 upacara, 212, 263
 Ahmad Darma, 276
 Ahmad Idris, 248
 Ahmad Kamal, Syeikh, 6
 Ahmad, Haji Wan, 37
 Aldrusi, Tuan Syeikh, v
 air
 bunga, 194
 mawar, 201
 sembahyang, 202
 sintuk limau, 171, 175, 197, 200-1
 akhbar, 85, 245
 Inggeris, 87
 penerbitan, 264
 Akhbar, Emperor, 181
 akhirat, x
 akidah, 13, 102, 105, 131, 192-3, 210
 Al-Alim Arif Billah Bahjat al-Din Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris @ Senik al-Fatani, 112
 Al-Attas, S.M. Naguib, x

- al-Ghazali, 103
 al-Quran, 93, 103-4, 110, 138,
 140, 146, 152, 218-9, 268
 alim, 194
 Along Yunus, 5, 65
 amalan, x, 97
 amuk, 154
 anak, 196-8
 wali, 158
 Anderson, John, 48
 Andik Ali (*lih. j.* Syeikh Fakihi Ali al-
 Fatani), 32
 animisme, ix, 129, 134, 165, 190,
 216, 221
 Annam Ong Chieng Su, Raja, 6
 Annam, 2, 36-7
 Annandale, T. Nelson, 11, 203, 210
 anyaman, 132, 146-8
 buluh, 134
 Arab, 14, 95, 100, 113, 118, 128,
 160-1, 269, 278
 bahasa, 97, 103-4, 115, 119,
 244
 Parsi, 91, 190, 270
 Saudi, 264
 saudagar, 29, 31, 148, 159
 arak, 198, 202-4, 224
 Archer, 83
 Argensola, 151
 Arnold, Thomas W, 104
 ASASI, 275
 ASEAN, 269
 Asia, 25
 Barat, 23, 111, 249, 278
 Tenggara, 22, 39, 93, 128, 159,
 177, 269
 atap, 134-5, 138
 Austronesia, 242, 269
 awan larat, 139, 144, 177
 Awang Had Salleh, 93, 100
 Awang Mohamad Yusuf, Haji, (*lih. j.*
 Tuk Kenali), 118
 ayam
 ... hutan, 215
 lawi ..., 156-7
 putih, 226, 228
 sabung, 174-5
 telur, 229
 Ayuthia, 2-4, 13, 18, 38-9, 154,
 184-5
 azimat, 152, 156, 215, 219
 Aziz Deraman, 208
 babi
 daging, 13
 gila, 229
 hutan, 215-6
 badak, 216
 badi, 215-6
 badik, 155-6
 Baghdad, 104
 bahasa, ix, 13-4, 73, 131, 194,
 229-230, 245-8, 254-5, 259,
 275, 277, 279
 budi, 273
 Melayu, 25, 28, 95, 97, 104,
 113, 115, 184, 218, 241-2,
 250-1, 253, 260, 264, 273,
 276
 orang Asli, 230
 pengantar, 99
 Siam, 84, 262-3, 273
 tatabahasa, 115
 balai, 91, 96, 142
 Bandung, persidangan, 268
 Bangkok, 5, 39, 44, 48-9, 53,
 72-4, 76-8, 84, 110-1, 114,
 117, 149, 235, 243, 246-7, 250,
 254, 256, 263, 265-6, 274
 campur tangan, 251
 tuntutan, 253-4
 bangunan, 134
 Bannerman, Kol, 48, 72
 Barat, 2, 12, 19, 94, 129, 134, 241,
 248, 270-1, 273
 budaya, ix
 pengkaji, 212
 sarjana, 130, 151, 236, 269
 batin, ilmu, 171
 batu, 212
 nisan, 28
 zaman, 129
 Bawaihi, 103
 bawang putih, 171
 bayan, 104
 bayang, 152, 167

- bedil, ubat, 142, 148-9
- Bendahara, 4
 - ... kayu kelat, 154
- bentan, 197
- berburu, 180
- Berdelung, 1, 12-3
- Berkeley, Hubert, 54
- berlian, 153
- bertih, 171, 205, 212, 226
- besi, 150, 155, 157, 214
 - tahi ..., 208
- bidan, 193-4
- bijaksana, 172
- bijih timah, 41-3, 45, 47, 50, 54, 72, 77
- bilal, 97
- binaan, bahan, 135
- binatang, 150, 213-6, 226
- bintang, 223
- Birch, J.W.W., 50
- bisa, 157-8
- Blusse, L., 3
- bomoh, 173, 205, 212, 217-8, 220-4
- Boromoraja I, 56
- Braddel, Roland, 39
- Braddel, Thomas, 78, 88
- Bramawidjaga, 151
- Brunei, 35, 95
- buah pelaga, 72
- buaya, 215
 - puja, 226-7
- Bucknill, Sir J., 161
- budaya, 2, 13-4, 16, 51, 80, 88, 91, 98, 100-1, 130-2, 134, 137, 143, 171, 189, 216, 221, 235-6, 239, 248-250, 256, 259-260, 270-3, 277
- asing, 97, 152, 170, 232
- Dongson, 148
- masalah, 166, 240-2
- pola, 137
- pusat, 129-188
- Buddha, ix, 14, 241, 247-8, 252, 255, 258-9, 265, 267, 269
- patung, 263
- Bugis, 32-3, n.69, 116
 - keturunan raja, 225
- buku, 99
- bulan, 228
 - ganjil, 171
 - petua, 207
- buluh, 234-5, 177, 213
- bunga, 145, 150, 228
- bunyi, 227
- Burma, 2, 95
 - tentera, 5
- Burney
 - Henry, 74-5
 - Perjanjian, 49, 76
- burung, 163-4, 204, 214
 - Raja Udang, 151
- Buton, Penghulu, 43-4
- Buton, Raja, 31
- buyung, 171, 199, 205
- Cahaya, Negeri, 1, 12-3, 35, 169
- Cam, orang, 117
- Cameron, William, 51, 143
- Campa, 29, 36-7
- Cangkat Jering, 38
- cap mohor, 85, 152
- Cau Seri Wang, dinasti, 141-2
- cerita
 - jenaka, 183
 - panji, 165, 183-5
- Chaem Promyong, 110
- Chamberlain, 86
- Chandran, J, 19
- Chau Kasatri, Prince, 185
- Chen, Paul C.Y., 222
- Chenak, 6-7, 68
- Chew Beng, Datuk, 50
- China, 20-1, 23-4, 134, 148, 176-7, 270
 - catatan, 132
- Chulalongkorn, 78, 81, 83, 86
- cina, 42, 50, 70, 129, 161, 244
- cincin, 171, 194, 200-2
- Clarke, Andrew, 50, 77
- Coelho, Quarte, 21
- congkak, 170
- Cornwallis, Gabernor General Lord, 71
- Crawford, John, 48
- cukai, 23, 47, 51, 74, 78, 84,

- 252-3
Currie, Phillip, 52
- Damrung, Putera, 78, 184
Dang Sirat, 61
Dapperen, J.W. van, 151
Datuk, 63
 Maharajalela, 33-4
 Pangkalan, 6, 18, 32
 Pujud, 66
 Seri Lela, 46
dayang-dayang, 164
Devawongse, Putera, 52-3
Dhani Nivat, Putera, 185
dialek, n.69, 186, 239-240, 245-6, 273
didaktik, 186
Dijk, R. van, 189
dikir barat, 167-9
dinar, 159
dinding, 134-5
diplomantik, hubungan, 3, 9, 23-4, 33-4, 48, 58, 60-3, 72, 80, 83, 86
diri
 mempertahankan, 171-2
 pembentukan, 170
 tidak sedarkan, 218-9
doa, 108, 127, 176, 197, 219
 selamat, 202, 208
Dodge, Nicholas, n. 48
drama
 tari (*lih.j. seni*), 165-6
 tradisional, 169
Duff, Robert W., 54, 81-2, 87
Dusun Nyior, 254
- ekonomi, 16, 129-130, 248-9, 271, 274
 nilai, 246
 pelaburan, 86
 pembangunan, 256
 pertumbuhan, 267
eksport, 26-7, 45, 49
emas, 22, 39, 41-2, 48-9, 52, 72, 115, 152-3, 159, 214
 benang, 145-6
emosi, 218
- England, 24
epik, 169, 183-5
Eredia, Emmanuel Godinho de, 40, 42
Eropah, 25, 40, 51, 112
Evans, Ivor H.N. 151, 156
Evans, Richard, 203
Eysinga, Roorda van, 184
- Fakih Ali al-Malbari, 33, 112
Farquhar, William, 72
fikah, 102-4, 113, 115, 123
Filipina, 21, 95
Firth, Raymond, 237
fitrah, 96
Floris, Peter W. 3, 165, 180
Fraser, 212-3, 235-6
Fullerton, Robert, 49, 75-6, 88
Funan, 190
- gadis remaja, 163, 200, 252
gajah, 71, 180, 198, 216
 gading, 153, 157, 173
 putih, 154
galian, 21, 48-9, 54, 72, 159
gangsaa, zaman, 221
GAPENA, 275-6
garam, 72
Gardner, G.B., 151
gasing, 170, 175-6, 237-8
gelaran (*lih.j. nama/wan/Nik*), 73, 173-4
geopolitik, masalah, 39-55
Gerahi, 12, 35, 169, 242
Gerisek, Daerah, 32, 112, 141, 149
Gervaise, Nicholas, 17, 58
ghazal, 182
gigi, 200
Goa, 33-4, 185
golek
 para, 170
 tempurung, 170
golok, 167
gotong-royong, 107
Gowing, Peter G, 278
Gua Cha, Kelantan, 144
gunung, 42
gurindam, 182, 187, 233

- guru, 171, 217-8
- H'sieh C'ing-kao, 41
- Habib Abdul Majid, Bendahara Seri Maharaja Tun, 62
- hadis, 102-4
- haiwan, 212
- haji, 96, 106
- hak
 - awam, 265-9
 - kemanusiaan, 262-4
- hakikat, 136
- Hall, D.G.E, 223, 237
- Hallet, Holt, 78
- Harndan Hassan, 30, 106
- Hamilton, Alexander, 3, 238
- Hamka, 28
- Hang Tuah, 15
- hantu, 194-5, 197, 210, 214, 218, 221-2, 228, 232
- Hanuman, 169
- Harapan Baru, Projek, 260
- harta, 206-7
- Heemskerk, Jacob van, 59
- hiasan, 173-4, 223
- hiburan, 165, 167, 170, 174, 180, 186, 224
- hijrah, 107-8
- Hikayat*
 - Awang Sulong Merah Muda*, 187
 - Mahabharata*, 166
 - Patani*, 4, 14, 29, 64, 94, 130, 153, 163-4, 181, 186
- Hindia Timur, syarikat, 72, 77
- Hindu, ix, 130-1, 134, 139, 165-6, 183-4, 198, 208, 215-6, 220-1, 224, 237
- Brahman, 203
- Buddha, Empayar, 129, 190, 193
- Homem, 40
- Hood Haji Salleh, 217
- hukum, 265
 - syarak, 192
- Hurgronje, Snouck, 13, 102, 104, 118
 - catatan, 123
- huruf, buta, 244
- ibadah, 91-2, 97, 104
- ibn
 - Hajar, 103
 - Malik, 103
- ibu bapa, 231
- ikan, 228
 - pari, 151
 - puja, 225
- iklim, 141
- ilmu, 91-2, 96, 101-3, 115, 118, 271, 276
 - disiplin, 113
 - guna-guna, 61
 - keduniaan, 107
- Imam, 97, 103, 105, 195
 - ... Haji Ahmad Omar bin Haji Ahmad Nok, 125
- import, 26-7
- Inderagiri, 61
- India, 14, 20, 22-3, 32, 39, 49, 75, 100, 114, 130, 145, 158, 220, 222, 270
 - orang, 129
 - saudagar, 159
- Indonesia, 100, 139, 253, 269
- industri, 267
- Inggeris, ix, 9, 19, 23-5, 41, 47-8, 56-90, 117, 203
 - antropologi, 270
 - catatan, 59
 - kerajaan ... di TM, 53-4, 236
 - pedagang, 87
 - pengembara, 3, 143, 165
 - pengaruh, 70-90
 - perjanjian, 75, 252
- integrasi nasional, 246, 248, 257-260, 266
- islah, 110
- Islam, ix-x, 12, 15, 28, 31-2, 34, 36-7, 69, 80, 88, 91-128, 134, 137, 152, 165, 182, 192, 216, 220-3, 232, 239, 259, 241, 243, 248, 251-3, 261-2, 268, 275
 - gerila, 266
 - larangan, 263
 - Negara Melayu, 2, 5, 56
 - pelajar, 102, 112
 - pemikir, 111, 124

- sarjana, 115
 tamadun, 108, 110
 Wilayah, 258, 264
 Ismail Hamid, 147
 Ismail Hussein, 239, 273-4
 istana, 91, 94, 132, 136, 142,
 145-6, 154, 162, 166, 220
 ... Cabang Tiga, 143
 kawasan, 140

 Jabar, Khatib, 118
 Jambi, 61, 128
 Jampi, 155, 174-5, 194-5, 202,
 205-7, 209-210, 218-9, 224
 jamu, 220-2, 224, 226, 228-9
 Jawa, 95, 157, 166-7, 171, 184,
 238
 bahasa, 104
 kebudayaan, 165
 kesenian, 152
 orang, 94
 jawi,
 masuk, 198-9
 tulisan, 91, 99, 111, 116, 118,
 182
 jembalang, 107
 jenayah, kadar, 255
 Jepun, 21, 23-4, 168
 jerangkap samar, 266
 Jering, 142, 159, 225
 gabenor, 7
 Jerman, 78, 81-2
 jin, 216, 218
 jiwa, 162
 Johor, 4, 18, 32-3, 58, 62, 69, 239
 Melayu Johor, 35
 ... Riau, 3
 Jonge, Laksamana Cornelius
 Matelieff, 59
 judi, 41, 172, 174

 kaca, 173
 kain, 22, 145, 201, 222
 dukun, 204
 putih, 171, 193, 199, 224
 kalam, 105
 Kalimantan Barat, 34-5, 63, 95,
 118, 128

 Karaeng Karunrung, 34
 karut, 168
 karya, 113, 119, 122, 130
 kaum,
 ketegangan, 253
 muda, 110
 kayu, 153, 157, 173, 205, 208
 akar, 221
 cengal, 137
 kasturi, 72
 pertukangan, 132-3
 pemilihan, 140
 kebahagiaan, 206-7
 kebakaran, 115
 kebangsaan, faham, 106, 109, 120,
 241, 251
 Kedah, 7, 18, 37, 39, 46, 54,
 68-70, 72, 76, 78, 89, 94,
 106-7, 116, 169, 237, 239
 pemberontakan, 76
 kekeluargaan, hubungan, 63-9
 Kelantan, 3-4, 17-8, 32, 36-7, 54,
 64, 66-7, 70, 72, 76, 78, 86, 89,
 107, 117-9, 127, 136, 141, 163,
 166-7, 169, 223, 225, 237-9
 dinasti, 65, 69
 MAIK, 105
 pertikaian, 8
 sejarah, 30
 kelapa, 175, 195-6
 kemarau, 170
 Kemboja, 36-7, 61, 95, 117, 132,
 177
 kemenyan, 157, 197, 205, 208
 kemerdekaan, 72, 75
 Kemp, J.D., 54
 Kepulauan Paskah, 270
 kerabat diraja, 57
 kerajaan, 241-2, 247-8
 kakitangan, 253, 257-8, 261,
 268
 keramaian, 167
 keramat, 56, 148, 176, 215, 222,
 226
 kerbau, 173, 214
 balar, 224
 keris, 150-5, 171, 173, 202, 204
 hulu, 238

- panjang Mas Jayam, 63
- kertas, 177
- khat, 138
- khatib, 97
- khutbah, 95
- kiasan, 231
- kimia, 115
- kitab, 95, 100, 102-4, 108-9, 111, 113-4, 116, 119-120, 123-5, 182, 243, 245, 276
 - ahli, 107
 - Tib, 222
- Kith'ah, 182
- kota, 187
 - Jerangga, 137
 - Jimbol, 66
 - kedudukan, 133
 - Kubang Labu, 66-7
 - tembok, 142
- kuasa,
 - perebutan, 4
 - salah guna, 258
- kuda laut, motif, 141
- lagenda, 177, 233
- lagu, 202
 - ... cincang, 167-8
- Laidaw, G.M., 184
- lambang, 136, 150, 217, 220
- Langkasuka, 1, 12, 17, 20, 28-30, 40, 131-2, 139, 146, 203, 237, 242
- Langkat, 116
- latar belakang, 200
- laut, 224, 226
 - China Selatan, 22, 25
 - hantu, 228-9
 - Pasifik, 190
 - perhubungan, 39
- Lebai Saras, 38
- Leenanond, Jeneral Harn, 258
- lembing, 151, 157-8
- lembu, 73
 - berlaga, 172-4
- Liang Syu, catatan, 40
- Libya, 264
- Light, Francis, 71
- Ligor, 1-3, 6, 11-2, 35, 74, 139, 153, 169, 173, 237
- lilin putih, 171, 226
- limau, 228
 - purut, 174
 - sintuk ..., 175
- lisan, 190
- Lobo, Tome, 22
- logam, 129, 132, 148-150, 153, 158
- Lomak, keluarga, 226
- lombong, 40-1, 46, 50, 54, 148, 214
 - konsesi tanah, 81
- London, 111
 - Pejabat Tanah Jajahan, 81-3, 86-7
- Long, 66
 - Abdul Rahman, 67
 - Abidin, 68
 - Ghaffar, 67
 - Mansur, 119
 - Yunus, 67, 94
- Low,
 - Hugh, 50
 - James, 52-3
 - Perjanjian, 49
- Luang Raya Phakdi, 53
- Lucas, 87
- lugha, 104
- lukisan, 223, 237
- Madagascar, 270
- Madinah, 113, 121
- madrasah, 92, 96, 100
- magik, 182, 217, 221
- Maha Vajiravudh, 153
- Maharisi, 169
- main
 - aji, 170
 - puteri, 224
- majalah, 109
- Majapahit, 151-2, 167, 171, 190, 237-8
- makanan, 173-4, 212, 229
- makhluk ghaib, 218-9, 222, 228
- Makkah, 94-5, 97, 100-2, 106, 112-2, 114, 116, 118, 120-2, 125, 127

- makrifat, 136
 makyung, 61, 165-6, 169, 182,
 184, 224, 237-8, 273
 malam, 171, 202-4, 223
 malapetaka, 224, 226
 Malaysia, 250, 253, 275
 utara, 276
 mandi, 200, 203
 mantik, 102
 manusia, x, 212, 226
 Marsden, William, 151
 masa, 175, 200
 masjid, 91, 94, 99, 132-3, 136-9,
 246, 252
 ... Gerisek, 122
 jawatankuasa, 97
 Masjidil-Haram, 113, 115
 masnawi, 182
 masyarakat, 97, 104-5, 172,
 189-191, 199, 221, 245, 258,
 268
 keperibadian, 170
 Mat Mi, keturunan, 216
 Mat Saleh Haji Ahmad, Haji, 168
 matahari, 140, 175
 Matheson, Virginia G, 100
 mati, 206-7, 211, 215, 218
 Maxwell, W.E. 208
 media, 244-5, 276
 megalitik, zaman, 134
 Megat Terawis, Bendahara, 42
 Melaka, 1, 21, 57, 59-60, 69, 93,
 148, 237
 anak pembesar, 178
 pelabuhan, 40-1
 Melayu, ix-x, 28, 36, 41, 50, 57, 71,
 89, 102, 104, 109-111, 115,
 118, 130-1, 134-5, 137, 150,
 153, 155, 160, 189, 192, 199,
 208-9, 222, 230, 232, 240,
 264-5, 269-274, 277-8
 bahasa, 170, 183
 bangsawan, 64
 bawah tanah, 254
 bukan, 95
 gadis, 145
 kegemilangan, 12-39, 152
 Melayu Islam, kerajaan, 1-11,
 74-5, 77-8, 107, 117, 169
 pendekar, 172, 202, 209
 permainan, 172, 175, 178
 Polinesia, 190, 269-270
 Raja-raja ..., 7, 56, 69-70, 74,
 78, 81, 85, 143, 182, 204,
 235, 237, 273
 sastera, 95, 101
 Semenanjung, 56-90, 107, 129,
 132, 167, 240
 timbang, 48
 Mempawah, kerajaan, 63
 menara, 249
 Mengkung Deleha, Panglima, 47
 menora, 169-170, 224
 meriam, 15, 142-3, 148-9
 Mesir, 40, 104, 110
 mimpi, 218, 226
 Minangkabau, n.69, 94, 171
 minyak, 169, 173-4, 193
 Mitchell, Sir Charles B.H., 80
 mitos, 56, 177, 233
 Mohamad Salleh, Haji, 118
 Mohd. Taib Osman, 275
 Mohd. Yusuf Hashim, 186
 Mohd. Yusuf Hassan, 276
 monsun timur laut, 20
 monyet, 215
 moral, 172
 Morgan, M. De, 52
 mudir, 118
 mufti, 118, 127-8
 Muhammad Abduh, 118
 Muhammad al-Miqlab Bislum bin
 Abdul Kadir bin Muhammad al-
 Fatani, 125
 Muhammad Arsyad bin Abdullah al-
 Banjari, Syeikh, 121
 Muhammad bin Abdul Karim Saman,
 Syeikh, 113
 Muhammad bin Haji Abu Bakar bin
 Ali, Haji, 125
 Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani,
 Syeikh, 123
 Muhammad Nur bin Muhammad bin
 Ismail al-Fatani, Syeikh, 124
 Muhammad bin Abdul Wahab,
 Syeikh, 121

- Muhammad bin Sulaiman al-Qudri,
 Syekh, 113, 121
 Muhammad Daud bin Haji
 Muhamad Yusof, 125
 Muhammad Yusuf Hashim, 16
 Mulaei-Gola, Raja, 31
 murtad, 126
 musim, 170, 172, 176, 213
 Mustafa, keturunan, 13
 muzik, 132, 162, 169, 180-2, 278
 alat, 168, 224
- nabi
 Muhammad, 105
 Sulaiman, 152
- nafas, 175
 Naguib S.M., 130
 nahu, 102-5, 115
 Nai Bakung, 68
 Nakhoda Sandang, 24
 nama (*lih.j* gelaran), 195-7, 220,
 242, 265
 Nang Rogayah, 62-3, 65
 Narathiwat, 235, 246-8, 250, 254,
 257-8, 261
 Nares, Putera, 52-3
 nasi
 kunyit, 171, 226
 manis, 227
 nasihat, unsur, 186, 232
 Nawawi, 103
 nazam, 182
 Neck, Jacob van, 154
 Negeri Sembilan, n.69, 118
 Negeri-negeri
 Melayu Bersekutu, 81, 83, 88
 Selat, 9, 50-1, 77, 80, 159
 nelayan dan pelaut, 223-234
 neolitik, 39, 133, 144
 New Zealand, 270
 Newbold, T.J., 49, 77
 Nieuhoff, John, 16, 27, 133, 180-1
 Nik, 63, 196, 239
 Abdul Rahman Nik Dri, 168
 Ali, 33
 Badrulsallam, 13
 Ibrahim, 37
 Mahmud, 105, 118
 Mat Kecik, Syekh, 128
 Safiah Karim, 231
 Nikhom Sam Kon Eng, skim,
 247-8, 257, 267
 Nila Puri, 111
 nilai, 91, 172, 248, 271
 estetika, 162, 166
 nisab, 64
 Nizam al-Malik, 92
 nobat, 181-2
 Nusantara, 29, 31, 35, 94, 100-1,
 110-1, 114, 116, 122, 136, 139,
 255, 269, 276
 sasterawan, 275
 nyanyian, 162, 186-8
 ... rakyat, 167
 nyawa, 211, 216
- olah raga, 172
 Ong Cai Nyek, 36
 orang asli, 42
- padi
 menuai, 172, 176
 semangat, 213-4
- Paduka
 Seri Maharaja, 56-7
 Syah Alam, 65
 Pagar Ruyong, kerajaan, n.69
 Paget, Ralph, 88
 Pahang, 4, 18, 37-9, 60-1, 69,
 107, 163, 166, 238-9
 Pak Sa, 168
 Pak Si Tong, 169
 pakatan, 61
 paku, 137
 Palembang, 121-2
 Pangkor, Perjanjian, 50, 70, 77
 pantai
 Barat, 68
 Timur, 3, 49, 60, 68, 144, 174,
 223, 238
 pantang larang, 41, 175, 178-9,
 196-7, 199, 214, 229-231
 pantun, 167-8, 186-7, 233
 Parameswara, 1, 57
 parang, 156
 Parsi (*lih.j* Arab), 14, 17, 39

- tradisi, 222
 Pasai, 15, 28
 Patalung, 3-4, 6, 11, 17, 35, 153, 169
 Patani, ix, 6-8, 13, 16, 21, 31, 33, 39, 44-5, 47-50, 52, 56, 61-2, 64-5, 67, 69-70, 72, 76-8, 80, 82, 131-2, 136-7, 139-140, 142-3, 171, 182-3, 186, 198, 205, 210, 214, 223, 225-6, 242-3, 247, 250, 254-5, 258-9, 262, 269, 275-6
 armada, 57
 cendekiawan, 102, 111, 274
 dasar luar, 60
 istana, 141-2, 181
 jenis sirih, 209-210
 kepercayaan, 210, 216
 Melayu ..., x, 4, 9, 39, 42, 54, 116, 119, 130, 132, 134, 149-150, 152, 155, 158, 167-8, 180, 185, 190, 199, 203, 228-9, 233, 235-6, 240, 242, 246, 248, 257, 267
 bahasa, 242-7
 golongan, 261
 permainan tradisional, 170-182
 pemberontakan, 81, 83
 pegawai Siam, 87
 raja-raja, 84, 87, 140-4, 205, 251-2
 tamadun, 15, 107
 patung, 152, 198
 Pauncfote, Julian, 52
 pawang, 107
 Paya Tu Antara, 13
 PBB, 268, 278
 pedagang, 2, 14, 20-1, 25, 30, 49, 62, 243, 271
 perjanjian, 22, 70-1, 75, 154
 pedalaman, 96-8
 pedang, 158
 pelabuhan bebas, 23
 peluru, 47, 81
 pembesar, 64
 pendakwah, 35-6, 114
 pendidikan, 92, 96, 99, 102, 108-9, 241, 248, 257, 263, 275
 akta, 242
 unsur, 97
 pengasuh, 105
 pengeras, 171
 penggerun, 216
 penglipur lara, 183-4, 233
 penjajah, 102, 106-7, 109-110, 117, 190, 209, 235-6, 240, 270-1
 anti ..., 122
 penjawat, 204
 pentas, 169
 penulisan, 92, 102, 111, 113, 115-6, 121, 123, 185
 penunggu, 182, 205, 222
 penyakit, 165, 196-7, 206-7, 210, 213, 219, 221-3, 225, 228
 ... ganjil, 216
 peperangan, 17, 74, 77, 103, 122, 238, 251
 ... Bratayuda, 166
 Dusun Nyiur, 126
 Saudara, 67
 perahu
 layar, 122, 237
 semangat, 227-8
 perkahwinan, 150, 164, 167, 174, 209, 224, 248
 adat ..., 199-205
 permata, 155
 pertahanan, 15-6, 18
 pertanian, 258, 267
 perubatan, 114, 157, 196
 moden, 115
 tradisi, 208-210, 216-223
 perut, melenggang, 193-4
 petua, 115, 207, 230-3
 Phan Rang, kota, 36-7
 Phillip, Gabenor, 73
 Phrakhleng, 76-7
 Phrao-Chao, 4, 65
 Phraya Chakri, 5
 Pical Khiaukhau, kajian, 152
 Pinto, Ferdinand Mendez, 22
 pintu, 141
 pisau, 158, 171, 226
 polis, 248, 256, 266, 268
 politik, 15, 20, 63, 76, 106, 117-8,

- 122, 129-130, 238, 240, 244,
249-251, 255, 259, 264, 271,
274, 277-8
desakan, 100
kekacauan, 5, 12, 65, 72
kestabilan, 2-3, 21, 48
pemikiran, 109
perkahwinan, 58
pondok, 97, 100, 102, 104,
108-111, 121, 123, 127, 244-5,
276
Dala, 95
pengajian, 31, 37-8, 91-4, 99,
105, 119-120, 237, 257, 263
pontianak, 116, 128
Portugis, 4, 21-3, 41, 56
 armada, 61
Prarajdamri, projek, 258
psikologi, 134
Ptolemy, Claudius, 39
puisi, 126, 233
puja, 165, 211, 221
 ... pantai, 223-4
Pulau
 Duyong, 38
 Pinang, 48, 70-3, 75-6
pulut, 197-8
kuning, 212
- Qasidah Rijalul Ghaib*, 127
Qira'ah, persatuan, 126
- racun, 221
Raffles, Sir Stamford, 72-3, 88
Rafi'e, 103
Raja, 64-6, 69, 91, 152, 162-4,
180, 191
 Abdullah, 59-60, 185
 Ahmad, 57
 Andak, 46
 Bahar, 4
 Bajau, 61
 Bakal, 65
 Barommakot, 184
 Bima, 154
 Biru, 58
 Bujang, 60
 Culan, 44
- Dewa Said Seri Nara Wangsa,
92, 105
Hassan, 185
Ijau, 23, 58, 60, 70, 154, 165-6,
180
institusi, 15
Iskandar Syah, 57
Kassim, 46
Kuning, 4, 24, 34, 58, 61, 64,
66, 164
Lela, 62, 154-5
Lotong, 183
Mas Jayam, 62-3, 65, 161
Nang Cayam, 161
Opu Daeng Menambun, 63
Sahid, 47
Selindung Bayu, 137
Tikam Batu, 183
- raksasa, 169
Rama III, 8
ramalan, 173
rasuah, 78, 87, 258, 266
Rattiya Salleh, 184, 272
rebana, 167, 238
Reman
 Negeri, 45, 47, 49, 54, 74, 142,
159, 214
 Raja, 51, 53, 67
 rempah, 21, 25, 59
 Rentse, Anker, 66, n.69
 Riau, 101, 128
 ... Lingga, 35
 ringgit, 73
 roh, 196, 212, 216
 jenis ..., 210
 rohani, 56
 Rozaid Abdul Rahman, 261, 268
 Rui, kawasan, 43-4
 rujukan, teks, 111
 rumah, 16, 133-6, 139
 adat mendirikan ..., 205-8
 tiang seri, 195, 207
Rumi, tulisan, 99
- S.S. Chakrabongse, 88
Saiburi, 159-161
sajak, 167
Salisbury, Lord, 53

- Saljuk, kerajaan, 92
 sanskrit, 242
 sarang burung, 72
 Sarawak, 35
 Saris, John, 24
 sarjana, 166, 217, 239
 sastera, 104, 131, 182-8, 233, 243,
 245, 276-7
 lisan, 186-8
 rakyat, 183
 Satow, Ernest, 52
 Sawang Lertrit, 171
 Sayid Abdul Rahman, 108, 116
 Sayid Abdullah az-Zawawi, 128
 Sayid Abdullah, 94
 Sayid Muhammad Zainul Abidin,
 108
 Segenting Kra, 242, 272
Sejarah Melayu, 92, 178, 185, 237
 sejarah, 262, 277-8
 sekolah rakyat, 99
 sekular, 98, 100
 Selangor, n. 69, 116
 Selat Melaka, 21
 seloka, 233
 semangat, 152, 165, 173, 177, 194,
 196, 198
 beras, 171
 nasi, 202, 204, 213
 semenda, 56, 64, 116
 sempadan, perjanjian, 11, 50,
 53-4, 78, 88, 235
 seni, 131-188, 273
 ... bina, 132, 137-8, 143, 237
 lakon, 162
 tari, 162-5, 167, 169, 181-2,
 205, 237, 278
 tampak, 144
 senjata, 44, 74, 81, 144, 148, 153,
 155, 157-8
 sepak raga, 170, 178-182
 Sepanyol, 21, 61, 159
 seramik, 129
 Seri Andika Raja Mir Abdullah, 47
 Seri Andika Raja, 43
 Seri Maharaja Lela, 43
 Seri Wijaya, 190, 223, 237, 242
 Setul, 11, 89, 242, 250, 272
 Shafi'e, mazhab, 103
 Sharbani, 103
 Sheppard, Mubin, 131-2, 135-6,
 138, 163, 171, 176, 181, 237
 Shogun Tokugawa Iyeyasu,
 Maharaja, 23
 Siak, 185
 Siam, 1-3, 6-9, 12, 17-8, 23,
 29-30, 32-3, 35, 41, 44, 48-9,
 52-4, 56, 60-1, 66, 70-3,
 78-9, 84, 87, 89-90, 106-7,
 110, 112, 116, 134, 139, 143,
 149, 152-3, 158, 167, 169, 177,
 190, 236, 240, 251-2
 anti, 75-6, 88, 254
 ketuanan ..., 16
 peperangan, 38, 120, 122-3,
 183, 238
 tentera, 235
 sifat 20, 126, 171
 sihir, 222
 silat, 170-2
 sindiran, unsur, 167, 169, 210
 Singapura, 48-9, 56, 70-3, 81-2,
 85, 109, 111, 117
 Singgora, 1, 4, 6, 11-2, 17, 35, 74,
 153, 169, 173, 223, 242
 ditadbirkan, 7
 sirih, 202, 204, 241
 ... junjung, 201
 pinang, 171, 193, 199, 208-210
 tepak ..., 200
 Skeat, W.W., 80, 148, 153, 203
 Skinner, A., 20, 49
 Smith, C.C., 52
 Smith, George Vinal, 22
 Smith, John, 70
 Songgram, Field Marshall Phibun,
 240, 262
 dasar luar, 241
 songket, 146
 Songkla, 272
 sosiobudaya, 247-251, 262
 sosiopolitik, 13, 16, 151-262, 275
 Sri Langka, 95
 Strobel, Edward, 88
 suasa, 173
 sufi, 113, 122

- sukan
- Asia, 179
 - SEA ke-14, 172, 179
- Sukhotai, 2, 243, 245
- suku bangsa, ix
- Sulawesi, 31, 33, 95, 116
- Sulong, Haji, 117, 120, 126, 253-4
- Sultan, 64, 69
- Abdullah, 50, 71, 106
 - Abdul Ghaffur Mohaiddin Syah, 58-60, 165
 - Abdul Jalil, 61-2
 - Abdul Jalil Syah III, 164
 - Abdul Hamid Syah, 36
 - Abu Abdullah, 36
 - Abdul Malik, 45
 - Ahmad Tajudin, 7, 45, 68
 - Alauddin, 58-9
 - Ali Jalla Abdul Jalil II, 185
 - Baginda Omar, 124
 - Bahadur, 57, 154
 - Hasanuddin, 43
 - Ismail Syah, 1, 21, 148
 - Mansur Syah, 42
 - Mansur Syah I, 63, 65, 67
 - Mansur Syah II, 7
 - Mahmud I, 76
 - Mahmud Syah, 43, 58
 - Muzaffar Syah, 2, 14, 58, 154
 - Muhammad IV Kelantan, 81, 89, 119
 - Muhammad, 5, 44, 187
 - Muhamad Jiwa, 43
 - Muhamad Tahir, 13
 - Patik Siam, 57
 - Shahabuddin, 47
 - Sulaiman, 13, 128
 - Yaakub Syihabuddin, 36
- Sumatera, 37, 69, 95, 157, 171, 242
- sumpah, 172, 225
- sungai, 72, 76, 143, 226
- hulu, 107
 - Sungai Muda, 75
- sunnah, 110
- surau, 91
- Suthasasna, Arong, 245, 250-1
- Suthpintoo, Ararm, 247
- Sweeney, Amin, 165
- Swettenham, Frank, 9, 50, 53, 78-84, 86-7
- syair, v, 115, 168, 182, 187-8, 233-4
- syariah, 254, 257, 261
- syariat, 136
- Syed
- Harun Jamalullail, 68
 - Jamaluddin al-Afghani, 110
 - Putera Jamalullail, 69
- Syeikh,
- Abdullah bin Qassim Senggora, 126
 - Abdul Jalil al-Fatani, 34, 121
 - Abdul Kadir Wan Mustafa al-Fatani, 31
 - Abdul Qadir Abdul Rahim al-Fatani, 128
 - Abdul Kadir Abdul Rahim al-Fatani, 38, 94, 108, 123-4
 - Abdul Latif Abdul Rahim al-Kabuli, 114
 - Ahmad Kamal, 106
 - Ali Ishak al-Fatani, 101, 113, 120
 - Attaullah, 121
 - Daud bin Abdullah al-Fatani, 101-2, 104, 111-4, 116, 123
 - Fakih Ali al-Malbari, 38, 94
 - Fakih Ali al-Fatani, 32, 35, 94
 - Gombak Abdul Mubin, 31, 94
 - Ibrahim bin Syeikh Abdul Kadir, 106, 128
 - Ismail bin Abdul Kadir al-Fatani, 125, 127
 - Mohamad bin Muhammad Said, 118
 - Muhammad Said Barsisa, 94
 - Muhammad Abduh, 110
 - Muhammad Said Syeikh Jamaluddin, 120
 - Muhammad Salleh Ibrahim ar-Rais Mufti Syatiah, 113
 - Muhammad Salleh Abdur-Rahman al-Fatani, 113
 - Muhammad Abdul Qarim Sulaiman, 113

- Muhamad bin Sulaiman
 Hasbullah al-Makki, 120
 Muhamad bin Idris al-Fatani,
 126-7
 Muhamad Salleh bin Zainal
 Abidin al-Fatani, 126
 Muhammad Hussein bin Abdul
 Latif al-Fatani, 127
 Omar bin Zainal Abidin al-
 Fatani, 126
 Said, 28
 Sulaiman Syarifuddin Syah, 68
 Syafiauddin al-Abbas, 15, 31-2,
 94
 Wan Abdul Kadir, 114, 120
 Wan Ahmad al-Fatani, 101, 105,
 110, 114-9, 117-8, 123
 Wan Mohamad Zain Syekh Wan
 Mustafa, 114, 120
 Zainal Rasyid, 68
 Zainal Abidin Tuan Minal al-
 Fatani, 38, 108, 116,
 119-121, 126
- tabal, 73
 tadika, 99, 257
 tafsir, 102-5, 118
 tahyul, 231
 Tai Romyen, projek, 258
 taji butir durian, 170
 tajwid, 105, 126
 tamadun, 15, 107, 238
 tamadun, ix, 16-7, 114, 123, 133,
 216-7, 235-279, 243, 255,
 269-272, 277
 Melayu, 100, 102, 106, 109,
 111, 162, 166, 183, 186, 190
 Tamagi, 1, 56-7
 Tambralingga, 242
 tanah, 206, 212
 jembalang, 203, 205
 liat, 143
 Melayu, 70, 76, 78, 81, 88, 93,
 95, 100-111, 148, 151, 165,
 181, 184, 221, 254
 tanduk, 157, 173-4, 224
 tangga, 140, 173
 tangkal, 196, 219
 tarekat, 136
 Ahmadiyah, 119-200
 Syatariah, 113
 tarian, 132
 taridra, 162
 tasawuf, 38, 102-3, 105, 109, 113,
 122-4, 233
 ahli, 108
 tatasusila, 172
 tauhid, 113, 126
 teater, 165-6, 185
 teka-teki, 186
 teknologi, 267, 271
 telaga, 194
 telegraf, 86
 Teluban, 159, 253
 tema, 169
 Temasik, 1
 tembaga, 148-9, 173
 perusahaan ..., 209
 tembikar, 22, 133, 144
 tempat, ix, 205, 221, 250
 ejaan, 242
 tenaga, kerahan, 8, 16, 74
 tengkorak, 269
 Tengku, 63, 196
 Abdul Jalal, 253
 Abdul Kadir Kamaruddin, 9,
 67-8, 80-3, 85, 153, 251-2
 Abdul Kandis, 53
 Abdul Mutalib ibn al-Marhum
 Sultan Muhammad, 127
 Budriah, 69
 Idris, 7
 Lamiddin, 6, 18, 44
 Long Jenal, 7
 Long Ismail, 7
 Mahmud Zuhdi Abdul Rahman
 al-Fatani, 127-8
 Muhamad, 7, 67
 Petri, 86-7
 Seri Maharaja Kelantan, 85
 Zainal Abidin, 204
 Tennassarim, 3
 tentera, 248, 254-6, 258, 266, 268
 tenunan, 144-6
 Terang, Negeri, 1, 12, 35, 153, 169,
 242

- teratai, daun, 138-9
- Terengganu, 3-4, 17-8, 30, 32, 37-8, 60, 63, 65-7, 70, 72, 76, 78, 86, 89, 107, 117, 122-4, 136, 223, 238-9
- terjemahan, 127, 263
- tetamu, 209
- Thai, 241, 277
 - dasar, 262-9
 - Parlimen, 256
 - pengaruh, 250
 - penghijrahan penduduk, 257-8
 - per kapita, 261, 268
 - selatan, 247, 272-3, 276
- Thomas, M. Lodd, 259
- Tiba, Negeri, 7
- tidur, 211-2
- timah, 173
- Timur, 2, 12, 19, 94
 - ... Tengah, 97, 112, 128, 243
- Tinsulananda, Prem, 277
- Toh
 - Nang Labu, 53
 - Nang Sikuat, 47
- tombak, 158
- Tome Pires, 1
- topeng, 169
- Tower, 86
- Tuan Guru Haji
 - Abdul Samad Keramat, 108
 - Aziz, 108
 - Ibrahim, 109
 - Kundur, 7, 47
 - Mansur, 45-6
 - Minal al-Fatani (*l/h.j* Syeikh Zainal Abidin), 120, 126
 - Nik Ulu, 47
- Tuan, 63, 66
 - Sulung, 66
- Timur, 69, 143, 203
- Tuanku Syed Hamid, 49, 72
- Tuhan, sifat, 105
- Tuk
 - guru, 95
 - guru Bermin, 127
 - guru Bendang Daya, 106, 114, 125, 127
 - Jerang, 66
 - Kenali, 105, 118, 126
 - Raja Kilat, 63
 - tukang karut, 169
 - tulisan, 262
 - tumbuhan, 147, 150, 212-3
 - ... melata, 139-140
 - tumbuk lada, 157
 - Tun
 - Bambang, 185
 - Jenal, 62
 - Sri Lanang, 60, 92, 185
 - Turki, 95, 116-7
 - Tylor, Edward B, 222
 - ubat guna-guna, 218
 - udara, 134, 213
 - ufti, 4, 8, 42, 51, 70, 74, 82, 84, 153, 252
 - ukiran, 132-3, 136-140, 142-3, 155, 177, 223, 237
 - ulama, 4, 56, n.69, 92, 95, 97, 100-2, 105-6, 109, 111-128, 276
 - ... Patani, 111-128, 241
 - ular, 215
 - undang-undang, 74, 78, 103-4, 252, 265-6
 - Universiti
 - al-Azhar, 114
 - Chulalongkorn, 250
 - Prince of Songkla, 247, 275
 - unsur, 221
 - ... pengajaran, 230-4
 - Unun, Penghulu, 44
 - upacara, 174
 - uri, 194
 - urut, 173-4
 - Usuluddin, 102, 105
 - Vella, Walter F, 75-6
 - Verhoeff, Pieter Williamsz, 59
 - Vietnam, 95
 - Vliet, Jeremias van, 62
 - Wahabiyah, 121, 128
 - waktu
 - dinihari, 223
 - lapang, 171

- senja, 224, 232
 subuh, 207
 wali, 56
 Wan, 196, 239
 Ahmad Mohamad Zain al-Patani,
 al-Syeikh, 233
 Ahmad, 38, 117
 Bo Tri Tri, 36
 Darmula, Panglima, 38
 Hussein Senawi, 137-8
 Jah, 68
 Kamal, Panglima, 7
 keturunan, 35
 Mohamad Syaghir, 118
 wang, 29-30, 202, 208
 isi kahwin, 201
 pengeras, 199
 pertaruhan, 174
 syiling, 51, 159-161, 193
 wanita, 157, 162
 pakaian, 169, 208
 warna, 206, 208
 wau, 170, 176-7, 238
 wayang kulit, 166-7, 224, 273
 Weld, Frederick, 50-1, 88
 wilayah, 235, 253-6
 Wilkipson, 212, 238
 Winstedt, R.O., 130, 183-5, 198,
 203, 212, 214, 237
 Wolff, R.J., 222
 wuduk, 138
 Wyatt, D.K., 13
 Yai Yavo, 184-5
 Yala, 156, 235, 242, 246-7,
 249-250, 254, 257-8, 261
 Yaman, 112
 Yang di-Pertuan Agong, 155
 Yasin Saini, 208
 Yen, 159
 Yongchaiyudh, Jeneral Chavalit,
 260
 Yunani, orang Maslehi, 269
 Yuwun, bangsa, 37
 Zainon Ismail, 145
 zakat, 96
 zapin, 273
 zink, 135